

Diterbitkan oleh:

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional,
Lot 20586, Jalan BBN 1/2E,
Putra Point, Putra Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 0987
Faks: 06-794 0997

2014 Hak cipta terpelihara oleh

**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

JURNAL PERPADUAN

Cetakan Pertama 2014

ISBN: 1985-7055

Hak cipta terpelihara

Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanikal, dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada:

**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**



IRLIN
MEMBUDAYAKAN PERPADUAN

MENJANA TRANSFORMASI MINDA
DAN MEMBUDAYAKAN PERPADUAN

KANDUNGAN

TAJUK 1 KAJIAN TAHAP KOMPETENSI GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN	1
Oleh Prof. Madya Dr. Fatimah Kari <i>Universiti Malaysia (UM)</i>	
TAJUK 2 KAJIAN PEMAHAMAN, PERSEPSI DAN PENERIMAAN BELIA SABAH DAN SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1 MALAYSIA	48
Oleh Prof. Madya Dr Sarjit Siingh Darshan Singh <i>Universiti Putra Malaysia (UPM)</i>	
TAJUK 3 KAJIAN PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN RUKUN NEGARA DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA	89
Oleh Dr. Sarjit Singh Darshan Singh <i>Universiti Putra Malaysia (UPM)</i>	
TAJUK 4 TOLERANSI SOSIO-AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA	138
Oleh Dr. Ahmad Tarmizi Talib <i>Universiti Putra Malaysia (UPM)</i>	
TAJUK 5 LAPORAN PENYELIDIKAN ISU DAN CABARAN HUBUNGAN ANTARA PENGANUT AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA	171
Oleh Prof. Madya. Dr. Zaid Ahmad <i>Universiti Putra Malaysia (UPM)</i>	



KAJIAN TAHAP KOMPETENSI GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN

Oleh:
Prof. Madya Dr. Fatimah Kari
Universiti Malaysia (UM)

1.1 PENGENALAN

Pendidikan awal adalah satu perkara yang cukup penting dalam pembinaan siasah seseorang individu. Pendidikan yang sempurna perlu bermula seawal umur kanak-kanak lagi. Hakikat yang perlu kita ketahui daripada fakta yang dikemukakan oleh pakar perkembangan dan psikologi kanak-kanak, pada usia enam tahun pertama inilah peringkat yang paling optimum dan paling pantas perkembangan mereka berbanding dengan peringkat-peringkat atau tahap umur yang lebih dewasa dalam kehidupan seseorang manusia.

LATAR BELAKANG TABIKA PERPADUAN

Tabika Perpaduan diwujudkan bertujuan untuk membentuk potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan diri yang seimbang, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif dengan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-prinsip Rukunegara.

Berdasarkan objektif seperti ini, program Tabika Perpaduan menggalas tanggungjawab yang penting bukan sahaja untuk memberi pendidikan awal di kalangan kanak-kanak, tetapi juga menyelitkan elemen perpaduan dan keharmonian antara kaum.

Pada prinsipnya, memupuk konsep perpaduan pada peringkat kanak-kanak pada umur sebegini sepatutnya lebih berkesan kerana mereka merupakan golongan yang tidak mempunyai rasa prejudis yang tinggi. Sehubungan itu, program ini juga menarik kerana menyediakan kemudahan pendidikan awal yang amat rendah dari segi kos dan dipimpin oleh guru-guru yang terlatih.

Walau bagaimanapun, objektif memberi pendidikan awal serta menanamkan semangat perpaduan yang jitu merupakan objektif yang agak berat. Dalam erti kata lain, kedua-dua objektif ini mesti dicapai dengan cara yang sebaik mungkin kerana pencapaiannya begitu bermakna untuk kemakmuran negara.

1.3 KAJIAN LITERATUR

Model kompetensi merupakan alat bagi mengukur kemahiran kerja seseorang pekerja berdasarkan tatakelakuan yang ditunjukkan oleh pekerja tersebut. Namun begitu, terdapat juga persoalan dalam menentukan perkara yang patut dijadikan kayu pengukur kemahiran seseorang pekerja - sama ada pencapaian seseorang pekerja itu diukur berdasarkan hasil kerja; atau tatakelakuan yang ditunjukkan dalam melaksanakan tugas.

Dalam menjawab persoalan ini, Brumbach (1988) menyatakan bahawa pencapaian seseorang pekerja itu merupakan kombinasi di antara hasil kerja dan juga tatakelakuan yang ditunjukkan. Kemahiran pekerja dinilai dalam tiga aspek utama yang diadaptasi dari teori domain pembelajaran Bloom iaitu pengetahuan, sikap, dan kemahiran. Tahap kompetensi yang diperlukan oleh seluruh anggota dalam sesebuah organisasi dikenali sebagai kompetensi umum, manakala kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu tugas yang khusus dikenali sebagai kompetensi khusus.

Dalam mengukur tahap kompetensi, terdapat tiga andaian asas yang perlu dipenuhi. Pertama, tahap kompetensi tersebut mestilah boleh diukur. Bagi menentukan tahap pengukuran tersebut, item kompetensi mestilah dikenalpasti dan diuraikan berserta tatakelakuan yang diharapkan. Contohnya, bagi mengukur tahap keyakinan seorang guru tabika, huraian dalam jadual berikut boleh digunakan.

“Contohnya huraian untuk pengukuran kompetensi keyakinan seorang guru tabika merujuk kepada berani menyuarakan pandangan yang kurang popular dan mempertahankan sesuatu yang betul.”

Kompetensi	Keyakinan
Huraian	Berani menyuarakan pandangan yang kurang popular dan mempertahankan sesuatu yang betul.

Andaian asas kedua adalah kompetensi tersebut mestilah merupakan kemahiran yang boleh ditunjukkan dan dialami oleh pekerja tersebut. Andaian yang ketiga adalah kompetensi tersebut mestilah boleh diperhatikan.

Dalam menggambarkan tahap kompetensi guru dan penolong guru Tabika Perpaduan, satu pendekatan membina model kompetensi telah digunakan dalam tiga langkah: input, proses, dan output. Dua jenis data yang digunakan iaitu data induktif dan data deduktif.

Data induktif memperihalkan imperatif strategik Tabika Perpaduan dan mengenalpasti kompetensi-kompetensi yang diperlukan bagi mencapai objektif tersebut. Data deduktif pula melibatkan pengumpulan data berdasarkan keterangan yang diberikan oleh guru Tabika Perpaduan sendiri.

Kemudian, analisis statistik digunakan dalam proses mengenalpasti jurang di antara kompetensi yang diharapkan dan kompetensi yang ditunjukkan. Hasilnya adalah output yang menyatakan jurang di antara pencapaian diharapkan dan pencapaian sebenar.

Konsep kompetensi yang digunakan sebagai penentu tentang keberkesanan seseorang dalam melaksanakan sesuatu tugas termasuklah kemahiran, nilai atau kepercayaan, peranan sosial, imej sendiri, sifat, dan motif.

1.4 OBJEKTIF

Penilaian terhadap guru boleh membantu mereka mengenalpasti kebolehan diri dan memperbaiki kelemahan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk

mengukur, secara umumnya, tahap kompetensi guru dan penolong guru Tabika Perpaduan di seluruh Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh berkenaan tahap pencapaian guru dan penolong guru dalam memikul tugas bagi mencapai peranan sebenar Tabika Perpaduan. Pandangan masyarakat juga diambil kira dalam memberikan input yang lebih bermakna terhadap pencapaian guru dan penolong guru.

1.5 KEPENTINGAN UKURAN KOMPETENSI DALAM ORGANSASI

Menurut Walker (1996), perbincangan berkenaan tahap kompetensi ini memberikan impak kepada tiga konteks utama iaitu institusi pendidikan, mikroekonomi negara dan kerajaan. Institusi pendidikan mengharapakan keberkesanan guru tabika membimbing kanak-kanak sebelum mereka memasuki alam persekolahan.

Dalam konteks mikroekonomi negara, keberkesanan guru tabika dianggap sangat penting bagi memastikan kemahiran membaca, mengira, dan mengeja dapat dikuasai oleh kanak-kanak bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian. Pihak kerajaan amat peka dengan “utilization” guru tabika yang telah dilantik bagi memastikan sumber manusia digunakan dengan sebaik mungkin.

Kajian kompetensi yang dijalankan bukan sahaja digunakan untuk mengenalpasti jurang di antara pencapaian sebenar dan pencapaian yang diharapkan, malah digunakan juga sebagai penghargaan kepada guru yang kompeten, memupuk kompetensi di kalangan guru, meningkatkan keberkesanan institusi Tabika Perpaduan, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan Tabika Perpaduan, dan memberikan standard tertentu kepada profesyen guru.

Kajian seperti ini diharapkan dapat mengenalpasti kelemahan guru dan penolong guru bagi mengelakkan kemunduran dalam pencapaian guru yang pastinya memberikan akibat yang amat buruk kepada masyarakat. Menurut Jones et al (2006) yang membincangkan masalah yang wujud akibat dari kegagalan guru mencapai standard kompetensi yang diharapkan, ‘guru merupakan satu-satunya faktor bermakna di dalam pembelajaran seseorang kanak-kanak’ dan ‘kanak-kanak dapat mengenalpasti kebolehan seseorang guru melalui kesungguhan /komitmen mereka mendidik dan berinteraksi dengan pelajar’.

Persoalannya kini adalah bagaimana untuk mengenalpasti guru yang gagal mencapai kompetensi yang diharapkan? Selain dari kajian seperti ini, sikap guru tersebut dalam pengurusan kelas juga boleh dijadikan input. Guru yang gagal hadir ke kelas, perancangan dan persediaan yang tidak sempurna, pengetahuan yang cetek dalam subjek yang diajar, cara pengajaran yang tidak memberikan impak, dan ketidakserasian dengan kanak-kanak merupakan antara ciri-ciri bagi mengenalpasti guru-guru yang gagal.

Menurut Jones et al (2006), terdapat beberapa kumpulan guru gagal yang disusun mengikut turutan yang paling minima hingga ke peringkat paling kronik seperti berikut:

- Guru yang tidak cekap;
- Guru yang bekerja keras tetapi tidak mencapai objektif;

- c. Guru yang gagal untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak;
- d. Guru yang tenggelam dalam pelbagai masalah peribadi yang menjejaskan tugas; dan
- e. Guru yang terperangkap dalam tekanan kerja yang berpunca dari kekurangan disiplin diri.

Terdapat beberapa cara bagi mengenalpasti masalah guru gagal ini. Pertama, guru tersebut mengenalpasti kelemahan diri sendiri. Kebiasaannya guru yang kompeten adalah guru yang berjaya melihat kelemahan sendiri dan kemudian memperbaiki keadaan. Berbeza dengan guru yang tidak kompeten, kebanyakannya tidak berupaya menilai kebolehan diri sendiri. Kedua, melalui mengenalpastian secara formal iaitu melalui laporan sekolah. Ketiga, melalui mengenalpastian tidak formal iaitu melalui respons kanak-kanak di tabika.

1.6 KAJIAN KOMPETENSI DI PERINGKAT GLOBAL

Dipetik dari Early (1996) dan menurut the Department of Education Circular 9/92 dan 14/93 (London), definisi kompetensi diberikan oleh huraian berikut:

- a. Pengetahuan dan pemahaman berkenaan kurikulum
- b. Pengetahuan dan pengaplikasian subjek
- c. Strategi dan teknik pengajaran dan pengurusan kelas
- d. Penilaian dan laporan pencapaian murid
- e. Asas pembangunan professional dalam kerjaya

Di Australia, profesyen perguruan mendapat perhatian yang jitu daripada Menteri Kerjaya dan Pendidikan (the Ministry of Employment and Education). Salah satu projek nasional di Australia yang melibatkan tahap kompetensi guru, dikenali sebagai The Australian National Project on the Quality of Teaching and Learning (NPQTL), telah menderafkan rangka kerja kompetensi yang merangkumi lima unsur kompetensi seperti yang berikut:

- a. Menggunakan dan membina pengetahuan dan nilai
- b. Membina perhubungan dan bekerjasama dengan yang lain
- c. Mengajar
- d. Mengawasi dan menyampaikan ilmu
- e. Penilaian dan perancangan masa hadapan

1.7 SISTEM PENDIDIKAN DAN MASYARAKAT

Heacox (1991) yang berpengalaman dalam berurusan dengan para pelajar yang menghadapi masalah pencapaian akademik mengatakan bahawa kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar bergantung kepada ketiga-tiga pihak iaitu pihak ibu bapa, guru-guru, dan para pelajar itu sendiri. Komitmen para ibu bapa dan guru dalam menyediakan suasana pembelajaran yang terapeutik akan menjadi salah satu sumber motivasi dan model kejayaan kepada mereka.

Sokongan kedua-dua pihak sangat-sangat diperlukan oleh para pelajar ini untuk menggarap kejayaan. Walau bagaimanapun kebolehan atau keupayaan pelajar-pelajar itu sendiri, minat, kemahiran belajar, tabiat belajar dan mahu berusaha, serta isu-isu personal seperti keupayaan individu melengkapkan keperluan asas iaitu bermula dengan keperluan fisiologi sehinggalah ke tahap keperluan kesempurnaan sendiri, tidak boleh dipandang ringan kerana perkara-perkara tersebut turut menyumbang secara langsung kepada peningkatan prestasi akademik mereka.

1.8 PERANAN GURU/PEMBANTU GURU DALAM PEMBENTUKAN SIAH KANAK-KANAK

Apabila berkata tentang pendidikan prasekolah ia akan menjadi satu topik yang amat menarik kerana seakan menjadi trend masa kini di mana ibubapa berlumba-lumba untuk menghantar anak-anak ke institusi pra sekolah atau kindergarten yang menawarkan pelbagai pakej yang mampu untuk membentuk anak-anak ini menguasai ilmu yang sepatutnya bukan ditahap mereka.

Permintaan yang tinggi di kalangan ibu bapa yang ingin anak mereka menjadi "brilliant" telah menyebabkan pelbagai institusi pendidikan prasekolah tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Di samping ia akan menuju ke arah persaingan yang sihat di kalangan institusi ini, ia juga akan menguntungkan ibu bapa kerana mereka mempunyai banyak pilihan dan mampu memilih yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Tetapi yang menjadi persoalannya sekarang institusi-institusi ini hanya untuk di kalangan mereka di bandar-bandar besar sahaja dan juga mereka yang berkemampuan. Bagaimana pula untuk mereka di luar bandar dan yang tidak berkemampuan? Apakah hak anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan awal akan diabaikan. Kerana tidak berkemampuan maka anak-anak hanya diberikan pendidikan yang ala kadar, yang kadang-kadang tidak menjana minda mereka. Mereka yang mampu dari segi kewangan boleh mendapatkan pendidikan yang berkualiti manakala yang tidak mampu hanya dididik dalam keadaan yang serba kekurangan.

1.9 KOMPETENSI GURU-GURU TABIKA PERPADUAN

Penggunaan kompetensi sebagai asas pelbagai aspek Pembangunan Sumber Manusia (PSM) kini semakin menjadi satu trend dalam mewujudkan satu organisasi pembelajaran. Kompetensi membezakan pengetahuan kerja (job knowledge) semata-mata dengan kelakuan tersirat (underlying behaviours) seseorang anggota di dalam organisasi.

Mengikut satu kajian hampir 70% daripada syarikat-syarikat di sektor swasta dilaporkan menggunakan model kompetensi bagi membantu mereka dalam strategi pengurusan/perniagaan dan seterusnya memperbaiki prestasi agensi. Kini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses menimbangkan satu Model Kompetensi yang sesuai diamalkan di Perkhidmatan Awam.

Kebanyakan cendekiawan bersetuju bahawa pada dasarnya kompetensi terdiri dari tiga unsur utama iaitu pengetahuan (cognitive domain), kemahiran (psychomotor domain), dan sikap/kualiti peribadi (affective domain). Ketiga-tiga unsur ini secara langsung mempengaruhi tatakelakuan (behaviour) anggota dan cara mana sesuatu tugas (task) diselesaikan. Pemilihan kompetensi yang sewajarnya diandaikan akan menyumbang kepada peningkatan prestasi individu dan seterusnya meningkatkan prestasi dan kecemerlangan organisasi.

Tiga unsur kompetensi ini dapat digambarkan dengan lebih jelas melalui contoh "Seorang Petani Yang Berjaya". Untuk memastikan kejayaannya, beliau perlulah mempunyai pengetahuan mengenai aspek-aspek pertanian seperti jenis tanah-tanah, peredaran musim, jenis-jenis benih baka yang baik, penyakit-penyakit, dan sebagainya.

Di samping itu beliau juga memerlukan pelbagai kemahiran seperti memandu traktor, memasang sistem perairan, penyiraman, dan kawalan serangga. Selain itu, sikap peribadinya seperti kesabaran untuk menunggu sehingga hasil pertaniannya dapat dituai, berdisiplin supaya tanamannya dapat dijaga dengan rapi, mempunyai sense of urgency supaya hasil dapat dituai tepat pada masanya, juga penting untuk berjaya sebagai seorang petani.

Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan, kemahiran, dan kualiti peribadi bagi seseorang petani dengan petani yang lain tidak semestinya sama. Ini adalah kerana di dalam industri pertanian terdapat pelbagai peringkat petani.

Contohnya, ada petani yang hanya berkebun di sekeliling halaman rumah sebagai satu hobi, ada pekebun kecil yang bertindak lebih sebagai usahawan dan terdapat juga petani yang menjalankan kegiatan bertani secara berladang. Justeru itu, sudah pastinya, tahap pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi yang diperlukan bagi setiap peringkat petani ini akan jauh berbeza.

Kepiawaian tahap-tahap ini hendaklah ditetapkan sekiranya prestasi mereka hendak diukur secara munasabah. Contohnya, pengetahuan yang diperlukan oleh seorang peladang kelapa sawit hendaklah merangkumi aspek pasaran luar negeri, pertukaran wang asing, dan sebagainya. Kemahirannya pula mungkin termasuk perniagaan antarabangsa dan kemahiran mewujudkan jaringan pasaran.

Satu andaian asas dalam pembentukan model kompetensi ini adalah bahawa kompetensi yang dimiliki oleh seseorang harus boleh diukur (measurable), dinilai, ditunjukkan (demonstrable), dan diperhatikan (observable) melalui tatakelakuan anggota semasa menjalankan tugas.

Oleh itu, model kompetensi pada kebiasaannya digubal dalam bentuk tatakelakuan yang diharapkan (desired behaviours) dan perlu ditunjukkan oleh semua anggota organisasi dalam melaksanakan sesuatu tugas hendaklah diadakan.

Dalam mengukur kompetensi tumpuan perlu diberikan kepada core competencies, yakni, kompetensi yang mempunyai kaitan langsung kepada bidang kerja atau profession yang

berkenaan. Core competencies secara amnya boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu generic competencies dan functional competencies. Generic competencies merujuk kepada kompetensi yang perlu ada pada semua anggota secara menyeluruh. Functional competencies pula merujuk kepada kompetensi khusus yang diperlukan khas bagi sesuatu jawatan/fungsi.

Memandangkan komponen-komponen kompetensi itu agak abstrak, maka satu kaedah yang dapat digunakan untuk mengukurnya adalah dengan memberi diskripsi atau definisi bagi setiap satu kompetensi yang telah dikenalpasti, seperti di bawah iaitu:-

Definisi kompetensi: 'Kemahiran Perhubungan'

Berupaya menyatakan pendapat dan pandangan diri dengan yakin, terang, lancar, dan persuasive secara lisan dan tulisan; menepati maksud dan istilah yang dikehendaki oleh penerima.

Berupaya menyediakan laporan yang padat dan tepat, sensitif terhadap maklumbalas, dan berupaya menyesuaikan gaya perhubungan yang sewajarnya.

Setiap satu core competency kemudian dibahagikan kepada beberapa peringkat tatakelakuan. Jadual 1 memberi contoh bagi kompetensi Customer Focus, yang dibahagikan kepada 3 peringkat tatakelakuan. Jadual 1.1 menunjukkan peringkat kompetensi serta tatakelakuan untuk peringkat berkaitan.

Jadual 1.1: Tatakelakuan Mengikut Peringkat Kompetensi

Kompetensi	Peringkat	Tatakelakuan
Customer Focus	Peringkat 1: Memastikan kepuasan pelanggan	Mendengar secara aktif kehendak-kehendak pelanggan; Menunjukkan minat yang luhur untuk menyelesaikan isu pelanggan; dan Memperjelas dan mengesahkan keperluan pengguna sekiranya terdapat kesamaran
	Peringkat 2 : Mendidik, menambah nilai dan menceriakan pelanggan	Sentiasa memaklumkan pelanggan mengenai perubahan-perubahan dalam perkhidmatan awam; Mendapatkan maklumbalas daripada pelanggan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan.
	Peringkat 3: Membina perkongsian perniagaan	Membina perkongsian yang kekal bagi faedah bersama; Memandu (coach) dan membangunkan pelanggan; dan Memudahkan perhubungan di antara pembuat-pembuat keputusan utama.

Kesimpulannya, kompetensi yang diperlukan bagi setiap kumpulan seperti guru tabika dan pekerja sokongan perlu dikenalpasti. Setiap kompetensi yang dikenalpasti perlu diberi definisi yang komprehensif serta dibahagikan kepada beberapa peringkat tatakelakuan. Setiap peringkat ini pula diterangkan dengan petunjuk tatakelakuan. Dengan adanya kerangka kompetensi ini, peringkat atau tahap kompetensi yang diperlukan bagi setiap jawatan atau kumpulan jawatan dapat dikenalpasti.

1.10 RASIONAL KAJIAN

Kerajaan menyeru supaya setiap pegawai perkhidmatan awam termasuklah guru tabika supaya meningkatkan keupayaan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi, meningkatkan daya saing negara, memupuk sikap dan budaya baru, menambahkan keberkesanan pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan, meningkatkan keprihatinan terhadap aduan rakyat serta proaktif terhadap cabaran baru. Selaras dengan seruan tersebut, guru-guru tabika perlu mengubah minda, sikap dan cara bekerja melalui pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM). Sistem ini memberikan penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, peningkatan kemahiran, dan penerapan ciri-ciri peribadi terpuji. Kajian ini penting dari segi pandangan masyarakat terhadap kompetensi para guru Tabika Perpaduan.

1.11 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kompetensi para guru dan penolong guru Tabika. Khususnya, kajian ini mengkaji perkara berikut:

- Profail guru dan penolong guru Tabika Perpaduan;
- Melihat tahap kompetensi guru dan penolong guru tabika dari persepsi masyarakat (iaitu ibubapa yang mempunyai anak belajar di tabika); dan
- Cadangan untuk mempertingkatkan/memperbaiki tahap kompetensi guru dan penolong guru tabika.

1.12 SKOP KAJIAN

Kajian ini meliputi semua sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah populasi Tabika Perpaduan di Malaysia dan subjek kajian terdiri daripada guru dan pembantu guru, ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah perpaduan. Seterusnya, perancangan tidak formal dijalankan di kalangan pegawai perpaduan di daerah sampel dipilih.

1.13 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian ini merangkumi soal selidik, temu bual, dan kajian lapangan selain kajian awal tentang kompetensi.

Sampel Responden

Kajian ini meliputi responden yang terdiri dari:

- Ibu bapa yang mempunyai anak di tabika di Malaysia.
- Guru dan penolong guru Tabika Perpaduan

Kawasan kajian pula adalah seperti berikut:

- Utara (Perlis, Kedah, dan Pulau Pinang)
- Tengah (Perak, Selangor, dan Wilayah Persekutuan)
- Selatan (Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan)
- Timur (Kelantan, Terengganu, dan Pahang)
- Sabah dan Sarawak

Pembahagian sampel adalah seperti dalam jadual-jadual berikut. Taburan Tabika Perpaduan adalah seperti Jadual 1.2

Jadual 1.2: Taburan Tabika Mengikut Negeri

Negeri	Kekerapan	Peratus
Johor	50	19.7
Selangor	35	13.8
Sabah	30	11.0
Kuala Lumpur	20	7.8
Pulau Pinang	15	5.9
Perak	15	5.9
Pahang	15	5.9
Terengganu	15	5.9
Kelantan	15	5.9
Sarawak	11	4.3
Perlis	10	3.9
Kedah	10	3.9
Melaka	8	3.1
N. Sembilan	15	5.9
Jumlah	254	100

Jadual 1.3: Agihan Guru dan Penolong Guru Mengikut Negeri

Negeri	Guru		Penolong Guru		% Populasi (2010)
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	
Johor	40	15.7	40	16.1	14.8
Selangor	36	14.1	36	14.58	23.4
Kuala Lumpur	24	9.4	24	9.7	5.0
Melaka	18	7.1	16	7.3	2.5
Pahang	16	6.3	16	6.5	5.0
Perak	16	6.3	14	6.5	7.4
Pulau Pinang	16	6.3	15	6.0	4.8
Terengganu	16	6.3	16	6.5	4.0
Kelantan	15	5.9	15	6.0	5.6
Sabah	15	5.9	12	4.8	11.9
Sarawak	12	4.7	10	4.0	8.4
Kedah	10	3.9	10	4.0	6.5
Perlis	10	3.9	10	4.0	0.7
Negeri Sembilan	10	3.9	10	4.0	
Jumlah	254	100	248	100	100

Pengumpulan Data

Dalam mencapai objektif kajian, pengumpulan data akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dua jenis data akan di kumpul iaitu data utama dan data sekunder. Data utama akan dikumpulkan melalui temuduga berdepan dengan responden yang terdiri daripada:

- guru dan penolong guru Tabika Perpaduan
- ibu bapa yang menghantar anak mereka
- pegawai Perpaduan daerah

Dua jenis data akan dikumpul, data sekunder dan data primer yang akan menghasilkan ukuran kualitatif dan kuantitatif. Data sekunder diperoleh daripada sumber yang telah diterbitkan daripada agensi-agensi yang berkaitan. Kandungan soal selidik akan dibentuk berdasarkan objektif kajian yang digariskan. Antara perkara yang diambil kira yang berkaitan dengan kompetensi adalah seperti berikut iaitu:

- Kebolehan memimpin, mencorak dan membawa perubahan kepada tabika;
- Kebolehan membuat keputusan yang baik dan tepat dalam semua situasi;
- Kebolehan untuk mempamerkan integriti dan akauntabiliti yang tinggi;
- Kebolehan menentukan arahnya tabika;
- Kebolehan merancang secara strategik;
- Kebolehan mengetuai perundingan dengan berkesan;
- Kebolehan mengendalikan perhubungan dengan pihak media;
- Kebolehan menjalin hubungan dan mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak;
- Kebolehan bertindak merentasi pelbagai budaya dan sempadan;
- Pemimpin yang boleh ditauladani; dan
- Kebolehan mengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

MODEL KOMPETENSI

2.1 INSTITUSI SEKOLAH DAN MASYARAKAT

Kejayaan pengurusan sesebuah sekolah bukan hanya bergantung kepada kekuatan sumber manusia dan sumber bukan manusia yang terdapat di sekolah sahaja tetapi turut melibatkan komuniti setempat.

Keadaan ini berlaku kerana pengurusan sekolah dan komuniti setempat boleh saling bekerjasama untuk kebaikan kedua-dua belah pihak. Sekolah memperoleh faedah berbentuk sokongan moral, bantuan kewangan, dan sumbangan tenaga bakti daripada komuniti manakala komuniti pula memperoleh faedah dari aspek peningkatan penguasaan ilmu di kalangan anak-anak mereka.

2.2 KEPENTINGAN HUBUNGAN ANTARA SEKOLAH DAN KOMUNITI

Menurut Poston, Stone, dan Muther (1992), "A school is a reflection of the community it serves. At the same time, a community is a reflection of its schools". Kenyataan ini menunjukkan sekolah dan komuniti tidak dapat dipisahkan kerana hubungan kedua-dua pihak ini saling bergantung antara satu sama lain. Kepentingan hubungan ini juga diperakui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh Sufean Russin (2002) bahawa pihak kementerian telah menubuhkan jawatankuasa mengkaji taraf pelajaran di sekolah-sekolah yang menyerahkan laporannya pada tahun 1982.

Jawatankuasa ini telah mengenalpasti salah satu aspek besar yang penting dalam peningkatan taraf pelajaran di Malaysia iaitu melalui kerjasama masyarakat dalam pembangunan sekolah. Selain itu, Akta Pendidikan 1996 turut memperuntukkan penubuhan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) di semua sekolah di mana peraturan-peraturan pendidikan telah menggariskan tujuan penubuhan PIBG (KPM, 2001). Kewujudan dasar dan akta ini menunjukkan peranan komuniti dalam membantu pihak sekolah telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kepentingan hubungan sekolah dan komuniti ini selaras dengan pendapat Poston et al. (1992) iaitu "You cannot build a great school alone. The school needs the community and the community needs the school". Pengiktirafan sebegini sudah tentu menunjukkan terdapat faedah tertentu hasil hubungan yang erat antara sekolah dan komuniti. Antara faedah tersebut ialah seperti mana menurut Gallagher, Bagin, dan Moore (2005), "The bottom line of any school community relations program is to help the children learn better. And they learn if parents are involved. Therefore, a good school-community relations program should encompass the concept of partnership between the school and the parents".

2.3 KOMPETENSI

Kompetensi terdiri daripada tingkah laku, kemahiran atau pengetahuan yang diperlukan untuk melakukan sesuatu tugas. Kompetensi wujud dalam peringkat-peringkat kecekapan yang membezakan tahap prestasi. Ia menggambarkan perkara yang menyebabkan seseorang itu berkesan dalam peranan yang diberikan dan sebaliknya.

Walaupun kemahiran atau pengetahuan penting untuk prestasi kerja yang baik, kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini mendapati bahawa tingkah laku adalah merupakan ciri pembeza tersirat yang mendorong prestasi cemerlang dalam jangka masa panjang dalam sesuatu tugas.

Dengan menggunakan contoh 'iceberg', pengetahuan atau kemahiran membentuk bahagian pucuk 'iceberg' iaitu ianya terletak di atas permukaan air dan dapat dilihat dengan jelas. Manakala tingkah laku pula merupakan elemen-elemen tersirat yang tidak begitu nyata, yang terletak di bawah permukaan air. Sekali pun begitu, tingkah laku merupakan penentu yang kritikal tentang keberkesanan seseorang dalam sesuatu tugas.

KAJIAN KOMPETENSI GURU DAN PENOLONG GURU (ANALISIS GURU)

3.1 PENGENALAN

Tabika Perpaduan di bawah pengurusan Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN) sejumlah 1,515 unit yang merangkumi seluruh daerah di setiap negeri di Malaysia menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada kanak-kanak pra-sekolah. Dari jumlah tersebut, sebanyak 254 unit Tabika telah didekati bagi menjayakan Kajian Kompetensi Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan ini.

Di kalangan 502 responden yang terlibat di dalam kajian ini, 254 daripadanya merupakan guru Tabika Perpaduan, 248 penolong guru, dan 264 ibu atau bapa kanak-kanak yang mengikuti kelas di Tabika Perpaduan di seluruh negara. Laporan seterusnya akan memaparkan profil guru, penolong guru, dan ibu bapa yang terlibat di dalam kajian ini.

3.2 PROFIL GURU DAN PENOLONG GURU

Bahagian ini akan memaparkan profil guru dan penolong guru meliputi aspek demografi dan latar belakang kerjaya seperti negeri, bangsa, taraf pendidikan, tahap pendapatan, pengalaman kerja, dan bahasa pengantar yang diutamakan. Selain itu, guru dan penolong guru juga diminta memberikan pendapat peribadi mereka terhadap faktor penarik dan faktor penolak masyarakat untuk memilih Tabika Perpaduan sebagai pra-sekolah anak-anak mereka.

3.3 LATARBELAKANG RESPONDEN

Responden terbahagi kepada dua kumpulan iaitu guru dan guru penolong Tabika Perpaduan dan ibu bapa yang mempunyai anak yang menuntut di Tabika Perpaduan. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat bagi menilai tahap kompetensi guru dan guru penolong Tabika Perpaduan.

Jadual 3.1: Agihan Guru dan Penolong Guru Mengikut Negeri

Negeri	Guru		Penolong Guru		% Populasi (2010)
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	
Johor	40	15.7	40	16.1	14.8
Selangor	36	14.1	36	14.58	23.4
Kuala Lumpur	24	9.4	24	9.7	5.0

Melaka	18	7.1	16	7.3	2.5
Pahang	16	6.3	16	6.5	5.0
Perak	16	6.3	14	6.5	7.4
Pulau Pinang	16	6.3	15	6.0	4.8
Terengganu	16	6.3	16	6.5	4.0
Kelantan	15	5.9	15	6.0	5.6
Sabah	15	5.9	12	4.8	11.9
Sarawak	12	4.7	10	4.0	8.4
Kedah	10	3.9	10	4.0	6.5
Perlis	10	3.9	10	4.0	0.7
Negeri Sembilan	10	3.9	10	4.0	
Jumlah	254	100	248	100	100

Pemilihan guru Tabika Perpaduan untuk menjadi responden bagi kajian ini adalah mengikut kepada bilangan tabika yang terdapat di sesuatu negeri. Lebih banyak bilangan tabika di sesuatu negeri, lebih ramai guru yang terlibat di dalam kajian. Merujuk kepada Jadual 3.1, Johor dan Selangor menunjukkan peratusan tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

Walaupun begitu, peratusan Tabika Perpaduan di Selangor adalah kurang daripada peratusan populasi negeri itu. Selangor mempunyai populasi seramai lebih kurang 23% dari jumlah seluruh rakyat Malaysia, namun peratus Tabika Perpaduan yang terdapat di negeri tersebut hanyalah 16%. Begitu juga di Sarawak, di mana peratusan populasi adalah 12% manakala peratusan Tabika Perpaduan hanya 5%. Jadual 3.1 menunjukkan agihan guru dan penolong guru mengikut negeri yang menyertai soal selidik ini.

Jadual 3.2: Agihan Guru dan Penolong Guru Mengikut Bangsa

Bangsa	Guru		Penolong Guru	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Melayu	215	86.5	200	86.8
Cina	10	2.0	8	3.2
India	15	4.1	20	8.0
Pribumi Sabah dan Sarawak	10	4.1	11	4.4
Lain-lain	4	1.6	9	3.6
Jumlah	254	100	248	100

Hampir sembilan daripada sepuluh staf di Tabika Perpaduan adalah merupakan guru atau penolong guru Melayu. Hanya 21 staf merupakan guru atau penolong guru India, 18 Pribumi Sabah dan Sarawak, 10 Cina, dan 7 lain-lain. Peratusan guru dan penolong guru Melayu adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan peratus kanak-kanak Melayu yang dilaporkan (45.5%). Jadual 3.2 menunjukkan agihan guru dan penolong guru mengikut bangsa.

Jadual 3.3: Taraf Pendidikan Guru dan Penolong Guru

Pendidikan	Guru		Penolong Guru	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
LCE/SRP/PMR	6	1.3	22	8.9
MCE/SPM	151	60.6	196	79.0
STPM	40	16.9	13	5.2
Maktab	42	14.7	5	2.0
Ijazah	5	2.2	1	0.4
Diploma	6	2.6	3	1.2
Lain-lain	4	1.7	8	3.1
Jumlah	254	100	248	100

Lebih dari separuh guru Tabika Perpaduan mendapat pengajian sehingga ke peringkat SPM. Tiga perempat (73.8%) dari jumlah guru mendapat pengajian samada SPM atau STPM. 14% daripada jumlah guru memperoleh sijil maktab. Merujuk Jadual 3.3 lajur Penolong Guru, peratusan penolong guru yang mendapat pengajian sehingga ke peringkat SPM adalah lebih tinggi daripada guru. Tujuh orang daripada sepuluh orang penolong guru menamatkan pengajian di peringkat SPM. Jadual 3.3 menunjukkan taraf pendidikan guru dan penolong guru.

Jadual 3.4: Pendapatan Guru dan Penolong Guru

Pendapatan	Guru		Penolong Guru	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
RM 500 - RM 1000	17	6.77	47	19.0
RM 1001 - RM 1500	102	40.2	165	66.5
RM 1501 - RM 2000	123	48.4	30	12.1
RM 2000 dan ke atas	9	3.5	3	1.2
Tiada maklumat	3	1.2	3	1.2
Jumlah	254	100	248	100

Hampir 90% daripada jumlah guru mempunyai pendapatan di antara RM1,000 sehingga RM2,000 sebulan manakala bagi penolong guru, hanya 78% yang memperoleh pendapatan yang sama. Peratus penolong guru yang memperoleh pendapatan di antara RM500 sehingga RM1,000 adalah tinggi (20%) berbanding guru (7%). Terdapat sembilan orang guru dan dua orang penolong guru yang memperoleh pendapatan lebih dari RM2,000. Jadual 3.4 menunjukkan pendapatan guru dan penolong guru.

Jadual 3.5: Pengalaman Kerja Guru dan Penolong Guru

Pengalaman Kerja	Guru		Penolong Guru	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Pernah	185	72.86	165	66.5
Tidak	60	23.6	71	28.6
Tiada maklumat	10	3.9	12	4.9
Jumlah	254	100	248	100

Maklumat berkenaan pengalaman kerja guru dan penolong guru sebelum menjawat jawatan di Tabika Perpaduan menunjukkan bahawa tiga daripada empat guru pernah bekerja sebelum menjawat jawatan guru, manakala tujuh daripada sepuluh penolong guru pernah bekerja sebelum menjadi penolong guru.

Hanya 22%-27% daripada guru atau penolong guru yang menjawat jawatan tersebut tanpa pengalaman bekerja di tempat lain. Jadual 3.5 menunjukkan pengalaman kerja guru dan penolong guru. Guru dan penolong guru juga ditanya berkenaan bahasa pengantar yang paling diutamakan. Hampir keseluruhan daripada kedua-duanya (guru 95.1% dan penolong guru 93%) memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Keadaan ini adalah disebabkan oleh majoriti guru, penolong guru, dan kanak-kanak adalah berbangsa Melayu.

Sebab-sebab penarik/penolak Tabika Perpaduan

Tabika Perpaduan bersaing dengan beberapa prasekolah yang lain seperti Prasekolah KPM, Tadika KEMAS dan beberapa tadika swasta yang lain. Dalam menyaingi tadika-tadika yang lain, beberapa faktor yang menjadi keutamaan ibu bapa dan masyarakat perlu diambil kira. Ini termasuklah jarak dari rumah ke tabika, kemudahan yang disediakan, kecekapan guru dan kos.

Menurut pendapat guru dan penolong guru melalui kajian yang dijalankan, jarak dari rumah ke tabika menjadi sebab utama ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan. Malah, hampir separuh guru dan penolong guru memilih jarak sebagai faktor utama, diikuti oleh kemudahan atau prasarana yang disediakan. Seramai 20% orang guru dan 24% penolong guru berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan adalah kerana kesedaran berkenaan isu perpaduan negara ini.

Guru dan guru pembantu turut ditanya berkenaan faktor-faktor yang menarik dan gagal menarik pelajar berbilang bangsa ke Tabika Perpaduan. Sebahagian besar guru dan guru pembantu Tabika Perpaduan setuju bahawa faktor yang menarik pelajar berbilang bangsa adalah disebabkan lokasi Tabika yang berhampiran dengan tempat tinggal kanak-kanak (Jadual 3.6).

Guru dan pembantu guru berpendapat bahawa lokasi dan komuniti setempat yang terdiri daripada berbilang kaum menyebabkan sesebuah Tabika Perpaduan di kawasan berkenaan berjaya menarik kanak-kanak berbilang kaum. Guru dan pembantu guru turut bersetuju bahawa kesedaran masyarakat terhadap isu perpaduan serta kemudahan yang terdapat di sekitar kawasan tabika sebagai faktor-

faktor lain yang mempengaruhi kejayaan Tabika Perpaduan menarik penyertaan kanak-kanak pelbagai kaum.

Jadual 3.6: Pandangan Guru dan Penolong Guru Berkenaan Faktor Penarik Masyarakat Memilih Tabika Perpaduan

Faktor Penarik	Guru		Penolong Guru	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Jarak tabika dari rumah	119	46.9	111	44.8
Kemudahan/prasarana yang terdapat di kawasan sekitar Tabika	38	15.0	47	19.0
Masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap isu perpaduan	55	21.3	65	28.2
Rakyat tiada pilihan dan tidak sanggup membayar kos tadika lain	5	0.8	0	0.0
Lain-lain	22	8.7	10	3.9
Tidak dapat dikenalpasti	16	6.3	10	3.9
Jumlah	254	100	248	100

Jadual 3.7: Pandangan Guru dan Penolong Guru Berkenaan Faktor Penolak Masyarakat Tidak Memilih Tabika Perpaduan

Faktor Penarik	Guru		Penolong Guru	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Jarak tabika dari rumah	15	5.9	23	9.3
Tiada kemudahan/prasarana yang terdapat di kawasan sekitar Tabika	29	11.4	45	18.1
Tiada kesedaran di kalangan masyarakat untuk meningkatkan perpaduan	87	34.3	61	24.6
Rakyat ada pilihan lain dan sanggup membayar untuk menghantar anak ke tadika lain	70	27.6	81	32.7
Lain-lain	22	8.7	13	5.2
Tidak dapat dikenalpasti	31	12.2	25	10.1
Jumlah	254	100	248	100

Faktor yang dianggap sebagai penyebab ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan seperti di Jadual 3.7 di atas adalah kemampuan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke tadika berbayar dan juga tiada kesedaran di kalangan ibu bapa berkenaan isu perpaduan.

Terdapat perbezaan di antara pandangan penolong guru dan guru tabika di mana lebih ramai guru tabika yang berpendapat bahawa 'tiada kesedaran di kalangan masyarakat untuk meningkatkan perpaduan' sebagai faktor utama, manakala lebih ramai penolong guru yang berpendapat bahawa 'rakyat ada pilihan lain dan sanggup membayar untuk menghantar anak ke tadika lain' sebagai faktor utama.

Jika ibu bapa yang berkemampuan memilih untuk menghantar anak-anak ke tadika lain yang berbayar, kelebihan yang terdapat di tadika tersebut mestilah dikenalpasti dan dilaksanakan di Tabika Perpaduan. Tabika Perpaduan sewajarnya menunjukkan bahawa walaupun tidak mengenakan bayaran, namun kebolehan dan kecekapan tabika beroperasi mampu untuk melahirkan kanak-kanak pra-sekolah yang serba mampu.

Terdapat di antara 11%-13% guru dan penolong guru yang merasakan bahawa prasarana di sekitar kawasan Tabika menjadi penyebab ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan. Walaupun Tabika Perpaduan tidak mengenakan bayaran yang tinggi kepada ibu bapa, namun prasarana yang disediakan mestilah sentiasa dipantau supaya dapat menyaingi tadika lain yang berusaha untuk menarik seramai mungkin kanak-kanak ke sana.

Sementara itu kesedaran yang rendah di kalangan rakyat untuk meningkatkan perpaduan dikenalpasti sebagai salah satu faktor penting yang menyebabkan kegagalan tabika untuk menarik minat pelajar berbilang bangsa. Guru dan pembantu guru juga berpendapat bahawa ibu bapa sanggup membayar untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat tabika lain selain daripada Tabika Perpaduan.

Bilangan kanak-kanak di Tabika Perpaduan mengikut bangsa

Kanak-kanak Melayu merupakan majoriti kelas (45.5%) berbanding bangsa-bangsa lain dengan purata setiap kelas mempunyai 19 kanak-kanak Melayu, 3 Cina, 4 India, 11 Pribumi Semenanjung, 8 Pribumi Sabah Sarawak, dan 11 lain-lain bangsa. Dalam setiap kelas tabika, sekurang-kurangnya seorang mesti berketurunan Melayu manakala mod (kekerapan) menunjukkan bahawa Tabika biasanya (paling kerap) mempunyai 20 kanak-kanak Melayu, 1 Cina, 1 India, 2 Pribumi Semenanjung, 1 Pribumi Sabah Sarawak, dan 1 lain-lain bangsa. Jadual 3.8 menunjukkan bilangan kanak-kanak mengikut bangsa.

Jadual 3.8: Bilangan Kanak-kanak Mengikut Bangsa

	Bilangan kanak-kanak					
	Melayu	Cina	India	Pribumi Semenanjung	Pribumi Sabah Sarawak	Lain-lain
Bilangan	450	155	251	23	71	40
Purata	19	3.4	4.3	11.0	8.4	11.3

Median		19	2	3	4	2	9.5
Mod		20	1	1	2	1	1
Minimum		1	0	0	0	0	0
Maksimum		42	32	19	35	31	28
Persentil	25	14	1	2	2	1	2
	50	19	2	3	4	2	9.5
	75	25	3	6	20	17	19

3.4 ANALISIS STATISTIK GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN

Seramai 502 orang guru dan penolong guru telah dan pembantu guru ditemubual bagi mendapatkan maklumat berkaitan tahap kompetensi tenaga pendidik di Tabika Perpaduan. Daripada jumlah tersebut, 50.6 % adalah guru manakala 49.4% merupakan penolong guru. Guru dan penolong guru Melayu diwakili oleh 395 orang responden atau 78% daripada jumlah keseluruhan responden dan peratusan selebihnya adalah dari guru dan pembantu guru Cina, India, Pribumi Sbah dan Sarawak.

Peratusan guru dan penolong guru berbangsa lain mewakili kurang daripada 5% masing-masing. 84.8% guru dan penolong guru mendapat pendidikan sekolah menengah manakala hanya 8.9% dan 1.4% guru dan penolong guru mendapat pendidikan maktab dah ijazah. Kedua-dua guru dan penolong guru kebanyakannya berpendidikan SPM, tetapi lebih ramai guru yang berpendidikan sekurang-kurangnya maktab berbanding penolong guru.

Majoriti guru dan penolong guru berpendapatan di antara RM1000 hingga RM2000 (83.9%), 2.4% mempunyai pendapatan melebihi RM2000, manakala selebihnya mendapat pendapatan kurang daripada RM1000. 74% daripada guru dan penolong guru mempunyai pengalaman bekerja sebelum menyertai Tabika Perpaduan. Oleh kerana majoriti responden adalah guru dan guru pembantu berbangsa Melayu maka 96.2% guru berpendapat bahawa mereka selesa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Hanya 2.5% selesa berbahasa Inggeris manakala 1.4% lebih selesa menggunakan bahasa ibunda masing-masing untuk berkomunikasi.

Profail komposisi kaum di Tabika Perpaduan menunjukkan bahawa Tabika Perpaduan yang disoalselidik mempunyai di antara seorang hingga 42 orang pelajar Melayu dengan purata bilangan pelajar Melayu bagi setiap Tabika Perpaduan adalah seramai 19 orang.

Bagi kanak-kanak Cina pula, kebanyakan Tabika Perpaduan (67.8%) mempunyai antara seorang hingga 2 orang pelajar Cina. Hampir 80% Tabika Perpaduan mempunyai seorang hingga 6 orang pelajar berbangsa India. Bilangan pelajar Cina yang sedikit di Tabika Perpaduan mungkin disebabkan oleh keluarga berbangsa Cina lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke tabika Cina.

Kajian ini menggunakan pendekatan analisa diskriminan untuk melihat perbezaan antara guru dan guru pembantu. Tahap pendidikan mempunyai perbezaan yang. Ini bermaksud tahap pendidikan memainkan peranan penting membezakan kompetensi

antara dua kumpulan berkenaan. Maka, tahap pendidikan patut dijadikan satu tanda aras untuk membezakan sebarang program yang ingin diwujudkan untuk meningkatkan kompetensi guru secara keseluruhan.

Ini juga bermaksud semakin tinggi tahap pendidikan calon guru dan pembantu guru akan juga menentukan pencapaian jangka panjang kedua-dua kumpulan berkenaan. Sebaliknya, bagi setiap indeks kompetensi yang dijalankan, analisis diskriminan yang sama dilakukan dan hasil analisis menunjukkan bahawa guru dan pembantu guru tidak mempunyai perbezaan yang signifikan berasaskan skor kompetensi yang tertentu. Untuk memastikan analisis ini sahih langkah kedua diambil iaitu untuk melakukan korelasi mudah antara pendidikan dan skor kompetensi mengikut skor kompetensi yang tertentu.

Ini juga mungkin bermaksud pengalaman kerja mempunyai pengaruh yang amat kuat terhadap skor kompetensi secara langsung. Maka hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan dan pengalaman kerja juga menjadi satu faktor penyumbang kepada tahap kompetensi guru dan pembantu guru kerana indeks kompetensi dengan pengalaman kerja mempunyai korelasi yang signifikan bagi 6 daripada 7 aspek kompetensi.

Analisis ujian Kruskal-Wallis menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pendidikan yang diterima oleh guru dan penolong guru dengan lima item dalam kumpulan kesedaran emosi, taksiran, dan keyakinan diri. Item-item yang dimaksudkan adalah sedar akan emosi yang dirasakan dan sebabnya; sedar akan kaitan antara perasaan dan pemikiran, perlakuan dan pertuturan; reflektif, belajar dari pengalaman; terbuka kepada maklum balas secara jujur, perspektif baru, pembelajaran berterusan dan perkembangan diri; dan berkeyakinan, berketrampilan dan kehadiran saya disedari. Guru dan penolong guru yang mempunyai kelayakan Diploma mempunyai kedudukan purata (mean rank) yang tertinggi jika dibandingkan dengan skor-skor yang lain.

Analisis ujian Kruskal-Wallis juga dilakukan ke atas item-item dalam kumpulan pengurusan. Adalah didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan yang diterima oleh guru dan penolong guru dengan tujuh item dalam kumpulan ini.

Item-item tersebut adalah berfikir waras dan berfokus dalam tekanan; membina keyakinan melalui kebolehpercayaan dan ketulenan; mengakui kesalahan sendiri dan menentang tindakan orang lain yang tidak beretika; mempunyai komitmen dan menunaikan janji; bertanggungjawab untuk memenuhi objektif, teratur dan berhati-hati dalam tugas kerja; dan menangani tuntutan pelbagai, keutamaan yang berubah dan perubahan yang kerap. Dalam ketujuh-tujuh item ini didapati bahawa mean rank untuk guru dan penolong guru yang mempunyai kelayakan Diploma adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan yang lain.

3.5 TAHAP KOMPETENSI GURU DAN GURU PENOLONG DI TABIKA PERPADUAN

Tahap kompetensi guru dan penolong guru diukur melalui tujuh kumpulan tahap kompetensi yang terdiri daripada kesedaran emosi, taksiran dan keyakinan diri; pengurusan; motivasi; empati; kemahiran sosial, berdiplomasi, dan kepuasan. Ketujuh-tujuh kumpulan digunakan sebagai kayu pengukur dalam kajian ini.

Kesedaran Emosi, Taksiran dan Keyakinan Diri

Ukuran kompetensi bahagian ini merangkumi aspek kompetensi peribadi yang merangkumi kekuatan, kelemahan, serta potensi diri menjadi panduan asas dalam pembentukan skor yang digunakan.

Jadual 3.9 merujuk kepada 11 perkara utama dalam komponen kesedaran emosi dan keyakinan diri sebagai kayu ukur untuk menilai kompetensi guru dan pembantu guru Tabika Perpaduan. Pada amnya, hampir semua elemen melepasi tahap purata (4.0) kecuali untuk komponen kebolehpayaan membuat keputusan dalam menjalankan tugas.

Elemen ini amat berkait rapat dengan keupayaan mengurus aspek risiko dan tekanan dalam kerja yang melibatkan juga soal-soal kepimpinan dan ketegasan. Adalah dirasakan perlu untuk memberi pendedahan latihan dari segi aspek kepimpinan (leadership) di kalangan guru-guru ini untuk memastikan kebolehpayaan membuat keputusan dalam sebuah organisasi.

Secara keseluruhan purata skor kesedaran emosi, taksiran, dan keyakinan diri di kalangan guru dan penolong guru adalah 4 yakni bersetuju dengan item1 hingga item10 (Rujuk Soalselidik /Guru dan pembantu Guru soalan 1 hingga 10) .

Namun skor item11 (rujuk Soalselidik guru/pembantu guru soalan 11) agak kurang bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka berkebolehan dalam membuat keputusan yang baik walaupun dalam ketidakpastian dan tekanan. Daripada ini, analisis ANOVA sehalu dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor kesedaran emosi, taksiran dan keyakinan diri. Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor kesedaran emosi, taksiran, dan keyakinan diri. Jadual 3.9 menunjukkan skor purata untuk kumpulan kesedaran emosi, taksiran, dan keyakinan diri.

Jadual 3.9: Skor Purata Untuk Kumpulan Kesedaran Emosi, Taksiran Dan Keyakinan Diri

Skor	Keterangan
4.18	Mempunyai kesedaran tentang nilai dan matlamat
4.18	Terbuka kepada maklum balas secara jujur, perspektif baru, pembelajaran berterusan dan perkembangan diri
4.16	Reflektif, belajar dari pengalaman
4.14	Sedar akan kaitan antara perasaan dan pemikiran, perlakuan dan pertuturan
4.14	Sedar tentang kekuatan dan kelemahan diri
4.09	Sedar tentang cara perasaan mempengaruhi prestasi
4.09	Berupaya menunjukkan sikap jati diri dan tugas harian
4.08	Sedar akan emosi yang dirasakan dan sebabnya
4.05	Berkeyakinan, berketrampilan dan kehadiran saya disedari

4.00	Berani menyuarakan pandangan yang kurang popular dan mempertahankan sesuatu yang betul
3.81	Berkebolehan membuat keputusan yang baik walaupun dalam ketidakpastian dan tekanan

Pengurusan

Skor kompetensi juga diukur dari segi aspek pengurusan yang bermaksud tindakan yang dijangka boleh dilakukan dalam tugas harian untuk memastikan emosi dapat menjadi penentu kepada cara seseorang individu menjalankan tugas harian. Contohnya, guru dan pembantu guru mempunyai fikiran yang terbuka terhadap idea-idea baru ataupun kaedah baru yang boleh membantu kanak-kanak.

Secara keseluruhan skor untuk item-item dari segi pengurusan adalah sekitar 4. Ini menunjukkan guru dan penolong guru mempunyai kemampuan untuk mengurus dengan baik. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru dan penolong guru. Ini ditunjukkan oleh ujian MannWhitney U yang dilakukan. Jadual 3.10 menunjukkan skor purata untuk guru dan penolong guru untuk kumpulan pengurusan.

Jadual 3.10: Skor Purata Untuk Kumpulan Pengurusan

Skor	Penerangan
4.19	Mempunyai komitmen dan menunaikan janji
4.18	Teratur dan berhati-hati dalam tugas kerja
4.13	Mencari idea baru daripada pelbagai sumber
4.12	Bertindak secara beretika dan mengikut peraturan
4.12	Bertanggungjawab untuk memenuhi objektif
4.07	Menjana idea-idea baru
4.02	Berfikiran waras dan berfokus dalam tekanan
4.01	Mengurus perasaan dan emosi negatif dengan baik
4.00	Tenang, positif semasa menghadapi tekanan
4.00	Membina keyakinan melalui kebolehppercayaan dan ketulenan
3.97	Mengakui kesalahan sendiri dan menentang tindakan orang lain yang tidak beretika
3.94	Memikirkan penyelesaian yang kreatif kepada masalah
3.89	Mempunyai persepsi yang luas terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku
3.85	Menyesuaikan respon dan taktik kepada keadaan yang sering berubah
3.85	Mempunyai perspektif terkini dan mengambil risiko dalam pemikiran
3.84	Mengekalkan pandangan yang ada prinsip walaupun tidak popular
3.83	Menangani tuntutan pelbagai, keutamaan yang berubah dan perubahan yang kerap

Daripada ini, analisis ANOVA sehala dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor

pengurusan. Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam pengurusan.

Motivasi

Motivasi mengukur keinginan yg keras atau semangat yg kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Sehubungan itu, motivasi berkait rapat dengan kebolehan membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat.

Secara prinsipnya motivasi boleh mendorong seseorang individu untuk bertindak secara positif ataupun negatif. Seseorang petugas yang mempunyai motivasi yang tinggi diandaikan boleh menterjemahkan segala objektif kerja kepada hasil kerja yang baik. Di samping itu, motivasi yang tinggi akan menentukan keberkesanan dan produktiviti seseorang petugas.

Secara keseluruhan skor untuk item-item di bawah bahagian motivasi adalah sekitar 4 (Jadual 3.11). Ini menunjukkan guru dan penolong guru bersetuju mereka mempunyai tahap motivasi yang baik. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru dan penolong guru dalam kategori motivasi. Ini ditunjukkan oleh ujian MannWhitney U yang dilakukan.

Satu perkara yang jelas dari skor di bawah ialah hampir semua guru dan pembantu guru menyedari tentang pentingnya aspek motivasi dalam mencapai sesuatu objektif. Tetapi kebanyakan guru dan pembantu guru menghadapi kelemahan dari segi menterjemahkan motivasi ini kepada objektif yang nyata, contohnya, guru dan pembantu guru masih mengutamakan proses birokrasi yang terlalu ketat dalam proses menjalankan tugas. Ini juga bermaksud sistem birokrasi masih mempunyai stuktur yang memberatkan "centralized power" yang kadang kala melambatkan proses pelaksanaan program.

Hampir kesemua skor menunjukan tahap kompetensi yang rendah dari segi pelaksanaan/praktikal tugas harian. Daripada ini, analisis ANOVA sehala dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor motivasi. Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam motivasi.

Jadual 3.11: Skor Purata Untuk Kumpulan Motivasi

Skor	Keterangan
4.28	Belajar cara untuk menambahbaik prestasi
4.07	Memahami tujuan misi
4.06	Bertindak daripada harapan untuk berjaya, dan tidak takut kepada kegagalan
4.03	Bersedia memanfaatkan peluang-peluang
4.02	Mencari maklumat untuk mengurangkan ketidakpastian dan mencari jalan untuk penambahbaikan

3.99	Bersedia membuat pengorbanan sendiri atau kumpulan untuk memenuhi matlamat organisasi
3.94	Menggunakan nilai utama kumpulan dalam membuat keputusan dan menjelaskan pilihan yang dibuat
3.94	Mencari peluang secara aktif untuk memenuhi misi kumpulan
3.91	Berorientasikan hasil dengan motivasi tinggi untuk memenuhi objektif dan piawaian
3.89	Mengejar matlamat yang lebih tinggi daripada yang diperlukan atau yang dijangkakan
3.89	Terus berusaha mencapai matlamat walaupun ada halangan dan masalah
3.83	Melihat masalah sebagai akibat daripada keadaan yang boleh diurus, dan bukannya daripada kekurangan personal
3.79	Menetapkan matlamat yang mencabar dan memberi pertimbangan terhadap risiko yang diambil
3.71	Mengerakkan orang lain melalui usaha-usaha yang luar biasa dan berfaedah
3.63	Mengetepikan birokrasi dan peraturan sekiranya perlu untuk menyelesaikan tugas

Empati

Secara mudahnya, skor kompetensi untuk komponen empati merujuk kepada daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain. Pada amnya, skor untuk komponen yang berkaitan/adanya konsep empati di kalangan guru dan pembantu guru secara relatifnya adalah tinggi.

Empati pada pandangan A.J Micheal (2006) adalah sifat fitrah manusia dan faktor persekitaran boleh mempengaruhi tahap empati manusia kepada peringkat yang lebih tinggi ataupun sebaliknya. Walau bagaimanapun, dari skor yang ada, kompetensi dari segi kebolehan untuk mengkritik secara terbuka serta keberanian untuk menilai rakan setugas secara terbuka mencatatkan skor yang agak rendah.

Begitu juga dengan persepsi guru-guru ini terhadap kepelbagaian (etnik, tanggapan, fahaman politik) menunjukkan mereka belum boleh menggunakan aspek kepelbagaian sebagai kekuatan dalam mencapai sesuatu objektif kerja. Jadual 3.12 menunjukkan skor purata untuk kumpulan empati.

Jadual 3.12: Skor Purata Untuk Kumpulan Empati

Skor	Keterangan
4.28	Menghormati dan bergaul dengan orang ramai dari pelbagai latar belakang
4.25	Bersedia memberi bantuan
4.25	Memuji dan memberi ganjaran untuk menghargai kekuatan, kejayaan dan perkembangan kanak-kanak
4.17	Bersedia mendengar

4.14	Prihatin dan memahami perspektif pandangan orang lain
4.13	Memikirkan cara-cara untuk meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pelanggan
4.12	Memahami perasaan dan keperluan orang lain dan bersedia membantu
4.12	Memahami keperluan pelanggan dan memberi khidmat atau produk yang diinginkan
4.08	Memberi maklum balas yang membina perkembangan rakan setugas
4.08	Memahami pandangan-pandangan yang pelbagai serta peka terhadap perbezaan pandangan dalam kumpulan
4.02	Memahami perspektif pelanggan dan memberi nasihat yang meyakinkan
3.98	Peka kepada emosi orang lain
3.97	Memandang kepelbagaian sebagai peluang untuk perkembangan
3.73	Mengesan dengan tepat hubungan dan jaringan
3.68	Membimbing dan mencabar kemahiran rakan setugas
3.57	Mencabar pandangan sempit dan berat sebelah

Secara keseluruhan skor untuk item-item di bawah bahagian empati adalah sekitar 4 kecuali untuk perkara yang berkaitan dengan keupayaan membimbing dan mencabar kemahiran rakan setugas serta kebolehan mencabar pandangan sempit dan berat sebelah di mana skor kedua-dua item ini berada pada 3.6 dan 3.5 yakni hampir dengan persepsi kurang bersetuju. Ini menunjukkan guru dan penolong guru bersetuju mereka mempunyai tahap empati yang baik kecuali dua item yang disebut tadi.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru dan penolong guru dalam kategori empati kecuali untuk item52 dan item57 (sila rujuk soalan 52 dan 57 dalam soalselidik guru dan pembantu guru). Sehubungan itu Item52 adalah sikap memuji dan memberi ganjaran untuk menghargai kekuatan, kejayaan, dan perkembangan kanak-kanak. Di dalam item ini, guru mempunyai nilai mean rank yang lebih tinggi [245.31] berbanding dengan penolong guru [222.92]. Seterusnya Item57 pula adalah sikap memandang kepelbagaian sebagai peluang untuk perkembangan.

Di dalam item ini juga, guru mempunyai nilai mean rank yang lebih tinggi [250.68] berbanding dengan penolong guru [217.18]. Ini ditunjukkan oleh ujian MannWhitney U yang dilakukan. Daripada ini, analisis ANOVA sehalu dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor empati.

Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam empati. Jadual 3.13 menunjukkan skor mean rank bagi dua item yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara guru dan penolong guru.

Jadual 3.13: Skor Mean Rank untuk Dua Item Yang Mempunyai Perbezaan Yang Signifikan

Item	Mean Rank	
	Guru	Penolong Guru
Memuji dan memberi ganjaran untuk menghargai kekuatan, kejayaan dan perkembangan kanak-kanak	245.31	222.92
Memandang kepelbagaian sebagai peluang untuk perkembangan	250.68	217.18

Kemahiran Sosial

Hampir 70% daripada item-item dalam kumpulan kemahiran sosial memperoleh skor lebih daripada 3.8 pada skala Likert 5. Namun lebih kurang 31% pula mendapat skor kurang daripada 3.7 pada skala Likert 5. Berpandu pada skala Likert yang diberi 3 merupakan persepsi kurang bersetuju.

Oleh itu guru dan penolong guru kurang bersetuju dengan item60 yang mengatakan mereka mahir dalam mendapat keyakinan orang lain (3.6320), item62 (sila rujuk soalan 62 dalam soal selidik guru/pembantu guru) yang mengatakan mereka menggunakan strategi berkesan (misalnya pengaruh tidak langsung) untuk mendapat persetujuan dan sokongan semua pihak (3.6558), item70 (sila rujuk soalan 70 dalam soalselidik) yang mengatakan mereka boleh memimpin perbuatan orang lain (3.6239), item73 yang mengatakan bahawa mereka boleh mencabar status quo dan mengesahkan perlunya perubahan (3.4698), item74 (sila rujuk soalan 74 dalam soalselidik yang mengatakan mereka menyokong perubahan itu) dan mendapat sokongan orang lain (3.6864), dan item75 (sila rujuk soalan 75 dalam soalselidik guru dan pembantu guru) yang mengatakan mereka menjadi model perubahan untuk orang lain (3.7267).

Secara ringkasnya, skor yang tinggi masih direkodkan pada kesedaran responden ke atas nilai-nilai murni dalam kemahiran sosial. Contohnya, responden faham betapa pentingnya sikap bertolak ansur dan menuju ke arah satu matlamat dan visi dalam sebuah organisasi. Sebaliknya, langkah untuk mencapai, misalnya, menggunakan strategi yang berkesan untuk bekerja secara berpasukan mencatatkan skor yang agak rendah. Walau bagaimanapun, skor dari aspek komunikasi terbuka mencatat kadar yang agak tinggi (4.10) dan mungkin ini boleh digunakan (eksploitasi) untuk menterjemahkan kesedaran kepada pelaksanaan sesuatu tugas. Jadual 3.14 menunjukkan skor purata untuk kumpulan kemahiran sosial.

Jadual 3.14: Skor Purata Untuk Kumpulan Kemahiran Sosial

Skor	Keterangan
4.27	Bertolak ansur
4.10	Memupuk komunikasi terbuka. Bersedia menerima maklumat mahupun baik atau buruk
4.09	Mendengar, memahami dan mengalu-alukan perkongsian maklumat

4.09	Memimpin melalui teladan
4.06	Menghadapi dan menyelesaikan masalah dengan ketelusan
4.03	Bersedia memimpin bila perlu, tidak mengira kedudukan
4.00	Mewujudkan minat dan sokongan kepada satu visi dan misi yang sama
3.98	Menyadari perlunya untuk perubahan dan mengatasi halangan kepada perubahan
3.88	Menghasilkan persembahan yang dapat menarik perhatian penonton
3.86	Memberi tunjuk ajar dengan cara yang dramatik (lakonan) dan berkesan
3.72	Menjadi model perubahan untuk orang lain
3.68	Menyokong perubahan itu dan mendapat sokongan orang lain
3.65	Menggunakan strategi berkesan (misalnya pengaruh tidak langsung) untuk mendapat persetujuan dan sokongan semua pihak
3.63	Mahir dalam mendapat keyakinan orang lain
3.62	Membimbing perbuatan orang lain
3.46	Mencabar status quo dan mengesahkan perlunya perubahan

Daripada item-item yang mempunyai skor kurang daripada 3.6 pada skala Likert seperti yang dijelaskan di atas, didapati dalam item60, item62, item70, dan item73 (sila rujuk soalan 60,70 dan 73 dalam soalselidik guru dan pembantu guru) guru mempunyai mean rank yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan penolong guru.

Namun penolong guru mempunyai nilai mean rank yang lebih tinggi daripada guru dalam item74 (sila rujuk soalan 74 dalam soal selidik guru dan pembantu guru) dan hampir sama dalam item75 (sila rujuk 75 dalam soalselidik guru dan pembantu guru). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam item60 hingga item75 kecuali item73 (sila rujuk soalan yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru dan penolong guru dalam mencabar status quo dan mengesahkan perlunya perubahan pada $p=.05$).

Dari aspek rank, pembantu guru lebih teratas dari segi ranking dalam aspek hubungan sosial. Ini satu petanda yang baik sebab guru pembantu boleh melengkapkan peranan guru dan mungkin dapat diserlahkan lagi jika kedua-dua pihak tentang bidang tugas yang khusus dan bidang tugas yang menjadi tanggungjawab bersama.

Dengan cara ini kedua-dua pihak boleh melengkapkan kebolehan/kelemahan/kekuatan masing-masing untuk kepetingan bersama. Daripada ini, analisis ANOVA sehala dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor kemahiran sosial. Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam kemahiran sosial.

Berdiplomasi

Secara mudahnya diplomasi mengukur keupayaan seseorang mengatakan sesuatu dengan hati-hati, kebolehan mempengaruhi orang lain secara halus. Secara keseluruhan skor untuk item-item dalam kategori berdiplomasi adalah sekitar 4 kecuali untuk empat perkara yang melibatkan :

- Mempunyai diplomasi semasa menangani rakan-rakan yang bermasalah atau situasi yang tegang
- Mengesan dan mengambil tindakan yang bijak dalam penyelesaian konflik dan perselisihan
- Menggalakkan perbincangan dan perbahasan
- Mewujudkan penyelesaian 'menang-menang'
- Menyemai dan mengekalkan jaringan hubungan yang luas dan tidak formal

Walaupun guru dan penolong guru bersetuju mereka mempunyai tahap berdiplomasi yang baik, mereka masih kurang kompetensi dari segi langkah untuk mencapai/mengoptimumkan tahap diplomasi. Walau bagaimanapun, skor yang tinggi dari segi nilai kerja berpasukan (team building/team play) dapat digunakan strategi untuk meningkat kompetensi guru dan pembantu guru dari segi aspek diplomasi dalam sesebuah organisasi.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam item-item yang disenaraikan dalam kategori diplomasi kecuali item80 yang mengatakan mereka boleh menyemai dan mengekalkan jaringan hubungan yang luas dan tidak formal. Guru mempunyai mean rank yang lebih tinggi (242.32) jika dibandingkan dengan penolong guru (220.99) dalam item80 ini.

Daripada ini, analisis ANOVA sehalu dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor berdiplomasi. Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam berdiplomasi. Jadual 3.15 menunjukkan skor purata kumpulan berdiplomasi.

Jadual 3.15: Skor Purata Kumpulan Berdiplomasi

Skor	Keterangan
4.29	Menjadikan sebagai teladan nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, saling membantu dan bekerjasama
4.23	Memupuk iklim yang mesra dan bekerjasama
4.22	Mengekalkan kesetiakawanan antara rakan-rakan sejawat
4.22	Menjaga nama baik kumpulan; bersama-sama berkongsi pujian bila Berjaya
4.19	Membina hubungan mesra dengan orang lain
4.19	Berpadu tenaga—berkongsi rancangan, maklumat dan sumber sumber yang perlu
4.18	Sewaktu bekerja, memberi fokus yang sama kepada tugas dan perhubungan dengan rakan sejawat
4.13	Mengesan peluang untuk memupuk kerjasama antara rakan-rakan
4.12	Memupuk hubungan yang saling berfaedah

4.11	Membina identiti dan semangat berpasukan, menyemai komitmen kumpulan
4.00	Melibatkan semua ahli secara aktif
3.97	Mengesan dan mengambil tindakan yang bijak dalam penyelesaian konflik dan perselisihan
3.89	Mempunyai diplomasi semasa menangani rakan-rakan yang bermasalah atau situasi yang tegang
3.85	Menggalakkan perbincangan dan perbahasan
3.84	Menyemai dan mengekalkan jaringan hubungan yang luas dan tidak formal
3.43	Mewujudkan penyelesaian 'menang-menang'

Kepuasan

Skor yang berkaitan untuk rasa kebebasan (independence) dikaitkan dengan sikap yang tidak memerlukan bimbingan (guided) dalam menyelesaikan masalah ataupun tugas harian. Secara lazimnya, kebebasan ini merupakan komponen penting dalam aspek kepuasan setiap pekerja (Spencer and Spencer,1993). Ini juga mungkin menyebabkan skor komponen ini agak rendah. Tetapi ini akan menjadi masalah sekiranya sistem pentadbiran agak berpusat pada ketua/pemimpin teratas dan pelbagai konflik boleh terjadi (Spencer and Spencer,1992). Misalnya, ini mungkin menyebabkan skor untuk komponen lain menjadi rendah, antaranya:

- Saya mampu menyelesaikan masalah yang timbul selepas tugas dilaksanakan
- Saya berupaya untuk mengenal pasti masalah yang bakal timbul dari tugas yang dilaksanakan

Ini juga bermaksud guru dan pembantu guru mungkin kurang mampu untuk bersikap peka dan konsisten dari segi masalah yang bakal timbul. Ini menjadikan mereka kurang pro-aktif (skor 4.0) dalam menyelesaikan masalah dan kurang mampu menangani pelbagai masalah sampingan yang boleh berlaku. Dalam hal berkenaan, latihan yang menekankan unjuran (fore sighting) ataupun pengurusan bersifat sinario ke hadapan (future scenario) boleh diperkenalkan dalam melatih guru dan pembantu guru dalam usaha membaiki kemahiran mereka.

Secara keseluruhan skor untuk item-item dalam kategori kepuasan adalah sekitar 4 kecuali untuk item95 (sila rujuk soalan 95 dalam soal selidik guru dan pembantu guru) iaitu saya tidak memerlukan bimbingan langkah demi langkah (guided) dalam menyelesaikan masalah dan item99 iaitu saya mampu menyelesaikan masalah yang timbul selepas tugas dilaksanakan di mana skornya adalah 3.0300 dan 3.7756 masing-masing pada skala Likert 5 yang membawa maksud mereka kurang bersetuju.

Ini menunjukkan guru dan penolong guru bersetuju bahawa mereka mempunyai tahap kepuasan yang baik tetapi memerlukan bimbingan dalam menyelesaikan masalah. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam item-item dalam kategori kepuasan.

Daripada ini, analisis ANOVA sehalu dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam skor kepuasan. Ujian Levene menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru dan penolong guru dalam kepuasan. Jadual 3.16 menunjukkan skor purata kumpulan kepuasan.

Jadual 3.16: Skor Purata Kumpulan Kepuasan

Skor	Keterangan
4.23	Berasa puas hati setelah sesuatu tugas itu selesai dijalankan
4.21	Saya mesti berusaha memperbaiki hasil kerja secara berterusan
4.16	Tugas yang dijalankan amat berkaitan dengan perpaduan
4.08	Saya akan bertindak secara proaktif terhadap permasalahan kerja
4.00	Saya akan bertindak secara proaktif terhadap permasalahan kerja
3.97	Saya boleh memperbaiki tugas yang telah diselesaikan jika perlu
3.82	Saya berupaya untuk mengenal pasti masalah yang bakal timbul dari tugas yang dilaksanakan
3.77	Saya mampu menyelesaikan masalah yang timbul selepas tugas
3.03	Saya tidak memerlukan bimbingan langkah demi langkah(guided) dalam menyelesaikan sesuatu isu.

KAJIAN KOMPETENSI GURU DAN PENOLONG GURU: PERSEPSI MASYARAKAT (IBU BAPA)

4.1 PENGENALAN

Banyak kajian yang dibuat mengenai kepentingan pendidikan. Janaga (2003) mengatakan bahawa pendidikan merupakan satu keperluan yang amat penting untuk menjamin kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan. Pendidikan bukan sahaja dilihat sebagai mempunyai fungsi sosial dan moral, tetapi juga sebagai satu keperluan ekonomi. Taraf pendidikan yang tinggi sering dikaitkan dengan pekerjaan, pendapatan, dan kedudukan sosial yang lebih baik.

Berdasarkan pandangan ini, satu model (Rajah 4.1) telah dirangka bagi menunjukkan hubungan di antara pencapaian akademik dengan taraf hidup setiap pelajar. Pelajar yang memperoleh perhatian daripada guru dan ibu bapa dijangka mampu memperoleh pencapaian akademik dan konsep sendiri yang tinggi seterusnya cemerlang dan bermotivasi untuk berjaya.

Apabila memperoleh kejayaan dalam hidup, pelajar tersebut dikatakan mempunyai kehidupan dan taraf hidup yang terjamin. Pelajar yang kurang mendapat perhatian guru dan ibu bapa hanya mempunyai pencapaian akademik dan konsep sendiri yang sederhana dan keadaan ini kurang memberi motivasi kepada mereka untuk berjaya dalam bidang akademik.

Seterusnya masa depan pelajar ini agak kabur. Pelajar yang langsung tidak mendapat perhatian dijangka mempunyai pencapaian akademik dan konsep

kendiri yang rendah dan langsung tidak bermotivasi untuk berjaya. Mereka yang sering diabaikan ini tidak mempunyai matlamat hidup yang jelas malah mungkin menyumbang kepada gejala-gejala sosial yang kurang sihat.

4.2 SEKOLAH DAN KOMUNITI: MODEL PENGLIBATAN IBU BAPA

Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997) telah mengutarakan model penglibatan ibu bapa (rujuk Rajah 4.1). Daripada perspektif psikologi, model ini menerangkan mengapa ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak mereka dan bagaimana penglibatan mereka boleh mempengaruhi pencapaian anak di sekolah. Model ini terdiri dari beberapa aras dan memberi penekanan kepada aspek psikologi dan konteks penglibatan ibu bapa itu sendiri. Merujuk kepada model ini, jika aras paling tinggi adalah bagi pencapaian anak-anak, aras paling bawah pula bermula dari penglibatan ibu bapa sendiri.

Rajah 4.1: Model Penglibatan Ibu Bapa Hoover-Dempsey & Sandler

Paras 5: Hasil kanak-kanak

Kemahiran dan pengetahuan	Efikasi Pencapaian di Sekolah
---------------------------	-------------------------------

Paras 4: Pemboleh Ubah Keterlibatan Ibu bapa

Penglibatan Strategi/Amalan Penglibatan	Kesesuaian antara Tindakan Penglibatan Ibu
Bersesuaian oleh Ibu Bapa	bapa dan jangkaan sekolah

Paras 3: Mekansime di mana Penglibatan Ibu bapa Mempengaruhi Hasil kanak-kanak

Pembinaan Model	Pengukuhan	Intruksi	
		Tertutup	Terbuka

Paras 2: Bentuk Pemilihan Penglibatan Ibu bapa dipengaruhi oleh

Domain Spesifik Ibu bapa dan Pengetahuan	Gabungan Tuntutan Terhadap Masa dan Tenaga daripada		Pelawaan dan tuntutan Spesifik untuk penglibatan dari:	
	Lain-lain tuntutan Keluarga	Tuntutan Pekerjaan	Kanak-kanak	Sekolah/Guru

Paras 1: Keputusan Penglibatan Ibu bapa

Pengelohan Ibu Bapa mengenai Peranan Ibu bapa	Efikasi Ibu bapa dalam membantu kejayaan anak di sekolah	Pengeluaran dan Tuntutan umum untuk penglibatan Ibu Bapa dipamerkan oleh	
		Ibu Bapa	Kanak-kanak sekolah

Sumber: Hoover-Dempsey & Sandler (1997)

Dalam model mereka, Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997) telah mengenal pasti tiga faktor kritikal dalam menentukan penglibatan ibu bapa iaitu:

- Pembinaan peranan ibu bapa iaitu kepercayaan tentang keperluan penglibatan dalam pendidikan anak-anak mereka
- Efikasi sendiri ibu bapa - mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran
- Sikap terbuka sekolah terhadap pihak ibu bapa

Menurut Hoover-Dempsey dan Sandler (1997), dalam model penglibatan ibu bapa ini, keputusan yang diambil oleh ibu bapa dipengaruhi oleh bagaimana mereka membina peranan mereka sebagai ibu bapa dan efikasi sendiri yang wujud dalam diri mereka sebagai ibu bapa.

Pembinaan peranan ibu bapa ini dipengaruhi oleh jangkaan ibu bapa itu sendiri dan persekitaran mereka seperti ahli keluarga, rakan dan individu di sekolah. Hal yang demikian ini sesuai dengan definisi penglibatan ibu bapa dalam konsep model ini iaitu merujuk kepada aktiviti yang dianggap oleh ibu bapa penting dan sesuai dengan tindakan yang diambil untuk anak-anak mereka (Hoover-Dempsey & Sandler, 1995).

Dalam konteks sekolah itu sendiri, jika kebersamaan dengan komuniti wujud, peranan ibu bapa sentiasa dianggap penting kerana tindakan yang diambil oleh ibu bapa secara positif boleh membantu proses pendidikan. Merujuk kepada model tersebut penglibatan ibu bapa bukan sahaja tunggal utama kepada proses kejayaan anak-anak malah kepercayaan mereka terhadap kebersamaan juga tidak kurang pentingnya. Di sekolah, penglibatan sebenar ibu bapa boleh berlaku apabila mereka bertindak berdasarkan kepercayaan bahawa aktiviti pendidikan merupakan salah satu aspek tanggungjawab mereka dalam meningkatkan pencapaian anak-anak mereka.

Kajian lampau telah menunjukkan bahawa peranan ibu bapa dalam pendidikan sentiasa wujud dan peranan mereka adalah pelbagai berdasarkan kelas sosial dan etnik. Terdapat kajian yang mencadangkan bahawa ibu bapa yang bekerja berbanding dengan ibu bapa yang berstatus tinggi melihat guru sebagai individu yang paling sesuai untuk menangani masalah pendidikan anak mereka (Lareau, 1989). Manakala Goldenberg, Reese dan Gallimore (1992) pula mendapati keluarga Mexican-Amerika yang datang dari golongan berpendapatan rendah dapat mendidik anak mereka di rumah selari dengan apa yang dilakukan di sekolah menggunakan buku cerita dan buku kerja yang diberikan oleh guru.

4.3 PROFAIL IBU BAPA

Peratusan responden ibu bapa mengikut negeri tidak jauh berbeza dengan peratusan guru dan penolong guru kerana kajian dilakukan supaya seorang guru, seorang penolong guru, dan seorang ibu atau bapa dapat menjadi responden. Di kalangan 264 ibu bapa yang dikaji, 35% adalah merupakan ahli Rukun Tetangga.

Majoriti bapa yang terlibat merupakan peniaga (10.4%), bekerja sendiri (6.8%), dan pekerja kilang (4%). Latar belakang pekerjaan bapa berbeza - dari pesawah dan petani sehingga doktor dan eksekutif akaun. Seramai 64 orang bapa memegang jawatan ahli Rukun Tetangga, antaranya 4 orang Naib Pengerusi, 36 ahli jawatankuasa, 17 ahli biasa, dan lain-lain jawatan seperti pengawal (1), pengerusi (1), penolong setiausaha (1), setiausaha (1), SRS (1), dan JPTP (1).

Jadual 4.1: Agihan Ibu bapa Mengikut Negeri

Negeri	Kekerapan	Peratus
Johor	50	18.9
Selangor	35	13.3
Sabah	30	11.4
Kuala Lumpur	20	7.6
Pulau Pinang	15	5.7
Perak	15	5.7
Pahang	15	5.7
Terengganu	15	5.7
Kelantan	15	5.7
Sarawak	11	4.2
Perlis	10	3.8
Kedah	10	3.8
Melaka	8	3.0
N. Sembilan	15	5.7
Jumlah	264	100

Manakala bagi ibu, enam daripada sepuluh orang merupakan suri rumah (151 orang), diikuti oleh guru (4.4%), dan kerani (4.4%). Latar belakang ibu juga berbeza dari buruh dan pengasuh rumah sehingga pengarah, pelukis pelan, dan jurutera. Seorang ibu merupakan timbalan pengerusi, seorang setiausaha, 13 ahli biasa, manakala 33 lagi merupakan ahli jawatankuasa.

Jadual 4.2: Pendapatan Ibu bapa

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
RM500 - RM1000	64	24.5
RM1001 - RM1500	56	21.2

RM1501 - RM2000	70	26.5
RM2001 - ke atas	74	28.0
Jumlah	264	100

Pendapatan ibu bapa di antara empat kelas seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.2 adalah serata. Walaupun majoriti ibu bapa memperoleh pendapatan lebih dari RM2,000 sebulan namun perbezaannya tidak ketara berbanding peratus ibu bapa yang memperoleh pendapatan kurang daripada itu. Hampir 70% daripada kesemua ibu bapa memperoleh pendapatan kurang dari RM2,000.

Sebab-sebab penarik/penolak Tabika Perpaduan

Menurut kajian ini, kebanyakan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan disebabkan oleh jarak yang dekat dengan rumah. 17% ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan disebabkan oleh reputasi tabika. Terdapat 16% daripada ibu bapa yang mendapat cadangan daripada rakan untuk menghantar anak-anak ke Tabika Perpaduan. Lokasi yang baik dan prestasi yang ditonjolkan oleh Tabika Perpaduan merupakan faktor utama ianya menjadi pilihan masyarakat. Purata jarak di antara rumah ke tabika dilaporkan adalah 3 kilometer. Jadual 4.3 menunjukkan sebab ibu bapa menghantar anak-anak ke tabika perpaduan.

Jadual 4.3: SebabMenghantar Anak-anak ke Tabika Perpaduan

Sebab	Kekerapan	Peratus
Lokasi	142	53.8
Cadangan daripada rakan	60	22.7
Reputasi	50	18.9
Lain-lain	12	4.5
Jumlah	264	100

HASILAN PANDANGAN IBU BAPA

Indeks Kepuasan mengukur indeks kepuasan secara menyeluruh bagi perkhidmatan yang diberi oleh guru Tabika Perpaduan kepada kanak-kanak di sekolah Tabika. Oleh sebab maklum balas survei adalah daripada ramai responden, kecondongan kepada satu pihak (bias) kepada persepsi individu perlu diambil kira. Ini boleh dilakukan dengan mengira Indeks Kepuasan dengan mengguna Skor Pencapaian dan Skor Kepuasan (Jadual 4.4).

Tahap kepuasan ibu bapa dinilai melalui tujuh kategori yang terdiri daripada persekitaran, sikap guru, kemahiran guru, kurikulum, perpaduan, pengurusan tabika, dan penglibatan ibu bapa.

Persekitaran

Secara keseluruhan para ibu bapa bersetuju bahawa persekitaran tabika perpaduan adalah bersih, selamat serta jauh daripada unsur-unsur negatif. Pada prinsipnya, persekitaran fizikal memberi satu persekitaran yang positif di kalangan ibu-bapa. Walau bagaimanapun, hal ini perlu diteliti dengan lebih mendalam sebab faktor lokasi sekolah sering akan senantiasa menjadi isu utama di kalangan masyarakat. Misalnya, besar kemungkinan tapak yang sesuai tidak lagi boleh diperolehi maka pengembangan akan dibina di kawasan yang berjauhan ataupun di kawasan yang sudah sedia sesak dan bermasalah. Jadual 4.4 menunjukkan skor purata persepsi ibu bapa terhadap persekitaran tabika perpaduan.

Jadual 4.4: Skor Purata Persepsi Ibu bapa Terhadap Persekitaran Tabika Perpaduan

Skor	Keterangan/Persekitaran
4.34	Tabika anak saya bersih dan dijaga rapi
4.43	Tabika anak saya adalah tempat yang selamat untuk proses pembelajaran
4.21	Kedudukan / lokasi Tabika Perpaduan anak saya adalah jauh dari persekitaran negatif seperti dadah dan jenayah sosial

Sikap Guru

Secara keseluruhan, ibu bapa berpuas hati dengan sikap yang ditunjukkan oleh guru dan penolong guru. Ini ditunjukkan dengan skor yang agak tinggi terhadap pelbagai aspek termasuklah motivasi, perhubungan, tingkahlaku dan penampilan, dan adil serta hormat.

Walaupun bagaimanapun, skor dari segi aspek pemantauan agak rendah, terutama yang berkaitan dengan rekod hasil pembelajaran kanak-kanak. Daripada temu bual yang dijalankan, kebanyakan komunikasi dilakukan dengan kaedah biasa, terutama melalui hubungan langsung dan lisan apabila guru/pembantu guru berjumpa dengan ibu bapa semasa waktu sekolah.

Kami juga menyemak sistem pengekalan rekod yang digunakan dan didapati tidak ada format yang standard yang digunakan. Adalah dicadangkan supaya satu sistem piawai yang lebih interaktif/kemas dibina supaya rekod dan aspek perhubungan ini dapat dijalankan. Dalam aspek ini, sistem pendidikan cuba beralih kepada sistem e-learning supaya rekod perjumpaan ini dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih baik. Jadual 4.5 menunjukkan skor purata persepsi ibu bapa terhadap sikap guru dan penolong guru tabika perpaduan.

Jadual 4.5: Skor Purata Persepsi Ibu bapa Terhadap Sikap Guru Dan Penolong Guru

Skor	Keterangan
4.35	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan menunjukkan sikap yang baik dengan berkongsi pengetahuan, idea dan pengalaman dengan orang lain
4.25	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan memberi motivasi dan rangsangan kepada anak saya untuk belajar
4.32	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan memberi maklumat tentang perkembangan anak saya di tabika
4.19	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan memantau, menilai, merekod dan melaporkan hasil pembelajaran kanak-kanak
4.24	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan adalah model contoh dalam tabika dan masyarakat melalui tingkahlaku dan penampilan
4.34	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan melayan saya dengan adil dan dengan penuh hormat

Kemahiran Guru

Secara keseluruhan, ibu bapa berpuas hati dengan kemahiran yang ada pada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan kecuali untuk item21 yang mengatakan bahawa guru dan penolong guru mampu menyesuaikan kaedah pembelajaran dan pengajaran kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak istimewa (3.8306), item22 yang mengatakan bahawa guru dan penolong guru mengubahsuai teknologi moden dalam proses pembelajaran (3.8238), dan item23 yang mengatakan bahawa guru dan penolong guru menggunakan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sebagai salah satu kaedah pembelajaran (3.7976) di mana skor pada skala Likert adalah kurang daripada 4.

Daripada dapatan skor yang dijelaskan dalam jadual berikut, aspek kemudahan teknologi mencatat paras yang agak rendah. Dalam dunia pendidikan pada masa kini, ICT merupakan satu-satunya kaedah yang wajib digunakan. Dalam pertemuan dengan guru/penolong guru, ramai yang mengetengahkan hal ini sebagai satu perkara yang banyak menghimpit/mengekang kaedah pembelajaran di Tabika Perpaduan.

Di samping itu, rungutan yang dinyatakan oleh guru/pembantu guru ialah ketiadaan kemudahan ICT banyak melambatkan tugas pentadbiran yang akhirnya memberi kesan kepada mutu pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Jadual 4.6 menunjukkan skor purata kemahiran guru dan penolong guru.

Jadual 4.6: Skor Purata Kemahiran Guru dan Penolong Guru

Skor	Keterangan
4.17	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mengetahui kekuatan dan kelemahan anak saya dan memberi bantuan tambahan apabila diperlukan

4.18	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mempunyai kemahiran untuk memberi pengaruh positif terhadap tingkahlaku kanak-kanak
4.15	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang isi pembelajaran yang diajarkan
4.10	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan merancang pembelajaran berasaskan tema yang bersesuaian
3.83	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mampu menyesuaikan kaedah pembelajaran dan pengajaran kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak istimewa dan kurang upaya
3.82	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mengubahsuai teknologi moden dalam proses pembelajaran
3.79	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan menggunakan kemudahan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) sebagai salah satu kaedah pembelajaran kanak-kanak sama ada secara individu atau berkumpulan
4.9	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dan mampu mempersembahkan bahan pembelajaran dengan jelas serta memeriksa pemahaman dan hasil pembelajaran kanak-kanak
4.12	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan membina suasana pembelajaran yang positif dan kondusif (selesa) serta memotivasikan kanak-kanak melalui kaedah yang bersesuaian
4.15	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan menggalakkan pembelajaran efektif melalui aktiviti dan pembelajaran berkumpulan dan kaedah pengajaran secara berkumpulan
4.18	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan merancang pengajaran, menyediakan kaedah pengajaran dan prihatin kepada perkembangan pembelajaran kanak-kanak
4.23	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan mempunyai prestasi yang memuaskan dan memberangsangkan

Kurikulum

Secara keseluruhan, ibu bapa berpuashati dengan kurikulum yang disediakan untuk pembelajaran dan pengajaran tabika perpaduan. Meskipun skor yang tinggi pada bahagian kurikulum, perlu diingatkan bahawa aspek perpaduan masih menjadi agenda utama kepada tertubuhnya Tabika Perpaduan.

Cabaran besar ialah untuk mengintegrasikan komponen perpaduan ke dalam kurikulum kementerian sedangkan kurikulum diletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Masalah utama ialah untuk mengetahui sejauh manakah kordinasi antara jabatan-kementerian ini boleh dilakukan dan penyemakan semula kurikulum.

Di samping itu, proses penyemakan kurikulum bukanlah merupakan sesuatu yang mudah dan murah dan menjadi masalah besar jika tidak ada jawatankuasa yang khusus melihat aspek kurikulum dalam pendidikan pra-sekolah. Jadual 4.7 menunjukkan skor purata kemahiran guru dan penolong guru.

Jadual 4.7: Skor Purata Kemahiran Guru dan Penolong Guru

Skor	Keterangan
4.35	Kurikulum tabika adalah berlandaskan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia
4.9	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan memberi kerja rumah yang berguna dan pada kadar yang bersesuaian
4.7	Kemahiran yang diperoleh oleh anak saya menggambarkan secara tepat pembelajaran yang diterima
4.21	Saya mengetahui bahawa anak saya sepatutnya akan dapat menguasai 3M: membaca, mengira dan menulis, tahun ini

Perpaduan

Secara keseluruhan, ibu bapa berpuashati dengan semangat perpaduan yang cuba dipupuk oleh Tabika Perpaduan. Ibu bapa masih mempunyai persepsi yang agak rendah (ragu-ragu) ke atas keupayaan anak-anak untuk menerapkan konsep perpaduan secara lebih menyeluruh. Skor bahagian ini agak tinggi mungkin disebabkan oleh majoriti responden adalah dari golongan ahli rukun tetangga yang sememangnya merupakan kelab yang sudah sedia maklum dengan hal-hal kesatuan di peringkat komuniti.

Jadual 4.8 menunjukkan skor purata perpaduan di kalangan guru dan penolong guru. Pada kebiasaannya, skor yang tinggi seperti ini agak normal bagi mereka yang secara rela hati sering/ingin terlibat dalam aktiviti kesukarelewaan. Walau bagaimanapun, skor dari aspek keyakinan adalah secara relatifnya rendah (4.18) mungkin disebabkan pelbagai faktor antara lain:

- Tidak banyak kepelbagaian (etnik) di sesebuah Tabika Perpaduan
- Tidak ada program antara Tabika Perpaduan pelbagai etnik, contohnya melalui lawatan balas/kunjungan suai kenal/ziarah yang dilakukan
- Konsep perpaduan itu susar untuk dinilai secara visual

Adalah diharapkan agar aspek keyakinan ini boleh ditingkatkan dengan pelbagai kaedah, antara lain:

- Membina kurikulum yang berteraskan perpaduan
- Menyusun program perpaduan pelbagai etnik
- Mewujudkan hubungan langsung/interaktif/kumpulan sosial antara Tabika Perpaduan
- Membawa aktiviti Tabika Perpaduan melalui aktiviti Ahli Rukun Tetangga

Jadual 4.8: Skor Purata Perpaduan di Kalangan Guru dan Penolong Guru

Skor	Keterangan
4.34	Anak saya seronok dan suka untuk menghadirkan diri ke Tabika Perpaduan kerana dapat berkawan dengan kanak-kanak dari pelbagai kaum
4.27	Jabatan Perpaduan memberi perhatian yang tinggi ke arah usaha meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak Tabika Perpaduan
4.24	Program Tabika Perpaduan berjaya memupuk semangat perpaduan di kalangan kanak-kanak
4.33	Langkah untuk menanam semangat perpaduan mestilah dimulakan diperingkat kanak-kanak pra-sekolah seperti mana yang berlaku di Tabika Perpaduan
4.19	Suasana dan persekitaran di Tabika Perpaduan senantiasa memberi penekanan kepada aspek perpaduan di kalangan kaum
4.18	Saya yakin anak saya akan memahami maksud dan pentingnya perpaduan kaum selepas tamat pendidikan di Tabika Perpaduan

Pengurusan Tabika

Secara keseluruhan, ibu bapa berpuashati dengan pengurusan Tabika Perpaduan kecuali untuk item 34 yang mengatakan bahawa Tabika Perpaduan menggunakan sumber-sumber dari masyarakat untuk menambahbaikkan pembelajaran kanak-kanak (3.7590) dan item 35 yang mengatakan bahawa komunikasi antara rumah dan Tabika Perpaduan adalah kerap dan berguna (3.9715).

Daripada skor yang diperoleh, jaringan komuniti /komunikasi masih merupakan lompong yang perlu dirapatkan. Selaras dengan skor keyakinan yang rendah dalam bahagian (kurikulum), program Tabika Perpaduan perlu dimasyarakatkan dengan cara yang lebih agresif. Jadual 4.9 menunjukkan skor purata pengurusan Tabika guru dan penolong guru.

Penyusunan semula Tabika Perpaduan perlu menitikberatkan kepentingan komuniti setempat yang ingin satu kemudahan yang baik dan bertepatan dengan objektif tertubuhnya Tabika Perpaduan. Ini bermaksud Tabika Perpaduan mestilah disusun semula untuk menepis tanggapan bahawa program ini tidak lagi relevan dalam keadaan semasa. Usaha untuk memartabatkan Tabika Perpaduan mestilah dilihat dari aspek antara lain:

- Dasar Negara
- Sumber Manusia - (guru/pembantu guru) ("feeder"/pembekal kepada program pemata pintar)
- Institusi Komuniti
- Piawaian

Jadual 4.9: Skor Purata Pengurusan Tabika Guru dan Penolong Guru

Skor	Keterangan
4.22	Tabika Perpaduan mempunyai harapan dan jangkaan yang tinggi ke atas keupayaan anak saya
4.00	Tabika Perpaduan mempunyai kemudahan pembelajaran yang mencukupi
4.11	Tabika Perpaduan mempunyai tanggungjawab sosial serta inisiatif untuk menghubungi saya sekiranya anak saya tidak hadir ke tabika
4.18	Pengurusan Tabika Perpaduan adalah mesra dan mempunyai suasana yang menyenangkan
4.23	Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan dan pihak pengurusan tabika mengambil berat tentang kanak-kanak di Tabika Perpaduan
3.75	Tabika Perpaduan menggunakan sumber-sumber dari masyarakat untuk menambahbaik pembelajaran kanak-kanak
3.97	Komunikasi antara rumah dan Tabika Perpaduan adalah kerap dan berguna
4.37	Secara keseluruhan, saya amat berpuas hati dengan Tabika Perpaduan yang dihadiri oleh anak saya

Penglibatan Ibu Bapa

Secara keseluruhan, ibu bapa bersetuju dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti Tabika Perpaduan kecuali yang mengatakan bahawa ibu bapa terlibat dalam perancangan dan proses membuat keputusan di Tabika Perpaduan anak mereka (3.8907). Kompetensi dari segi kesempitan (accessibility) program ini kepada masyarakat menunjukkan skor yang agak tinggi.

Jadual 4.10 menunjukkan skor purata penglibatan ibu bapa. Dari satu segi, ibu bapa sedar bahawa mereka juga memainkan peranan yang penting dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak. Sebaliknya, ibu bapa masih ingin mencari satu kaedah bagaimanakah mereka boleh memainkan peranan yang lebih langsung (terbuka) untuk menjadikan idea/pemikiran mereka sebagai input dalam menjadikan Tabika Perpaduan tempat pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

Skor ini juga membawa maksud bahawa ibu bapa mungkin mempunyai idea untuk membaiki keadaan dan skor yang rendah ini menggambarkan kekecewaan di kalangan ibu bapa. Kekecewaan ini mungkin berpunca dari segi:

- Tidak ada ruang untuk berkomunikasi selain dari saluran biasa
- Program yang sama dan tidak pelbagai
- Sikap dan jangkaan (expectation) yang berbeza
- Peranan PIBG yang tidak aktif ataupun tidak ada
- Sikap tidak mengambil berat di kalangan ibu bapa

Jadual 4.10: Skor Purata Penglibatan Ibu bapa

Skor	Keterangan
4.13	Saya menghadiri perjumpaan guru dan ibu bapa yang diadakan
4.42	Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membantu proses pembelajaran anak mereka
4.20	Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti adalah disokong dan digalakkan di Tabika Perpaduan
4.10	Saya merasa selesa menghubungi pihak pengurusan Tabika Perpaduan untuk memberi pandangan dan cadangan
3.89	Ibu bapa terlibat dalam perancangan dan proses membuat keputusan di Tabika Perpaduan anak saya

Meskipun skor penglibatan ibu bapa adalah agak rendah, persepsi ini mungkin boleh diubah sekiranya pelbagai langkah dilakukan untuk mempertingkatkan prestasi Tabika Perpaduan. Langkah ini perlu komprehensif dan menyeluruh yang melibatkan semua komitmen seluruh pihak.

CABARAN

Pendidikan awal adalah satu elemen yang cukup penting dalam pembinaan siasah seseorang individu. Pendidikan yang sempurna perlu bermula seawal umur kanak-kanak lagi. Hakikat yang perlu kita ketahui daripada fakta yang dikemukakan oleh pakar perkembangan dan psikologi kanak-kanak, di usia umur enam tahun pertama inilah peringkat yang paling optimum dan paling pantas perkembangan mereka berbanding dengan peringkat-peringkat atau tahap umur yang lebih dewasa dalam kehidupan seseorang manusia.

Pakar perkembangan dan psikologi kanak-kanak berpendapat lebih separuh daripada perkembangan intelektual kanak-kanak berlaku dari usia satu hingga empat tahun manakala satu pertiga yang lain lengkap sempurna perkembangannya apabila mencapai umur lapan tahun. Pernyataan daripada hasil-hasil kajian ilmiah sama ada di Timur atau Barat membuktikan bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah asas kepada pembinaan dan pengukuhan sesuatu bangsa.

Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat misalnya menunjukkan bahawa setiap nilai dolar yang dilaburkan untuk pendidikan awal yang berkualiti tinggi dapat memberikan pulangan yang tinggi sama ada dari segi perkembangan ekonomi mahupun perkembangan sosial kehidupan masyarakat di negara tersebut.

Cabaran Utama

Program Tabika Perpaduan dilihat sebagai satu-satunya rancangan yang menggabungkan objektif perpaduan dan sistem pendidikan negara. Seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia (Februari 2010) sistem pra-pendidikan akan mengalami proses transformasi pada masa akan datang. Program Transformasi Kerajaan (PTK) telah menetapkan sasaran untuk memperbaiki pra-sekolah di negara pada tahun 2012.

- Mereka yang berminat untuk menubuhkan pra-sekolah akan menikmati insentif seperti geran, pelepasan cukai dan pinjaman.
- Dalam belanjawan 2010, sebanyak RM48 juta telah dialokasikan untuk pembangunan pra-sekolah dan memberi latihan kepada guru pra-sekolah di sektor kerajaan dan swasta.
- Pengenalan kepada Kurikulum standard prasekolah kebangsaan (KSPK) untuk semua pra-sekolah pada 2011.
- Untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak dalam pra-sekolah iaitu daripada 67% (342,706) pada tahun 2009 kepada 87% (447,556) pada tahun 2012.
- Kerajaan telah merancang untuk membina 4,194 kelas baru untuk pra-sekolah.

Kajian ini menjadikan sasaran di atas sebagai rangka kerja yang penting untuk membentuk pelbagai saranan dan cadangan yang boleh dilakukan ke atas program tabika Perpaduan. Hakikat penting yang mesti diterima oleh program Tadika Perpaduan ialah menggabungkan aspek pendidikan awal dengan mesej perpaduan yang ingin ditanam di kalangan kanak-kanak di peringkat pra-persekolah.

Dari satu segi, peringkat umur pra-persekolahan merupakan kohort umur yang belum lagi mengenali erti prejudis/pilih kasih dan segala bentuk diskriminasi yang negatif. Maka, peringkat umur ini merupakan tahap yang paling sesuai untuk menerima ideologi perpaduan negara dengan mudah dan telus.

Tetapi, kita juga berhadapan dengan hakikat bahawa ibu bapa dan guru-guru memberi penekanan yang agak berbeza antara lain golongan ibu bapa dan guru-guru inginkan kanak-kanak yang boleh menerima komponen akademik (membaca, mengira) yang mesti diterapkan seawal mungkin. Hakikat ini boleh menjadikan aspirasi untuk menerapkan objektif perpaduan menjadi lebih terhimpit dan sukar. Keadaan ini lebih sukar jika:

- Tadika tidak mempunyai komposisi anak-anak yang pelbagai kaum. Dengan keadaan persekitaran yang seumpama ini, maka mesej perpaduan terpaksa diajar/diterapkan secara akademik dan ilmiah sahaja. Jika komposisi kelas adalah dari pelbagai kaum, maka kanak-kanak boleh mempunyai pengalaman yang lebih pratikal dan keadaan ini akan melahirkan kanak-kanak yang lebih peka/terbuka kepada isu perpaduan.
- Mesej perpaduan menjadi semakin sukar sekiranya perpaduan melibatkan kepentingan dan faktor ideologi politik yang pelbagai. Contohnya, di kalangan Tadika yang terdiri dari mono-etnik (contohnya terdiri dari orang Melayu sahaja, orang Tionghua sahaja atau sebagainya), mungkin lebih sukar untuk menerapkan nilai perpaduan sekiranya berlaku perpecahan mengikut ideologi politik yang pelbagai.

Perkara ini akan menjadi lebih berat sekiranya ibu bapa dan guru-guru menanam perbezaan politik yang keterlaluan sehingga mempengaruhi

persepsi perkauman/kelompok di kalangan kanak-kanak. Akhirnya, meskipun komuniti adalah sebangsa, tidak semestinya hal-hal perpaduan/kesatuan/keharmonian dapat diterapkan dengan semudah yang diharapkan. Kedua-dua persoalan di atas merupakan premis segala cadangan yang difikirkan perlu untuk dilakukan untuk membaiki program kompetensi guru di Tabika Perpaduan.

PANDANGAN DAN CADANGAN DI KALANGAN IBU BAPA

Pada keseluruhannya, ibu bapa memberi komen yang agak positif terhadap peranan Tabika Perpaduan. Terdapat juga responden yang mengharapkan Tabika Perpaduan meningkatkan kebersihan bilik darjah dan harapan semoga guru menjadi lebih tegas. Pandangan ibu bapa terhadap peranan guru dan penolong guru Tabika Perpaduan adalah baik dan memuaskan. Guru dan penolong guru dianggap berperanan besar dalam membentuk jati diri kanak-kanak, selain menjadi ejen perpaduan negara.

Namun begitu, terdapat juga pandangan ibu bapa supaya guru dan penolong guru meningkatkan kepekaan terhadap pelajar, lebih profesional dan patuh kepada peraturan Tabika, sentiasa mencari idea baru bagi meningkatkan minat kanak-kanak terhadap pelajaran, dan meningkatkan pergaulan dengan ibu bapa. Guru dan penolong guru juga diharapkan supaya dapat menguasai ilmu teknologi maklumat bagi meluaskan ilmu dan pengurusan.

KEMUDAHAN FIZIKAL DAN INFRASTRUKTUR

Dari pemerhatian kerja lapangan yang dijalankan, terdapat perbezaan yang nyata dari segi kemudahan infrastruktur yang disediakan di Tabika Perpaduan di seluruh negara. Kemudahan yang disediakan di Tabika Perpaduan di bandar menampakkan persekitaran yang lebih ceria meskipun mempunyai sumber pembiayaan yang sama. Ini bermakna kemudahan yang terdapat di bandar mempunyai keupayaan untuk menggunakan kemudahan/rantaian setempat untuk menambah peralatan (buku, bahan bacaan) yang diperlukan.

Rungutan utama yang sering didengar daripada guru-guru Tabika luar bandar adalah tentang kemudahan yang tidak selaras dengan keperluan semasa. Ini serba sedikit menjejaskan usaha guru/pembantu guru untuk menggunakan kaedah pembelajaran/pengajaran terkini yang lebih berkesan.

MODUL PENGAJARAN

Pada kebiasaannya, modul pengajaran disemak dalam tempoh 4-5 tahun untuk memastikan bahawa modul masih sesuai untuk digunakan. Sekiranya perkara ini tidak dilakukan, maka semakin semula ke atas modul dilakukan untuk memberi penekanan ke atas perkara berikut:

- Kompetensi Kecerdasan Emosi di mana kecerdasan emosi (EQ) adalah pra-syarat untuk keberkesanan cara berfikir seseorang individu. Tahap kompetensi

Kecerdasan Emosi guru-guru akan menentukan tahap pencapaian kecerdasan emosi di kalangan kanak-kanak melalui pengwujudan suasana bilik darjah yang menyokong perkembangan emosi secara sihat.

Seorang guru/pembantu guru yang berkesan dan berjaya adalah seorang yang dapat menangani emosi negatif dengan cara yang sihat dan berkesan. Gambar rajah di bahagian lampiran laporan ini menunjukkan pelbagai pendekatan dan model yang pernah dibangunkan untuk menjelaskan tentang inventori yang terkandung dalam modul kopetensi emosi untuk kurikulum pendidikan dan pengajian di institusi pendidikan.

Berdasarkan pandangan Berger (1983) ini pihak pengurusan sekolah harus memainkan peranan sebagai morale builder, program designer, and program coordinator dengan mengamalkan dasar pintu terbuka, menyediakan bilik pertemuan dengan ibu bapa, menyelaras mesyuarat dan bengkel dengan ibu bapa, dan memberi sokongan kepada PIBG.

Para guru boleh bertindak sebagai fasilitator, kaunselor, penyelaras program, dan sumber serta kawan kepada ibu bapa. Kedua-dua pihak guru dan ibu bapa hendaklah bersikap terbuka dalam usaha memperbaiki keputusan anak dan murid-murid masing-masing. Mengikut Berger (1983), untuk menjayakan “educational partnership” ini pihak sekolah mesti menjemput ibu bapa untuk melibatkan diri dan ibu bapa mesti memberi respon seperti yang disebut oleh Hughes dan MacNaughton (2003). Komunikasi dua hala yang paling efektif untuk mewujudkan kerjasama dan respon dari pihak ibu bapa.

Komunikasi ini dapat dikekalkan melalui PIBG, lawatan ibu bapa ke sekolah, dan penyertaan dalam aktiviti sekolah (Berger, 1983). Selain itu terdapat empat prinsip yang dapat membantu para guru untuk memastikan hubungan ibu bapa, guru, dan komuniti lebih bermakna dari kajian yang dilakukan oleh Hughes dan MacNaughton (2003) iaitu mengalu-alukan kedatangan ibu bapa dan komuniti lain ke sekolah mereka, menerangkan pengurusan dan perjalanan aktiviti di sekolah untuk mengurangkan kebimbangan ibu bapa dan penjaga pelajar, sentiasa menerima ibu bapa yang pelbagai sosio-budaya, dan mengalu-alukan sumbangan daripada ibu bapa, pengetahuan, serta idea mereka dalam mendidik anak.

Manakala Laporan Hargreaves (1995) pernah menyatakan “parental commitment is a cornerstone of the schools success. If parents are interested in their children’s schooling, ... are supportive of the school’s endeavors, ... act in partnership with teachers, then the children will achieve more in school”. Oleh itu rumusannya bolehlah dikatakan pengenalan model hubungan sekolah dan komuniti ini adalah merupakan cadangan bagi pertukaran idea serta perkongsian bijak antara pihak sekolah dan ibu bapa bagi faedah bersama.

IMPLIKASI

Seperti yang dinyatakan dalam bab (4), ibu bapa mempunyai tahap keyakinan yang agak rendah/ sederhana terhadap peranan Tabika Perpaduan dalam menanam semangat perpaduan di kalangan anak-anak. Implikasi daripada skor yang sederhana/rendah dari segi aspek keyakinan ibu bapa, maka konsep perpaduan dan kerjasama di kalangan komuniti tidak dapat diwujudkan dengan lebih menyerlah.

Adalah malang jika aspek ini terus diketepikan dan Tabika Perpaduan akan dijadikan satu institusi yang hanya mementingkan aspek kepentingan akademik. Kanak-kanak ini akan membesar dan menjadi golongan yang terlalu ‘elitist’ dari segi pendirian hingga menjadikan objektif akademik sebagai kayu ukur yang mutlak.

Sekiranya ini berlaku secara berterusan, sistem pendidikan negara akan dibebankan dengan golongan yang tidak mempunyai kemahiran insaniah yang sangat-sangat diperlukan untuk bersaing dan berdaya maju. Sehubungan itu, kita terlepas peluang untuk memupuk semangat cinta akan keamanan dan perpaduan di peringkat umur yang strategik yang belum lagi kenal erti prejudis yang melampau. 1

CADANGAN

Tindakan utama yang harus diambil ialah berusaha untuk terus meningkatkan prestasi akademik kanak-kanak kerana ibu bapa akan tetap melihat pencapaian ini sebagai kayu ukur.

Dalam jangka panjang, prestasi ini akan terus menjadikan Tabika Perpaduan terus relevan dalam konteks sistem pendidikan negara. Dalam kita meletak ini sebagai kayu ukur, aspek kemahiran insaniah dan bukan akademik mestilah diberi penekanan yang sewajarnya. Penyemakan kurikulum Tabika Perpaduan perlu digubal untuk menyeimbangkan perkara tersebut dan Jabatan Perpaduan mestilah mempunyai pakar (resource person) untuk memastikan isu ini diketengahkan sebagai agenda pembangunan bangsa.

Selain itu, pengubalan kurikulum mestilah mengambil kira realiti politik, impak globalisasi media massa, dan juga perubahan status sosio-ekonomi negara. Hal seperti ini merupakan dinamik dalam proses mengukuhkan perpaduan negara yang merupakan satu kedudukan yang rapuh (fragile) dan mudah dimanipulasikan oleh golongan/anaisir yang mencabar kedaulatan negara.

IMPLIKASI

Sebagaimana yang pernah dinyatakan sebelumnya, keyakinan di kalangan ibu bapa agak rendah dari aspek keyakinan mereka terhadap program Tabika Perpaduan. Meskipun skor adalah di atas paras purata, tetapi skor berkaitan aspek ini secara relatifnya adalah rendah berbanding dengan aspek yang lain. Tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa sanggup berbelanja besar terhadap pendidikan anak-anak terutama sekali di peringkat pendidikan awal.

Besar kemungkinan pada masa akan datang ibu bapa mempunyai banyak pilihan untuk memilih tabika yang mampu memenuhi nilai wang yang mereka laburkan dalam pendidikan anak-anak. Ini terjadi apabila sektor dan keperluan pendidikan menjadi sektor yang semakin kompetitif dan ini adalah perkara biasa dalam proses negara menuju ke tahap negara maju.

Keperluan dan jangkaan (expectation) yang tinggi mungkin akan menjadikan Tabika Perpaduan program yang tidak lagi relevan dari segi keperluan dan permintaan komuniti. Akhirnya, Tabika Perpaduan dijadikan tempat menempatkan golongan yang “kurang bermotivasi” kerana tiadanya pilihan lain dan ini pula akan mendatangkan impak yang negatif kepada program berkenaan.

CADANGAN

Oleh kerana boleh dikatakan hampir tiada langsung perbezaan di antara guru dan kemudahan yang disediakan oleh Tabika Perpaduan dan tadika swasta, maka sudah tentulah ada unsur lain yang mempengaruhi ibu bapa menghantar anak mereka ke pra-sekolah swasta. Disebabkan skop kajian yang kecil, iaitu terhadap kemudahan dan guru sahaja maka penyelidik mencadangkan agar kajian dilakukan terhadap pembolehubah luaran iaitu kurikulum dan kaitan politik dengan persepsi ibu bapa terhadap perpaduan.

Kemungkinan dua agenda ini menjadi faktor utama mengapa ibu bapa tidak menghantar anak mereka ke Tadika Perpaduan memandangkan aspek-aspek yang telah dibincangkan tidak memberikan perbezaan yang ketara.

Selain dari itu, kemungkinan lain adalah disebabkan kurangnya populariti Tabika Perpaduan adalah kerana tiada publisiti terhadap tabika ini. Ibu bapa masih tertanya-tanya tentang Tabika Perpaduan. Berdasarkan maklumbalas yang didapati, ramai di antara responden yang memberikan maklumbalas “tidak pasti” terhadap soalan yang dikemukakan.

Ini membawa maksud bahawa ibubapa mempunyai kurang maklumat terhadap Tabika Perpaduan. Dengan ini dicadangkan agar kerajaan mengadakan publisiti secara besar-besaran terhadap PERPADUAN dengan memberikan maklumat yang jelas terhadap ibubapa berkenaan dengan kurikulum, kelayakan guru, dan kemudahan yang disediakan oleh PERPADUAN.

Merujuk kembali kepada perenggan yang pertama, pihak berwajib sepatutnya mengenengahkan beberapa perkara bagi menjelaskan keadaan sebenar tentang Tadika Perpaduan terutamanya dari aspek yang mencatatkan perbezaan ketara iaitu kemudahan kerusi meja, keprihatinan guru Tabika Perpaduan, pengalaman guru serta tahap disiplin pelajar Tabika Perpaduan. Sehubungan itu, program mestilah disusun supaya Tabika Perpaduan dijadikan satu “sistem feeder” kepada program yang lebih menyerlah seperti Program Pintar Negara, Sekolah Bistari, sekolah kluster ataupun institusi pengajian yang cemerlang.

IMPLIKASI

Walau bagaimanapun, Tabika Perpaduan tidak boleh berdiri /dirancang dibangunkan terpisah dari keperluan masyarakat. Kualiti keluarga yang baik boleh menjayakan prestasi ahli keluarga termasuk anak yang juga berperanan sebagai pelajar di pelbagai institusi belajar. Selain itu kajian ini boleh digunakan sebagai panduan bagi merancang program penambahbaikan institusi keluarga dan mempertingkatkan prestasi sumber manusia.

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat menerima dan mengakui kepentingan Tabika Perpaduan sebagai ejen perubahan yang boleh membawa mesej perpaduan. Adalah dicadangkan agar kajian kes ini dapat dilanjutkan lagi dengan mengumpul persepsi kanak-kanak lepasan Tabika Perpaduan yang meneruskan persekolahan di tahap menengah dan selanjutnya. Hasil kajian seperti ini akan menjadi satu kaedah untuk membentuk ‘inkubator’ yang boleh dijadikan makmal melihat persepsi dan amalan kanak-kanak dan remaja terhadap konsep perpaduan dan integrasi nasional.

Selain itu, dengan mengasingkan kategori ibubapa kepada kategori ibu dan kategori bapa juga dapat menambahkan maklumat tentang sama ada terdapat perbezaan pandangan di antara ibu dengan bapa. Hasil kajian ini diharap dapat membantu mereka yang ingin mengenalpasti skor kopetensi guru/pembantu guru serta mengenalpasti masalah yang ada pada mereka serta memperbaikinya dengan segera. Sesebuah institusi pra-sekolah seperti Tabika Perpaduan yang baik adalah pentas untuk menyemai nilai perpaduan, integriti, serta cinta akan kedamaian dan kemufakatan dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia.

KESIMPULAN

Pada dasarnya, Malaysia sebagai negara yang unik dari segi kepelbagaian kaum merupakan satu-satunya negara di dunia yang mempunyai model perpaduan dalam pembangunan negara. Tidak banyak contoh yang dapat dirujuk kepada dunia luar terutama dari segi acuan dan model yang baik untuk menerapkan nilai perpaduan untuk meneruskan agenda pembangunan negara.

Malah, contoh negara luar yang menerapkan aspek perpaduan dalam sistem pendidikan hampir tidak ada. Atas landasan ini, Malaysia perlu menggubal model perpaduan-pendidikan-pembangunan negara dengan acuan yang tersendiri dan acuan ini mesti dibentuk di atas realiti semasa.

Maka, kajian ini penting dalam konteks model yang ingin dibina di mana soal perpaduan tidak boleh dikompromi dengan soal-soal ekonomi dan politik. Program Tabika Perpaduan mestilah diteruskan tetapi program ini mesti diubahsuai untuk mengambil kira realiti dan cabaran semasa.

Perubahan ini mestilah bermula dengan penyusunan semula dari segi tenaga pengajar, infrastruktur, latihan, kewangan, kurikulum, dan persaingan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara. Akhir sekali, program Tabika Perpaduan mestilah berusaha untuk terus menjadi relevan dalam konteks pilihan rakyat yang selari dengan proses pembangunan Negara dan program transform kerajaan.

KAJIAN PEMAHAMAN, PERSEPSI DAN PENERIMAAN BELIA SABAH DAN SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1 MALAYSIA

Oleh:
Prof Madya Dr Sarjit Siingh Darshan Singh
Universiti Putra Malaysia (UPM)

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah sedang membangun dan sedang bersaing untuk mencapai kemajuan seperti negara maju, iaitu Amerika Syarikat, Britain dan sebagainya. Oleh itu, Malaysia meletakkan sasarannya untuk mencapai status negara maju ketika tahun 2020.

Namun, banyak perkara yang perlu diberi perhatian dalam mengejar pembangunan kerana pelbagai aspek perlu dipadankan dengan kepelbagaian kaum dan budaya yang terbentuk melalui sejarah pembentukan negara. Perkara utama yang perlu ditekankan adalah perpaduan antara kaum yang wujud di Malaysia mesti di perkuatkan terlebih dahulu supaya kemajuan yang ingin dicapai akan sama-sama dapat dinikmati.

Berdasarkan Stiglitz (2002) menekankan bahawa dalam konteks Malaysia, apabila berlakunya sesuatu kegawatan ekonomi yang tenat, penyelesaian ekonomi sahaja ternyata tidak mencukupi kerana seperti yang kita sedia maklum akan hubung kait ekonomi dan etnisiti amat rapat.

Rentetan daripada kepentingan perpaduan kaum telah memperlihatkan kepimpinan negara sejak dahulu lagi meletakkan asas perpaduan dalam setiap dasar dan slogan yang perkenalkan.

1.2 Konsep Gagasan 1Malaysia (G1M)

Gagasan 1Malaysia: "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". telah diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak pada April 2009 sebaik sahaja beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kecelaruhan mulai timbul tentang pemahaman G1M, di mana pelbagai interpretasi berbeza dibahas dalam memahami gagasan berkenaan. Tujuan G1M terutama dalam usaha mempertingkatkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia termasuk komuniti belia.

Pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pemerintah untuk meningkatkan semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda. 1Malaysia dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha gigih kerajaan membina negara bangsa mengikut acuan Malaysia. Sehingga kini masih belum ada satu kajian ilmiah dijalankan untuk meninjau pemahaman dan persepsi serta keterlibatan belia dalam menyahut semangat G1M.

G1M ini tidak mampu mencapai matlamat yang diletakkan sekiranya ia gagal difahami oleh rakyat Malaysia terutama golongan belia. Kemampuan menilai tahap kefahaman belia terhadap G1M akan menjadi satu ukuran dan batu lonjatan

kepada pelan tindakan seterusnya bagi memastikan agenda serta aspirasi negara dapat dipenuhi ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Tidak keterlaluan jika G1M sebagai satu formula untuk merealisasikan aspirasi Negara.

Berdasarkan Booklet 1Malaysia ini menjelaskan bahawa 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang menjadi tunjang kepada amalan setiap anggota masyarakat. Dasar-dasar ini tidak terpisah dan berlainan dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan dan menjamin kestabilan bagi mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih baik untuk rakyat dan negara Malaysia.

Melalui pengertian mengenai G1M ini dapat memperihalkan bahawa konsep ini adalah kesinambungan daripada penerusan hala tuju negara bagi mencapai status negara maju seperti mana yang diilhamkan melalui Wawasan 2020 oleh pemimpin sebelum ini yang mana telah meletakkan syarat utama bagi sesebuah negara yang menginginkan status negara maju perlu mengukuhkan kestabilan perpaduan antara kaum terlebih dahulu. G1M ini menghargai dan menghormati prinsip Perlembagaan Persekutuan dengan mengekalkan identiti etnik setiap kaum dengan menekankan sikap penerimaan budaya setiap etnik dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum.

G1M menekankan kepada asas kepada prinsip keadilan untuk semua kaum di mana nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum lain yang berada pada tahap yang berbeza. Selain itu, G1M ini juga adalah penerusan agenda membina negara yang mana bagi mencapai kemajuan negara, rakyat seharusnya perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang boleh membawa perpaduan yang utuh.

Berdasarkan Booklet 1Malaysia, G1M ini digagaskan berlandaskan dua aspek utama iaitu penerapan teras perpaduan dan penerapan nilai-nilai aspirasi. Penerapan teras perpaduan adalah menerapkan teras tersebut sebagai budaya dan amalan semua rakyat Malaysia bagi menguatkan semangat bersatu padu dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Manakala nilai-nilai aspirasi yang digagaskan dalam G1M ini perlu ada pada masyarakat progresif dan dinamik yang akan memacu negara ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020. Nilai-nilai aspirasi ini akan membantu dalam mewujudkan tenaga kerja yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam persekitaran global dan ini seterusnya membantu melonjakkan kedudukan ekonomi negara ke tahap yang lebih kukuh dan mantap.

Pembentukan Malaysia pada 1963 menyaksikan pelbagai usaha pembangunan telah dilaksanakan dengan pesat sama ada pembangunan fizikal ataupun pembangunan bangsa. Namun masih lagi wujud isu 'pembangunan tempang', 'terpinggir', dan 'tersisih' di negeri Sabah dan Sarawak daripada agenda pembangunan nasional Malaysia. Justeru kajian bagi mamastikan sama ada negeri Sabah dan Sarawak turut mengecapi arus pembangunan negara seperti di negeri-negeri di semenanjung yang semakin maju dan membangun harus dilakukan.

1.3 Penyataan Masalah

Adakah golongan belia memahami intipati G1M? Apakah persepsi mereka terhadap G1M yang mementingkan tema perpaduan? Bagaimana tahap penerimaan serta penglibatan belia terhadap program dan aktiviti G1M? G1M ini juga adalah merupakan kesinambungan idea atau slogan daripada pemimpin sebelum ini termasuklah Islam Hadhari, dan hakikat hala tujunya adalah sama.

Namun bagi Mohd. Asri (2008) yang menyarankan agar pendekatan Islam Hadhari dikaji semula. Menurut beliau, setelah empat tahun berlalu, sebilangan besar masyarakat masih tidak memahaminya, malah ada yang mempertikaikannya. Islam Hadhari tidak membawa apa apa erti dan bagi kebanyakan mereka, Hadhari atau tidak Hadhari, kehidupan adalah biasa. Rakyat yang tidak faham akan lebih keliru dengan pendekatan ini (Adlina, 2011).

Adlina (2011) juga dalam kajiannya menyatakan pendekatan Islam Hadhari merupakan satu perancangan yang memerlukan jangka masa panjang (blueprint) dan tidak boleh diukur keberkesanan pelaksanaannya dalam jangka waktu yang singkat. Bukan mudah untuk merubah pandangan masyarakat agar selari dengan wawasan kerajaan yang memerintah.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah pemahaman belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M.
2. Bagaimanakah persepsi golongan belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M.
3. Apakah tahap penerimaan golongan belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M sebagai pembentuk semangat perpaduan.
4. Bagaimanakah penglibatan golongan belia di Sabah dan Sarawak dalam program dan aktiviti G1M.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengetahui pasti pemahaman belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M.
2. Mengetahui pasti persepsi golongan belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M.
3. Mengukur tahap penerimaan golongan belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M yang mementingkan semangat perpaduan.
4. Mengetahui pasti penglibatan golongan belia di Sabah dan Sarawak dalam program dan aktiviti G1M.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan mengupas pemahaman, persepsi dan penerimaan golongan belia khususnya di Sabah dan Sarawak terhadap G1M. Menjelang 2020, wawasan negara bukan sahaja bermatlamat mencapai negara maju dari segi fizikal tetapi juga mementingkan aspek kerohanian dan perpaduan nasional. Berbanding dengan alaf lepas, kini Malaysia telah membangun dan perlu bersaing dalam konteks globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

Bagi mencapai matlamat tersebut penglibatan belia amat diperlukan. Justeru itu, penglibatan belia adalah kritikal sebagai pemacu utama dalam menyumbang bakat berkebolehan untuk menyokong keperluan sumber manusia dalam pembangunan ekonomi negara (Malaysia, 2010).

Menjelang tahun 2020 dianggarkan komposisi belia akan mencakupi lebih daripada 60 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia (Arena, 2005). Kedudukan ini menjadikan belia sebagai penentu kepada pembangunan negara dari aspek ekonomi, politik dan sosial. Berdasarkan senario ini, apakah belia sudah bersedia mendukung dan merealisasikan hasrat murni kerajaan ke arah meningkatkan semangat perpaduan melalui G1M?

Realitinya, sejak kebelakangan ini generasi muda dilanda pelbagai krisis moral dan nilai sehingga memberi kesan kepada pembangunan modal insan. Belia lebih cenderung untuk terlibat dalam pelbagai bentuk gejala sosial yang memberi kesan besar kepada diri mereka sendiri dan negara. Menurut Turiman et al. (2008b), belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah, pelacuran, perjudian, alkohol, rokok, lepak dan sebagainya.

Sungguhpun belia Malaysia dinobatkan sebagai bakal pewaris dan peneraju tonggak negara, namun keterlibatan belia dalam budaya sering mendapat liputan negatif media massa sebagai generasi yang tidak bersedia untuk merealisasikan aspirasi negara. Persoalannya, sejauhmanakah belia Malaysia memahami dan menerima G1M?

Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman, persepsi dan penerimaan belia dari Sabah dan Sarawak mengenai G1M. Belia perlu memainkan peranan secara proaktif sebagai rakan kongsi dalam pembangunan secara berterusan bagi menyambung usaha pembangunan ke arah mencapai Wawasan 2020 (Turiman et al., 2008a).

G1M ini dapat memberi atau merangsang anggota masyarakat terutamanya golongan belia kerana golongan belia adalah pewaris komuniti yang berpotensi menggalas cabaran dan sebagai penerusan kepada agenda negara bagi mencapai status negara maju.

Oleh itu dengan meneliti kepada jumlah dan kekerapan penyertaan belia terhadap setiap program yang dilaksanakan di atas nama 1Malaysia ini akan mengukur sama ada program 1Malaysia ini dapat membantu dalam aspek pembangunan komuniti atau hanya menjadi satu retorik semata-mata dan langsung tidak membantu ahli komuniti untuk membangun bersama dalam dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan yang memerintah.

1.7 Tinjauan Literatur

1.7.1 Sejarah Slogan di Malaysia

Slogan ialah ungkapan pendek atau motto yang digunakan bagi memperkenalkan dan membina identiti dengan meletakkan slogan sebagai simbol. Di Malaysia tidak kurangnya mengalami perkara yang sama dimana sejak perjuangan menuntut kemerdekaan lagi sehinggalah wujudnya G1M yang diperkenalkan oleh pemimpin tertinggi pada masa kini.

Kamaruddin (2010) mengupas mengenai beberapa slogan kepimpinan terdahulu termasuklah konsep G1M yang diwujudkan selepas beberapa kepincangan dan penolakan pengundi terhadap parti pemerintah sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan. Rentetan dari kemerosotan dan usaha meraih undi dilakukan pelbagai dasar dan slogan telah diperkenalkan bagi membaik pulih dan menjadi kesinambungan kepada dasar terdahulu dan merealisasikan Wawasan 2020.

Kamaruddin (2010) telah mengupas mengenai slogan Dato' Onn yang telah memperkenalkan slogan "Hidup Melayu" semasa zaman pentadbirannya. Dato' Onn telah menggunakan slogan tersebut untuk menyatukan orang Melayu. Namun pada hakikatnya slogan Beliau ini berpihak kepada satu kaum sahaja dan hanya dapat membangkit semangat berpolitik dikalangan Melayu sahaja dan tidak menyatukan semua kaum dalam sebuah pentadbiran politik.

Kamaruddin (2010) turut mengupas mengenai slogan Tunku Abdul Rahman. Beliau tidak melaungkan slogan baru namun mengguna pakai slogan "Merdeka" yang telah diperkenalkan oleh Dato' Onn. Peristiwa 13 Mei (1969) telah membuktikan bahawa slogan yang ada hanya mengisi kalbu politik Melayu hingga Ogos 1957 sahaja. Selepas kemerdekaan, hubungan antara kaum menjadi masalah dan membantut pembangunan sosial komuniti yang menjadi tunjang kepada pembangunan bangsa.

Kamaruddin (2010) juga turut menghuraikan mengenai slogan Tun Abdul Razak yang bermula secara halus dalam bentuk "Laporan Razak" (1957) iaitu dokumen yang berkaitan dengan pelajaran kebangsaan. Melalui dasar ini penekanan diberikan kepada pembentukan identiti baru dengan menjadikan bahasa sebagai pengantara semua kaum di Malaysia. Ungkapan "pembangunan ialah slogan utama yang digunakan oleh Tun Abdul Razak.

Tun Abdul Razak yang telah dikupas dalam karya Kamaruddin, ialah "Rukun Negara" (1970) dan "Dasar Ekonomi Baru" (DEB, 1971). Namun jika diteliti, Rukun Negara yang diperkenalkan lebih bersifat memujuk dan seandainya jurang antara kaum, kian ketara akan menjadi satu persoalan selama mana nilai Rukun Negara menjadi paksi dan benteng terakhir penyatuan antara kaum.

Kamaruddin (2010) turut menjelaskan mengenai slogan Tun Hussein Onn yang diperkenalkan iaitu "Keadilan dan Keberkesanan" yang merupakan kesinambungan kepimpinan sebelumnya yang telah meneruskan agenda negara seperti DEB yang telah dirangka oleh Tun Abdul Razak. Semua agenda besar pembangunan negara, menjadikan slogan "Bersatu" sebagai penggerak dan pembinaan semangat kerjasama dari semua pihak.

Pemimpin yang paling lama menjadi Perdana Menteri di Malaysia ialah Tun Dr Mahathir Mohamad. Kamaruddin (2010) turut mengupas slogan yang paling popular ialah "Wawasan 2020" yang dilancarkan pada 1991. Sebelum berakhirnya kepimpinan Tun Dr. Mahathir, beliau sempat memperkenalkan slogan "Melayu Boleh" supaya rakyat tidak terasa berat dan rendah diri untuk bersiap sedia menghadapi cabaran dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Makalah Kamaruddin (2010) dalam karya beliau turut menjelaskan bahawa slogan "Islam Hadhari" yang telah diperkenalkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi. Slogan ini menekankan kepada pendekatan Islam yang mementingkan pencapaian

pembangunan yang bersesuaian dengan tuntutan ekonomi global Abad ke-21. Namun slogan ini kurang memberi impak kepada pelan tindakan dan kurang mendapat sambutan.

Selepas kegagalan slogan "Islam Hadhari", G1M diperkenalkan. Menurut kupasan dari karya Kamaruddin, G1M lebih relevan dan diberi keutamaan dimana prinsip keadilan semulajadi telah diterapkan bagi setiap program yang dirangka dibawah G1M. Gagasan ini sememangnya lebih baik dari sudut visinya kerana semua kaum diberi keutamaan namun realiti pelaksanaan masih terlalu jauh untuk disimpulkan dan ianya diterima oleh semua lapisan masyarakat dan kaum yang pelbagai di Malaysia.

1.7.2 Tema Pemahaman

Pemahaman disini adalah merujuk kepada perihai beliau memahami, apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu itu difahami oleh beliau tentang mengenai G1M yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri sejak 2009. Sekira sebaliknya berlaku sudah pasti G1M ini tidak akan mendapat sambutan malah akan ditolak dan dikecam hebat oleh beliau yang sentiasa menginginkan pembangunan yang telus dan adil dalam pelaksanaannya.

Kupasan mengenai kefahaman terhadap G1M telah dihurai oleh Tarmizi et al., (2012) mengenai tahap kefahaman responden yang dikaji adalah rendah dan masih ramai yang belum memahami perkara yang terkandung dan berkaitan dengan G1M. Kajian tersebut boleh dikatakan masih terlalu awal untuk semua golongan masyarakat memahami secara mendalam kerana usia G1M ini baru berusia 3 tahun pada ketika kajian dilakukan.

Hal ini turut dinyatakan dalam karya beliau, bahawa penjelasan secara menyeluruh mengenai idea matlamat sebenar G1M adalah masih kabur. Oleh itu, dapatan kajian Tarmizi et al., (2012) belum dapat mengukur dengan tepat tahap kefahaman sebenar masyarakat kerana kerana G1M masih dalam proses memperkenalkan dan mendekati masyarakat yang pelbagai tahap pendidikan dan kepelbagaian latar belakang.

Kajian yang berterusan perlu dilakukan supaya supaya dapat dikenalpasti keupayaan dan tahap kejayaan aktiviti G1M dalam mendekati dan memberi kefahaman kepada semua kelompok lapisan masyarakat di Malaysia.

Kajian Tarmizi et al., (2012) lebih memfokus kepada lokasi terpilih dan secara demografi responden amat jauh berbeza kerana batasan lokasi kajian mereka terarah kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Masyarakat Sabah dan Sarawak amat penting dikaji mengenai tahap kefahaman mereka terhadap yang ditaja oleh kerajaan Malaysia.

Kewujudan pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak lebih mencabar dalam memperkukuhkan hubungan perpaduan di Malaysia. Cabaran pengagihan keadilan sosial juga turut tinggi kerana faktor geografi yang sedikit terpisah dengan negeri-negeri lain di semenanjung. Kajian ini yang menjurus di Sabah dan Sarawak amat penting dan bersifat menyeluruh.

Selain itu, Tarmizi et al., (2012) turut mengupas mengenai dapatan kefahaman peranan G1M terhadap perpaduan kaum. Teras utama dalam G1M menekankan semangat perpaduan melalui teras penerimaan, keadilan sosial, dan teras kenegaraan.

Berdasarkan teras-teras berikut, G1M juga ingin memacu pembangunan negara dari sudut ekonomi dan kesamarataan dari pelbagai aspek. Namun karya Tarmizi et al., hanya lebih menjurus kepada aspek perpaduan kaum sahaja. Oleh itu kupasan dan kajian G1M perlu dilakukan pada aspek yang lebih luas dan pelbagai supaya ianya bertepatan dengan visi gagasan ini diperkenalkan sejak tahun 2009.

Manakala bagi kajian yang dijalankan oleh Rohani et al., (2012) pula menjelaskan bahawa, hasil kajian yang telah dijalankan mendapati responden menunjukkan pemahaman terhadap G1M adalah tinggi. Kupasan karya beliau membuktikan bahawa G1M memberi manfaat kepada semangat pemupukan perpaduan kaum dan kesamarataan.

Namun, kajian yang telah dijalankan ini, hanya menjurus dan diwakili oleh pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan berpengatahuan luas dengan isu semasa. Kajian yang mempelbagaikan latar belakang tahap pendidikan lebih sesuai untuk mewakili secara tepat mengenai tahap kefahaman masyarakat terhadap G1M.

Pengalaman mengikuti program anjuran kerajaan banyak membantu dalam memberi pendedahan kepada individu mengenai G1M. Ketika berada dalam program tersebut, aspek kecintaan kepada negara diterapkan dan diperincikan supaya setiap individu memahami hasrat dan visi kerajaan yang memerintah.

Oleh itu dalam kupasan karya Rohani et al., (2012) mengenai kefahaman pelajar terhadap G1M mendapati bahawa kefahaman para pelajar yang pernah mengikuti PLKN terhadap G1M lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak pernah mengikuti sebarang program jati diri atau bina semangat yang dianjurkan oleh kerajaan.

1.7.3 Tema Persepsi

Persepsi adalah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran, pandangan dan tanggapan tentang apa yang terkandung dalam G1M yang telah diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak. Pelbagai persepsi mengenai G1M telah diutarakan oleh pelbagai pihak termasuklah persepsi negatif mengenai kandungan G1M yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri sejak tahun 2009 yang mungkin akan berlegar sebagai slogan saja tanpa penghayatan kukuh dari semua masyarakat khususnya golongan belia.

Antara definisi melalui fahaman masing-masing tentang G1M ini beranggapan G1M meletakkan hak sama rata, perpaduan, dan sebagainya tanpa merujuk dan mendalami secara ilmiah terlebih dahulu mengenai G1M ini. Berdasarkan seminar pendidikan 1Malaysia yang telah dijalankan di UNITEN melalui pengarahnya "Slogan 1Malaysia sudah sinonim dengan rakyat negara ini tapi ramai yang masih kabur mengenai apakah sebenarnya G1M yang sememangnya perlu difahami oleh masyarakat khususnya mahasiswa" (Berita Harian, 2012).

Kajian Rusniyati dan Sharliana (2012) mengupas persepsi pelajar IPT terhadap faedah dan kepentingan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M). BB1M ini penting kepada pelajar, namun kebanyakan responden lebih mengharapkan sumbangan duit lebih berguna berbanding BB1M yang tempoh penggunaan lebih singkat dan terbatas.

Karya ini menjelaskan G1M melalui agihan baucar buku yang telah diagihkan kepada para pelajar yang majoritinya menyambut baik produk G1M ini. Namun, karya ini hanya terhad dalam mengkaji G1M dari sudut faedah pemberian BB1M sahaja, dan tidak menggambarkan kepada keseluruhan fungsi dan faedah produk selain daripada BB1M.

Kajian Rusniyati dan Sharliana (2012) turut memperihalkan tentang persepsi dan pandangan responden yang dikaji mengenai persepsi bahawa pemberian wang lebih baik dan diperlukan berbanding dengan BB1M kerana kebanyakan dari mereka tidak memerlukan buku rujukan kerana bahan pembelajaran seperti powerpoint slide, nota kursus dan bahan bacaan lain telah disediakan oleh pihak universiti.

Harapan responden mengenai pemberian BB1M sentiasa diteruskan secara berterusan dan bukan bersifat sementara sempena pendekatan memenangi hati rakyat dalam menghadapi pilihanraya yang bakal berlaku. Berdasarkan penjelasan karya ini menampakkan bahawa masih wujud perasaan sangsi mengenai objektif pemberian BB1M sebagai bantuan dalam mengurangkan beban kewangan pelajar semasa di universiti.

Manakala, menerusi karya Ahmad Tarmizi et al., (2012) menjelaskan bahawa terdapat pelbagai respons negatif mengenai G1M ini. Pelbagai andaian terhadap G1M seperti mana memberi persepsi bahawa G1M mempunyai persamaan dengan 'Malaysian Malaysia' yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura. Namun karya Ahmad Tarmizi et al., (2012) hanya menjurus persepsi belia terhadap G1M sahaja. Kejayaan G1M seharusnya turut diukur dari aspek penerimaan belia terhadap G1M, termasuklah program-program yang bertemakan G1M.

1.7.4 Tema Penerimaan

Penerimaan adalah sesuatu yang boleh dikaitkan dengan penerimaan, menerima, penyambutan dan penghargaan melalui perbuatan. Penerimaan kepada G1M ini memperlihatkan tentang sokongan dan kerjasama dalam setiap perkara yang terkandung dalamnya seperti yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia bagi memperkukuhkan perpaduan sebagai asas kepada pembangunan menyeluruh. Beberapa kajian tentang penerimaan masyarakat terhadap G1M telah dijalankan namun lokasi kajian terhad di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kajian Mohd Fuad dan Junaidi (2012) mendapati bahawa 73.1 peratus dalam kalangan belia menyokong hasrat kerajaan dalam memperkukuhkan agenda pembangunan belia negara. Manakala 71.0 peratus belia menyokong dan menghayati G1M: "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Majoriti responden mengambil kira sama ada keperluan mereka dipenuhi atau tidak dari semua aspek terutama aspek ekonomi dan sosial serta kerohanian dan kebebasan bersuara dan berpolitik.

Dapatan tersebut disokong oleh kajian Ismail dan Adnan (2012) mendapati penerimaan responden adalah sederhana. Bagi Ismail dan Adnan (2012) beranggapan rata-rata remaja beranggapan bahawa G1M adalah satu dasar yang baik namun perlu dikaji dan teliti semula dalam pelbagai hal terutamanya berkaitan isu "Kesamarataan" yang menyebabkan hak-hak istimewa orang Melayu semakin terhakis. Mereka menyatakan bahawa walaupun dasar ini dilihat boleh berjaya, namun penerimaan dalam kalangan masyarakat Malaysia kini lebih berdasarkan politik masing-masing.

1.7.5 Tema Penglibatan

Penglibatan G1M menyentuh sejauh manakah belia tersebut terlibat dalam program yang bertemakan 1Malaysia. Penyediaan kemudahan seperti klinik 1Malaysia, kedai 1Malaysia dan pemberian wang 1Malaysia membolehkan individu atau komuniti melibatkan diri bagi mendapat faedah. Penglibatan adalah amat penting bagi golongan sasar sesebuah program pembangunan seperti penglibatan komuniti dalam setiap program yang dianjurkan oleh pihak berwajib bagi meningkatkan kualiti kehidupan dalam pelbagai aspek.

Seandainya sebaliknya berlaku, program yang dianjurkan sudah pasti tidak akan mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Pengkaji telah meneliti beberapa kajian penglibatan dari kalangan komuniti di Sarawak dalam program yang di anjurkan bagi membangunkan kawasan luar bandar. Penglibatan komuniti dalam pembangunan merupakan satu elemen yang penting kerana berperanan memastikan kejayaan serta kelestarian sesebuah projek atau program pembangunan.

Menurut Kalsom dan Nor Ashikin (2005) mendefinisikan penglibatan komuniti sebagai "satu bentuk tindakan sukarela di mana individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab masyarakat". Selain itu, penglibatan komuniti berkait rapat dengan kerjasama antara penduduk di peringkat akar umbi dengan penggerak program yang berpotensi untuk meningkatkan keupayaan setempat (Haslinda & Regina Garai, 2009).

Berdasarkan kajian Haslinda & Regina Garai (2009) mengenai penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar mendapati bahawa tahap penglibatan komuniti tersebut adalah amat rendah. Hal ini disebabkan wujudnya faktor kekurangan maklumat yang disalurkan kepada komuniti, komuniti tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dan juga faktor ketelusan dalam membuat keputusan.

Oleh itu, pengkaji turut menjangkakan perkara yang sama mungkin berlaku kepada G1M jika faktor penyebab keterlibatan yang kurang dari anggota komuniti dalam program yang dijalankan tidak diperkemas dan pelan tindakan yang sewajarnya tidak diambil.

Menurut Tarmizi et al., (2012) penglibatan belia terhadap program-program G1M yang dianjurkan oleh kerajaan adalah sangat rendah bagi semua kelompok etnik. Program-program yang dianjurkan secara keseluruhannya adalah kurang menarik perhatian. Selain itu, program-program G1M yang dilaksanakan adalah baru dan kurang menonjol.

Kurangnya pengetahuan dan perhatian memberi impak kepada dapatan yang diperoleh. Namun dapatan ini masih terlalu awal untuk membuktikan bahawa program yang dianjurkan tidak sesuai kerana punca penglibatan adalah daripada kurang menonjol dan kurang diketahui oleh masyarakat mengenai kewujudan program dibawah anjuran kerajaan yang berasaskan tema 1Malaysia.

1.8 Metodologi

Kajian ini melibatkan komuniti belia di sekitar Sabah dan Sarawak. Dalam bab ini, prosedur mengenai pengumpulan data dan analisis statistik yang digunakan di dalam kajian ini diterangkan. Perbincangan tertumpu kepada lokasi kajian, persampelan, pra uji kajian, analisis, dan limitasi kajian.

1.8.1 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Sabah, iaitu di beberapa kawasan seperti Kota Kinabalu, dan Papar. Manakala di Sarawak, iaitu Kuching, Miri, dan Bintulu. Lokasi kajian tersebut dipilih kerana bersesuaian dengan keadaan masyarakat yang berbilang etnik berbanding Semenanjung Malaysia.

1.8.2 Persampelan

Sampel kajian ini terdiri daripada 400 responden belia berumur (18-40 tahun) dipilih dari kedua-dua negeri tersebut. Kajian ini menggunakan persampelan secara berstrata kemudian secara rawak mudah (random stratified sampling) sebagai teknik persampelan.

Responden menjawab semua borang soal selidik yang telah disediakan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif, iaitu survei (tinjauan). Kaedah penyelidikan ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan maklumat mengenai pemahaman, persepsi, penerimaan dan penerimaan belia terhadap G1M serta mengenal pasti tahap penglibatan belia dalam program dan aktiviti G1M.

1.8.3 Kajian Rintis

Kajian rintis ini dilakukan sebelum pengumpulan data sebenar dijalankan. Ia bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kebolehpercayaan instrumen yang digunakan di mana adakah soalan dapat difahami oleh responden dan sesuai untuk dikaji atau tidak. Melalui kajian rintis, reliabiliti instrumen yang digunakan dapat diukur dan diperbaiki. Kajian rintis ini telah dijalankan sebulan sebelum kajian sebenar dilaksanakan, iaitu sekitar bulan Januari 2013 yang melibatkan 40 orang responden belia daripada pelbagai kaum.

Kajian rintis ini telah dilakukan melalui prosedur Cronbach Alpha yang diasaskan kepada model kekonsistenan dalaman (internal consistency). Semakin nilai Alpha menghampiri 1, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Sekiranya nilai Alpha kurang daripada 0.5, instrumen yang digunakan dalam kajian tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang kurang baik. Tahap kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima jika nilai alpha lebih daripada 0.5, (Noraini Idris, 2010). Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan nilai Alpha bagi setiap bahagian dalam instrumen kajian.

Jadual 1: Nilai Alpha setiap bahagian

Instrumen	Cronbach Alpha
Pemahaman	0.672
Persepsi	0.794
Penerimaan	0.864
Penglibatan	0.892

1.8.4 Analisis Data

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik telah dianalisa dengan menggunakan kaedah Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) Version 19. Statistik diskriptif dalam bentuk frekuensi, peratus, dan min digunakan untuk menghuraikan maklumat tentang latar belakang responden dan memberi gambaran primer untuk angkuah yang diukur.

1.8.5 Limitasi Kajian

Kajian ini terhad kepada belia (18-40 tahun) di dua lokasi kajian sahaja, iaitu di Sabah dan Sarawak. Kesahihan hasil kajian juga ditentukan oleh kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan melalui pengedaran borang kaji selidik untuk kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

2.1 Kenyataan Demografi

Bahagian ini membincangkan maklumat penting yang berkaitan dengan keseluruhan demografi responden. Antaranya maklumat yang berkaitan dengan umur, jantina, kaum, agama, pendidikan peringkat rendah, pendidikan peringkat menengah, tahap pendidikan tertinggi, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan dan status perkahwinan. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 400 orang yakni 200 orang di Sabah dan 200 orang di Sarawak.

2.2 Taburan Umur

Jadual 2: Taburan Umur

Umur Sabah Sarawak Jumlah			
18 - 23	144 (72%)	92 (46%)	236 (59.0%)
24 - 29	43 (21.5%)	50 (25%)	93 (23.3%)
30 - 35	11 (5.5%)	35 (17.5%)	46 (11.5)
36 - 40	2 (1.0%)	23 (11.5%)	25 (6.3%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan responden mengikut julat umur di Sabah dan Sarawak. Secara umumnya sebanyak (59.0%) adalah berumur 18 hingga 23 tahun. Manakala, (23.3%) responden adalah antara 24 hingga 29 tahun. Sebanyak (11.5%) adalah berumur di antara 30 hingga 35 tahun. Selain itu, sebanyak (6.3%) responden berumur di antara 36 hingga 40 tahun.

Responden di Sabah menunjukkan (72%) adalah berumur di antara 18 hingga 20 tahun. Manakala, (21.5%) responden adalah berumur di antara 24 hingga 29 tahun. Sebanyak (5.5%) responden adalah berumur di antara 30 hingga 35 tahun. Selain itu, sebanyak (1.0%) responden adalah berumur 36 hingga 40 tahun.

Berdasarkan jadual turut memperlihatkan statistik umur responden di Sarawak menunjukkan sebanyak (46%) orang adalah berumur di antara 18 hingga 20 tahun. Manakala, sebanyak (25%) responden adalah berumur di antara 24 hingga 29 tahun. Sebanyak (17.5%) responden adalah berumur di antara 30 hingga 35 tahun. Selain itu, sebanyak (11.5%) responden adalah berumur 36 hingga 40 tahun.

2.3 Taburan Jantina

Jadual 3: Taburan Jantina

Jantina	Sabah	Sarawak	Jumlah
Lelaki	99 (49%)	70 (35%)	169 (42.2%)
Perempuan	101 (50.5)	130 (65%)	231 (57.8%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah perempuan, iaitu (57.8%). Manakala, (42.2%) adalah lelaki. Berdasarkan Jadual 3 di atas, jumlah jantina belia di Sabah adalah sebanyak (49%) responden lelaki dan (50.5%) responden perempuan. Selain itu, sebanyak (35%) responden di Sarawak adalah lelaki dan sebanyak (65%) responden adalah perempuan.

2.4 Taburan Kaum

Jadual 4: Taburan Kaum

Kaum	Kekerapan	Peratusan (%)
Melayu	122	30.5
Iban	55	13.75
Bajau	51	12.75
Cina	37	9.25
Dusun	20	5.00
Bugis	18	9.00
Bidayuh	17	4.25
Suluk	14	3.5

Brunei	11	2.75
Melanau	10	2.5
Kadazan	8	2.00
Kenyah	5	1.25
Sino Kadazan	5	1.25
India	3	0.75
Lun Bawang	3	0.75
Ghana/Jawa	3	0.75
Sungai	3	0.75
Murut	3	0.75
Cocos	2	0.5
Bajau suluk	2	0.5
Kayan	1	0.25
Kelabit	1	0.25
Ubian	1	0.25
Rungus	1	0.25
Bisaya	1	0.25
Tidong	1	0.25
Laut	1	0.25
Iranum	1	0.25
Jumlah	400	100

Berdasarkan Jadual 4, secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah Melayu sebanyak (30.50%), seterusnya diikuti dengan kaum Iban dan Bajau dengan masing-masing (13.75%) dan (12.75%).

Manakala, bagi kaum lain seperti kaum Cina sebanyak (9.25%), kaum India sebanyak (0.75%) responden, kaum Bidayuh (4.25%) responden, kaum Kenyah sebanyak (1.25%) responden, kaum Melanau sebanyak (2.5%) responden, kaum Kayan sebanyak (0.25%) responden, kaum Kelabit sebanyak (0.25%) responden, kaum Lun Bawang sebanyak (0.75%) responden, kaum Ubian sebanyak (0.25%) responden, kaum Suluk sebanyak (3.5%) responden, kaum Cocos sebanyak (0.5%) responden, kaum Bajau Suluk sebanyak 0.5% responden, kaum Ghana/Jawa sebanyak (0.75%) responden.

Kaum Rungus sebanyak (0.25%) responden, kaum Sungai sebanyak (0.75%) responden, kaum Murut sebanyak (0.75%) responden, kaum Sino Kadazan sebanyak (1.25%) responden, kaum Kadazan sebanyak (2.0%) responden, kaum Bisaya sebanyak (0.25%) responden, kaum Tidong sebanyak (0.25%) responden, kaum Dusun sebanyak (5%) responden, kaum Laut sebanyak (0.25%) responden, kaum Bugis sebanyak (9.0%) responden, dan kaum Iranum sebanyak (0.25%) responden.

2.5 Taburan Agama

Jadual 5: Taburan Agama

Agama	Sabah	Sarawak	Jumlah
Islam	174 (87%)	98 (49%)	272 (68%)
Buddha	4 (2.0%)	18 (9%)	22 (5.5%)
Kristian	18 (9.0%)	82 (41.0%)	100 (25.5%)
Lain-lain	4 (3.0%)	2 (1.0%)	6 (1.5%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan Jadual 5, secara umumnya menunjukkan majoriti responden menganut agama Islam, iaitu sebanyak (68%), agama Buddha (5.5%), agama Kristian (25.5%) dan (1.5%) penganut agama tradisi atau lain-lain. Hasil kajian di Sabah menunjukkan majoriti responden menganut agama Islam, iaitu sebanyak (87%), agama Buddha (2%), agama Kristian (9%) dan (3%) penganut agama tradisi atau lain-lain.

Selain itu, di Sabah pula turut menunjukkan majoriti responden menganut agama Islam, iaitu sebanyak (49%), agama Buddha (9%), agama Kristian (41%) dan (1%) penganut agama tradisi atau lain-lain.

2.6 Tahap Pendidikan Tertinggi

Jadual 6: Taburan Pendidikan Tertinggi

Tahap Pendidikan	Sabah	Sarawak	Jumlah
UPSR	5 (2.5%)	5 (2.5%)	10 (2.5%)
PMR	19 (9.5%)	7 (3.5%)	26 (6.5%)
SPM	53 (26.5)	70 (35.0%)	123 (30.8%)
STPM	40 (20.0%)	22 (11.0)	62 (15.5%)
DIPLOMA	39 (19.5)	37 (18.5%)	76 (19.0%)
BACELOR	34 (17.0%)	47 (23.5%)	81 (20.3%)
MASTER	1 (0.5%)	4 (2.0%)	5 (1.3%)
LAIN-LAIN	9 (4.5%)	8 (4.0%)	17 (4.3%)
JUMLAH	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan Jadual 6 secara umumnya menunjukkan taburan pendidikan tertinggi responden belia di Sabah dan Sarawak secara umumnya, iaitu (2.5%) tahap pendidikan UPSR, tahap pendidikan PMR (6.5%), tahap pendidikan SPM (30.8%), tahap pendidikan STPM (15.5%), tahap pendidikan di peringkat diploma (19%), tahap pendidikan Bachelor (20.3%), tahap pendidikan peringkat Master (1.3%) dan akhir sekali, (4.3%) adalah responden tahap pendidikan selain daripada yang disenaraikan, iaitu dalam ketogori lain-lain antaranya ialah A Level, Sijil, Asasi, dan Matrikulasi.

Merujuk dapatan taburan pendidikan tertinggi di Sabah, majoritinya ialah (26.5%) bagi tahap pendidikan SPM, diikuti pula dengan (20%) tahap pendidikan STPM, (19.5%) tahap pendidikan di peringkat diploma, (17%) tahap pendidikan Bachelar, (9.5%) tahap pendidikan PMR, (4.5%) tahap pendidikan lain-lain, (2.5%) tahap pendidikan UPSR, dan akhir sekali tahap pendidikan di peringkat Master, iaitu (0.5%).

Manakala, taburan pendidikan tertinggi Sarawak ialah (35%) bagi tahap pendidikan SPM, diikuti pula dengan tahap pendidikan Bachelar, iaitu (23.5%), tahap pendidikan di peringkat diploma (18.5%), tahap pendidikan STPM (20%), tahap pendidikan lain-lain (4.5%), tahap pendidikan PMR (9.5%), tahap pendidikan UPSR (2.5%) dan akhir sekali tahap pendidikan di peringkat Master, iaitu (0.5%).

2.7 Taburan Sektor Pekerjaan

Jadual 7: Taburan Pekerjaan

Pekerjaan	Sabah	Sarawak	Jumlah
Kerajaan/Awam	18 (9.0%)	41 (20.5%)	59 (14.8%)
Swasta	38 (19.0%)	50 (25.0%)	88 (22.0%)
Bekerja sendiri	20 (10.0%)	18 (9.0%)	38 (9.5%)
Tidak bekerja	15 (7.5%)	16 (8.0%)	31 (7.8%)
Pelajar	109 (54.5%)	75 (37.5%)	184 (46.0%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan taburan terhadap sektor pekerjaan bagi 400 responden yang dipilih. Secara umumnya terdapat (14.8%) responden bekerja di sektor kerajaan/awam, (22%) bekerja di sektor swasta, (9.5%) bekerja sendiri, (7.8%) tidak bekerja dan (46%) masih belajar.

Manakala taburan pekerjaan mengikut negeri, iaitu di Sabah terdiri daripada responden yang bekerja di sektor kerajaan/awam sebanyak (9.0%), bekerja di sektor swasta (19.0%), bekerja sendiri (10.0%), responden tidak bekerja (7.5%), dan majoritinya adalah terdiri daripada responden masih belajar, iaitu (54.5%).

Taburan di Sarawak pula majoritinya terdiri daripada responden masih belajar, iaitu (37.5%), seterusnya diikuti dengan responden bekerja di sektor swasta (25.0%), bekerja di sektor kerajaan/awam (20.5%), bekerja sendiri (9.0%) dan . (8.0%) responden adalah tidak bekerja.

2.8 Taburan Status Perkahwinan

Jadual 8: Taburan Perkahwinan

Status	Sabah	Sarawak	Jumlah
Berkahwin	22 (11.0%)	59 (29.5%)	81 (20.2%)

T.Berkahwin	178 (89.0%)	141 (70.5%)	319 (79.8%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan jadual 8, secara umumnya hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden tidak berkahwin, iaitu sebanyak (79.8%) dan (20.2%) responden sudah berkahwin.

Manakala berdasarkan taburan perkahwinan mengikut negeri, menunjukkan status perkahwinan belia di Sabah adalah sebanyak (11.0%) responden yang telah berkahwin dan (89.0%) belum berkahwin. Sementara, responden di Sarawak adalah (29.5%) belia yang telah berkahwin dan majoritinya (70.5%) belum berkahwin.

2.9 Tahap Setiap Domain

2.9.1 Tahap Pemahaman

Jadual 9: Tahap Pemahaman

Tahap	Sabah	Sarawak	Jumlah
Tinggi	3 (1.5%)	3 (1.5%)	6 (1.5%)
Sederhana	55 (27.5%)	99 (49.5%)	154 (38.5%)
Rendah	142 (71.%)	98 (49.0%)	240 (60.0%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan Jadual 9, tahap pemahaman belia terhadap G1M di Sabah menunjukkan hasil kajian sebanyak (1.5%) mempunyai tahap pemahaman yang tinggi. Manakala, (27.5%) mempunyai tahap pemahaman yang sederhana dan (71%) mempunyai tahap pemahaman yang rendah.

Manakala responden di Sarawak mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap G1M, iaitu sebanyak (1.5%). Di samping itu, (49.5%) responden mempunyai tahap pemahaman yang sederhana dan (49%) responden pula mempunyai tahap pemahaman yang rendah terhadap G1M.

Keseluruhan dapatan berdasarkan Jadual 9, mendapati majoriti responden berkaitan tahap pemahaman, ialah sebanyak (60%) berada di tahap rendah. Manakala, (38.5%) adalah sederhana dan sebanyak (1.5%) responden di tahap tinggi.

2.9.2 Tahap Persepsi

Jadual 10: Tahap Persepsi

Tahap	Sabah	Sarawak	Jumlah
Positif	98 (49%)	83 (41.5%)	181 (45.3%)
Negatif	102 (51.%)	117 (58.5%)	219 (54.8%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100%)

Berdasarkan Jadual 10 di atas, mendapati tahap persepsi positif belia terhadap G1M di Sabah adalah sebanyak (49%), sebaliknya (51%) responden mempunyai persepsi yang negatif terhadap G1M.

Justeru, (41.5%) responden di Sarawak mempunyai persepsi yang positif terhadap G1M, berbanding (58.5%) responden mempunyai persepsi yang negatif terhadap G1M.

Keseluruhan dapatan menunjukkan persepsi responden di Sabah dan Sarawak sebanyak (54.8%) adalah negatif. Sebaliknya, (45.3%) responden mempunyai persepsi positif terhadap G1M.

2.9.3 Tahap Penerimaan

Jadual 11: Tahap Penerimaan

Tahap	Sabah	Sarawak	Jumlah
Tinggi	0	1 (0.5%)	1 (0.3%)
Sederhana	197 (98.5%)	198 (99.0%)	395 (98.8)
Rendah	3 (1.5%)	1 (0.5%)	4 (1.0%)
Jumlah	200 (100%)	200 (100%)	400 (100.0%)

Jadual 11, menunjukkan tiada responden di Sabah yang mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap G1M. Manakala, (98.5%) responden di Sabah mempunyai tahap penerimaan yang sederhana dan (1.5%) mempunyai tahap penerimaan rendah terhadap G1M.

Pada masa sama, Jadual 11 turut menunjukkan bahawa (0.5%) responden di Sarawak mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap G1M, berbanding (99%) responden mempunyai tahap penerimaan yang sederhana.

Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abu Hassan. (1992). *Menghala Wawasan 2020 (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Adlina Ab. Halim, (2011) *Pendekatan Islam Hadhari dan persepsi belia: satu dapatan kajian*. *Jurnal Hadhari*, 3 (1). pp. 21-40.

Arena Che Kasim. (2005). *Pembangunan manusia menurut Al-Muhasibi dalam menyelesaikan masalah sosial*. Dlm. Junaenah Sulehan, Nor Azizan Idris, Nik Hairi Omar dan Mohd. Yusof Hussain, *Masyarakat, Perubahan dan Pembangunan*, hlm. 246-263. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

A.T.Talib, Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, & Ayuni Isa. (2012). *Kefahaman, Persepsi, dan Penglibatan Golongan Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia*. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM)*. 13-15 September 2012.

Azimi Hamzah & Turiman Suandi. (1998). *Latihan Kepimpinan Pewaris: Ke Arah Pembentukan Paradigma Nasional*. Dalam *Latihan Kepimpinan Pewaris Menghadapi Tuntutan Abad Ke 21*. Suntingan Azimi Hamzah & Turiman Suandi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Farah Murni, Shaharuddin, Mazlan, Sharifah Shahirah, Nurulaini, & Azila. (2012). *Persepsi Kakitangan Badan Berkanun dan GLC Terhadap Dasar Transformasi Pentadbiran Mohd Najib Abdul Razak*. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM)*. 13-15 September 2012.

Ismail Sualman, & Adnan Hashim. (2012). *Pengetahuan dan Penerimaan Konsep 1Malaysia Dalam Kalangan Remaja di Lembah Klang*. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM)*. 13-15 September 2012.

Kamaruddin Mohd. Said, (2010). *Slogan 1Malaysia Dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 17-34.

Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa & Fuziah Shaffie. (1994). *Siri Tatanegaraan Utusan*. *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Mohamad Rodzi Abd Razak, (2009) *Pembinaan negara bangsa Malaysia : Peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan*. Jebat: *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36. pp. 90-106. ISSN 2180-0251

Mohd Fuad Mat Jali, and Junaidi Awang Besar, (2012). *Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (2). pp. 67-76. ISSN 2180-2491

Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distrubutor Sdn. Bhd.

Rusniyati & Sharliana. (2012). *Persepsi Pelajar Berhubung Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah IPTS*. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM)*. 13-15 September 2012.

Stanley & Juanita. (2012). *Pandangan Masyarakat Melayu dan Cina di Kawasan Komersial Satok, Kuching Sarawak Terhadap Konsep 1Malaysia*. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM)*. 13-15 September 2012.

Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Siti Raba'ah Hamzah, Dzulhailmi Dahalan, Mohammad Reza Hamzah & Wan Mahzom Ahmad Shah. (2008). *Jalinan Sosial Belia Malaysia: Implikasinya Terhadap Pembinaan Negara*. *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS*. Suntingan Jamilah Othman, Md Salleh Hassan, Bahaman Abu Samah, Jegak Uli, Nobaya Ahmad & Mazanah Muhamad. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.

Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah. (2008). *Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran*. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1 (Disember): 1-14.

Zahid Emby. (1997). *Wawasan 2020. Dalam Kenegaraan Malaysia. Suntingan Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.*

1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Di Utamakan (Booklet, 2010), Jabatan Penerbitan Dasar Negara. Jabatan Penerangan Malaysia, Putrajaya.

KAJIAN PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN RUKUN NEGARA DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA

Oleh:
Dr. Sarjit Singh Darshan Singh
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pengenalan

Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan Malaysia yang bermatlamatkan untuk menyatu pelbagai kaum di negara ini. Penyatuan rakyat memerlukan satu tenaga pengikat yang dikenali sebagai Rukun Negara (Ismail, 1987). Pembentukan Rukun Negara berikutan daripada peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang telah menyebabkan keamanan dan kestabilan negara pada ketika itu tergugat.

Justeru itu, pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap falsafah Rukun Negara amat penting untuk memastikan keamanan serta keharmonian negara dapat dikekalkan bagi pembentukan negara maju dan berwibawa.

Sehubungan itu, semua rakyat hendaklah mendukung satu cita-cita untuk membentuk satu bangsa dan negara di mana setiap masyarakat menganggap diri sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan kepercayaan masing-masing (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Lantaran itulah semangat patriotisme adalah salah satu daripada prasyarat pembentukan bangsa dan pengukuhan ketahanan nasional (Ruhanie, 2005).

Semangat Patriotisme adalah nadi kepada kebebasan, kemerdekaan, kestabilan dan kemajuan negara (Mohamad Ali, 2009). Oleh itu, masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme adalah masyarakat yang bertatasusila luhur, melindungi dan mematuhi serta memelihara undang-undang dan peraturan (Azwani Ismail, Ahmad Rahim, Hardianaema Ribu, Zahara Aziz & Sharipah Nor Puteh, 2011).

Sehubungan dengan itu, setiap individu perlu memainkan peranan sebagai rakyat Malaysia yang cinta akan negara dengan menerapkan nilai-nilai murni yang mendasari Rukun Negara bagi membangunkan “Bangsa Malaysia” yang bersatu dan maju. Justeru itu, kerjasama yang dibina antara kaum telah menjadi asas perjuangan kemerdekaan Malaysia (Mohamad Ali, 2009). Lantaran itu, penyemaian semangat patriotisme adalah perlu bagi menghidupkan pengertian dalam mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai (Mohamad Ali, 2009).

Terutama sekali kepada belia negara yang merupakan asas bagi sesebuah negara dan generasi yang akan membangunkan negara. Oleh itu, pemahaman generasi muda terhadap makna kemerdekaan akan memberikan satu pengajaran hidup bahawa kepayahan untuk mendapatkan kemerdekaan ini adalah hasil perit dan jerih pejuang-pejuang kemerdekaan terdahulu (Mohamad Ali, 2009).

Perpaduan antara pelbagai bangsa dan etnik merupakan agenda paling utama kerajaan dan masyarakat. Dalam sejarah negara-bangsa Malaysia, perpaduan merupakan salah satu isu yang penting dalam pembentukannya (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009).

Agenda ini menjadi begitu penting justeru komposisi rakyat Malaysia memperlihatkan keanekaragaman yang mungkin lahirnya iri hati, prasangka serta lain-lain nilai negatif yang mudah mencetuskan suasana huru-hara serta boleh mencetuskan pertumpahan darah dan mengakibatkan terbantutnya perancangan negara dalam membangunkan dan memajukan negara.

Sehubungan dengan itu, prinsip Rukun Negara yang menggalakkan perpaduan rakyat ini dapat melahirkan masyarakat yang hidup dengan matlamat yang serupa dan dikongsi bersama, berintegrasi di peringkat Wilayah dan antara kaum berasaskan persamaan hak dan keadilan. Usaha dalam memantapkan hubungan perpaduan masyarakat bukan sesuatu yang boleh diajar tetapi haruslah dirasai, dinikmati dan dilalui bersama (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009).

Penubuhan sesebuah negara yang mengandungi pelbagai kumpulan etnik memerlukan satu kesatuan dan kerjasama politik, ekonomi dan sosial yang kukuh dan sepadu. Kefahaman, penghayatan dan pengamalan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia adalah penting. Diharapkan melalui kefahaman dan penghayatan yang mendalam tentang Rukun Negara dapat membentuk sikap yang positif terhadap Rukun Negara.

Kenyataan Masalah

Proses globalisasi dan pembangunan manusia sejagat mempunyai impak yang jelas terhadap ruang sesebuah negara, khususnya di kawasan bandar (Habitat, 2002). Ini kerana proses perkembangan ekonomi dan pembangunan manusia cenderung berlaku di bandar disebabkan mempunyai daya saing yang tinggi.

Oleh itu, pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh belia di kawasan bandar bagi mengukuhkan jati diri nasional tanpa dipengaruhi oleh gejala yang negatif. Namun, kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan rakyat akan membawa kepada kegoyahan dan penderitaan (Embi, 2009). Justeru, belia perlu menghayati Rukun Negara dengan penghayatan nasionalisme supaya dapat memperkukuhkan pembentukan negara bangsa (Saundi, Ahamad, Tamam, & Hamzah, 2008).

Berdasarkan kepada kenyataan daripada Lee & Sarjit (2008), pembentukan Rukun Negara tidak difahami kerana senario kini hanya sekadar hafalan di perhimpunan. Selain itu, krisis kurangnya budaya keilmuan, kemahiran dan keintelektualan masih dibelenggu dalam kalangan generasi muda (Turiman Saundi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah, 2008).

Manakala menurut Dzulhaimi, Nobaya, Nor Azila Wanis, Md Salleh, Jamilah & Mariah (2009), fakta sejarah mengenai pembentukan Malaysia masih belum diterapkan secara kukuh terutama dalam kalangan generasi muda. Ini menunjukkan bahawa kefahaman terhadap erti sebenar Rukun Negara semakin terhakis dalam kalangan generasi muda dewasa kini.

Oleh itu, mengekalkan kesenangan yang dinikmati oleh masyarakat negara perlulah meningkatkan tahap kefahaman serta penghayatan terhadap Rukun Negara secara holistik (Turiman, Nobaya, Ezhar & Azimi, 2008).

Setiap hari individu menerima pelbagai maklumat dari persekitaran sosialnya dan mereka mula menginterpretasikan maklumat tersebut melalui kognisinya. Menurut Ma'rof (2001), seseorang akan cuba memahami, menilai dan menerangkan maklumat yang diperoleh melalui proses atribusi sosial. Persepsi mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan tingkah laku individu dan masyarakat (Sarjit & Wan Amir Zal, 2008). Ini kerana persepsi ibu bapa dan tingkah laku rakan sebaya mempengaruhi penglibatan dalam tingkah laku belia termasuk budaya merokok, penggunaan dadah dan alkohol (Carson, Iannotti, Pickett, & Janssen, 2011).

Elemen negatif yang disalurkan menerusi neoimperialisme budaya secara tidak langsung mempengaruhi sikap, persepsi dan perilaku terhadap budaya barat (Ruhanie, 2005). Justeru, menghayati Rukun Negara dapat meningkatkan rakyat daripada menyentuh perkara sensitif yang seharusnya tidak patut disentuh (Turiman, Nobaya, Ezhar, & Azimi, 2008). Ini disokong oleh Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011), yang menyatakan kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap pemeliharaan dan pemerkasaan perpaduan antara kaum dapat menghindari terjadinya peristiwa yang boleh menggugat keamanan negara.

Kemajuan dan pembangunan sering kali dijadikan sebagai alasan kepada tindak-tanduk yang kurang bermoral dan telah mendorong kepada perubahan drastik kepada institusi keluarga, masyarakat dan negara. Penglibatan generasi muda dalam masalah sosial merupakan isu yang tidak pernah lekang daripada perbincangan semua pihak (Ezhar Tamam, 2008).

Manakala menurut Sarjit & Wan Amir Zal (2008), menegaskan belia Malaysia percaya bahawa nilai budaya amat penting dalam kehidupan seharian akan tetapi tidak mengamalkannya. Selain itu, ancaman terhadap keharmonian negara dan keutuhan bangsa kebanyakannya berhubung kait dengan kegiatan salah laku golongan muda (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011).

Punca kekurangan semangat nasionalisme dalam kalangan generasi muda adalah sikap mereka sendiri (Ahmad Shah, Sulhairil Hafiz, Muhammad Fuad, Mohd Ashraf, & Hudrus, 2011). Oleh itu, membina negara dan membangunkan golongan muda ke arah berciri maju, progresif dan bermoral bukan sahaja melibatkan usaha mengurangkan masalah sosial dalam kalangan mereka tetapi juga melibatkan usaha meningkatkan kesedaran sivik agar mereka berasa bertanggungjawab terhadap tuntutan negara dan masyarakat.

Masalah politik yang tidak menentu di Malaysia ketika ini juga telah banyak menyumbang kepada pergolakan dalaman yang seterusnya mencetuskan sikap prejudis dan saling mengesyaki sesama kaum di negara ini sehingga menimbulkan keadaan yang tidak harmoni. Isu-isu perkauman dan isu yang menyentuh sensitiviti agama masih lagi dipandang remeh dan tidak diberikan perhatian dengan sewajarnya. Isu-isu sensitif dilihat semakin menjadi-jadi dan isu agama dijadikan bahan politik. Seperti yang telah berlaku semasa pilihan raya pada tahun 2008 yang hampir menyebabkan perbalahan antara kaum.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi input dalam pembentukan modul memperkasakan Rukun Negara. Justeru penyebaran hasil kajian kepada pelbagai agensi yang berkaitan terutama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mengenai tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan golongan belia terhadap Rukun Negara. Selain itu, kajian ini dapat menjalinkan kerjasama dengan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam pelaksanaan program memperkasakan ideologi nasional melalui Rukun Negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada golongan belia tentang pentingnya Rukun Negara serta perlunya meningkatkan pemahaman dan penghayatan tentang Rukun Negara. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang pengetahuan dalam konteks penyelidikan yang bersesuaian. Pada masa sama dapat membantu sarjana dan sarjana dan penyelidik bebas membuat sumber rujukan bagi mendalami penerimaan dan penghayatan Rukun Negara oleh belia di Malaysia. Di samping itu, ia dapat menambah lagi khazanah ilmu untuk dijadikan bahan bacaan serta dijadikan sumber rujukan ilmiah.

Objektif Kajian

1. Objektif Umum

Mengenal pasti pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan belia Malaysia.

2. Objektif Khusus

Mengenal pasti pemahaman belia terhadap Rukun Negara.

Mengenal pasti tahap persepsi golongan belia terhadap Rukun Negara.

Mengenal pasti tahap penghayatan dan pengamalan golongan belia terhadap Rukun Negara. Menjelaskan cabaran penerapan Rukun Negara dalam kalangan belia.

Kerangka Konseptual

1. Pemahaman

Pemahaman adalah pembinaan gambaran mental dan mewakili keadaan yang dianggap sebagai fenomena kognitif (Mondada, 2011). Dalam kajian ini, kefahaman merujuk kepada pemahaman belia terhadap Rukun Negara yang merupakan pembinaan gambaran mental dan mewakili keadaan serta dianggap sebagai fenomena kognitif.

2. Persepsi

Atkinson dan Hilgard (1983) mendefinisikan persepsi sebagai proses menyusun dan mentafsir pola-pola rangsangan melalui organ penerimaan dan kemudian menghasilkan dan membentuk imej mengenai persekitaran. Selain itu, persepsi ataupun pengamatan merupakan satu proses memperolehi, menginterpretasikan, memilih dan menyusun maklumat (Sihe, 2008).

Dalam kajian ini, persepsi ataupun pengamatan merujuk kepada bagaimana proses menyusun atau mentafsir maklumat berkaitan dengan Rukun Negara yang diperolehi daripada persekitaran melalui organ penerimaan. Selain itu, persepsi dalam kajian ini juga merujuk kepada perasaan dan penilaian terhadap Rukun Negara.

3. Penghayatan

Penghayatan ialah perihai menghayati, mengalami dan merasai (kamus dewan edisi empat). Dalam kajian ini, penghayatan merujuk kepada perihai belia menghayati, mengalami dan merasai mengenai prinsip Rukun Negara.

4. Pengamalan

Pengamalan adalah perbuatan yang biasa dilakukan ataupun menjadi kebiasaan (kamus dewan edisi dua). Dalam kajian ini, pengamalan merujuk kepada perbuatan berdasarkan kepada Rukun Negara yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian belia.

5. Belia

Belia dilihat berdasarkan sudut fizikal, tanggungjawab sosial dan kemampuan individu selaras dengan kehendak ahli dalam sesebuah masyarakat dan budaya yang dianggotainya (Sarjit & Wan Amir Zal, 2008). Konsep golongan belia di Malaysia merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun dan terdapatnya perbezaan fizikal, kognitif dan emosi dalam kalangan pelbagai kategori umur belia (Asnarulkhadi, 2009). Dalam kajian ini golongan belia merupakan individu yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun yang mempunyai perbezaan fizikal, kognitif dan emosi dalam kalangan pelbagai kategori.

Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada golongan belia yang mendiami di kawasan bandar di empat zon utama seperti zon utara, zon tengah, zon selatan dan zon timur. Di samping itu, hanya 598 orang belia sebagai sampel untuk mendapatkan maklumat mengenai pemahaman, penghayatan dan pengamalan terhadap Rukun Negara bagi mewakili belia di semenanjung Malaysia. Kesahihan dan ketepatan hasil kajian adalah bergantung sepenuhnya kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji.

TINJAUAN LITERATUR

1. Rukun Negara

Sebelum Pembentukan Rukun Negara

Setelah negara mencapai kemerdekaan, pada 31 Ogos 1957 Tunku Abdul Rahman Putra, sebagai Perdana Menteri Malaysia pertama menghadapi kesukaran untuk menguruskan sistem sosioekonomi yang diwarisi oleh penjajah British. Sikap liberal Tunku dan ditambah pula oleh kelembutan beliau untuk melayan permintaan masyarakat berbilang kaum telah menyebabkan orang Melayu merasakan kehidupan mereka diabaikan.

Tumpuan Tunku yang terlalu berlebihan pada pertumbuhan material dan pasaran bebas tanpa menggunakan kuasa kerajaan untuk melakukan campur tangan telah menyebabkan jurang di antara golongan berada dengan golongan tidak berada semakin melebar. Titik-titik jurang antara kemewahan bandar dan kemiskinan desa, kemewahan orang bukan Melayu dengan kesempitan hidup orang Melayu, dan berbagai-bagai lagi adalah punca-punca yang mencetuskan keresahan kaum dan manifestasinya Peristiwa 13 Mei 1969 (Aziz & Nordin, 2009).

Selepas Pembentukan Rukun Negara

Berakhirnya peristiwa 13 Mei 1969 menandakan tamatnya satu era dalam sejarah tanah air kita. Walaupun ketika itu negara sudah pun merdeka namun negara belum pasti aman dan sejahtera jika tiada sesuatu sebagai pengikat ataupun pedoman yang boleh menyatukan rakyat (Ismail, 1987). Justeru itu, Rukun Negara diperkenalkan dan menjadi landasan kepada masyarakat dan pemimpin untuk berhubung di antara satu sama lain termasuk dengan negara luar (Ismail, 1987).

Rukun Negara juga adalah panduan dan pegangan negara yang akan menyatupadukan rakyat dengan menyuarakan tanggapan, kepercayaan dan keazaman rakyat mengenai bangsa Malaysia (Ismail, 1987). Ruhanie (2005) menyatakan Rukun Negara merupakan asas dan prinsip kepada perpaduan bangsa Malaysia yang mesti digandingkan dengan semangat kekitaan dan patriotisme bagi memelihara kemerdekaan.

Manakala Sarjit & Lee (2008) menyatakan Rukun Negara merupakan satu ideologi yang bersepadu dan perlu diberikan perhatian dan disemai dalam setiap pemikiran dan difahami oleh setiap rakyat Malaysia serta diguna pakai dalam kehidupan harian. Rukun Negara diperkenalkan adalah untuk menjaga keharmonian dan menerapkan nilai-nilai murni dalam masyarakat serta menyelesaikan isu perkauman (Sarjit & Wan Amir Zal 2008; Ahmad Zaharuddin Sani 2009).

Rukun Negara diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak menerusi Majlis Perundingan Negara. Rukun Negara yang disifatkan sebagai ideologi nasional ataupun doktrin ketahanan nasional diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat, Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Zainal Abidin sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 kepada bangsa Malaysia pada 31 Ogos 1970 (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Antara isi pengisytiharan Rukun Negara ialah seperti berikut;

“DENGAN NAMA ALLAH, yang amat pemurah, lagi Mengasihani. Segala Puji bagi Allah, Seru sekian Alam dan Rahmat serta Kesejahteraan Allah ke atas semua pesuruhnya.

- i. Dan bahawasanya Malaysia ialah sebuah negara merdeka dan berdaulat di kalangan negara di dunia ini;
- ii. Dan bahawasanya Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai kaum dengan pelbagai corak tradisi dan nilai hidup sosial dan kebudayaan;

- iii. Dan bahawasanya rakyat Malaysia berusaha untuk mencapai perpaduan yang lebih erat untuk meninggikan kebajikan rakyat dan untuk menjamin keadilan masyarakat.

OLEH YANG DEMIKIAN DENGAN NAMA ALLAH yang amat Pemurah, lagi Mengasihani BETA TUNKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN, Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dengan ini mengisytiharkan serta menetapkan bahawa Negara kita hendaklah berdasarkan atas prinsip-prinsip yang bernama RUKUN NEGARA yang tersebut dalam jadual bersama ini.”

Pembentukan Rukun Negara wajar dijadikan pegangan bagi mengekalkan satu negara dan bangsa Malaysia yang beridentiti, bersatu padu, sedia berkongsi matlamat dan aspirasi, serta sanggup bangkit membela pertiwi dengan satu tekad dan satu hati. Lee & Sarjit (2008), menegaskan Rukun Negara merangkumi setiap aspek kehidupan yang memberi panduan kepada rakyat termasuklah aspek sosial, ekonomi dan politik. Oleh itu, peranan Rukun Negara telah digambarkan dengan jelas melalui objektif Rukun Negara seperti berikut (Ruhanie, 2005);

- 1) Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh bangsa Malaysia;
- 2) Memelihara cara hidup yang demokratik;
- 3) Menjamin kewujudan bangsa Malaysia yang adil supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- 4) Membentuk sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak;
- 5) Membina bangsa Malaysia yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

Lima prinsip Rukun Negara telah menjelaskan tanggungjawab rakyat Malaysia daripada pelbagai tahap autoriti, iaitu daripada Tuhan pada peringkat alam semesta sehinggalah di peringkat diri sendiri sebagai individu yang bertanggungjawab kepada diri sendiri (Lee & Sarjit, 2008). Ideologi negara ini telah merangkumi setiap aspek kehidupan bermasyarakat yang perlu dijadikan sebagai panduan seperti yang telah termaktub seperti berikut;

- 1) Kepercayaan kepada Tuhan

Setiap individu sebagai makhluk Tuhan bertanggungjawab mematuhi ajaran agama dalam membentuk kehidupan yang harmoni (Lee & Sarjit, 2008). Agama merupakan pegangan utama bagi setiap rakyat dan ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian serta bangsa dan negara (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Melalui kepercayaan beragama akan menjadikan bangsa dan negara sebagai satu bangsa yang berdaulat (Ayu Nor Azilah & Rohaini, 2011).

2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Prinsip ini akan melahirkan rakyat yang setia dan cintakan negara serta sanggup berkorban demi keamanan dan kemajuan (Lee & Sarjit, 2008). Lambang perpaduan negara adalah tahap kesetiaan kepada raja dan negara kerana penderhakaan kepada raja bermaksud penderhakaan kepada negara (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara yang kedua akan membentuk bangsa Malaysia yang patriotik (Ayu Nor Azilah & Rohaini, 2011).

3) Keluhuran Perlembagaan

Prinsip Keluhuran Perlembagaan menekankan tanggungjawab warganegara dalam mempertahankan kemuliaan Perlembagaan yang merupakan kontrak sosial di antara semua kaum (Lee & Sarjit, 2008). Rakyat perlu menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan Perlembagaan Negara yang digubal berasaskan kesepakatan semua kaum yang berfungsi untuk melindungi hak dan keistimewaan setiap warganegara Malaysia (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Kestabilan negara akan tergugat jika rakyat tidak menerima dan mempersoalkan mengenai keluhuran Perlembagaan Persekutuan (Ayu Nor Azilah & Rohaini, 2011).

4) Kedaulatan Undang-undang

Setiap rakyat seharusnya mematuhi undang-undang dan peraturan bagi memastikan kebebasan hak asasi setiap individu terjamin (Lee & Sarjit, 2008). Menghormati kedaulatan undang-undang adalah tanggungjawab setiap rakyat supaya tidak dicabar oleh mana-mana pihak kerana undang-undang negara menjamin keamanan negara terpelihara (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Kewujudan undang-undang adalah untuk memastikan semua masyarakat akan merasa selamat dan mencapai objektif keadilan (Ayu Nor Azilah & Rohaini, 2011).

5) Kesopanan dan Kesusilaan

Tujuan prinsip kesopanan dan kesusilaan adalah memupuk sahsiah mulia agar setiap rakyat bersopan dan beradab, bermaruah serta tertib dan bersusila (Sarjit & Wan Amir Zal, 2008). Prinsip kesopanan dan kesusilaan bermaksud berakhlak mulia dan berhemah mulia (Lee & Sarjit, 2008). Justeru itu, menjaga tingkah laku adalah salah satu daripada prinsip Rukun Negara yang kelima. Oleh itu, mengamalkan prinsip Rukun Negara yang kelima akan menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, penyayang dan saling menghormati (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Prinsip kelima ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni (Ayu Nor Azilah & Rohaini, 2011).

Lima prinsip Rukun Negara yang digubal ini adalah berdasarkan acuan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa. Prinsip-prinsip yang terbina ini adalah bagi memperkukuhkan perpaduan nasional. Kesedaran untuk mewujudkan perpaduan nasional di negara berbilang bangsa seperti Malaysia ini adalah tanggungjawab yang berat.

Teras utama untuk mewujudkan perpaduan kaum adalah untuk menyedari bahawa manusia itu dijadikan Allah SWT berbangsa-bangsa, berkaum-kaum, bersuku-

suku dan sebagainya. Hakikat kepelbagaian ini adalah sebenar-benarnya untuk menambahkan seri kehidupan, saling mempelajari, saling berinteraksi, dan saling bertolak ansur. Namun, manusia akan menggunakan perbezaan untuk mencetuskan konflik. Oleh itu, Rukun Negara yang dibentuk untuk mengatasi segala perbezaan yang terdapat dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Oleh itu, kriteria-kriteria prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara tidak menampakkan hak milik sesuatu kaum. Ia bersifat umum dan mencuba untuk membina lingkaran yang luas, sehingga pada titik akhirnya dapat mengatur tata kelakuan, mengendalikan, dan memberi arah kepada kelakuan dan perbuatan yang sebenarnya bercirikan warga Malaysia.

2. Pemahaman, Persepsi Dan Penghayatan Terhadap Rukun Negara

Rukun Negara perlu difahami sepenuhnya dan bukan sekadar dihafal dan dilafaz sebagai ikrar di upacara umum atau khusus (Ismail, 1987). Menurut (Nobaya Ahmad, Dzuhailli Dahalan, Md Salleh Hassan, Jamilah Othman, Nor Azliza Wanis Abdullah & Mariah Muda, 2008) menyatakan keterlibatan belia adalah lebih kepada pemahaman terhadap diri sendiri dan tidak membincangkannya dengan orang lain.

Selain itu, berdasarkan daripada kajian Ahmad Zaharuddin (2006), mendapati bahawa tempoh pendedahan mempengaruhi kefahaman seseorang individu dalam menimba ilmu pengetahuan. Oleh itu, semakin lama seseorang individu itu terdedah dengan elemen-elemen prinsip Rukun Negara maka semakin tinggi tahap kefahamannya. Justeru, belia yang mempunyai kefahaman yang jelas akan mempunyai respon yang positif mengenainya (Halim, 2009).

Pemahaman adalah aspek asas kehidupan seharian dan menjadi isu utama untuk sains sosial dan sains kognitif (Mondada, 2011). Bagi mengekalkan kesenangan kini perlu meningkatkan tahap pemahaman serta penghayatan terhadap Rukun Negara secara holistik (Amin & Mohamad, 2011). Justeru, setiap masyarakat harus memahami objektif serta tuntutannya yang merupakan elemen bersepadu dalam menghayati Rukun Negara (Rohaini Amin & Ayu Nor Azilah Mohamad, 2011).

Memahami dan menghayati Rukun Negara dapat mengelakkan seseorang individu untuk melakukan perkara yang tidak bermoral. Namun, belia masih kurang menghayati erti sebenar falsafah Rukun Negara walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan (Amin & Mohamad, 2011). Sehubungan itu, meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara amatlah penting bagi mempertingkatkan peneguhan jati diri nasional dalam kalangan belia dan secara tidak langsung dapat mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan budaya barat ataupun kuasa asing.

3. Pengamalan Terhadap Rukun Negara

Golongan belia menyedari dan mengetahui mengenai mesej-mesej perpaduan, namun mereka tidak mempraktik dan tidak menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian (Nobaya Ahmad, Dzuhailli Dahalan, Md Salleh Hassan, Jamilah Othman, Nor Azliza Wanis Abdullah & Mariah Muda, 2008). Belia dan pembangunan merupakan satu ikatan tenaga dan jika digunakan dengan betul akan memberi keuntungan kepada negara (Ismail, 1987). Oleh itu, generasi muda adalah modal insan negara yang akan menjadi pewaris negara dan seterusnya

menentukan hala tuju pembangunan negara (Turiman Saundi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah, 2008).

Nilai budaya serta tingkah laku belia akan membentuk persekitaran dan persekitaran juga turut mempengaruhi corak perlakuan belia (Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Siti Raba'ah Hamzah, Dzuhailli Dahalan, Mohammad Rezal Hamzah & Wan Mahzon Ahmad Shah, 2008). Generasi ini tidak pernah merasai kesusahan dan keperitan seperti generasi terdahulu (Rohaini Amin & Ayu Nor Azilah Mohamad, 2011).

Berdasarkan kajian daripada Dzulhlimi (2009), belia memahami dan menghayati kempen perpaduan yang disiarkan tetapi kurang dari segi amalan. Selain itu, dapatan kajian daripada Sajit & Wan Amir Zal (2008) mendapati bahawa pengetahuan dan kepercayaan yang positif belum pasti akan menentukan tingkah laku atau amalan seseorang individu. Persepsi mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan tingkah laku individu dan masyarakat (Sarjit & Wan Amir Zal, 2008).

4. Belia

Belia sering kali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang (Turiman, Nobaya, Ezhar & Azimi, 2008; Asnarulkhadi, 2009; Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011). Pembangunan belia dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara berkenaan dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/PBB (World Youth Plan, 1995) menganggap belia sebagai satu kelompok penting yang akan memainkan peranan utama sebagai agen untuk perubahan, pembangunan ekonomi dan juga penerimaan inovasi teknologi. Mengikut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 ditafsirkan belia sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi daripada 40 tahun.

Manakala berdasarkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mentafsirkan belia daripada individu yang berumur 15 hingga 25 tahun (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 2006) dan Pertubuhan Komanwel yang mengkategorikan belia bagi individu yang berumur antara 15 hingga 29 tahun (Commonwealth Youth Program, Strategic Plan, 2003-2006). Takrifan belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja "Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara" (1995), pula mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

1. Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
2. Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
3. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh.

Berdasarkan kohort umur belia di Malaysia jauh melebar jika dibandingkan dengan tafsiran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Komanwel. Oleh itu, definisi belia ini berbeza mengikut negara dan bergantung kepada faktor budaya, institusi dan politik (Yunus, 2007). Lingkungan umur yang diguna pakai oleh Malaysia ini disifatkan sebagai 'economically active' (Sarjit & Wan Amir Zal, 2008).

Selain itu, menurut Asnarulkhadi (2009) terdapat dua kategori umur belia iaitu remaja dan dewasa yang dilihat berdasarkan psikologi perkembangan. Kategori remaja dibahagikan kepada remaja awal (12-14 tahun), remaja pertengahan (15-17 tahun) dan lewat remaja (18-19 tahun). Kategori dewasa pula adalah individu yang berumur 20 tahun dan ke atas.

Mengkatogerikan belia mengikut kelompok berdasarkan faktor umur dan kegiatan utama status hidup adalah lebih baik serta dapat menyediakan program pembangunan dengan lebih terancam (Mustari, 2005). Justeru itu, belia dibahagikan kepada lima kelompok berdasarkan umur dan kegiatan utama status hidup iaitu:

i. Golongan belia remaja

Kumpulan ini merupakan golongan belia yang masih bersekolah ataupun lingkungan umur persekolah.

ii. Golongan belia institut pengajian tinggi dan penuntut

Kumpulan ini terdiri daripada golongan belia yang berada di pengajian tinggi dan lepasan sekolah menengah (18 hingga 25 tahun).

iii. Golongan belia awal pekerjaan

Kumpulan belia merupakan golongan belia yang baru membina kejaya dalam hidup (18 hingga 23 tahun).

iv. Golongan belia industri

Kumpulan belia ini perlu diberi peluang meningkatkan diri dalam hal ang berkaitan dengan keperluan kemahiran bekerja dan pembangunan insan (20 hingga 30 tahun).

v. Golongan belia veteran

Kebiasaanya golongan ini sudah berumah tangga dan berusaha mengukuhkan pendapatan keluarga serta mendidik anak-anak. Golongan ini lebih matang dan bertanggungjawab (30 hingga 40 tahun).

Berasaskan dokumen rasmi kerajaan, iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), penduduk belia berumur di antara 15 hingga 39 tahun merupakan 41.5 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2005. Jika diteliti, setiap tahun jumlah golongan belia ini akan mengalami peningkatan. Berdasarkan pada tahun 2000 hingga 2005, golongan belia telah meningkat pada kadar purata 2.4 peratus setahun daripada 9.85 juta.

Manakala berdasarkan statistik pada 2010, jumlah belia Malaysia adalah sebanyak 12.7 juta. Belia pada peringkat umur persekolahan dan lepasan sekolah banyak menghadapi masalah sosial (Asnarulkhadi, 2009). Berdasarkan jantina, jumlah belia lelaki adalah seramai 4.99 juta dan belia perempuan adalah seramai 4.86 juta

pada tahun 2000. Manakala pada tahun 2005, jumlah belia lelaki adalah seramai 5.6 juta dan belia perempuan pula adalah seramai 5.5 juta. Berdasarkan pada jumlah tersebut terdapat peningkatan jumlah belia lelaki dan belia perempuan. Perbezaan jantina telah dijumpai dalam tingkah laku sosial dan interpretasi (Porath, 2003).

Beberapa kajian antarabangsa menunjukkan prestasi pelajar Malaysia merosot berbanding dengan pelajar negara lain. Sebanyak 77% daripada tenaga kerja hanya mempunyai pendidikan asas selama 11 tahun, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dan hanya 28% daripada guna tenaga dalam kumpulan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Prestasi pendidikan yang rendah memberi kesan negatif kepada masa depan negara memandangkan tahap pendidikan yang tinggi berkait rapat dengan kadar pertumbuhan ekonomi. Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang individu itu, maka semakin prihatin untuk memikirkan hal ehwal negara (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan yang dipilih dalam kajian ini adalah penyelidikan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik. Penyelidikan deskriptif digunakan untuk memperihalkan sesuatu situasi atau fenomena secara sistematik. Penyelidikan ini juga mengkaji peristiwa semasa dan hasil daripada penyelidikan tersebut dapat memberi gambaran pola peristiwa semasa yang berlaku.

Kajian tinjauan (survey research) digunakan kerana ia memfokuskan kepada fenomena kajian secara meluas, proses lebih efisien kerana pengumpulan data tamat selepas pertemuan dengan responden. Selain itu, kemudahan yang diperlukan adalah minimum dan perwakilan yang tinggi serta ralat yang rendah dapat menghasilkan satu kajian yang tepat. Justeru, kaedah tinjauan ini dipilih kerana kajian tinjauan mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek (Piaw, 2006).

Lokasi Penyelidikan

Kajian ini telah dijalankan di bandar-bandar utama bagi setiap negeri yang mewakili empat zon, iaitu zon utara (Pulau Pinang dan Perak), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor) dan zon timur (Pahang). Pemilihan lokasi kajian di bandar utama bagi setiap negeri adalah untuk melihat sejauh mana tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia Malaysia di bandar.

Ini kerana kualiti pembangunan dan kesejahteraan hidup golongan muda bergantung kepada kualiti persekitaran di mana mereka dibesarkan (Larson, 2005). Justeru itu, pemodenan dan globalisasi telah merubah persekitaran golongan muda serta kehidupan affluent yang menyebabkan golongan muda kini alpa dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan bangsanya (Ezhar Tamam, 2008). Dalam hal ini, generasi muda yang tinggal di bandar lebih tinggi cabaran hidup mereka berbanding generasi muda di luar bandar. Persekitaran bandar menawarkan bermacam jenis persaingan dan tekanan kerana ia merupakan pusat segala kegiatan ekonomi, sosial dan politik.

Sampel Kajian

Seramai 598 orang belia terlibat dalam kajian ini. Setiap zon yang dikenal pasti mewakili 125 orang belia di Perak, 120 orang belia di Pulau Pinang, 124 orang belia di Pahang, 124 orang belia di Johor dan 105 orang belia di Selangor. Berdasarkan daripada kategori umur, responden adalah terdiri daripada belia yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun.

Pra Ujian

Pra-ujian telah dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan soalan-soalan yang dikemukakan semasa sesi pengumpulan data adalah jelas, realistik dan bersesuaian dengan pendidikan responden. Selain itu, jumlah masa yang diambil responden turut ditentukan semasa sesi menjawab borang soal selidik. Melalui pra-ujian, reliabiliti instrumen yang digunakan dapat diukur dan diperbaiki.

Pra-ujian ini telah dijalankan dua bulan sebelum kajian sebenar dilaksanakan, iaitu sekitar bulan Disember 2011 yang melibatkan 30 orang responden belia daripada pelbagai kaum. Pra-ujian ini telah dilakukan melalui prosedur Alpha Cronbach yang diasaskan kepada model kekonsistenan dalaman (internal consistency). Tahap kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima jika nilai Alpha lebih daripada 0.7 (Uma Sekaran, 1992). Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan nilai Alpha bagi setiap bahagian dalam instrumen kajian.

Jadual 1: Nilai alpha setiap bahagian

Instrumen	Cronbach Alpha
Pemahaman	0.873
Persepsi	0.722
Penghayatan	0.894
Pengamalan	0.864

Instrumen Kajian

Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan secara kaedah soal selidik sebagai kaedah utama. Soal selidik dibahagikan kepada bahagian A, iaitu maklumat demografi responden; bahagian B, iaitu pemahaman belia terhadap Rukun Negara; bahagian C, iaitu persepsi belia terhadap Rukun Negara; bahagian D, iaitu penghayatan belia terhadap Rukun Negara dan bahagian E, iaitu pengamalan belia terhadap Rukun Negara. Soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji bersama ahli penyelidik lain.

Penganalisaan Data

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan melalui perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) version 19. Analisis deskriptif digunakan untuk mengukur tahap bagi objektif kajian yang bertujuan mengenalpasti tahap setiap domain. Terdapat 3 tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Bagi objektif 1 menggunakan skala seperti di bawah:

Jadual 1: Taburan Penentuan Min Bagi Tahap

Tahap	Nilai skor mengikut 3 tahap
Tahap rendah	10-13
Tahap sederhana	14-16
Tahap tinggi	17-20

Bagi objektif 2 dan 3 menggunakan skala seperti di bawah:

Jadual 2: Taburan Penentuan Min Bagi Tahap

Tahap	Nilai skor mengikut 3 tahap
Tahap rendah	10-19
Tahap sederhana	20-29
Tahap tinggi	30-40

PROFIL RESPONDEN

1. Kenyataan Demografi

Antaranya maklumat yang berkaitan dengan umur, jantina, kaum, agama, pendidikan peringkat rendah, pendidikan peringkat menengah, tahap pendidikan tertinggi, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan dan status perkahwinan. Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah seramai 598 orang, pecahan bilangan mengikut negeri atau zon ialah 125 orang di Perak, 120 orang di Pulau Pinang, 124 orang di Pahang, 124 orang di Johor dan 105 orang di Selangor.

2. Taburan Umur

Jadual 2: Taburan Umur

Umur	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
18-20 tahun	34(5.7%)	32(5.4%)	54(9%)	67(11.2%)	13(2.2%)	200(33.4%)
21-25 tahun	44(7.4%)	27(4.5%)	47(7.9%)	41(6.9%)	65(10.9%)	224(37.5%)
26-30 tahun	28(4.7%)	30(5%)	13(2.2%)	8(1.3%)	20(3.3%)	99(16.6%)
31-35 tahun	9(1.5%)	25(4.2%)	5(0.8%)	5(0.8%)	1(0.2%)	45(7.5%)
36-40 tahun	10(1.7%)	6(1%)	5(0.8%)	3(0.5%)	6(1%)	30(5%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan jumlah responden mengikut julat umur. Secara umumnya seramai 200 atau 33.4% responden adalah berumur di antara 18 hingga 20 tahun. Manakala seramai 224 atau 37.5% responden adalah di antara 21 hingga 25 tahun. Seramai 99 atau 16.6% responden adalah berumur di antara 26 hingga 30 tahun. Selain itu, seramai 45 atau 7.5% responden berumur di antara 31 hingga 35 tahun dan seramai 30 atau 5% responden berumur di antara 36 hingga 40 tahun.

3. Taburan Jantina

Jadual 3: Taburan Jantina

Jantina	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Lelaki	54(9%)	69(11.5%)	52(8.7%)	30(5%)	54(9%)	259(43.3%)
Perempuan	71(11.9%)	51(8.5%)	72(12%)	94(15.7%)	51(8.5%)	339(56.7%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti adalah responden perempuan seramai 339 atau 43.3% orang. Manakala seramai 259 atau 43.3% responden adalah lelaki.

4. Taburan Kaum

Jadual 4: Taburan Kaum

Kaum	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Melayu	74(12.4%)	71(11.9%)	75(12.5%)	76(12.7%)	67(11.2%)	363(60.7%)
Cina	35(5.9%)	37(6.2%)	34(5.7%)	33(5.5%)	26(4.3%)	165(27.6%)
India	14(2.3%)	11(1.8%)	12(2%)	14(2.3%)	10(1.7%)	61(10.2%)
Lain-lain	2(0.3%)	1(0.2%)	3(0.5%)	1(0.2%)	2(0.3%)	9(1.5%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Berdasarkan Jadual 4, secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah Melayu seramai 363 atau 60.7% orang. Manakala seramai 165 atau 27.6% responden adalah Cina. Seramai 61 atau 10.25% responden adalah India. Selain itu, seramai 9 atau 1.5% responden adalah daripada etnik minoriti seperti Punjabi, India muslim, Bajau, Bidayuh dan orang asli.

5. Taburan Agama

Jadual 5: Taburan Agama

Agama	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Islam	75(12.5%)	73(12.2%)	75(12.5%)	78(13%)	69(11.5%)	370(61.9%)
Buddha	32(5.4%)	31(5.2%)	32(5.4%)	32(5.4%)	24(4%)	151(25.3%)
Hindu	14(2.3%)	9(1.5%)	13(2.2%)	12(2%)	9(1.5%)	57(9.5%)
Kristian	3(0.5%)	7(1.2%)	1(0.2%)	2(0.3%)	3(0.5%)	16(2.7%)
Lain-lain	1(0.2%)	-	3(0.5%)	-	-	4(0.7%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Berdasarkan Jadual 5, secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah penganut agama Islam, iaitu seramai 370 atau 61.9% orang. Manakala seramai 151 atau 25.3% responden adalah penganut agama Buddha. Seramai 57 atau 9.5% responden adalah penganut agama Hindu. Selain itu, seramai 16 atau 2.7% responden adalah penganut agama Kristian dan seramai 4 atau 0.7% responden adalah penganut agama sikh atau lain-lain.

6. Pendidikan Peringkat Rendah

Jadual 6: Taburan Pendidikan Peringkat Rendah

Sekolah	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Tidak bersekolah	3(0.5%)	-	3(0.5%)	4(0.7%)	1(0.2%)	11(1.8%)
S.R.K	91(15.2%)	102(17.1%)	93(15.6%)	94(15.7%)	81(13.5%)	461(77.1%)
S.J.K	31(5.2%)	18(3%)	27(4.5%)	25(4.2%)	22(3.7%)	123(20.6%)
Lain-lain	-	-	1(0.2%)	1(0.2%)	1(0.2%)	3(0.5%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Hasil kajian pendidikan peringkat rendah secara umumnya menunjukkan seramai 11 atau 1.8% responden tidak bersekolah pada peringkat rendah. Manakala seramai 461 atau 77.1% responden bersekolah di sekolah rendah kebangsaan (S.R.K). Seramai 123 atau 20.6% responden bersekolah di sekolah jenis kebangsaan (S.J.K). selain itu, terdapat seramai 3 atau 0.5% responden bersekolah di sekolah swasta.

7. Pendidikan Peringkat Menengah

Jadual 7: Taburan Pendidikan Peringkat Menengah

Sekolah	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Tidak bersekolah	3(0.5%)	-	1(0.2%)	4(0.7%)	-	8(1.3%)
S.M.K	104(17.4%)	101(16.9%)	102(17.1%)	100(16.7%)	79(13.2%)	486(81.3%)

S.M.J.K	13(2.2%)	14(2.3%)	19(3.2%)	15(2.5%)	12(2%)	73(12.2%)
S.M.A	5(0.8%)	2(0.3%)	1(0.2%)	3(0.5%)	11(1.8%)	22(3.7%)
Lain-lain	-	3(0.5%)	1(0.2%)	2(0.3%)	3(0.5%)	9(1.5%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan hasil kajian terhadap pendidikan peringkat menengah. Secara umumnya terdapat 8 atau 1.3% responden tidak bersekolah pada peringkat menengah. Manakala seramai 486 atau 81.3% responden bersekolah di sekolah menengah kebangsaan (S.M.K). Seramai 73 atau 12.2% responden bersekolah di sekolah menengah jenis kebangsaan (S.M.J.K). Selain itu, seramai 22 atau 3.7% responden bersekolah di sekolah menengah agama (S.M.A) dan terdapat seramai 9 atau 1.5% responden bersekolah di sekolah persendirian dan sekolah asrama penuh.

8. Tahap Pendidikan Tertinggi

Jadual 8: Taburan Pendidikan Tertinggi

Pendidikan	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
UPSR	-	-	-	2(0.3%)	-	2(0.3%)
PMR	5(0.8%)	2(0.3%)	2(0.3%)	5(0.8%)	3(0.5%)	17(2.8%)
SPM	67(11.2%)	57(9.5%)	69(11.5%)	65(10.9%)	14(2.3%)	272(45.5%)
STPM	6(1%)	13(2.2%)	14(2.3%)	11(1.8%)	9(1.5%)	53(8.9%)
Diploma	15(2.5%)	30(5%)	15(2.5%)	20(3.3%)	13(2.2%)	93(15.6%)
Bachelor	22(3.7%)	15(2.5%)	23(3.8%)	20(3.3%)	49(8.2%)	129(21.6%)
Master	1(0.2%)	1(0.2%)	1(0.2%)	-	10(1.7%)	13(2.2%)
PhD	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	9(1.5%)	2(0.3%)	-	1(0.2%)	7(1.2%)	19(3.2%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Hasil kajian terhadap pendidikan tertinggi secara umumnya menunjukkan terdapat 2 atau 0.3% responden mempunyai tahap pendidikan UPSR. Manakala seramai 17 atau 2.8% responden mempunyai tahap pendidikan PMR. Selain itu, seramai 272 atau 45.5% responden mempunyai tahap pendidikan SPM dan seramai 53 atau 8.9% responden mempunyai tahap pendidikan STPM.

Seramai 93 atau 15.6% responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat diploma. Terdapat juga seramai 129 atau 21.6% responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat bachelor dan seramai 13 atau 2.2% responden mempunyai tahap pendidikan peringkat master. Akhir sekali, seramai 19 atau 3.2% responden mempunyai tahap pendidikan selain daripada yang disenaraikan, iaitu dalam kategori lain-lain antaranya matrikulasi, A Level, asasi dan sijil. Dalam kajian ini juga menunjukkan tiada responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi pada peringkat PhD.

9. Taburan Sektor Pekerjaan

Jadual 9: Taburan Sektor Pekerjaan

Pekerjaan	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Kerajaan/ Awam	12(2%)	25(4.2%)	11(1.8%)	9(1.5%)	10(1.7%)	67(11.2%)
Swasta	46(7.7%)	36(.6%)	41(6.9%)	41(6.9%)	11(1.8%)	175(29.3%)
Bekerja Sendiri	17(2.8%)	26(4.3%)	13(2.2%)	17(2.8%)	6(1%)	79(13.2%)
Tidak Bekerja	7(1.2%)	18(3%)	10(1.7%)	3(0.5%)	8(1.3%)	46(7.7%)
Pelajar	43(7.2%)	15(2.5%)	49(8.2%)	54(9%)	70(11.7%)	231(38.6%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100 %)

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan hasil kajian terhadap sektor pekerjaan. Secara umumnya terdapat seramai 67 atau 11.2% responden bekerja di sektor kerajaan/awam. Manakala seramai 175 atau 29.3% responden bekerja di sektor swasta. Seramai 79 atau 13.2% responden bekerja sendiri. Selain itu, seramai 46 atau 7.7% responden tidak bekerja dan terdapat seramai 23 atau 38.6% responden masih belajar.

10. Taburan Pendapatan Bulanan

Jadual 10: Taburan Pendidikan Bulan

Pendapatan	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
<RM500	2(7.9%)	1(5.7%)	4(10.2%)	4(10.4%)	1(11.4%)	12(45.5%)
RM501- 1000	40(6.7%)	26(4.3%)	33(5.5%)	38(6.4%)	8(1.3%)	145(24.2%)
RM1001- 2000	30(5%)	42(7%)	19(3.2%)	20(3.3%)	16(2.7%)	127(21.2%)
RM2001- 3000	4(0.7%)	15(2.5%)	7(1.2%)	4(0.7%)	8(1.3%)	38(6.4%)
≥RM3001	4(0.7%)	3(0.5%)	4(0.7%)	-	5(0.8%)	16(2.7%)
Jumlah	125 (20.9%)	120 (20.1%)	124 (20.7%)	124 (20.7%)	105 (17.6%)	598 (100%)

Berdasarkan Jadual 10, hasil kajian terhadap taburan pendapatan bulanan responden. Secara umumnya menunjukkan seramai 12 atau 45.5% responden berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan. Manakala seramai 145 atau 24.2% responden berpendapatan di antara RM501 hingga RM1000 sebulan.

Seramai 127 atau 21.2% responden berpendapatan di antara RM1001 hingga RM2000 sebulan. Selain itu, seramai 38 atau 6.4% responden berpendapatan di antara RM2001 hingga RM3000 sebulan dan seramai 16 atau 2.7% responden adalah berpendapatan kurang daripada RM3001.

11. Taburan Status Perkahwinan

Jadual 11: Taburan Status Perkahwinan

Status	Perak	P.Pinang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Berkahwin	33(5.5%)	36(6%)	19(3.2%)	12(2%)	13(2.2%)	113(18.9%)
Tidak berkahwin	92(15.4%)	84(14%)	105(17.6%)	112(18.7%)	92(15.4%)	485(81.1%)
Jumlah	125(20.9%)	120(20.1%)	124(20.7%)	124(20.7%)	105(17.6%)	598(100%)

Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti status perkahwinan adalah tidak berkahwin/bujang seramai 485 atau 81.1% orang. Manakala seramai 113 atau 18.9% responden sudah berkahwin.

HASIL PENYELIDIKAN

1. Tahap Setiap Domain

a) Tahap Pemahaman

Jadual 12: Tahap Pemahaman

Pemahaman	Perak	Penang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Tinggi	110(88%)	100(83.3%)	99(79.8%)	107(86.3%)	99(94.3%)	515(86.1%)
Sederhana	10(8%)	19(15.8%)	23(18.5%)	16(12.9%)	4(3.8%)	72(12.0%)
Rendah	5(4%)	1(0.8%)	2(1.6%)	1(0.8%)	2(1.9%)	11(1.8%)

Secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 515 atau 86.1% responden serta tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara setiap negeri.

Berdasarkan Jadual 13, turut didapati majoriti responden ialah seramai 572 orang menyatakan 'Ya' dengan pernyataan 'Rukun Negara adalah untuk panduan dan pegangan negara bagi menyatupadukan rakyat' mempunyai nilai min tertinggi (min=1.96).

Perkara ini menggambarkan responden memahami mengenai prinsip Rukun Negara kerana asas pembentukan Rukun Negara adalah perpaduan. Selain itu, pernyataan 'Kepercayaan kepada Tuhan menggambarkan bahawa asas kehidupan beragama' turut difahami oleh majoriti responden iaitu seramai 571 orang menyatakan 'Ya' dan hanya seramai 27 orang menyatakan 'Tidak' (min=1.95).

Jadual 13: Skor Min bagi Pemahaman Terhadap Rukun Negara

Bil	Pernyataan	Kekerapan		
		Ya	Tidak	Min
1.	Rukun Negara adalah untuk panduan dan pegangan negara bagi menyatupadukan rakyat.	572	26	1.96
2.	Kepercayaan kepada Tuhan menggambarkan bahawa asas kehidupan beragama.	571	27	1.95
3.	Kesetiaan kepada Raja dan Negara menekankan tanggungjawab rakyat kepada negara.	554	44	1.93
4.	Kita perlu menghormati hak keistimewaan orang lain tanpa mempertikaikannya.	529	69	1.88
5.	Keluhuran Perlembagaan bermaksud ketinggian dan keagungan undang-undang.	529	69	1.88
6.	Agama dan kepercayaan kepada Tuhan adalah dua perkara yang berbeza.	283	315	1.47
7.	Kedaulatan undang-undang melindungi rakyat dari segi keadilan sosial.	552	76	1.87
8.	Matlamat Rukun Negara adalah memelihara corak hidup demokratik.	502	96	1.84
9.	Rukun Negara diperkenalkan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi setanding dengan bukan Bumiputera.	385	213	1.64
10.	Rukun Negara menjamin sikap terbuka terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai.	481	117	1.80

Nota: Penskoran: (1.00-2.00) Ya - Tidak

Berdasarkan pernyataan 'Kita perlu menghormati hak keistimewaan orang lain tanpa mempertikaikannya' dan 'Kedaulatan undang-undang melindungi rakyat dari segi keadilan sosial' mempunyai jumlah respon yang sama daripada responden, iaitu seramai 529 orang menyatakan 'Ya' (min=1.88).

Maka, dengan menghormati sensitiviti kaum lain dan kedaulatan undang-undang menunjukkan bahawa responden semakin peka terhadap kepentingan Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 13, turut didapati bahawa terdapat responden iaitu hanya seramai 283 orang menyatakan 'Ya' dengan pernyataan 'Agama dan kepercayaan kepada Tuhan adalah dua perkara yang berbeza' mempunyai nilai min terendah (min=1.47).

Selain itu, seramai 385 orang menyatakan 'Ya' dengan pernyataan 'Rukun Negara diperkenalkan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi setanding dengan bukan Bumiputera' (min=1.64). Dapatan ini menunjukkan nilai min yang terendah dalam item bahagian pemahaman terhadap Rukun Negara.

Secara tidak langsung menunjukkan segelintir belia masih belum memahami terhadap Rukun Negara secara menyeluruh. Ini kerana pembentukan Rukun Negara ini adalah merangkumi segala aspek kehidupan termasuklah sosial,

ekonomi dan politik dengan menerangkan tanggungjawab rakyat daripada pelbagai tahap autoriti(Lee & Sarjit, 2008).

b) Tahap Persepsi

Jadual 14: Tahap Persepsi

Persepsi	Perak	Penang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Tinggi	55(44%)	71(59.2%)	65(52.4%)	69(55.6%)	50(47.6%)	310(51.8%)
Sederhana	68(54.4%)	43(35.8%)	57(46.0%)	54(43.5%)	53(50.5%)	274(45.8%)
Rendah	2(1.6%)	6(5.0%)	2(1.6%)	1(0.8%)	2(1.9%)	14(2.3%)

Secara umumnya, majoriti responden mempunyai tahap persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 310 atau 51.8% responden. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Selain itu, persepsi responden di negeri Perak adalah sederhana dan terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 15: Skor Min bagi Persepsi Terhadap Rukun Negara

Bil	Pernyataan	Kekerapan				
		STS	TS	S	SS	Min
1.	Saya percaya Rukun Negara dapat memupuk perpaduan.	23	47	327	201	3.18
2.	Saya percaya Rukun Negara mampu melahirkan masyarakat yang demokratik, saintifik dan progresif.	18	46	341	193	3.19
3.	Saya berpendapat Rukun Negara dapat memupuk semangat cinta pada negara.	14	44	336	204	3.22
4.	Saya merasakan Rukun Negara mendidik kita supaya menerima, mematuhi dan mempertahankan keluhuran Perlembagaan Negara.	17	53	345	183	3.16
5.	Saya berpendapat masalah perkauman boleh diselesaikan melalui penghayatan Rukun Negara.	29	97	323	149	2.99
6.	Saya merasakan Rukun Negara perlu dirombak semula mengikut kesesuaian peredaran masa.	113	208	195	82	2.59
7.	Saya berpendapat masalah sosial semakin meningkat disebabkan kurangnya penghayatan Rukun Negara.	48	111	284	155	2.91

8.	Saya percaya berpegang kepada Rukun Negara dapat membentuk sebuah Negara Bangsa.	24	72	351	151	3.05
9.	Saya berpendapat Rukun Negara sekadar hafalan.	129	187	182	90	2.59
10.	Saya berpendapat Kelab Rukun Negara merupakan inisiatif yang bijak.	49	89	320	140	2.92

Nota: Penskoran: (1.00-4.00) Sangat Tidak Setuju- Tidak Setuju - Setuju - Sangat Setuju

Malah, berdasarkan Jadual 15, kebanyakan responden iaitu seramai 336 orang setuju dan 204 orang sangat bersetujudengan pernyataan 'Saya berpendapat Rukun Negara dapat memupuk semangat cinta pada negara' dengan nilai min tertinggi (min=3.22). Ini menunjukkan responden mempunyai perasaan yang positif terhadap Rukun Negara dengan bersetuju bahawa Rukun Negara dapat memupuk semangat cinta pada negara. Namun, menurut Azizi Yahaya et. al. (2007) nilai min antara 2.34-3.66 adalah sederhana.

Justeru, dapatan tahap persepsi terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia adalah sederhana. Selain itu, didapati pernyataan 'Saya percaya Rukun Negara mampu melahirkan masyarakat yang demokratik, saintifik dan progresif' mempunyai nilai min kedua tertinggi (min=3.19) di mana seramai 341 orang bersetuju dan seramai 193 sangat bersetuju.

Ini diikuti oleh pernyataan 'Saya percaya Rukun Negara dapat memupuk perpaduan' yang mempunyai nilai min ketiga tertinggi (min=3.18) di mana seramai 327 orang bersetuju dan 201 orang sangat bersetuju. Berdasar Jadual 15, didapati pernyataan 'Saya berpendapat masalah sosial semakin meningkat disebabkan kurangnya penghayatan Rukun Negara' mempunyai nilai min yang terendah (min=2.91) dalam bahagian persepsi terhadap Rukun Negara.

c) Tahap Penghayatan

Jadual 16: Tahap Penghayatan

Persepsi	Perak	Penang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Tinggi	47(37.6%)	55(45.8%)	53(42.7%)	46(37.1%)	50(47.6%)	251(42.0%)
Sederhana	78(62.4%)	65(54.2%)	71(57.3%)	78(62.9%)	55(52.4%)	347(58.0%)

Secara umumnya, majoriti belia mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 347 atau 58% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 17: Skor Min bagi Penghayatan Terhadap Rukun Negara

Bil	Pernyataan	Kekerapan				
		STS	TS	S	SS	Min
1.	Saya menghormati institusi beraja sebagai simbol negara.	17	26	339	216	3.26
2.	Saya mempunyai perasaan ingin menyumbang sesuatu demi kepentingan negara.	9	27	360	202	3.26
3.	Saya mengikuti demonstrasi haram.	210	167	144	77	2.85
4.	Saya berdiri apabila lagu Negaraku dinyanyikan sebagai tanda penghormatan.	14	34	309	241	3.30
5.	Saya membantu kepada golongan yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa.	10	27	337	224	3.30
6.	Saya mempertikaikan dasar kerajaan walaupun ia berkait dengan kepentingan negara.	84	227	202	85	2.52
7.	Saya berhak mempersoalkan mengenai hak keistimewaan sesuatu kaum dalam Perlembagaan Persekutuan.	75	177	250	96	2.39
8.	Saya membantah pertukaran agama bagi seseorang yang ingin menganuti agama lain.	78	175	191	154	2.70
9.	Saya merasakan kebudayaan saya lebih tinggi daripada masyarakat lain.	77	228	222	71	2.52
10.	Saya meraikan perayaan masyarakat yang berbilang bangsa.	27	66	351	154	3.06

Nota: Penskoran: (1.00-4.00) Sangat Tidak Setuju - Tidak Setuju - Setuju - Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 17, didapati pernyataan 'Saya berhak mempersoalkan mengenai hak keistimewaan sesuatu kaum dalam Perlembagaan Persekutuan' mempunyai nilai min yang paling rendah, iaitu seramai 177 orang menyatakan 'tidak setuju' (min=2.39). Selain itu, pernyataan 'Saya berdiri apabila lagu Negaraku dinyanyikan sebagai tanda penghormatan' dan 'Saya membantu kepada golongan yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa' merupakan nilai min tertinggi (min=3.30).

Ini menunjukkan responden mempunyai nilai-nilai murni dalam diri serta semangat patriotisme seperti yang terangkum dalam prinsip Rukun Negara. Namun, tahap penghayatan belia terhadap Rukun Negara masih berada pada tahap yang sederhana.

d) Tahap Pengamalan

Jadual 18: Tahap Pengamalan

Persepsi	Perak	Penang	Pahang	Johor	Selangor	Jumlah
Tinggi	89(71.2%)	83(69.2%)	80(64.5%)	73(58.9%)	77(73.3%)	402(67.2%)
Sederhana	35(28%)	35(29.2%)	43(34.7%)	49(39.5%)	27(25.7%)	188(31.4%)
Rendah	1(0.8%)	2(1.7%)	1(0.8%)	2(1.6%)	1(1.0%)	8(1.3%)

Secara umumnya, majoriti belia mempunyai tahap pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 402 atau 67.2% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Berdasarkan Jadual 19, didapati seramai 345 orang sangat selalu mengamalkan Rukun Negara dengan pernyataan ‘Saya menjauhi amalan rasuah’ dengan nilai min tertinggi (min=3.45). Diikuti dengan pernyataan ‘Saya sentiasa berdoa kepada Tuhan bagi mendapatkan pertolongan’ seramai 310 orang menyatakan ‘sangat selalu’ dan seramai 21 orang menyatakan ‘selalu’ (min=3.37). Namun, secara keseluruhannya pengamalan belia terhadap Rukun Negara masih berada pada tahap sederhana kerana nilai min antara 2.34-3.66 adalah sederhana.

Jadual 19: Skor Min bagi Tahap Pengamalan Terhadap Rukun Negara

Bil	Pernyataan	Kekerapan				
		TP	JJ	S	SS	Min
1.	Saya mematuhi ajaran agama.	11	59	266	262	3.30
2.	Saya sentiasa berdoa kepada Tuhan bagi mendapatkan pertolongan.	12	66	21	310	3.37
3.	Saya berdiri dan faham apabila menyanyi lagu Negaraku.	16	89	261	232	3.19
4.	Saya memasang bendera Malaysia semasa menyambut hari kemerdekaan.	41	185	199	173	2.84
5.	Saya menghadiri aktiviti kemasyarakatan.	32	194	225	147	2.81
6.	Saya menghormati harta benda awam.	9	56	294	239	3.28
7.	Saya mematuhi undang-undang jalan raya.	11	58	301	228	3.25
8.	Saya menjauhi amalan rasuah.	25	25	203	345	3.45
9.	Saya memberi salam apabila berjumpa seseorang.	17	114	246	221	3.12
10.	Saya memberi bantuan kepada golongan yang kurang upaya semasa berada di tempat awam.	7	137	258	196	3.08

Nota: Penskoran: (1.00-4.00) Tidak Pernah- Jarang-jarang- Selalu- Sangat Selalu

Selain itu, berdasarkan Jadual 19 turut mendapati pernyataan ‘Saya menghadiri aktiviti kemasyarakatan’ mempunyai nilai min yang terendah iaitu hanya seramai

225 orang menyatakan “selalu” dan seramai 32 orang menyatakan “tidak pernah” serta 194 orang “jarang-jarang” (min=2.81).

Ini menunjukkan belia kurang mempunyai tingkah laku prososial. Berdasarkan Jadual 19, turut didapati pernyataan ‘Saya mematuhi ajaran agama’ dan ‘Saya menghormati harta benda awam’ mempunyai nilai min yang sama iaitu (min=3.29).

Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa jika seseorang individu itu mengamalkan ajaran agamanya pasti sikap dan tingkah lakunya akan didasari dengan nilai-nilai murni. Oleh sebab itu, kepercayaan beragama akan menjadikan bangsa dan negara sebagai satu bangsa yang berdaulat (Amin & Mohamad, 2011).

2. Taburan Data Mengikut Umur

Jadual 20: Skor Pemahaman

Umur	Skor Pemahaman			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
18 - 20 tahun	4 (2.0%)	30 (15.0%)	166 (83.0%)	200 (100.0%)
21 - 25 tahun	3 (1.3%)	23 (10.3%)	198 (88.4%)	224 (100.0%)
26 - 30 tahun	2 (2.0%)	9 (9.1%)	88 (88.9%)	99 (100.0%)
31 - 35 tahun	1 (2.2%)	4 (8.9%)	40 (88.9%)	45 (100.0%)
36 - 40 tahun	1 (3.3%)	6 (20.0%)	23 (76.7%)	30 (100.0%)
Jumlah	11 (1.8%)	72 (12.0%)	515 (86.1%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 20 menunjukkan skor pemahaman responden berdasarkan kategori umur. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 18 hingga 20 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 166 atau 83% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 30 atau 15% responden.

Seramai 4 atau 2% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pemahaman terhadap Rukun Negara. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 21 hingga 25 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 198 atau 88.4% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 23 atau 10.3% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 3 atau 1.3% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Seramai 88 atau 88.9% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 26 hingga 30 tahun. Manakala seramai 9 atau 9.1% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 2 atau 2% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Berdasarkan Jadual 20 turut menunjukkan kategori umur di antara 31 hingga 35 tahun, iaitu seramai 40 atau 88.9% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 4 atau 8.9% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Selain itu, seramai 1 atau 2.2% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 36 hingga 40 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 23 atau 76.7% responden. Manakala seramai 6 atau 20% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Hanya seramai 1 atau 3.3% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Secara keseluruhannya, didapati taburan data mengikut indikator umur adalah berada pada tahap tinggi, iaitu seramai 515 atau 86.1% responden serta tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara setiap kategori umur. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 21: Skor Persepsi

Umur	Skor Persepsi			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
18 - 20 tahun	4 (2.0%)	100 (50.0%)	96 (48.0%)	200 (100.0%)
21 - 25 tahun	6 (2.7%)	103 (46.0%)	115 (51.3%)	224 (100.0%)
26 - 30 tahun	1 (1.0%)	43 (43.4%)	55 (55.6%)	99 (100.0%)
31 - 35 tahun	2 (4.4%)	16 (35.6%)	27 (60.0%)	45 (100.0%)
36 - 40 tahun	1 (3.3%)	12 (40.0%)	17 (56.7%)	30 (100.0%)
Jumlah	14 (2.3%)	274 (45.8%)	310 (51.8%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 21 menunjukkan skor persepsi responden berdasarkan kategori umur. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 18 hingga 20 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 96 atau 48% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 100 atau 50% responden.

Seramai 4 atau 2% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai persepsi terhadap Rukun Negara. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 21 hingga 25 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 115 atau 51.3% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara.

Manakala seramai 103 atau 46% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 6 atau 2.7% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 55 atau 55.6% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 26 hingga 30 tahun. Manakala seramai 43 atau 43.4% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 1 atau 1% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara.

Berdasarkan Jadual 21 turut menunjukkan kategori umur di antara 31 hingga 35 tahun, iaitu seramai 27 atau 60% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 16 atau 35.6% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Selain itu, seramai 2 atau 4.4% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan kategori umur di antara 36 hingga 40 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 17 atau 56.7% responden.

Manakala seramai 12 atau 40% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Hanya seramai 1 atau 3.3% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati skor persepsi berdasarkan indikator umur adalah tinggi, iaitu seramai 310 atau 50.1% responden. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 22: Skor Penghayatan

Umur	Skor Penghayatan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
18 - 20 tahun	-	138 (69.0%)	62 (31.0%)	200 (100.0%)
21 - 25 tahun	-	122 (54.5%)	102 (45.5%)	224 (100.0%)
26 - 30 tahun	-	56 (56.6%)	43 (43.4%)	99 (100.0%)
31 - 35 tahun	-	18 (40.0%)	27 (60.0%)	45 (100.0%)
36 - 40 tahun	-	13 (43.3%)	17 (56.7%)	30 (100.0%)
Jumlah	-	347 (58.0%)	251 (42.0%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 22 menunjukkan skor penghayatan responden berdasarkan julat umur. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 18 hingga 20 tahun majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 138 atau 69% responden.

Manakala seramai 62 atau 31% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 21 hingga 25 tahun majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 122 atau 54.5% responden. Manakala seramai 102 atau 45.5% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi.

Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Seramai 56 atau 56.6% responden mempunyai skor penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 26 hingga 30 tahun. Manakala seramai 43 atau 43.4% responden mempunyai skor penghayatan yang tinggi. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 22 turut menunjukkan julat umur di antara 31 hingga 35 tahun, iaitu seramai 27 atau 60% responden majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang tinggi terhadap Rukun Negara.

Manakala seramai 18 atau 40% responden mempunyai tahap penghayatan yang sederhana. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 36 hingga 40 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 17 atau 56.7% responden. Manakala seramai 13 atau 43.3% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Secara keseluruhannya, didapati penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator umur adalah sederhana, iaitu seramai 347 atau 58% responden. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 23: Skor Pengamalan

Umur	Skor Pengamalan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
18 - 20 tahun	3 (1.5%)	87 (43.5%)	110 (55.0%)	200 (100.0%)
21 - 25 tahun	3 (1.3%)	62 (27.7%)	159 (71.0%)	224 (100.0%)
26 - 30 tahun	1 (1.0%)	23 (23.2%)	75 (75.8%)	99 (100.0%)
31 - 35 tahun	-	9 (20.0%)	36 (80.0%)	45 (100.0%)
36 - 40 tahun	7 (23.3%)	22 (73.3%)	7 (23.3%)	30 (100.0%)
Jumlah	8 (1.3%)	188 (31.4%)	402 (67.2%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 23 menunjukkan skor pengamalan responden berdasarkan julat umur. Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 18 hingga 20 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 110 atau 55% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 87 atau 43.5% responden. Seramai 3 atau 1.5% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan terhadap Rukun Negara. Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 21 hingga 25 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 159 atau 71% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara.

Manakala seramai 62 atau 27.7% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 3 atau 1.3% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 75 atau 75.8% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 26 hingga 30 tahun.

Manakala seramai 23 atau 23.2% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 1 atau 1% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 23 turut menunjukkan julat umur di antara 31 hingga 35, iaitu seramai 36 atau 80% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 9 atau 20% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Tiada responden yang mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara pada julat umur di antara 31 hingga 35 tahun.

Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan julat umur di antara 36 hingga 40 tahun pada tahap tinggi adalah seramai 7 atau 23.3% responden. Manakala seramai 22 atau 73.3% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Hanya seramai 7 atau 23.3% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara.

Secara keseluruhannya, didapati tahap penghayatan berdasarkan indikator umur adalah berada pada tahap tinggi, iaitu seramai 406 atau 67.2% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Namun, berdasarkan kategori umur 36 hingga 40 tahun berada pada tahap sederhana.

3. Taburan Data Mengikut Jantina

Jadual 24: Skor Pemahaman Mengikut Jantina

Jantina	Skor Pemahaman			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Lelaki	7 (2.7%)	34 (13.1%)	218 (84.2%)	259 (100.0%)
Perempuan	4 (1.2%)	38 (11.2%)	297 (87.6%)	339 (100.0%)
Jumlah	11 (1.8%)	72 (12.0%)	515 (86.1%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 24 menunjukkan skor pemahaman responden berdasarkan taburan data mengikut jantina. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina lelaki pada tahap tinggi adalah seramai 218 atau 84.2% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 34 atau 13.1% responden. Seramai 7 atau 2.7% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pemahaman terhadap Rukun Negara. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina perempuan pada tahap tinggi adalah seramai 297 atau 87.6% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara.

Manakala seramai 38 atau 11.2% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 4 atau 1.2% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati tahap pemahaman berdasarkan indikator jantina adalah tinggi, iaitu seramai 515 atau 86.1% responden. Selain itu, tiada perbezaan yang signifikan pemahaman terhadap Rukun Negara di antara lelaki dan perempuan.

Jadual 25: Skor Persepsi Mengikut Jantina

Jantina	Skor Pesepsi			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Lelaki	10 (3.9%)	107 (41.3%)	142 (54.8%)	259 (100.0%)
Perempuan	4 (1.2%)	167 (49.3%)	168 (49.6%)	339 (100.0%)
Jumlah	14 (2.3%)	274 (45.8%)	310 (51.8%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 25 menunjukkan skor persepsi responden berdasarkan taburan data mengikut jantina. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina lelaki pada tahap tinggi adalah seramai 142 atau 54.8% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 107 atau 41.3% responden. Seramai 10 atau 3.9% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai persepsi terhadap Rukun Negara.

Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina perempuan pada tahap tinggi adalah seramai 168 atau 49.6% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 167 atau 49.3% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 4 atau 1.2% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati persepsi berdasarkan indikator jantina adalah tinggi, iaitu seramai 310 atau 51.8% responden serta tiada perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 26: Skor Penghayatan Mengikut Jantina

Jantina	Skor Penghayatan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Lelaki	-	143 (55.2%)	116 (44.8%)	259 (100.0%)
Perempuan	-	204 (60.2%)	135 (39.8%)	339 (100.0%)
Jumlah	-	347 (58.0%)	251 (42.0%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 26 menunjukkan skor penghayatan responden berdasarkan taburan data mengikut jantina. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina lelaki majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 143 atau 55.2% responden. Manakala seramai 116 atau 44.8% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi.

Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina perempuan majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 204 atau 60.2% responden. Manakala seramai 135 atau 39.8% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi. Secara keseluruhannya, didapati penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator jantina adalah sederhana, iaitu seramai 347 atau 58% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 27: Skor Pengamalan Mengikut Jantina

Jantina	Skor Pengamalan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Lelaki	5 (1.9%)	64 (24.7%)	190 (73.4%)	259 (100.0%)
Perempuan	3 (0.9%)	124 (36.6%)	212 (62.5%)	339 (100.0%)
Jumlah	8 (1.3%)	188(31.4%)	402 (67.2%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 27 menunjukkan skor pengamalan responden berdasarkan taburan data mengikut jantina. Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina lelaki pada tahap tinggi adalah seramai 190 atau 73.4% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 64 atau 24.7% responden. Seramai 5 atau 1.9% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan terhadap Rukun Negara.

Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan jantina perempuan pada tahap tinggi adalah seramai 212 atau 62.5% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 124 atau 36.6% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 3 atau 0.9% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator jantina adalah tinggi, iaitu seramai 402 atau 67.2% responden. Selain itu, tahap pengamalan responden lelaki adalah lebih tinggi berbanding responden perempuan serta mempunyai perbezaan yang signifikan di antara jantina.

4. Taburan Data Mengikut Kaum

Jadual 28: Skor Pemahaman Mengikut Kaum

Kaum	Skor Pemahaman			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Melayu	6 (1.7%)	33 (9.1%)	324 (89.3%)	363 (100.0%)
Cina	3 (1.8%)	28 (17.0%)	134 (81.2%)	165 (100.0%)
India	2 (3.3%)	10 (16.4%)	49 (80.3%)	61 (100.0%)
Lain-lain	0 (0.0%)	1 (11.1%)	8 (88.9%)	9 (100.0%)
Jumlah	11 (1.8%)	72 (12.0%)	515 (86.1%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 28 menunjukkan skor pemahaman responden berdasarkan kaum. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Melayu pada tahap tinggi adalah seramai 324 atau 89.3% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 33 atau 9.1% responden. Seramai 6 atau 1.7% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pemahaman terhadap Rukun Negara.

Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Cina pada tahap tinggi adalah seramai 134 atau 81.2% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 28 atau 17% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 3 atau 1.8% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Seramai 49 atau 80.3% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum India. Manakala seramai 10 atau 16.4% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 2 atau 3.3% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 28 turut menunjukkan etnik minoriti (lain-lain), iaitu seramai 8 atau 88.9% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara.

Manakala seramai 1 atau 11.1% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Tiada responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara dalam etnik minoriti. Secara keseluruhannya, didapati tahap pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator kaum adalah tinggi, iaitu seramai 515 atau 86.1% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 29: Skor Persepsi Mengikut Kaum

Kaum	Skor Pesepsi			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Melayu	10 (2.8%)	126 (34.7%)	227 (62.5%)	363 (100.0%)
Cina	2 (1.2%)	113 (68.5%)	50 (30.3%)	165 (100.0%)
India	2 (3.3%)	31 (50.8%)	28 (45.9%)	61 (100.0%)
Lain-lain	0 (0.0%)	4 (44.4%)	5 (55.6%)	9 (100.0%)
Jumlah	14 (2.3%)	274 (45.8%)	310 (51.8%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 29 menunjukkan skor persepsi responden berdasarkan kaum. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Melayu pada tahap tinggi adalah seramai 227 atau 62.5% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 126 atau 34.7% responden. Seramai 10 atau 2.8% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai persepsi terhadap Rukun Negara.

Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Cina pada tahap tinggi adalah seramai 50 atau 30.3% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 113 atau 68.5% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 2 atau 1.2% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 28 atau 45.9% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum India.

Manakala seramai 31 atau 50.8% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 2 atau 3.3% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 29 turut menunjukkan etnik minoriti (lain-lain), iaitu seramai 5 atau 55.6% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 4 atau 44.4% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana.

Tiada responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara dalam etnik minoriti. Secara keseluruhannya, didapati persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator kaum adalah sederhana, iaitu seramai 310 atau 51.8% responden serta tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Selain itu, tahap persepsi kaum Cina adalah sederhana serta mempunyai perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 30: Skor Penghayatan Mengikut Kaum

Kaum	Skor Penghayatan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Melayu	-	190 (52.3%)	173 (47.7%)	363 (100.0%)
Cina	-	110 (66.7%)	55 (33.3%)	165 (100.0%)
India	-	42 (68.9%)	19 (31.1%)	61 (100.0%)
Lain-lain	-	5 (55.6%)	4 (44.4%)	9 (100.0%)
Jumlah	-	347 (58.0%)	251 (42.0%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 30 menunjukkan skor penghayatan responden berdasarkan kaum. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Melayu majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 190 atau 52.3% responden. Manakala seramai 173 atau 47.7% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara.

Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Cina majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 110 atau 66.7% responden. Manakala seramai 55 atau 33.3% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi. Tiada responden yang

rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Seramai 42 atau 68.9% responden mempunyai skor penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum India.

Manakala seramai 19 atau 31.1% responden mempunyai skor penghayatan yang tinggi. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 30 turut menunjukkan etnik minoriti, iaitu seramai 5 atau 55.6% responden majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 4 atau 44.4% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi.

Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator kaum adalah sederhana, iaitu seramai 347 atau 58% responden serta mempunyai perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 31: Skor Pengamalan Mengikut Kaum

Kaum	Skor Pengamalan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Melayu	1 (0.3%)	90 (24.8%)	272 (74.9%)	363 (100.0%)
Cina	6 (3.6%)	83 (50.3%)	76 (46.1%)	165 (100.0%)
India	1 (1.6%)	15 (24.6%)	45 (73.8%)	61 (100.0%)
Lain-lain	-	-	9 (100.0%)	9 (100.0%)
Jumlah	8 (1.3%)	188 (31.4%)	402 (67.2%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 31 menunjukkan skor pengamalan responden berdasarkan kaum. Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Melayu pada tahap tinggi adalah seramai 272 atau 74.9% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 90 atau 24.8% responden. Seramai 1 atau 0.3% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan terhadap Rukun Negara.

Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum Cina pada tahap tinggi adalah seramai 76 atau 46.1% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 83 atau 50.3% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 6 atau 3.6% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 45 atau 73.8% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan kaum India.

Manakala seramai 15 atau 24.6% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 1 atau 1.6% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 31 turut menunjukkan etnik minoriti (lain-lain), iaitu seramai 9 atau 100% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala tiada responden mempunyai skor pengamalan pada tahap sederhana dann rendah dalam etnik minoriti.

Secara keseluruhannya, didapati pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator kaum adalah tinggi, iaitu seramai 402 atau 67.2% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Namun, didapati tahap pengamalan terhadap Rukun Negara kaum Cina tidak mempunyai perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

5. Taburan Data Mengikut Agama

Jadual 32: Skor Pemahaman Mengikut Agama

Agama	Skor Pemahaman			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Islam	6 (1.6%)	33 (8.9%)	331 (89.5%)	370 (100.0%)
Buddha	3 (2.0%)	27 (17.9%)	121 (80.1%)	151 (100.0%)
Hindu	2 (3.5%)	10 (17.5%)	45 (78.9%)	57 (100.0%)
Kristian	-	1 (6.3%)	15 (93.8%)	16 (100.0%)
Lain-lain	-	1 (25.0%)	3 (75.0%)	4 (100.0%)
Jumlah	11 (1.8%)	72 (12.0%)	515 (86.1%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 32 menunjukkan skor pemahaman responden berdasarkan penganut agama. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Islam pada tahap tinggi adalah seramai 331 atau 89.5% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 33 atau 8.9% responden. Seramai 6 atau 1.6% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pemahaman terhadap Rukun Negara.

Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan penganut agama Buddha pada tahap tinggi adalah seramai 121 atau 80.1% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 27 atau 17.9% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 3 atau 2% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 45 atau 78.9% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Hindu. Manakala seramai 10 atau 17.5% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Seramai 2 atau 3.5% responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Berdasarkan Jadual 32 turut menunjukkan penganut agama Kristian, iaitu seramai 15 atau 93.8% responden mempunyai skor pemahaman yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 1 atau 6.3% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Tiada responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara. Skor pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan penganut agama sikh atau lain-lain pada tahap tinggi adalah seramai 3 atau 75% responden. Manakala seramai 1 atau 25% responden mempunyai skor pemahaman yang sederhana. Tiada responden mempunyai skor pemahaman yang rendah terhadap Rukun Negara.

Secara keseluruhannya, didapati pemahaman terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator agama adalah tinggi, iaitu seramai 515 atau 86.1% responden serta mempunyai perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 33: Skor Persepsi Mengikut Agama

Agama	Skor Persepsi			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Islam	10 (2.7%)	129 (34.9%)	231 (62.4%)	370 (100.0%)
Buddha	2 (1.3%)	102 (67.5%)	47 (31.1%)	151 (100.0%)
Hindu	2 (3.5%)	29 (50.9%)	26 (45.6%)	57 (100.0%)
Kristian	-	12 (75.0%)	4 (25.0%)	16 (100.0%)
Lain-lain	-	2 (50.0%)	2 (50.0%)	4 (100.0%)
Jumlah	14 (2.3%)	274 (45.8%)	310 (51.8%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 33 menunjukkan skor persepsi responden berdasarkan penganutagama. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Islam pada tahap tinggi adalah seramai 231 atau 62.4% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 129 atau 34.9% responden. Seramai 10 atau 1.3% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai persepsi terhadap Rukun Negara.

Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Buddha pada tahap tinggi adalah seramai 47 atau 31.1% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 102 atau 67.5% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 2 atau 3.5% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 26 atau 45.6% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkanpenganutagama Hindu. Manakala seramai 29 atau 50.9% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Seramai 2 atau 3.5% responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara.

Berdasarkan Jadual 33 turut menunjukkan penganutagama Kristian, iaitu seramai 4 atau 25% responden mempunyai skor persepsi yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 12 atau 75% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Tiada responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Skor persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama sikh atau lain-lain pada tahap tinggi adalah seramai 2 atau 50% responden.

Manakala seramai 2 atau 50% responden mempunyai skor persepsi yang sederhana. Tiada responden mempunyai skor persepsi yang rendah terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati persepsi terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator agama adalah tinggi, iaitu seramai 310 atau 51.8% responden serta tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Selain itu, persepsi terhadap Rukun Negara penganut agama Buddha adalah sederhana serta mempunyai perbezaan signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 34: Skor Penghayatan Mengikut Agama

Agama	Skor Penghayatan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Islam	-	195 (52.7%)	175 (47.3%)	370 (100.0%)
Buddha	-	102 (67.5%)	49 (32.5%)	151 (100.0%)
Hindu	-	40 (70.2%)	17 (29.8%)	57 (100.0%)
Kristian	-	8 (50.0%)	8 (50.0%)	16 (100.0%)
Lain-lain	-	2 (50.0%)	2 (50.0%)	4 (100.0%)
Jumlah	-	347 (58.0%)	251 (42.0%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 34 menunjukkan skor penghayatan responden berdasarkan penganutagama. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Islam majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 195 atau 52.7% responden. Manakala seramai 175 atau 47.3% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi.

Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Buddha majoritinya mempunyai tahap penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara dengan jumlah seramai 102 atau 67.5% responden. Manakala seramai 49 atau 32.5% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Seramai 40 atau 70.2% responden mempunyai skor penghayatan yang sederhana terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Hindu. Manakala seramai 17 atau 29.8% responden mempunyai skor penghayatan yang tinggi.

Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 34 turut menunjukkan penganutagama Kristian, iaitu seramai 8 atau 50% responden mempunyai tahap penghayatan yang tinggi terhadap Rukun Negara serta seramai 8 atau 50% responden juga mempunyai tahap penghayatan yang sederhana. Tiada responden yang rendah tahap penghayatan terhadap Rukun Negara.

Skor penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama sikh atau lain-lain pada tahap tinggi adalah seramai 2 atau 50% responden serta seramai 2 atau 50% responden juga mempunyai skor persepsi yang sederhana. Secara keseluruhannya, didapati penghayatan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator agama adalah sederhana, iaitu seramai 347 atau 58% responden serta mempunyai perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 35: Skor Pengamalan Mengikut Agama

Agama	Skor Pengamalan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Islam	1 (0.3%)	91 (24.6%)	278 (75.1%)	370 (100.0%)
Buddha	6 (4.0%)	75 (49.7%)	70 (46.4%)	151 (100.0%)
Hindu	1 (1.8%)	17 (29.8%)	39 (68.4%)	57 (100.0%)
Kristian	-	5 (31.3%)	11 (68.8%)	16 (100.0%)
Lain-lain	-	-	4 (100.0%)	4 (100.0%)
Jumlah	8 (1.3%)	188 (31.4%)	402 (67.2%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 35 menunjukkan skor pengamalan responden berdasarkan penganutagama. Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Islam pada tahap tinggi adalah seramai 278 atau 75.1% responden. Manakala pada tahap sederhana seramai 91 atau 24.6% responden. Seramai 1 atau 0.3% responden sahaja mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan terhadap Rukun Negara.

Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Buddha pada tahap tinggi adalah seramai 70 atau 46.4% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 75 atau 49.7% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 6 atau 4% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Seramai 39 atau 68.4% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Hindu.

Manakala seramai 17 atau 29.8% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Seramai 1 atau 1.8% responden mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Berdasarkan Jadual 35 turut menunjukkan penganutagama Kristian, iaitu seramai 11 atau 68.8% responden mempunyai skor pengamalan yang tinggi terhadap Rukun Negara. Manakala seramai 5 atau 31.3% responden mempunyai skor pengamalan yang sederhana. Tiada responden yang mempunyai skor pengamalan yang rendah terhadap Rukun Negara. Skor pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan penganutagama Sikh atau lain-lain adalah majoriti mempunyai tahap tinggi seramai 4 atau 100% responden.

Tiada responden mempunyai tahap sederhana dan rendah terhadap Rukun Negara. Secara keseluruhannya, didapati pengamalan terhadap Rukun Negara berdasarkan indikator agama adalah tinggi, iaitu seramai 402 atau 67.2% responden serta mempunyai perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Namun, pengamalan terhadap Rukun Negara penganut agama Buddha adalah sederhana.

6. Taburan Data Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi

Jadual 36: Skor Pemahaman Mengikut Tahap Pendidikan Tetinggi

Tahap Pendidikan	Skor Pemahaman			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
UPSR	-	1 (50.0%)	1 (50.0%)	2 (100.0%)
PMR	-	3 (17.6%)	14 (82.4%)	17 (100.0%)
SPM	6 (2.2%)	37 (13.6%)	229 (84.2%)	272 (100.0%)
STPM	1 (1.9%)	6 (11.3%)	46 (86.8%)	53 (100.0%)
Diploma	1 (1.1%)	10 (10.8%)	82 (88.2%)	93 (100.0%)
Bachelor	1 (.8%)	13 (10.1%)	115 (89.1%)	129 (100.0%)
Master	-	2 (15.4%)	11 (84.6%)	13 (100.0%)
Lain-lain	2 (10.5%)	-	17 (89.5%)	19 (100.0%)
Jumlah	11(1.8%)	72 (12.0%)	515 (86.1%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 36 menunjukkan skor pemahaman terhadap Rukun Negara responden berdasarkan tahap pendidikan tertinggi. Secara keseluruhannya, berdasar indikator tahap pendidikan tertinggi didapati skor pemahaman adalah tinggi, iaitu seramai 515 atau 86.1% responden. Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pemahaman terhadap Rukun Negara di antara tahap pendidikan tertinggi setiap responden.

Jadual 37: Skor Persepsi Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi

Tahap Pendidikan	Skor Persepsi			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
UPSR	-	2 (100.0%)	-	2 (100.0%)
PMR	-	13 (76.5%)	4 (23.5%)	17 (100.0%)
SPM	7 (2.6%)	105 (38.6%)	160 (58.8%)	272 (100.0%)
STPM	-	26 (49.1%)	27 (50.9%)	53 (100.0%)
Diploma	-	37 (39.8%)	56 (60.2%)	93 (100.0%)
Bachelor	4 (3.1%)	75 (58.1%)	50 (38.8%)	129 (100.0%)
Master	-	8 (61.5%)	5 (38.5%)	13 (100.0%)
Lain-lain	3 (15.8%)	8 (42.1%)	8 (42.1%)	19 (100.0%)
Jumlah	14 (2.3%)	274 (45.8%)	310 (51.8%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 37 menunjukkan skor persepsi terhadap Rukun Negara responden berdasarkan indikator tahap pendidikan tertinggi. Secara keseluruhannya, berdasar indikator tahap pendidikan tertinggi didapati skor persepsi adalah tinggi, iaitu seramai 310 atau 51.8% responden serta tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Namun, responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat bachelor didapati persepsi terhadap Rukun Negara adalah sederhana dan terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana.

Jadual 38: Skor Penghayatan Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi

Tahap Pendidikan	Skor Penghayatan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
UPSR	-	2 (100.0%)	-	2 (100.0%)
PMR	-	13 (76.5%)	4 (23.5%)	17 (100.0%)
SPM	-	154 (56.6%)	118 (43.4%)	272 (100.0%)
STPM	-	34 (64.2%)	19 (35.8%)	53 (100.0%)
Diploma	-	52 (55.9%)	41 (44.1%)	93 (100.0%)
Bachelor	-	75 (58.1%)	54 (41.9%)	129 (100.0%)
Master	-	8 (61.5%)	5 (38.5%)	13 (100.0%)
Lain-lain	-	9 (47.4%)	10 (52.6%)	19 (100.0%)
Jumlah	-	347 (58.0%)	251 (42.0%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 38 menunjukkan skor penghayatan responden berdasarkan indikator tahap pendidikan tertinggi. Secara keseluruhannya, berdasar indikator tahap pendidikan tertinggi didapati skor penghayatan adalah sederhana, iaitu seramai 347 atau 58% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Selain itu, penghayatan terhadap Rukun Negara di antara peringkat tahap pendidikan tertinggi tidak terdapat perbezaan signifikan.

Jadual 39: Skor Pengamalan Mengikut Agama

Tahap Pendidikan	Skor Pengamalan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
UPSR	-	1 (50.0%)	1 (50.0%)	2 (100.0%)
PMR	-	10 (58.8%)	7 (41.2%)	17 (100.0%)
SPM	5 (1.8%)	90 (33.1%)	177 (65.1%)	272 (100.0%)
STPM	1 (1.9%)	22 (41.5%)	30 (56.6%)	53 (100.0%)
Diploma	1(1.1%)	21 (22.6%)	71 (76.3%)	93 (100.0%)
Bachelor	-	33 (25.6%)	96 (74.4%)	129 (100.0%)
Master	-	5 (38.5%)	8 (61.5%)	13 (100.0%)
Lain-lain	1 (5.3%)	6 (31.6%)	12(63.2%)	19 (100.0%)
Jumlah	8 (1.3%)	188 (31.4%)	402 (67.2%)	598 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 39 menunjukkan skor pengamalan terhadap Rukun Negara responden berdasarkan indikator tahap pendidikan tertinggi. Secara keseluruhannya, berdasar indikator tahap pendidikan tertinggi didapati skor pengamalan adalah tinggi, iaitu seramai 402 atau 67.2% responden serta terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tinggi dan sederhana. Selain itu, pengamalan terhadap Rukun Negara di antara peringkat tahap pendidikan tertinggi tidak terdapat perbezaan signifikan.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Ringkasan

Daripada kajian ini maka satu ringkasan menyeluruh dibuat berdasarkan objektif kajian yang telah dikemukakan. Bagi menjawab objektif kajian ini, borang soal selidik telah diedarkan kepada belia yang mewakili sampel kajian. Hasil dapatan kajian telah dirumuskan mengikut objektif kajian berikut:

1. Ringkasan Objektif pertama: Menenal Pasti Pemahaman Belia terhadap Rukun Negara
Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa belia memahami mengenai Rukun Negara serta mempunyai tahap pemahaman yang baik.
2. Ringkasan Objektif kedua: Menenal Pasti Tahap Persepsi Golongan Belia Terhadap Rukun Negara
Hasil kajian turut mendapati bahawa persepsi belia terhadap Rukun Negara adalah positif. Namun, masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.
3. Ringkasan Objektif ketiga: Menenal Pasti Tahap Penghayatan dan Pengamalan Golongan Belia Terhadap Rukun Negara
Hasil kajian turut mendapati pengamalan belia terhadap Rukun Negara adalah baik dan memuaskan namun tidak dari segi penghayatannya.
4. Ringkasan Objektif keempat: Menjelaskan cabaran penerapan Rukun Negara dalam kalangan belia
Usaha memantapkan penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia memerlukan perhatian serius dalam kalangan pelbagai pihak.

Kesimpulan

Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada belia yang berbeza etnik serta kehidupannya lebih dipengaruhi oleh norma sejagat dan mementingkan hiburan dalam kehidupan. Di sebalik perbezaan sosial responden, etnik tidaklah menjadi dimensi utama yang mempengaruhi tindakan mereka. Ini kerana di era globalisasi yang dikenali sebagai zaman tanpa sempadan sering dikaitkan dengan impak negatif. Secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku manusia sejagat terhadap ruang sesebuah negara. Lantaran itu, memperkukuhkan jati diri nasional dengan menerapkan prinsip Rukun Negara dalam kalangan belia adalah penting bagi memastikan kemajuan pembangunan negara serta memperkasakan hubungan sosial.

Penerapan prinsip Rukun Negara melalui pemahaman, penghayatan dan pengamalan dalam kalangan belia merupakan indikator penting bagi menyemarakkan semangat patriotisme serta perpaduan nasional. Lantaran itu, dapatan kajian ini menunjukkan tahap pemahaman, persepsi serta pengamalan responden terhadap Rukun Negara didapati tinggi tetapi usaha mempertingkatkan hubungan sosial dan penghayatan terhadap kelima-lima prinsip Rukun Negara perlu lebih dititik beratkan.

Pengamalan Rukun Negara didapati sangat baik di mana mereka didapati telah bersedia untuk memperakui, menghormati, menerima, berkongsi sama dan meraikan perbezaan etnik, bahasa, budaya, agama dan kekeluargaan di antara mereka. Nilai-nilai murni dalam Rukun Negara juga dikongsi bersama hingga perbezaan etnik tidak menjadi asas untuk membeza-bezakan tindakan mereka.

Memupuk perpaduan nasional melalui nilai-nilai murni dalam Rukun Negara ini harus dijadikan sebagai norma kehidupan belia bagi menjamin kesejahteraan yang berkekalan. Sehubungan itu, elemen pendidikan merupakan perisai utama bagi melindungi dan memapankan rakyat daripada dipengaruhi gejala buruk. Selain itu, media massa juga merupakan satu medium penjana perpaduan yang didapati sangat berkesan dan perlu dipertingkatkan program bagi memartabat ideologi nasional, iaitu Rukun Negara.

Implikasi

1. Hubungan etnik bukan punca pemisah individu dan masalah hidup. Majoriti responden mementingkan semangat perpaduan yang diterima oleh semua lapisan masyarakat.
2. Agama, bahasa dan ikatan kekeluargaan adalah dimensi etnik yang paling sensitif dan perlu diurus dengan baik. Urus tadbir kerajaan dan persekolahan perlu peka dengan perkara ini.
3. Akhir kata, pemahaman dan persepsi belia terhadap Rukun Negara adalah positif tetapi penghayatan mereka masih ditahap sederhana dan perlukan perhatian lanjut. Punca masalah bukan terletak diperbezaan etnik tetapi sistem pendidikan yang mementingkan ideologi nasional. Justeru, urus tadbir dan agensi media serta pemimpin politik perlu memainkan peranan untuk memastikan keharmonian yang dikecapi selama lebih 50 tahun berkekalan dan boleh diwariskan untuk generasi mendatang.

Cadangan

1. Institusi Pendidikan

Pendidikan merupakan platform kepada asas ketamadunan bangsa di dunia sejak daripada dahulu. Namun, apa yang ingin ditekankan ialah semakan dan penelitian semula terhadap sistem pendidikan serta kurikulum sekolah berkaitan dengan memperkasakan nilai patriotisme dan nasionalisme berasaskan Rukun Negara.

Lantaran itu, pelaksanaan terhadap pendidikan berasaskan Rukun Negara serta patriotisme secara bertahap-tahap dalam tempoh jangka panjang, konsisten dan sistematik perlu dirancang dengan teliti bagi mencapai objektif pelaksanaan. Selain itu, pendedahan awal kepada kanak-kanak prasekolah dengan pengenalan terhadap simbol-simbol kenegaraan serta hal ehwal persekitaran mereka.

Apabila diperingkat sekolah rendah didedahkan dengan konsep yang lebih abstrak dan kompleks seperti sistem demokrasi dan peranan warganegara dalam sistem politik. Secara tidak langsung, pendekatan yang efisien dalam sistem pendidikan dapat membantu meningkatkan tahap pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara serta menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

Pengenalan terhadap subjek kenegaraan di sekolah serta institusi pengajian tinggi untuk mengukuhkan semangat patriotisme adalah salah satu perancangan yang baik. Justeru, kajian secara terperinci perlu dilakukan dan diteliti bagi mencapai objektif penawarannya.

2. Aktiviti dan Kelab Persatuan

Pelaksanaan semula program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) bagi memperkasakan semangat patriotisme serta perpaduan nasional harus disemai pada peringkat awal dan dijadikan aktiviti wajib kepada semua sekolah termasuk sekolah swasta. Selain itu, aktiviti ko-kurikulum daripada peringkat sekolah hingga institut pengajian tinggi (IPT) harus menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam setiap program dan agenda.

Perlaksanaan Kelab Rukun Negara di setiap sekolah dan universiti perlu diberi penelitian semula bagi menyemarakkan dan mencapai objektif penubuhannya. Selain itu, mempertingkatkan program bagi memantapkan pelaksanaan kelab seperti seni dan budaya diketengahkan dalam Kelab Rukun Negara bagi melahirkan semangat cintakan budaya Malaysia dan seterusnya membendung budaya asing yang tidak sesuai dengan budaya tempatan.

3. Pemimpin dan Ahli Politik

Pemimpin dan ahli politik perlu memainkan peranan yang penting bagi menerapkan budaya perpaduan dengan menggalakkan Skim Rukun Tetangga di setiap kawasan. Lantaran, Skim Rukun Tetangga perlu diperluas, ditingkatkan jumlahnya dan dana operasinya mesti disediakan jika perpaduan negara dan integrasi nasional adalah tiang kepada kemajuan negara.

Ringkasnya, masyarakat Malaysia mementingkan kehidupan yang harmoni dan kesejahteraan sosial. Peranan ahli politik dalam menyampaikan budaya damai dalam kehidupan bermasyarakat amat penting kerana mereka menjadi sumber rujukan utama masyarakat. Ahli politik dan pemimpin lokal perlu lebih proaktif dalam menyampaikan maklumat terkini mengenai situasi semasa terutama hubungan sesama manusia dan mengekalkan kedamaian serta keharmonian sosial.

4. Media

Media massa dan teknologi maklumat sangat penting dalam menyampaikan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat dunia. Oleh itu, keterlibatan peranan pengamal media massa untuk mendidik warganegara harus dikesampingkan malah harus digembleng secara bersepadu agar impak atau output adalah lebih berkesan dan menyeluruh meliputi semua golongan. Lantaran, galakan daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan menyiarkan slot tetap dalam media seperti pengiklanan yang membangkit dan memekarkan semangat patriotisme dapat dipaparkan.

Selain itu, penyampaian yang menarik dan jelas mengikut kesesuaian peringkat umur mengenai elemen Rukun Negara serta nilai patriotisme amat penting bagi meningkatkan tahap pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara. Menerusi media cetak pula, di cadangkan supaya menerbitkan ruangan khas untuk

setiap jenis bahasa seperti penerbitan surat khabar, majalah dan risalah supaya penyampaian dan pemahaman setiap etnik adalah jelas dan terperinci.

Walaupun pelbagai organisasi media mempunyai kepentingan yang berbeza, kepentingan perpaduan, toleransi dan keharmonian harus diutamakan. Yayasan Institut Akhbar Malaysia boleh menjadi peneraju dalam hal ini dan berperanan menjadi badan rujukan untuk perkara yang berkaitan dengan media dan perpaduan.

Selain itu, media dilihat sebagai satu alat untuk mengembangkan ideologi atau mencambahkan idea secara menyeluruh, cepat dan berkesan pada masa kini yang dapat membantu dalam usaha memupuk perpaduan etnik. Media massa seperti televisyen, radio, surat khabar dan majalah adalah dekat dengan masyarakat. Medium ini kuat dalam mempengaruhi persepsi atau tanggapan idea individu. Maka media massa ini perlu menyiarkan rancangan dan iklan yang menggambarkan perpaduan etnik.

Apabila rancangan dan iklan tersebut disiarkan berulang kali, nilai perpaduan dan toleransi dapat diterapkan. Hal ini kerana masyarakat akan mudah mengikuti teladan yang dipaparkan di media massa tersebut. Sesungguhnya, media massa memainkan peranan yang penting bagi memupuk perpaduan serta meningkatkan tahap pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara.

RUJUKAN

Ahmad Mahdzan, A. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad, N., Dahalan, D., Hassan, M. S., Othman, J., Abdullah, N. A., & Muda, M. (2008). *Belia dan Keterlibatan dengan Mesej Perpaduan*. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2008, 26-45.

Ahmad, R. H. (2005). *Patriotisme Malaysia Penangkis Neoimperialisme*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitude and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Allport, G. W. (1954). *The Nature of Prejudice*. Cambridge: Addison-Wesley.

Amin, R., & Mohamad, A. N. (2011). *Rukun Negara: Peranan, Penghayatan dan Cabaran dalam Perpaduan di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional (hlm. 81-107). Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Anastasi, A. (1982). *Psychological Testing*. New York: Macmillan Publishing.

Aronson, E. (2010). *Social Psychology (7th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson/Prentice Hall.

Atkinson, R. L., Atkinson, R. C., & Hilgard, E. R. (1983). *Introduction to psychology (8th ed.)*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.

Azmi, I. A., & Ahmad, W. S. (2008). Pengaruh Sikap dan Demografi ke atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah* , 321-344.

Baharuddin, S. A. (2011). Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai Work-in-progress . Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baharudin, A. M., Zaini, U., & Fatini, Y. (1992). Fenomena Remaja. Kuala Lumpur: Arena Ilmu (M) Sdn.Bhd.

Baker, C. (1992). *Attitudes and language*. Clevedon: Multilingual Matters.

Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.

Bernama. (2006, Januari 26). Kempen Penghayatan Rukun Negara Dilancar Jumaat. Didapatkan dari BERNAMA: http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=177657

Blom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational Objective*. Handbook 1: Cognitive Domain. New York: David McKay Company, Inc.

Bohner, G., & Wanke, M. (2002). *Attitude and Attitude Change*. Brighton: Psychology Press.

Brown, G. K. (2007). Making ethnic citizen: The politics and practice of education in Malaysia. *International Journal of Education Development* , 318 - 330 :27.

Carson, V., Iannotti, R. J., Pickett, W., & Janssen, I. (2011). Urban and rural difference insedentary behavior among American and Canadian Youth. *Health & Place* 17 , 920-928.

Chang, H. J. (2011). The Role of Animation in the Consumer Attitude Formation: Exploring its Implication in the Tripartite Attitudinal Model. *Journal of Targeting, Measurement and Analysis for Marketing* , 99-111.

Cooper, J. O., Heron, T. E., & Heward, W. L. (1980). *Applied behavior analysis*. America: Merrill Publishing Company.

Dahalan, D., Ahmad, N., Abdullah, N. A., Hassan, M. S., Othman, J., & Muda, M. (2009). Implikasi Keterlibatan Audiens Belia dengan Kempen Perpaduan di Televisyen: Perbandingan Belia Melayu dan Bukan Melayu. *Malaysia Journal of Youth Studies* , 23-42.

Desa, A. (2001). *Psikologi: Untuk golongan profesional*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn Bhd.

Dewing, J. (2010). *Moment of movement: Active Learning and practice developmen*. Nurse Education in Practice , 22-26.

Durpoix, D. (2010). *Farmer attitude and behavior towards the natural environment: a New Zealand case study*. Thesis Doctor of Philosophy: Massey University.

Eagly, A., & Chaiken, S. (1993). *The Psychology of Attitudes*. New York: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.

Embi, M. A. (2009). *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Evans, A. N., & Rooney, B. J. (2011). *Methods in Psychological Research*. United States of America: SAGE Publication, Inc.

Ezhar, T., Jusang, B., Zamre, Y., & Mohammad Rezal, H. (2008). Penglibatan Remaja Bandar Berpendapatan Rendah dalam Masalah Sosial. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia* , 165-182.

Faizah, Y. (2007). *Youth employment and employability in Malaysia*. Malaysia: Malaysia Youth Report.

Fazio, R., & Zanna, M. (1981). Direct experience and attitude-behavior consistency. *Journal of Experimental Social Psychology* (vol. 14) , 70-76.

Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention, and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, Mass: Addison Wesley.

Gill, S. S., & Fee, L. Y. (2008). Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentari. *Pertanika Journal Social Science & Human* , 107-113.

Gill, S. S., & Ismail, W. A. (2008). Perubahan Nilai Budaya Belia Malaysia Menuju Wawasan 2020. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia* , 15-34.

Good, J. M. (2000). Disciplining social psychology: A case study of boundary relations in the history of the human science. *Journal of the History of the Behavior Sciences* , 36 (4): 383-403.

Habitat. (2002). *Cities in a globalizing world: global report on human settlements 2001*. London: Earthscan Publication Ltd.

Halim, A. A. (2009). Pengetahuan Golongan Belia Terhadap Pendekatan Islam Hadhari. *Malaysia Journal of Youth Studies* , 117-132.

Hamid, Z., & Aman, R. (2008). *Pemikiran Belia : Satu Kajian Perbandingan*. Jurnal Pembangunan Belia Malaysia , 35-52.

Hassan, A., & Mohd, A. (1997). *Daya Pengaruh dan Perubahan Sikap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Hilgard, E. R. (1980). The trilogy of mind: Cognition, affection, and conation. *Journal of the History of the Behavior* , 16 (2): 107-117.

Hogg, M. A., & Vaughan, G. M. (2005). *Social psychology*. Harlow, England: Prentice Hall.

Horton, H. K., & Silverstein, S. M. (2008). Social cognition as a mediator of cognition and outcome among deaf and hearing people with schizophrenia. *Schizophrenia Research* 105 , 125-137.

Hyman, I. A. (1997). *School Discipline & School Violence, the Teacher Variance Approach*. Boston: Allyn & Bacon.

Ishak, S., Nabir, A., & Adnan, J. (2011). *Perpaduan Malaysia Tanggungjawab Bersama. Himpunan Kertas Kerja: Keilmuan Sebagai Kerangka Perpaduan Nasional* , 28-58.

Ismail, A., Rahim, A., Ribu, H., Aziz, Z., & Puteh, S. N. (2011). *Pemupukan Semangat Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Sejarah. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional (hlm. 266-282)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Ismail, R. (2011). *Psikologi Sosial*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail, Y. (1978). *Malaysia: Nilai Politik dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

Jali, M. F., & Besar, J. A. (2012). *Pendapat dan Keperluan Generasi Muda di Kawasan Perlimeran Muar, Johor*. *Journal of Social Sciences and Humanities* , 50-63.

Jalil, Z. A. (2009). *Tragedi 13 Mei: Apa yang Harus Kita Pelajari? Membina Bangsa Malaysia, Jilid 4* , 518-535.

Jin, C. H. (2011). *The Role of Animation in the Consumer Attitude Formation: Exploring its Implication in the Tripartite Attitudinal Model*. *Journal of Targeting, Measurement and Analysis for Marketing* , 99-111.

Khalid, H. (2010). *Attitudinal Modeling of Affect, Behavior and Cognition*. Kuala Lumpur: Damai Sciences Sdn Bhd.

Ku Samsu, K. H., & Mohd Nor, M. H. (2011). *Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. Jati* , 23-34.

Larson, R. W. (2005). *Globalization, Societal change, and new technologies: What they mean for the future of adolescent*. *Journal of Research on Adolescent* , 1-30.

Mahmood Nazar, M. (2001). *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ma'rof, R., & Haslinda, A. (2003). *Psikologi*. Selangor: Mc Graw Hill.

Mayers, D. G. (2012). *Exploring Social Psychology* . New York: McGraw-Hill.

Mohamad Rodzi, A. R. (2009). *Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan*. *Jebat* 36 , 90-106.

Mohamed, A. S., Sulaiman, S. H., Othman, M. F., Yang, M. A., & Haron, H. (2011). *Patriotisme Dilemma Among Malaysia Youth: Between Strategy and Reality*. *International Journal of Business and Social Science* , 219-227.

Mondada, L. (2011). *Understanding as an Embodied, Situated and Sequential Achievement in Interaction*. *Journal of Pragmatics* , 542-552.

Musa, M. M. (2001). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Mustari, M. I. (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Malaysia, Pahang: PTS Pub. & Dsitributor.

Nasional, J. P. (2012, Febuari 27). *Laman Web Rasmi Jabatan Perpaduan Nasional dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri*. Didapatkan dari JPNIN: <http://www.jpnin.gov.my/web/guest/pengenalan>

Nazar, M. (2001). *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ostrom, T. M. (1972). *Psychological foundations of attitude*, 3rd ed. New York: Academic Press.

Peter, J. P., & Olson, J. C. (2008). *Consumer behavior and marketing strategy* (8th ed.). Boston: McGraw-Hill/Irwin.

Petty, R. E., & Cacioppo, J. T. (1981). *Attitude and Persuasion: Classic and contemporary approaches*. United States of America: Wm. C. Brown Company Publisher.

Piaw, C. Y. (2009). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Serdang, Selangor: McGraw Hill Education.

Picho, K., Katrichis, J. M., & McCoach, D. B. (2010). *Developing and Validating the Females In Mathematics Scale (FIMS)*. *The International Journal of Educational and Psychological Assessment*, Vol. 5 , 77-100.

Porath, M. (2003). *Social understanding in the first years of school*. *Early Childhood Research Quarterly* 18 , 468-484.

Rahman, T. A. (2007). *13 Mei: Sebelum dan Selepas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Rajecki, D. W. (1982). *Attitude, themes and advances*. Sunderland, Mass: Sinauer Associates.

Razid, M. A. (2010, Oktober 5). *Rukun Negara sebagai etika, falsafah dan ideologi*. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia.

Redzuan, M. (2001). *Psikologi Sosial*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Robbins, S. P. (1996). *Organizational Behavior*. New York: Prentice Hall International.

Rosenberg, M. J. (1956). *Cognitive structure and attitudinal affect*. *Journal of Abnormal and Social Psychology* , 53 (3): 367-372.

Ruslan, Z., Mohd Mahadee, I., & Zaini, O. (2005). *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Sabitha, M. (2006). *Keadeh penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Sabran, R. (2006). *Kefahaman dan Kemahiran ICT dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Berpendidikan Agama*. Pahang: Seminar Teknologi dan Sains Sosial.

Sabri, A. Z. (2009). *Rukun Negara Dicipta Perpaduan Digapai*. Membina Bangsa Malaysia: Integrasi Nasional, Jilid 4, 469-480.

Samah, A. A. (2009). *Kelompok Dasar Belia Negara - Menyangga Potensi Belia Menerusi Pendekatan Transformasi Konflik*. Malaysia Journal of Youth Studies, 1-22.

Saygi, C. (2010). *Attitude Scale Development Study in Relation to Music Teaching Course*. ScienceDirect, 5451-5457.

Schiffman, L., & Kanuk, L. (2004). *Consumer Behaviour*, 8th ed. Upper Saddle River, NY: Pearson Education.

Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. New York: Wiley Publisher.

Shaver, K., & Tarpy, R. (1993). *Psychology*. New York: McMillan Public Company.

Sidek, M. N. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sihe, A. J. (2008). *Pengamatan*. Dalam A. Yahaya, S. Hashim, & Y. Boon, *Psikologi Pendidikan* (hlm. 145). Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Silberman, M & Averbach, C. (1990). *Active Training: A Handbook of Techniques, Designs, Case Examples and Tips*. New York: Lexington Books.

Snyder, M. (1979). *Self Monitoring*. New York: Academic Press.

Tonglet, M., Philips, P. S., & Read, A. D. (2004). *Using the theory of planned behavior to investigate the determinants of recycling behavior: A case study from brixworth, UK*. Resources Conservation & Recycling, vol41, 191-214.

Triandis, H. C. (1980). *Interpersonal behavior*. Monterey, Calif: Brooks/Cole.

Tuckman, B. W. (1994). *Conducting Educational Research*. USA: Harcourt Brace Collage Publisher.

Turiman, S., Azimi, H., Ismi Arif, I., Ezhar, T., Siti Raba'ah, H., Dzulhaimi, D., dll. (2008). *Jalanan Sosial Belia Malaysia: Implikasinya Terhadap Pembinaan Negara*. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2008, 1-9.

Turiman, S., Nobaya, A., Ezhar, T., & Azimi, H. (2008). *Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran*. Jurnal Pembangunan Belia Malaysia, 1-13.

Walley, K., Custance, P., Orton, G., Parsons, S., Lindgreen, A., & Hingley, M. (2009). *Longitudinal attitude surveys in consumer research: A case study from the agrifood sector*. Qualitative Market Research: An International Journal, Vol. 12 Is: 3 pp. 260-278.

Wiersma, W. (1991). *Research methods in education: An introduction* (5th ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A. R. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Yahaya, A., Latif, J. S., Hashim, S., & Boon, Y. (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Zaharah, A., Amla, S., & Hardiana Ema, R. (2010). *A study of national integration: Impact of Multicultural Values*. Procedia Social and Behavioral Sciences, 691-700: 7(c).

Zajonc, R. B. (1980). *Feeling and thinking: Preference need no inferences*. American Psychologist, 35: 151-175.

TOLERANSI SOSIO-AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Oleh:
Dr. Ahmad Tarmizi Talib
Universiti Putra Malaysia (UPM)

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan salah satu daripada negara di Asia Tenggara yang mempunyai masyarakat yang majmuk. Perjalanan sejarah yang berliku-liku telah memberikan impak yang tersendiri kepada Malaysia terutamanya berkaitan kepelbagaian budaya dan sosial masyarakatnya. Mengambil kira aspek budaya, dilihat terdapat dua pengaruh utama iaitu yang pertama, agama Islam dan budaya. Kedua, gaya hidup Barat, budaya, ideologi dan tamadun (Zaid, 2007).

Berdasarkan Laporan Akhir Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia (2001-2005), Islam adalah agama persekutuan dan hak kebebasan beragama dijamin oleh Perlembagaan Malaysia. Justeru itu, agama-agama lain selain agama Islam boleh diamalkan dan ianya dapat dilihat dengan jelas diamalkan dengan meluas terutamanya di kawasan bandar kerana kemajmukan yang lebih ketara berbanding di kawasan luar bandar.

Di Malaysia, kepercayaan kepada Tuhan (menurut agama masing-masing) dijadikan sebagai tonggak pertama Rukun Negara, dan kehidupan rakyat adalah berasaskan pada pegangan agama. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, isu hubungan antara agama khususnya Islam dan bukan Islam menjadi semakin penting, lebih-lebih lagi selepas Peristiwa 11 September 2001.

Pembentukan Malaysia yang menggabungkan pelbagai etnik menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Penghijrahan masyarakat Cina dan India telah membantu dalam memajukan Tanah Melayu ketika penjajahan British. Ia dilihat sebagai satu titik mula berkembangnya kepelbagaian etnik di Tanah Melayu. Kepelbagaian etnik telah menatijahkan kepelbagaian anutan agama tradisi masing-masing.

Pemimpin Malaysia sentiasa mempertahankan kenyataan bahawa tahap hubungan antara kumpulan etnik adalah baik. Terdapat banyak dasar-dasar kerajaan yang telah dirumuskan untuk meningkatkan dan seterusnya mengekalkan integrasi etnik seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Perpaduan Negara dan Dasar Pendidikan. Keperluan meneliti tahap hubungan antara agama terutamanya dalam usaha mengukuhkan hubungan etnik dilihat semakin penting.

Hal ini kerana, fenomena kepelbagaian agama yang terdapat dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja berlaku di Malaysia malah juga di seluruh dunia memandangkan bahawa tidak ada negara yang mengamalkan satu agama sahaja (Talib & Gill, 2012)

KENYATAAN MASALAH

Di Malaysia, terdapat beberapa masalah hubungan antara penganut agama yang timbul kerana kemungkinan kurangnya sikap toleransi dan hormat-menghormati antara penganut sesuatu agama. Salah satu daripada masalah tersebut ialah

isu penghinaan terhadap sesuatu agama. Ada pihak yang cuba mengeruhkan hubungan antara penganut agama dengan mengambil sesuatu tindakan yang bakal menimbulkan kemarahan penganut agama lain contohnya dengan menyentuh sensitiviti sesuatu agama.

KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui hasil kajian ini, ia diharap dapat memberi gambaran sejauhmana tahap toleransi agama, terutama dalam konteks sosial di Semenanjung Malaysia. Dapatan data kajian ini boleh memberi manfaat kepada banyak pihak terutamanya Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional dalam menilai status hubungan antara agama dalam masyarakat. Ia juga dapat membantu pihak kerajaan melaksanakan program yang diperlukan bagi memperkukuhkan lagi toleransi sosio-agama di Malaysia seterusnya mempertingkatkan keharmonian sosial.


Oleh yang demikian, setelah lebih 50 tahun mencapai kemerdekaan, toleransi agama dalam kalangan rakyat Malaysia perlu untuk dinilai secara objektif dengan melihat kematangan dan juga perkembangan dari segi sosio-ekonomi dan juga cara gaya hidup masyarakat Malaysia yang memberikan kesan kepada pemikiran dan juga tingkah laku mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap toleransi sosio-agama di Semenanjung Malaysia. Objektif khusus adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti tahap persepsi terhadap toleransi sosio-agama.
2. Menenalpasti tahap sikap terhadap toleransi sosio-agama.
3. Menenalpasti tahap kesediaan terhadap toleransi sosio-agama.
4. Menenalpasti pendapat umum terhadap toleransi sosio-agama.
5. Menenalpasti tahap tingkahlaku terhadap toleransi sosio-agama.
6. Menenalpasti tahap pengalaman toleransi sosio-agama.

KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian secara kuantitatif. Reka bentuk kajian ini adalah secara tinjauan (survei) dengan menggunakan borang soal selidik. Secara umumnya, kajian ini hanya melibatkan kawasan di Semenanjung Malaysia. beberapa negeri di pilih sebagai lokasi kajian iaitu Kedah, Penang, Selangor, Terengganu dan Kelantan.

Negeri-negeri ini di pilih adalah berasaskan bahawa negeri-negeri yang ditadbir oleh pakatan Rakyat dan juga negeri-negeri ini interaksi dari segi kepelbagaian agama lebih jelas kelihatan berdasarkan kepada senario politik semasa. Kajian ini pada awalnya telah dilaksanakan pra uji bagi instrumen kajian di Negeri Melaka pada 25 hingga 27 Disember 2011.

Kajian ini dibantu oleh seorang penolong penyelidik dan 12 orang enumerator bagi sesi pengumpulan data. Tiga siri pengumpulan data dilakukan iaitu mengikut zon utara, timur dan tengah bermula pada bulan daripada bulan Januari 2012 sehingga Mac 2012.

Sampel kajian adalah seramai 600 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang mewakili seperti berikut:

- Zon Utara : Pulau Pinang & Kedah = 240 orang
- Zon Tengah : Selangor = 120 orang
- Zon Timur : Kelantan & Terengganu = 240 orang

Sampel kajian ini juga mewakili Sampel kajian adalah terdiri dari pada Melayu, Cina dan India dalam nisbah 6 : 3 : 1. Sampel kajian adalah secara pensampelan mudah (convenience). Responden yang terlibat adalah berumur 18 hingga 60 tahun.

PROFIL RESPONDEN

Bahagian ini membincangkan maklumat penting yang berkaitan dengan keseluruhan demografi responden. Antaranya adalah maklumat yang berkaitan dengan negeri, umur, jantina, etnik, agama, pendidikan peringkat rendah, pendidikan peringkat menengah, pendidikan peringkat tertinggi, pekerjaan, pendapatan, dan status perkahwinan. Jumlah keseluruhan responden ialah seramai 608 orang.

Taburan Negeri Taburan Negeri

Jadual 3: Taburan Negeri

Negeri	Bilangan Responden	Peratus (%)
Penang	120	19.7
Kedah	125	20.6
Kelantan	121	19.9
Terengganu	118	19.4
Selangor	124	20.4
Jumlah	608	100.0

Pecahan bilangan mengikut negeri ialah Penang seramai 120 responden, Kedah seramai 125 responden, Kelantan seramai 121 responden, Terengganu seramai 118 responden dan Selangor seramai 124 responden. Purata responden mengikut negeri adalah seramai 121 orang.

Taburan Umur

Jadual 4: Taburan Umur

Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
18-25	343	56.4
26-35	169	27.8
36-45	44	7.2
46-55	40	6.6
56 - 60	12	2.0
Jumlah	608	100.0

Kajian ini terdiri daripada responden yang berumur 18-60 tahun. Umur responden dibahagikan kepada lima kelas umur iaitu, 56.4% (343) responden berumur dalam lingkungan 18-25 tahun, diikuti 27.8% (169) berumur dalam lingkungan 26-35 tahun, 7.2% (44) berumur dalam lingkungan 36-45 tahun, 6.6% (40) berumur dalam lingkungan 46-55 tahun, dan 2.0% (12) berumur dalam lingkungan 56-60 tahun. Responden yang berusia antara 18-25 tahun adalah yang tertinggi manakala responden yang terendah berada dalam lingkungan umur 56-60 tahun.

Taburan Jantina

Jadual 5: Taburan Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	274	45.1
Perempuan	334	54.9
Jumlah	608	100.0

Secara umumnya, majoriti jantina responden kajian ini ialah dari golongan perempuan iaitu seramai 334 bersamaan (54.9%). Manakala responden lelaki pula adalah seramai 274 iaitu (45.1%).

Taburan Agama

Jadual 6: Taburan Agama

Agama	Bilangan Responden	Peratus (%)
Islam	407	66.9
Buddha	141	23.2
Hindu	37	6.1
Kristian	22	3.6
Lain-Lain	1	0.2
Jumlah	608	100.0

Secara umum, hasil kajian menunjukkan majoriti responden adalah beragama Islam iaitu 66.9 % (407), diikuti 23.2% (141) beragama Buddha, 6.1% (37) beragama Hindu, dan 3.6% (22) beragama Kristian.

Taburan Etnik

Jadual 7: Taburan Etnik

Etnik	Bilangan Responden	Peratus (%)
Melayu	405	66.6
Cina	159	26.2
India	44	7.2
Jumlah	608	100.0

Etnik Melayu adalah yang paling ramai iaitu sebanyak 66.6% (405 orang) diikuti etnik Cina sebanyak 26.2% (159 orang) dan etnik India sebanyak 7.2% (44 orang).

Tahap Pendidikan Rendah

Jadual 8: Tahap Pendidikan Rendah

Pendidikan Rendah	Bilangan Responden	Peratus (%)
Tidak Bersekolah	0	0
S.R.K	474	78.0
S.J.K	120	19.7
Lain-Lain	14	2.3
Jumlah	608	100.0

Majoriti responden mempunyai pendidikan peringkat rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan iaitu sebanyak 78% (474 orang) diikuti dengan Sekolah Jenis Kebangsaan sebanyak 19.7% (120 orang) dan lain-lain sebanyak 2.3% (14 orang).

Tahap Pendidikan Menengah

Jadual 9: Tahap Pendidikan Menengah

Pendidikan Menengah	Bilangan Responden	Peratus (%)
Tidak Bersekolah	3	0.5
S.M.K	465	76.5
S.M.J.K	74	12.2
S.M.A	37	6.1
Lain-Lain	29	4.8
Jumlah	608	100.0

Majoriti responden mempunyai pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu sebanyak 76.5% (465 orang), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan sebanyak 12.2% (74 orang), Sekolah Menengah Agama sebanyak 6.1% (37 orang), dan lain-lain sebanyak 4.8% (29 orang) serta tidak bersekolah sebanyak 0.5% (3).

Tahap Pendidikan Tertinggi

Jadual 10: Tahap Pendidikan Tertinggi

Pendidikan Tertinggi	Bilangan Responden	Peratus (%)
UPSR	3	0.5
PMR	23	3.8
SPM	261	42.9
STPM	80	13.2
Diploma	85	14.0
Ijazah	126	20.7
Master	13	2.1
Phd	1	0.2
Lain-Lain	16	2.6
Jumlah	608	100.0

Dari aspek pendidikan tertinggi pula didapati 42.9% (261) responden menamatkan pengajian pada tahap SPM, diikuti 20.7% (126) mempunyai ijazah, 14.0% (85) mempunyai diploma, 13.2% (80) menamatkan pengajian diperingkat STPM, 3.8% (23), menamatkan pengajian diperingkat PMR, 2.6% (16) lain-lain, 2.1% (13) mempunyai master dan 0.5% (3) menamatkan pengajian di peringkat UPSR.

Jenis Pekerjaan

Jadual 11: Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kerajaan/Awam	55	9.0
Swasta	195	32.1
Bekerja Sendiri	114	18.8
Tidak Bekerja	59	9.7
Pelajar	185	30.4
Jumlah	608	100.0

Secara umumnya hasil kajian menunjukkan majoriti dari responden merupakan pelajar iaitu seramai 30.4% (185), 32.1% (334) bekerja di sektor swasta, 18.8% (114) bekerja sendiri, 9% (55) bekerja di sektor awam dan 9.7% (59) tidak bekerja.

Pendapatan

Jadual 12: Pendapatan

Pendapatan	Bilangan Responden	Peratus (%)
RM 0	231	38.0
RM200 > RM1000	174	28.6
RM1001 > RM2000	124	20.4
RM2001 > RM3000	48	7.9
> daripada RM3001	31	5.1
Jumlah	608	100.0

Dari segi pendapatan pula, mendapati 38.0% (231) majoriti responden tidak mempunyai pendapatan atau tidak bersedia berkongsi jumlah pendapatan yang diterima dengan tidak menandakan pada ruang yang disediakan. 28.6% (174) mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM200 > RM1000, 20.4% (124) berpendapatan dalam lingkungan RM 1001 > RM 2000, 7.9% (48) berpendapatan dalam lingkungan RM2001 > RM3000 dan 5.1% (31) berpendapatan lebih RM3001.

Taraf Perkahwinan

Jadual 13: Taraf Perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Berkahwin	192	31.6
Tidak Berkahwin	416	68.4
Jumlah	608	100.0

Dari segi status perkahwinan pula, didapati 68.4% (416) responden tidak berkahwin dan 31.6% (192) telah berkahwin.

HASIL KAJIAN

Tahap Toleransi Sosio-agama Secara Umum

Jadual 14: Tahap Toleransi Sosio-agama Secara Umum

Domain	Rendah	Sederhana	Tinggi
Persepsi	55	166	387
Sikap	51	129	428
Kesediaan	10	139	459
Pendapat Umum	15	132	461
Tingkah laku	143	277	188
Pengalaman	162	291	155
Jumlah	436	1134	2078
Peratus	11.95%	31.09%	56.96%

Secara keseluruhannya tahap toleransi sosio-agama dalam kalangan responden ini berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 56.96% diikuti dengan sederhana sebanyak 31.09% dan rendah sebanyak 11.95%. Penyelidik mengukur tahap toleransi sosio-agama dengan menggunakan domain seperti persepsi, sikap, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku dan pengalaman.

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama

Jadual 15: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	55	9.0
Sederhana	166	27.3
Tinggi	387	63.7
Jumlah	608	100.0

Majoriti daripada responden mempunyai persepsi yang positif terhadap toleransi sosio-agama dan berada di tahap yang tinggi iaitu 63.7% (387), diikuti 27.3% (166) berada ditahap sederhana dan 9.0% (55) berada di tahap rendah.

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Jadual 16: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Negeri	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Penang	46 (38.3%)	15 (12.5%)	59(49.2%)	120 (100.0%)
Kedah	3 (2.4%)	43(34.4%)	79(63.2%)	125 (100.0%)
Kelantan	3 (2.5%)	44(36.4%)	74(61.2%)	121 (100.0%)
Terengganu	2 (1.7%)	36(30.5%)	80(67.8%)	118 (100.0%)
Selangor	1 (0.8%)	28(22.6%)	95(76.6%)	124 (100.0%)
Jumlah	55 (9.0%)	166(27.3%)	387(63.7%)	608 (100.0%)

Tahap persepsi berdasarkan perspektif setiap negeri pula, didapati kesemua negeri berada di tahap persepsi yang tinggi iaitu positif. Negeri yang tertinggi mempunyai persepsi positif ialah Selangor 76.6% (95), Terengganu 67.8% (80), Kedah 63.2% (79), diikuti Kelantan 61.2% (74) dan Penang 49.2% (59).

Bagi persepsi di tahap sederhana pula, Kelantan memperolehi 36.4% (44), Kedah 34.4% (43), Terengganu 30.5% (36), Selangor 22.6% (28), dan Penang 12.5% (15). Seterusnya, Penang menunjukkan peratus tertinggi yang mempunyai persepsi yang negatif iaitu 38% (46) berbanding negeri lain iaitu Kelantan 2.5% (3), Kedah 2.4% (46), Terengganu 1.7% (2), dan Selangor 0.8% (1).

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Jadual 17: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Umur	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
18-25	34 (9.9%)	90 (26.2%)	219 (63.8%)	343 (100.0%)
26-35	17 (10.1%)	49 (29.0%)	103 (60.9%)	169 (100.0%)
36-45	4 (9.1%)	13 (29.5%)	27 (61.4%)	44 (100.0%)
46-55	-	12 (30.0%)	28 (70.0%)	40 (100.0%)
56 Ke Atas	-	2 (16.7%)	10 (83.3%)	12 (100.0%)
Jumlah	55 (9.0%)	166 (27.3%)	387 (63.7%)	608 (100.0%)

Tahap persepsi terhadap toleransi mengikut umur menunjukkan 18-25 tahun berada pada tahap tinggi iaitu 63.8% (219), diikuti 26.2% (90) pada tahap sederhana dan tahap rendah 9.9% (34). Seterusnya, bagi umur 26-35 tahun mencatatkan pada tahap tinggi iaitu 60.9% (103), diikuti 29.0% (49) dan tahap rendah 10.1% (17).

Seterusnya, pada peringkat umur 36-45 tahun mencatatkan tahap tinggi dengan 61.4% (27), diikuti 29.5% (13) pada tahap sederhana dan 9.1% (4) pada tahap rendah. Pada peringkat umur 46-55 tahun, majoriti berada pada tahap tinggi iaitu

70.0% (28), dan diikuti tahap sederhana 30.0% (12). Pada peringkat umur 56 tahun dan ke atas pula majoriti mencatatkan 83.3% (10) pada tahap tinggi, diikuti 16.7% (2) pada tahap sederhana.

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jadual 18: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jantina	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Lelaki	28 (10.2%)	67 (24.5%)	179 (65.3%)	274 (100.0%)
Perempuan	27 (8.1%)	99 (29.6%)	208 (62.3%)	334 (100.0%)
Jumlah	55 (9.0%)	166 (27.3%)	387 (63.7%)	608 (100.0%)

Tahap persepsi terhadap toleransi mengikut jantina pula menunjukkan jantina lelaki mempunyai 65.3% (179) pada tahap tinggi, diikuti 24.5% (67) pada tahap sederhana dan 10.2% (28) pada tahap rendah. Manakala bagi jantina perempuan pula, majoriti berada pada tahap tinggi iaitu 62.3% (208), tahap sederhana 29.6% (99) dan tahap rendah 8.1% (27).

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Jadual 19: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Kaum	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Melayu	38 (9.4%)	122 (30.1%)	245 (60.5%)	405 (100.0%)
Cina	14 (8.8%)	35 (22.0%)	110 (69.2%)	159 (100.0%)
India	3 (6.8%)	9 (20.5%)	32 (72.7%)	44 (100.0%)
Jumlah	55 (9.0%)	166 (27.3%)	387 (63.7%)	608 (100.0%)

Tahap persepsi terhadap toleransi mengikut kaum menunjukkan kaum Melayu mencapai tahap tinggi dengan 60.5% (245), diikuti tahap sederhana 30.1% (122) dan tahap rendah 9.4% (38). Manakala majoriti kaum Cina pula mencapai tahap tinggi iaitu 69.2% (110), diikuti tahap sederhana 22.0% (35) dan tahap rendah 8.8% (14). Kaum India pula, majoriti mencapai tahap tinggi iaitu 72.7% (32) diikuti 20.5% (9) pada tahap sederhana dan 6.8% (3) pada tahap rendah.

Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Jadual 20: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Agama	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Islam	38 (9.3%)	123 (30.2%)	246 (60.4%)	407 (100.0%)
Buddha	13 (9.2%)	29 (20.6%)	99 (70.2%)	141 (100.0%)
Hindu	3 (8.1%)	7 (18.9%)	27 (73.0%)	37 (100.0%)
Kristian	2 (8.7%)	6 (26.3%)	15 (65.2%)	23 (100.0%)
Jumlah	55 (9.0%)	166 (27.3%)	387 (63.7%)	608 (100.0%)

Tahap persepsi mengikut agama pula menunjukkan agama Islam mencatatkan tahap tinggi dengan 60.4% (246), diikuti tahap sederhana 30.2% (123) dan tahap rendah 9.3% (38). Bagi agama Buddha, tahap tinggi mencatatkan 70.2% (99), tahap sederhana 20.6% (29) dan tahap rendah 9.2% (13).

Agama Hindu mencatatkan tahap tinggi dengan 73.0% (27), diikuti 18.9% (7) pada tahap sederhana dan 8.1% (3) pada tahap rendah. Seterusnya, majoriti agama Kristian berada pada tahap tinggi iaitu 68.2% (15), diikuti tahap sederhana 27.3% (6) dan 4.5% (1) pada tahap rendah.

Jadual 21: Skor Min Bagi Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan

Bil	Pernyataan	Amat Tidak Bersetuju		Tidak Bersetuju		Setuju		Amat Bersetuju		Min
		n	%	n	%	n	%	n	%	
1	Saya yakin bahawa kepercayaan agama Saya adalah sama benarnya dengan kepercayaan agama lain.	36	5.9	35	5.8	318	52.3	219	36.0	3.1842
2	Saya percaya bahawa semua ajaran agama membawa nilai baik dan mulia.	28	4.6	40	6.6	324	53.3	216	35.5	3.1974
3	Semua orang perlu berkongsi nilai baik dan mulia yang terdapat dalam semua agama.	50	8.2	131	21.5	302	49.7	125	20.6	2.8257
4	Setiap penganut agama perlu bersikap toleransi terhadap mereka yang beragama lain.	35	5.8	81	13.3	367	60.4	125	20.6	2.9572
5	Semua orang mesti menghormati anutan/amalan agama orang lain.	34	5.6	106	17.4	328	53.9	140	23.0	2.9441

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan pernyataan 'Saya yakin bahawa kepercayaan agama saya adalah sama benarnya dengan kepercayaan agama lain' [M=2.3092]. Hal ini berkemungkinan responden tidak pasti dengan pernyataan yang dikemukakan. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan 'Semua orang mesti menghormati anutan/amalan agama orang lain' [M=3.2599]. Ia menunjukkan persepsi majoriti amat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama

Jadual 22: Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Tahap Sikap Terhadap Toleransi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	51	8.4
Sederhana	129	21.2
Tinggi	428	70.4
Jumlah	608	100.0

Majoriti daripada responden mempunyai tahap sikap terhadap toleransi yang tinggi iaitu 70.4% (428), diikuti 21.2% (129) berada ditahap sederhana dan 8.4% (51) berada di tahap rendah

Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Jadual 23: Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Negeri	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Penang	43(35.8%)	11 (9.2%)	66 (55.0%)	120(100.0%)
Kedah	3(2.4%)	28(22.4%)	94 (75.2%)	125 (100.0%)
Kelantan	1(0.8%)	38 (31.4%)	82 (67.8%)	121 (100.0%)
Terengganu	3 (2.5%)	25 (21.2%)	90 (76.3%)	118 (100.0%)
Selangor	1 (0.8%)	27 (21.8%)	96 (77.4%)	124 (100.0%)
Jumlah	51 (8.4%)	129 (21.2%)	428 (70.4%)	608 (100.0%)

Tahap sikap terhadap toleransi bagi setiap negeri pula, ialah Selangor 77.4% (96), Kedah 75.2% (94), Terengganu 76.3% (90), diikuti Kelantan 67.8% (82) dan Penang 55.0% (66). Manakala pada tahap sederhana pula mencatatkan, negeri Kelantan 31.4% (38), Kedah 22.4% (28), Selangor 21.8% (27), seterusnya Terengganu 21.2% (27) dan Penang 9.2% (11). Berikutnya, pada tahap sikap yang rendah terhadap toleransi ialah Penang 35.8% (43), Terengganu 2.5% (3) dan Kedah 2.4% (3). Manakala, bagi negeri Selangor dan Kelantan mencatatkan peratusan dan bilangan yang sama iaitu 0.8% (1).

Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Jadual 24: Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Umur	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
18-25	34 (9.9%)	74 (21.6%)	235 (68.5%)	343 (100.0%)
26-35	15 (8.9%)	34 (20.1%)	120 (71.0%)	169 (100.0%)
36-45	1 (2.3%)	9 (20.5%)	34 (77.3%)	44 (100.0%)
46-55	1 (2.5%)	11 (27.5%)	28 (70.0%)	40 (100.0%)
56 Ke Atas	-	1 (8.3%)	11 (91.7%)	12 (100.0%)
Jumlah	51 (8.4%)	129 (21.2%)	428 (70.4%)	608 (100.0%)

Tahap sikap terhadap toleransi bagi mengikut umur, pada tahap tinggi mencatatkan umur 56 tahun ke atas 91.7% (11), 36-45 tahun 77.3% (34), 26-35 tahun 71.0% (120), 46-55 tahun 70.0% (28) dan 18-25 tahun 68.5% (235). Seterusnya, pada tahap sederhana, umur 46-55 tahun 27.5% (11), 18-25 tahun 21.6% (74), 36-45 tahun 20.5% (9), 26-35 tahun 20.1% (34) dan 56 tahun ke atas 8.3% (1). Berikutnya pada tahap rendah pula mencatatkan umur 18-25 tahun 9.9% (34), 26-35 tahun 8.9% (15) dan 46-55 tahun 2.5% (1). Manakala pada peringkat umur 56 tahun ke atas tidak mempunyai tahap sikap yang rendah terhadap toleransi.

Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jadual 25: Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jantina	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Lelaki	29 (10.6%)	57 (20.8%)	188 (68.6%)	274 (100.0%)
Perempuan	22 (6.6%)	72 (21.6%)	240 (71.9%)	334 (100.0%)
Jumlah	51 (8.4%)	129 (21.2%)	428 (70.4%)	608 (100.0%)

Tahap sikap terhadap toleransi paling tinggi mengikut jantina pula menunjukkan jantina perempuan mempunyai tahap yang tinggi pada 71.9% (240), tahap sederhana 21.6% (72) dan pada tahap rendah dengan 6.6% (22). Manakala bagi jantina lelaki pula, pada tahap tinggi mencatatkan 68.6% (188), tahap sederhana 20.8% (57) dan tahap rendah 10.6% (29).

Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Jadual 26: Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Etnik	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Melayu	34 (8.4%)	96 (23.7%)	275 (67.9%)	405 (100.0%)
Cina	14 (8.8%)	30 (18.9%)	115 (72.3%)	159 (100.0%)
India	3 (6.8%)	3 (6.8%)	38 (86.4%)	44 (100.0%)
Jumlah	51 (8.4%)	129 (21.2%)	428 (70.4%)	608 (100.0%)

Tahap sikap mengikut kaum menunjukkan etnik Melayu mencapai tahap tinggi dengan 67.9% (275), tahap sederhana 23.7% (96) dan tahap rendah 8.4% (34). Manakala etnik Cina, tahap tinggi 72.3% (115), sederhana 18.9% (30) dan tahap rendah 8.8% (14). Etnik India pula, pada tahap tinggi 86.4% (38), sederhana 6.8% (3) dan tahap rendah 6.8% (3).

Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Jadual 27: Tahap Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Agama	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Islam	34 (8.4%)	96 (23.6%)	277 (68.1%)	407 (100.0%)
Buddha	14 (9.9%)	25 (17.7%)	102 (72.3%)	141 (100.0%)
Hindu	3 (8.1%)	3 (8.1%)	31 (83.8%)	37 (100.0%)
Kristian	-	5 (18.2%)	18 (81.8%)	23 (100.0%)
Jumlah	51 (8.4%)	129 (21.2%)	428 (70.4%)	608 (100.0%)

Tahap sikap mengikut agama pula menunjukkan agama Islam mencatatkan tahap tinggi dengan 68.1% (277), tahap sederhana 23.6% (96) dan tahap rendah 8.4% (34). Bagi agama Buddha, tahap tinggi mencatatkan 72.3% (102), sederhana 17.7% (25) dan tahap rendah 9.9% (14). Agama Hindu mencatatkan tahap tinggi dengan 83.8% (31), sederhana 8.1% (3) dan tahap rendah 8.1% (3). Seterusnya, agama Kristian pula mencatatkan tahap tinggi 81.8% (18) dan tahap sederhana 18.2% (4).

Jadual 28: Skor Min Bagi Sikap Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan

Bil	Pernyataan	Amat Tidak Bersetuju		Tidak Bersetuju		Setuju		Amat Bersetuju		Min
		n	%	n	%	n	%	n	%	
1	Saya yakin bahawa kepercayaan agama saya adalah sama benarnya dengan kepercayaan agama lain.	36	5.9	35	5.8	318	52.3	219	36.0	3.1842
2	Saya percaya bahawa semua ajaran agama membawa nilai baik dan mulia.	28	4.6	40	6.6	324	53.3	216	35.5	3.1974

3	Semua orang perlu berkongsi nilai baik dan mulia yang terdapat dalam semua agama.	50	8.2	131	21.5	302	49.7	125	20.6	2.8257
4	Setiap penganut agama perlu bersikap toleransi terhadap mereka yang beragama lain.	35	5.8	81	13.3	367	60.4	125	20.6	2.9572
5	Semua orang mesti menghormati anutan/amalan agama orang lain.	34	5.6	106	17.4	328	53.9	140	23.0	2.9441

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan 'Semua orang perlu berkongsi nilai baik dan mulia yang terdapat dalam semua agama' [M=2.8257]. Hal ini berkemungkinan responden tidak pasti dengan pernyataan yang dikemukakan. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan 'Saya percaya bahawa semua ajaran agama membawa nilai baik dan mulia' [M=3.1974].

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Jadual 29: Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	10	1.6
Sederhana	139	22.8
Tinggi	459	75.5
Jumlah	608	100.0

Bagi tahap kesiediaan terhadap toleransi agama, majoriti daripada responden mempunyai tahap kesiediaan yang tinggi iaitu 75.8% (460), diikuti 21.7% (138) berada ditahap sederhana dan 1.5% (9) berada di tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa, masyarakat bersedia untuk bertoleransi antara satu sama lain.

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Jadual 30: Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Negeri	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Penang	1 (0.8%)	11 (9.2%)	108 (90.0%)	120(100.0%)
Kedah	2 (1.6%)	29 (23.4%)	93 (75.0%)	124 (100.0%)
Kelantan	2 (1.7%)	36 (29.8%)	83 (68.6%)	121 (100.0%)
Terengganu	3 (2.5%)	31 (26.3%)	84 (71.2%)	118 (100.0%)
Selangor	1 (0.8%)	31 (25.0%)	92 (74.2%)	124 (100.0%)
Jumlah	9 (1.5%)	138 (22.7%)	460 (75.8%)	608 (100.0%)

Tahap kesiediaan terhadap toleransi mengikut negeri ialah Penang pada tahap tinggi mencatatkan 90% (108), tahap sederhana 9.2% (11) dan tahap rendah 0.8% (1). Negeri Kedah mencatatkan tahap tinggi pada 75% (93), sederhana 23.4% (29) dan tahap rendah 1.6% (2). Seterusnya, negeri Kelantan mencatatkan tahap tinggi dengan 68.6% (83), tahap sederhana 29.8% (36) dan tahap rendah 1.7% (2). Negeri Terengganu, tahap tinggi 71.2% (84), tahap sederhana 26.3% (31) dan tahap rendah 2.5% (3). Akhir sekali, negeri Selangor pula mencatatkan 74.2% (92) pada tahap tinggi. Manakala pada tahap sederhana mencatatkan 25% (31) dan tahap rendah 0.8% (1).

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Jadual 31: Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Umur	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
18-25	7 (2.0%)	83 (24.3%)	252 (73.7%)	342 (100.0%)
26-35	-	30 (17.8%)	139 (82.2%)	169 (100.0%)
36-45	1 (2.3%)	8 (18.2%)	35 (79.5%)	44 (100.0%)
46-55	1 (2.5%)	14 (35.0%)	25 (62.5%)	40 (100.0%)
56 Ke Atas	-	3 (25.0%)	9 (75.0%)	12 (100.0%)
Jumlah	9 (1.5%)	138 (22.7%)	460 (75.8%)	608 (100.0%)

Tahap kesiediaan terhadap toleransi mengikut umur, 18-25 tahun pada tahap tinggi mencatatkan 73.7% (252), tahap sederhana 24.3% (83) dan tahap rendah 2.0% (7). 26-35 tahun mencatatkan tahap tinggi pada 82.2% (139) dan tahap sederhana 17.8% (30). Seterusnya, pada peringkat umur 36-45 tahun mencatatkan tahap tinggi dengan 79.5% (35), tahap sederhana 18.2% (8) dan tahap rendah 2.3% (1). Pada peringkat umur 46-55 tahun, tahap tinggi 62.5% (25), tahap sederhana 35% (14) dan tahap rendah 2.5% (1). Akhir sekali, pada peringkat umur 56 tahun dan ke atas pula mencatatkan 75% (9) pada tahap tinggi. Manakala pada tahap sederhana mencatatkan 25% (3).

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jadual 32: Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jantina	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Lelaki	2 (0.7%)	64 (23.4%)	208 (75.9%)	274 (100.0%)
Perempuan	7 (2.1%)	74 (22.2%)	252 (75.7%)	333 (100.0%)
Jumlah	9 (1.5%)	138 (22.7%)	460 (75.8%)	608 (100.0%)

Tahap kesiediaan terhadap toleransi paling tinggi mengikut jantina pula menunjukkan jantina perempuan mempunyai tahap yang tinggi pada 75.9% (208), tahap sederhana 23.4% (64) dan pada tahap rendah dengan 0.7% (2). Manakala bagi jantina lelaki pula, pada tahap tinggi mencatatkan 75.7% (252), tahap sederhana 22.2% (74) dan tahap rendah 2.1% (7).

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Jadual 33: Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Etnik	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Melayu	7 (1.7%)	107 (26.4%)	291 (71.9%)	405 (100.0%)
Cina	2 (1.3%)	28 (17.6%)	129 (81.1%)	159 (100.0%)
India	-	4 (9.1%)	40 (90.9%)	44 (100.0%)
Jumlah	9 (1.5%)	139 (22.7%)	460 (75.8%)	608 (100.0%)

Tahap kesiediaan terhadap toleransi mengikut etnik menunjukkan kaum Melayu mencapai tahap tinggi dengan 71.9% (291), tahap sederhana 26.4% (107) dan tahap rendah 1.7% (7). Manakala etnik Cina mencapai tahap tinggi pada 81.1% (129), sederhana 17.6% (28) dan tahap rendah 1.3% (2). Etnik India pula, mencapai tahap tinggi pada 93% (40) dan tahap sederhana 7% (3).

Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Jadual 34: Tahap Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Agama	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Islam	7 (1.7%)	107 (26.3%)	293 (72.0%)	407 (100.0%)
Buddha	1 (0.7%)	27 (19.1%)	113 (80.1%)	141 (100.0%)
Hindu	-	3 (8.1%)	34 (91.9%)	37 (100.0%)
Kristian	1 (4.8%)	1 (4.8%)	19 (90.5%)	22 (100.0%)
Jumlah	9 (1.5%)	138 (22.7%)	460 (75.8%)	608 (100.0%)

Tahap kesiediaan mengikut agama pula menunjukkan agama Islam mencatatkan tahap tinggi dengan 72% (293), tahap sederhana 26.3% (107) dan tahap rendah 1.7% (7). Bagi agama Buddha, tahap tinggi mencatatkan 80.1% (113), sederhana

19.1% (27) dan tahap rendah 0.7% (1). Agama Hindu mencatatkan tahap tinggi dengan 91.9% (34) dan sederhana 8.1% (3). Seterusnya, agama Kristian pula mencatatkan tahap tinggi 90.5% (19), tahap sederhana 4.8% (1).

Jadual 35: Skor Min Bagi Kesiediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan

Bil	Pernyataan	Amat Tidak Bersetuju		Tidak Bersetuju		Setuju		Amat Bersetuju		Min
		n	%	n	%	n	%	n	%	
1	Saya bersedia untuk berkawan dengan orang yang berlainan agama.	11	1.8	14	2.3	337	55.4	246	40.5	3.3454
2	Saya bersedia berjiran dengan penganut agama lain.	7	1.2	23	3.8	362	59.5	216	35.5	3.2944
3	Saya bersedia untuk menghadiri majlis rumah terbuka perayaan keagamaan yang dianjurkan oleh kenalan yang berbeza agama.	20	3.3	76	12.5	328	53.9	184	30.3	3.1118
4	Saya bersedia untuk menghadiri majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh kenalan yang berbeza agama.	15	2.5	65	10.7	357	58.7	171	28.1	3.1250
5	Saya bersedia untuk mengunjungi kematian kenalan yang berbeza agama.	19	3.1	105	17.3	331	54.4	153	25.2	3.0164

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan pernyataan 'Saya bersedia untuk mengunjungi kematian kenalan yang berbeza agama.' [M=3.0164]. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan 'Saya bersedia untuk berkawan dengan orang yang berlainan agama' [M=3.3454]. Namun begitu, purata bagi keseluruhan pernyataan adalah hampir sama.

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Jadual 36: Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	15	2.5
Sederhana	132	21.7
Tinggi	461	75.8
Jumlah	608	100.0

Bagi tahap pendapat umum terhadap toleransi sosioagama secara keseluruhan, majoriti daripada responden memberi pendapat yang tinggi terhadap toleransi iaitu 76% (461), diikuti 21.5% (132) berada ditahap sederhana dan 2.5% (15) berada di tahap rendah.

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Jadual 37: Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Negeri	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Penang	5 (4.2%)	35 (29.2%)	80 (66.7%)	120(100.0%)
Kedah	2 (1.6%)	17 (13.6%)	106 (84.8%)	125 (100.0%)
Kelantan	4 (3.3%)	26 (21.5%)	91 (75.2%)	121 (100.0%)
Terengganu	3 (2.5%)	28 (23.7%)	87 (73.7%)	118 (100.0%)
Selangor	1 (0.8%)	25 (20.2%)	98 (79.0%)	124 (100.0%)
Jumlah	15 (2.5%)	131 (21.5%)	462 (76.0%)	608 (100.0%)

Tahap pendapat umum terhadap toleransi mengikut negeri ialah Penang pada tahap tinggi mencatatkan 66.7% (80), tahap sederhana 29.2% (35) dan tahap rendah 4.2% (5). Negeri Kedah mencatatkan tahap tinggi pada 84.8% (106), sederhana 13.6% (17) dan tahap rendah 1.6% (2). Seterusnya, negeri Kelantan mencatatkan tahap tinggi dengan 75.2% (91), tahap sederhana 21.5% (26) dan tahap rendah 2.5% (4). Negeri Terengganu, tahap tinggi 73.7% (87), tahap sederhana 23.7% (28) dan tahap rendah 2.5% (3). Akhir sekali, negeri Selangor pula mencatatkan 79% (98) pada tahap tinggi. Manakala pada tahap sederhana mencatatkan 20.2% (25) dan tahap rendah 0.8% (1).

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Jadual 38: Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Umur	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
18-25	11 (3.2%)	80 (23.3%)	252 (73.5%)	343 (100.0%)
26-35	3 (1.8%)	35 (20.7%)	131 (77.5%)	169 (100.0%)
36-45	-	8 (18.2%)	36 (81.8%)	44 (100.0%)
46-55	1 (2.5%)	8 (20.0%)	31 (77.5%)	40 (100.0%)
56 Ke Atas	-	-	12 (100.0%)	12 (100.0%)
Jumlah	15 (2.5%)	131 (21.5%)	462 (76.0%)	608 (100.0%)

Tahap pendapat umum terhadap toleransi mengikut umur, 18-25 tahun pada tahap tinggi mencatatkan 73.5% (252), tahap sederhana 23.3% (80) dan tahap rendah 3.2% (11). 26-35 tahun mencatatkan tahap tinggi pada 77.5% (131), tahap sederhana 20.7% (35) dan tahap rendah 1.8% (3). Seterusnya, pada peringkat umur 36-45 tahun mencatatkan tahap tinggi dengan 81.8% (36), dan tahap sederhana 18.2% (8). Pada peringkat umur 46-55 tahun, tahap tinggi 77.5% (31), tahap sederhana 20% (8) dan tahap rendah 2.5% (1). Akhir sekali, pada peringkat umur 56 tahun dan ke atas pula mencatatkan 100% (12) pada tahap tinggi.

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jadual 39: Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jantina	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Lelaki	5 (1.8%)	60 (21.9%)	209 (76.3%)	274 (100.0%)
Perempuan	10 (3.0%)	71 (21.3%)	253 (75.7%)	334 (100.0%)
Jumlah	15 (2.5%)	131 (21.5%)	462 (76.0%)	608 (100.0%)

Tahap pendapat umum terhadap toleransi paling tinggi mengikut jantina pula menunjukkan jantina perempuan mempunyai tahap yang tinggi pada 75.7% (253), tahap sederhana 21.3% (71) dan pada tahap rendah dengan 3% (10). Manakala bagi jantina lelaki pula, pada tahap tinggi mencatatkan 76.3% (209), tahap sederhana 21.9% (60) dan tahap rendah 1.8% (5).

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Jadual 40: Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Etnik	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Melayu	10 (2.5%)	90 (22.2%)	305 (75.3%)	405 (100.0%)
Cina	5 (3.1%)	35 (22.0%)	119 (74.8%)	159 (100.0%)
India	-	6 (13.6%)	38 (86.4%)	44 (100.0%)
Jumlah	15 (2.5%)	131 (21.5%)	462 (76.0%)	608 (100.0%)

Tahap pendapat umum terhadap toleransi mengikut etnik menunjukkan etnik Melayu mencapai tahap tinggi dengan 75.3% (305), tahap sederhana 22.2% (90) dan tahap rendah 2.5% (10). Manakala etnik Cina mencapai tahap tinggi pada 74.8% (119), sederhana 22% (35) dan tahap rendah 3.1% (5). Etnik India pula, mencapai tahap tinggi pada 86.4% (38) dan tahap sederhana 13.6% (6).

Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Jadual 41: Tahap Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Agama	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Islam	10 (2.5%)	90 (22.1%)	307 (75.4%)	407 (100.0%)
Buddha	4 (2.8%)	32 (22.7%)	105 (74.5%)	141 (100.0%)
Hindu	-	5 (13.5%)	32 (86.5%)	37 (100.0%)
Kristian	1 (4.5%)	5 (18.2%)	17 (77.3%)	23 (100.0%)
Jumlah	15 (2.5%)	132 (21.5%)	461 (76.0%)	608 (100.0%)

Tahap pendapat umum mengikut agama pula menunjukkan agama Islam mencatatkan tahap tinggi dengan 75.4% (307), tahap sederhana 22.1% (90) dan tahap rendah 2.5% (10). Bagi agama Buddha, tahap tinggi mencatatkan 74.5% (105), sederhana 22.7% (32) dan tahap rendah 2.8% (4). Agama Hindu mencatatkan tahap tinggi dengan 86.5% (32) dan sederhana 13.5% (5). Seterusnya, agama Kristian pula mencatatkan tahap tinggi 77.3% (17), tahap sederhana 18.2% (4).

Jadual 42: Skor Min Bagi Pendapat Umum Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan

Bil	Pernyataan	Amat Tidak Bersetuju		Tidak Bersetuju		Setuju		Amat Bersetuju		Min
		n	%	n	%	n	%	n	%	
1	Saya gembira tinggal di dalam masyarakat yang multi-agama.	9	1.5	65	10.7	359	59.0	175	28.8	3.1513

2	Saya merasa selamat tinggal di dalam masyarakat yang multi-agama.	11	1.8	103	16.9	344	56.6	150	24.7	3.0411
3	Masyarakat multi-agama seperti ini (Malaysia) berada pada tahap toleransi agama yang tinggi.	11	1.8	88	14.5	352	57.9	157	25.8	3.0773

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan 'Saya merasa selamat tinggal di dalam masyarakat yang multi-agama' [M=3.0411]. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan 'Saya gembira tinggal di dalam masyarakat yang multi-agama' [M=3.3454]. Namun begitu, purata bagi keseluruhan pernyataan adalah hampir sama.

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Jadual 43: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	143	23.6
Sederhana	277	45.6
Tinggi	188	30.9
Jumlah	608	100.0

Majoriti daripada responden berada di tahap sederhana terhadap tingkahlaku bertoleransi iaitu 45.6% (277), diikuti 30.9% (188) berada ditahap sederhana dan 23.6% (143) berada di tahap rendah.

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Jadual 44: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Negeri	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Penang	63 (52.5%)	47 (39.2%)	10 (8.3%)	120(100.0%)
Kedah	25 (20.2%)	58 (46.8%)	41 (33.1%)	124 (100.0%)
Kelantan	18 (14.9%)	60 (49.6%)	43 (35.5%)	121 (100.0%)
Terengganu	5 (4.2%)	53 (44.9%)	60 (50.8%)	118 (100.0%)
Selangor	32 (25.8%)	60 (48.4%)	32 (25.8%)	124 (100.0%)
Jumlah	143(23.6%)	278 (45.8%)	186(30.6%)	608 (100.0%)

Tahap tingkahlaku terhadap toleransi mengikut negeri ialah Penang pada tahap rendah mencatatkan 52.5% (63), tahap sederhana 39.2% (47) dan tahap rendah 8.3% (10). Negeri Kedah mencatatkan tahap rendah pada 20.2% (25), sederhana 46.8% (58) dan tahap rendah 20.2% (25). Seterusnya, negeri Kelantan mencatatkan tahap rendah dengan 14.9% (18), tahap sederhana 49.6% (60) dan tahap rendah 35.5% (43). Negeri Terengganu, tahap rendah 4.2% (5), tahap sederhana 44.9% (53) dan tahap rendah 50.8% (60). Akhir sekali, negeri Selangor pula mencatatkan 25.8% (32) pada tahap rendah, anakala pada tahap sederhana mencatatkan 48.4% (60) dan tahap rendah 25.8% (32).

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Jadual 45: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Umur	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
18-25	79 (23.1%)	157 (45.9%)	106 (31.0%)	342 (100.0%)
26-35	42 (24.9%)	73 (43.2%)	54 (32.0%)	169 (100.0%)
36-45	10 (22.7%)	26 (59.1%)	8 (18.2%)	44 (100.0%)
46-55	9 (22.5%)	15 (37.5%)	16 (40.0%)	40 (100.0%)
56 Ke Atas	3 (25.0%)	7 (58.3%)	2 (16.7%)	12 (100.0%)
Jumlah	143 (23.6%)	278 (45.8%)	186 (30.6%)	608 (100.0%)

Tahap tingkahlaku terhadap toleransi mengikut umur menunjukkan 18-25 tahun berada pada tahap sederhana iaitu 45.9% (1157), diikuti 31.0% (106) pada tahap tinggi dan tahap rendah 23.1% (79). Seterusnya, bagi umur 26-35 tahun mencatatkan pada tahap sederhana pada 43.2% (73), diikuti 32.0% (54) dan tahap rendah 24.9% (42).

Seterusnya, pada peringkat umur 36-45 tahun mencatatkan tahap sederhana dengan 59.1% (26), diikuti 22.7% pada tahap rendah dan 18.2% (8) pada tahap tinggi. Pada peringkat umur 46-55 tahun, 40.0% (16) pada tahap tinggi, diikuti tahap sederhana 37.5% (15) dan tahap rendah 22.5% (9). Akhir sekali, pada peringkat umur 56 tahun dan ke atas pula mencatatkan 58.3% (7) pada tahap sederhana, diikuti 25.3% (3) pada tahap sederhana dan 16.7% (2) pada tahap tinggi.

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jadual 46: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jantina	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Lelaki	77 (28.1%)	130 (47.4%)	67 (24.5%)	274 (100.0%)
Perempuan	66 (19.8%)	148 (44.4%)	119 (35.7%)	333(100.0%)
Jumlah	143(23.6%)	278 (45.8%)	186 (30.6%)	608 (100.0%)

Tahap tingkahlaku terhadap toleransi paling tinggi mengikut jantina pula menunjukkan perempuan mempunyai tahap yang tinggi pada 35.7% (119), tahap

sederhana 44.4% (148) dan pada tahap rendah dengan 19.8% (66). Manakala bagi lelaki pula, pada tahap tinggi mencatatkan 24.5% (130), tahap sederhana 44.4% (148) dan tahap rendah 10.6% (29).

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Jadual 47: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Etnik	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Melayu	86 (21.2%)	173 (42.7%)	146 (36.0%)	405 (100.0%)
Cina	37 (23.3%)	86 (54.1%)	36 (22.6%)	159 (100.0%)
India	20 (46.5%)	19 (44.2%)	4 (9.3%)	43 (100.0%)
Jumlah	143 (23.6%)	278 (45.8%)	186 (30.6%)	608 (100.0%)

Tahap tiggahlaku terhadap toleransi mengikut etnik menunjukkan etnik Melayu mencapai tahap sederhana dengan 42.7% (173), diikuti tahap tinggi 36.0% (146) dan tahap rendah 21.2% (86). Manakala majoriti etnik Cina mencapai tahap sederhana iaitu 54.1% (86), diikuti tahap rendah 23.3% (37) dan tahap rendah 22.6% (36). Etnik India pula, mencapai tahap rendah pada 46.5% diikuti 44.2% (19) pada tahap sederhana dan 9.3% (4) pada tahap tinggi.

Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Jadual 48: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Agama	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Islam	86 (21.1%)	176 (43.2%)	145 (35.6%)	407 (100.0%)
Buddha	30 (21.3%)	76 (53.9%)	35 (24.8%)	141 (100.0%)
Hindu	18 (48.6%)	15 (40.5%)	4 (10.8%)	37 (100.0%)
Kristian	9 (42.9%)	10 (47.6%)	4 (17.4%)	23 (100.0%)
Jumlah	143 (23.6%)	277 (45.5%)	188 (30.9%)	608 (100.0%)

Tahap tingkahlaku mengikut agama pula menunjukkan agama Islam mencatatkan tahap sederhana dengan 43.2% (176), diikuti tahap tinggi 35.6% (145) dan tahap rendah 21.1% (86). Bagi agama Buddha, mencatatkan tahap sederhana 53.9% (76), diikuti tahap tinggi iaitu 24.8% (35) dan tahap rendah 21.3% (30). Agama Hindu mencatatkan tahap rendah dengan 48.6% (18) diikuti tahap sederhana 40.5% (15) dan tahap tinggi 9.5% (2). Seterusnya, agama Kristian pula mencatatkan tahap sederhana 47.6% (10), diikuti tahap rendah 42.9% (9) dan tahap tinggi 17.4% (4).

Jadual 49: Skor Min Bagi Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan

Bil	Pernyataan	Sangat Kerap		Kerap Kali		Kadang-Kadang		Jarang		Tidak Pernah		Min
		N	%	n	%	n	%	n	%	n	%	
1	Saya mempunyai kawan daripada orang yang berlainan agama.	138	22.7	207	34.0	139	22.9	111	18.3	13	2.1	2.4309
2	Saya gembira mempunyai jiran daripada penganut agama lain.	98	16.1	195	32.1	170	28.0	104	17.1	41	6.7	2.6628
3	Saya sentiasa menghadiri majlis rumah terbuka perayaan keagamaan yang dianjurkan oleh kenalan yang berbeza agama.	49	8.1	139	22.9	158	26.0	151	24.8	111	18.3	3.2237
4	Saya sentiasa menghadiri majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh kenalan yang berbeza agama.	50	8.2	109	17.9	176	28.9	127	20.9	146	24.0	3.3454
5	Saya sentiasa mengunjungi kematian kenalan yang berbeza agama.	28	4.6	101	16.6	113	18.6	126	20.7	240	39.5	3.7385

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan pernyataan 'Saya mempunyai kawan daripada orang yang berlainan agama' [M=2.4309]. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan 'Saya sentiasa mengunjungi kematian kenalan yang berbeza agama' [M=3.7385].

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Jadual 50: Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	162	26.7
Sederhana	291	48.0
Tinggi	155	25.5
Jumlah	608	100.0

Bagi tahap pengalaman terhadap toleransi sosio-agama secara keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 48.0% (291), diikuti 26.7% (162) berada ditahap rendah dan 25.5% (155) berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden mengamalkan tahap toleransi namun tahapnya masih sederhana.

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Jadual 51: Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Negeri

Negeri	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Penang	71 (59.2%)	37 (30.8%)	12 (10.0%)	120(100.0%)
Kedah	28 (22.8%)	64 (52.0%)	31 (25.2%)	123 (100.0%)
Kelantan	19 (15.7%)	64 (52.9%)	38 (31.4%)	121 (100.0%)
Terengganu	16 (13.6%)	52 (44.1%)	50 (42.4%)	118 (100.0%)
Selangor	28 (22.6%)	74 (59.7%)	22 (17.7%)	124 (100.0%)
Jumlah	162(26.7%)	291 (48.0%)	153(25.2%)	608 (100.0%)

Tahap pengalaman berdasarkan perspektif setiap negeri pula, bagi negeri Penang, majoriti berada pada tahap rendah iaitu 59.2% (71), diikuti 30.8% (37) pada tahap sederhana dan 10.0% (12) pada tahap tinggi. Negeri Kedah menunjukkan 52.0% (64) pada tahap sederhana, diikuti 25.2% (31) pada tahap tinggi dan 22.8% (28) pada tahap rendah.

Negeri Kelantan majoriti pada tahap sederhana iaitu 52.8% (64), diikuti 31.4% (38) pada tahap tinggi dan 15.7% (19) pada tahap rendah. Negeri Terengganu menunjukkan perbezaan yang tidak begitu ketara antara tahap sederhana iaitu 44.1% (52) dan tahap tinggi iaitu 42.4% (50) diikuti tahap rendah 13.6% (16). Bagi negeri Selangor lebih dari separuh berada pada tahap sederhana iaitu 59.7% (74), diikuti 22.6% (28) dan 17.7% (22) pada tahap rendah.

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Jadual 52: Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur

Umur	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
18-25	88 (25.7%)	165 (48.2%)	89 (26.0%)	342 (100.0%)
26-35	50 (29.8%)	73 (43.5%)	45 (26.8%)	168 (100.0%)
36-45	11 (25.0%)	26 (59.1%)	7 (15.9%)	44 (100.0%)
46-55	9 (22.5%)	20 (50.0%)	11 (27.5%)	40 (100.0%)
56 Ke Atas	4 (33.3%)	7 (58.3%)	1 (8.3%)	12 (100.0%)
Jumlah	162 (26.7%)	291 (48.0%)	153 (25.2%)	608 (100.0%)

Tahap pengalaman terhadap toleransi mengikut umur, 18-25 tahun pada tahap sederhana mencatatkan 48.2% (165), diikuti tahap tinggi 26.0% (89) dan tahap rendah 25.7% (88). 26-35 tahun mencatatkan tahap sederhana pada 43.5% (73), diikuti tahap rendah 29.8% (50) dan tahap tinggi 26.8% (45).

Seterusnya, pada peringkat umur 36-45 tahun mencatatkan tahap sederhana dengan 59.1% (26), diikuti tahap rendah 25.0% (11) dan 15.9% (7) pada tahap tinggi. Pada peringkat umur 46-55 tahun, separuh padanya berada pada tahap sederhana iaitu 50.0% (20), diikuti tahap sederhana 20% (8) dan tahap rendah 2.5% (1). Akhir sekali, pada peringkat umur 56 tahun dan ke atas pula mencatatkan 58.3% (7) pada tahap sederhana, diikuti 33.3% (4) pada tahap rendah dan 8.3% (1) pada tahap tinggi.

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jadual 53: Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina

Jantina	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Lelaki	88 (32.1%)	124 (45.3%)	62 (22.6%)	274 (100.0%)
Perempuan	74 (22.3%)	167 (50.3%)	91 (27.4%)	332 (100.0%)
Jumlah	162 (26.7%)	291 (48.0%)	153 (25.2%)	608 (100.0%)

Tahap pengalaman terhadap toleransi mengikut jantina pula menunjukkan jantina lelaki berada pada tahap sederhana 45.3% (124), diikuti 32.1% (88) pada tahap rendah, dan 22.6% (62) pada tahap rendah. Manakala bagi jantina perempuan pula, majoriti berada pada tahap sederhana iaitu 50.3% (167), diikuti 27.4% (91) dan tahap rendah 22.3% (74).

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Jadual 54: Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik

Etnik	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Melayu	105 (26.0%)	184 (45.5%)	115 (28.5%)	404 (100.0%)
Cina	44 (27.7%)	80 (50.3%)	35 (22.0%)	159 (100.0%)
India	13 (30.2%)	27 (62.8%)	3 (7.0%)	43 (100.0%)
Jumlah	162 (26.7%)	291 (48.0%)	153 (25.2%)	608 (100.0%)

Tahap pengalaman terhadap toleransi mengikut etnik menunjukkan etnik Melayu mencapai tahap sederhana dengan 45.5% (184), diikuti tahap tinggi 28.5% (115) dan tahap rendah 26.0% (105). Manakala etnik Cina mencapai tahap sederhana pada 50.3% (80), diikuti 27.7% (44) pada tahap rendah dan tahap tinggi 22.0% (35). Etnik India pula, mencapai tahap sederhana pada 62.8% (27) diikuti 30.2% (13) dan tahap tinggi 7.0% (3).

Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Jadual 55: Tahap Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama

Agama	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Islam	105 (25.9%)	187 (46.1%)	114 (28.1%)	406 (100.0%)
Buddha	37 (26.2%)	71 (50.4%)	33 (23.4%)	141 (100.0%)
Hindu	12 (32.4%)	22 (59.5%)	3 (8.1%)	37 (100.0%)
Kristian	8 (33.3%)	11 (45.8%)	3 (20.8%)	24 (100.0%)
Jumlah	162 (26.7%)	291 (48.0%)	155 (25.2%)	608 (100.0%)

Tahap pengalaman mengikut agama pula menunjukkan agama Islam mencatatkan tahap sederhana dengan 46.1% (187), diikuti tahap tinggi 28.1% (114) dan tahap rendah 25.9% (105). Bagi agama Buddha, separuh daripadanya berada pada tahap sederhana dengan 50.4% (71), diikuti tahap rendah 26.2% (37) dan tahap tinggi 23.4% (33).

Agama Hindu mencatatkan tahap sederhana dengan 59.5% (22), diikuti 32.4% (12) pada tahap rendah dan 8.1% (3) pada tahap rendah. Seterusnya, majoriti agama Kristian berada pada tahap sederhana iaitu 45.8% (11), diikuti tahap rendah 33.3% (8) dan 20.8% (3) pada tahap tinggi.

Jadual 56: Skor Min Bagi Pengalaman Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan

Bil	Pernyataan	Sangat Kerap		Kerap Kali		Kadang-Kadang		Jarang		Tidak Pernah		Min
		N	%	N	%	n	%	n	%	n	%	
1	Saya dilayan dengan baik oleh kenalan yang berbeza agama.	139	22.9	241	39.6	129	21.2	83	13.7	16	2.6	2.3355
2	Saya dilayan dengan baik oleh jiran yang berbeza agama.	109	17.9	238	39.1	142	23.4	89	14.6	30	4.9	2.4951
3	Saya selalu menerima undangan untuk menghadiri majlis rumah terbuka perayaan keagamaan yang dianjurkan oleh kenalan yang berbeza agama.	48	7.9	137	22.5	172	28.3	152	25.0	99	16.3	3.1924
4	Saya selalu menerima undangan untuk menghadiri majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh kenalan yang berbeza agama.	54	8.9	116	19.1	187	30.8	132	21.7	119	19.6	3.2401
5	Saya selalu dimaklumkan mengenai kematian kenalan yang berbeza agama.	47	7.7	110	18.1	149	24.5	135	22.2	167	27.5	3.4359

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan pernyataan 'Saya dilayan dengan baik oleh kenalan yang berbeza agama' [M=2.4309]. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan 'Saya selalu dimaklumkan mengenai kematian kenalan yang berbeza agama' [M=3.4359].

RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan penemuan kajian terdapat beberapa kesimpulan serta implikasi kajian yang boleh diringkaskan seperti berikut. Seterusnya terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan.

Rumusan Penemuan Kajian

Masyarakat Semenanjung Malaysia mempunyai persepsi positif terhadap toleransi sosio-agama. Tahap persepsi bagi kategori umur, jantina, etnik dan agama menunjukkan perbezaan yang tidak begitu ketara. Sikap, kesediaan dan pendapat umum terhadap toleransi sosio-agama di Semenanjung Malaysia berada pada tahap tinggi. Namun begitu, terdapat perbezaan bagi tahap rendah, sederhana, dan tinggi bagi negeri Pulau Pinang.

Manakala bagi tahap tingkahlaku dan pengalaman terhadap toleransi sosio-agama di Semenanjung Malaysia berada pada tahap sederhana. Namun begitu, tahap tingkahlaku dan pengalaman terhadap toleransi sosio-agama mengikut negeri menunjukkan negeri Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Selangor serta Terengganu adalah berbeza.

Implikasi

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan yang dijalankan, didapati persepsi, sikap, kesediaan serta pendapat umum responden berada di tahap yang positif. Namun begitu, dari segi tingkahlaku dan pengalaman menunjukkan yang responden masih kurang mengamalkan toleransi sosio-agama dan didapati berada pada tahap yang sederhana. Majoriti responden menunjukkan mereka bersedia untuk bertoleransi antara agama. Maka dengan itu, usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap toleransi sosio-agama.

Cadangan

Berdasarkan penyelidikan yang telah dilaksanakan ini, berikut adalah beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh penggubal dasar negara, pemimpin agama dan sebagainya untuk meningkatkan toleransi sosio-agama di Malaysia.

1. Dialog Antara Agama dan Forum

Antara cadangan ialah memperbanyakkan dialog antara penganut agama dan forum sebagai satu usaha bagi meningkatkan kefahaman antara agama. Perlu ada usaha untuk menggalakkan lebih ramai penganut dan aktivis agama melibatkan diri dalam dialog antara agama dan juga organisasi bukan kerajaan.

2. Sistem Pendidikan

Semakan sistem berbilang pendidikan di Malaysia adalah perlu supaya selaras dengan mempromosikan toleransi antara agama. Antara cadangan yang dikemukakan adalah mengenai isi kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah, Hubungan Etnik, Kenegaraan Malaysia, Kesedaran Sivik, Pendidikan Moral dan mata pelajaran lain yang berkaitan dengan sosio-agama. Kurikulum setiap mata pelajaran pada masa kini perlulah bersifat progresif, dinamik dan seimbang.

3. Peranan Media

Media memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat. Antara cadangan yang boleh dilaksanakan adalah dengan menerbitkan iklan, video dan filem pendek bagi mempromosikan toleransi antara etnik dalam semua aspek seperti agama dan budaya supaya masyarakat umum dapat mempererat lagi hubungan toleransi. Media dilihat sebagai satu alat untuk mengembangkan ideologi atau mencambahkan idea secara menyeluruh, cepat dan berkesan pada masa kini yang dapat membantu dalam usaha memupuk perpaduan etnik.

4. Pemimpin Komuniti

Pemimpin, tanpa mengira agama, perlu memainkan peranan mereka, dalam keupayaan mereka dan pada tahap yang mereka sendiri, dalam mempromosikan toleransi antara agama di kalangan setiap etnik, untuk membuka pintu kepada interaksi yang lebih baik antara agama.

5. Tanggungjawab Masyarakat

Jika lihat dari perspektif komuniti yang kecil bermula dari didikan anak-anak di rumah. Ibu bapa ialah orang yang berperanan penting di dalam memupuk semangat perpaduan anak-anak di Malaysia. Tambahan lagi, nilai perpaduan dilihat dapat disemai melalui aktiviti kemasyarakatan.

Dengan adanya penambahbaikan, diyakini bahawa toleransi antara agama boleh di perbaiki, interaksi yang bermakna juga dapat dilaksanakan, dan akhirnya tentulah keadaan ini membawa kepada keharmonian antara agama di Malaysia.

RUJUKAN

Ahmad, Z. (2003). *Euphoria of Diversity: Islam and Religious Coexistence in Post Independence Malaysia*. In Y. Harun (Ed.), *Malaysia Papers on Development, Religion and Politics*. Wellington: Victoria University of Wellington.

Ahmad, Z. (2007). *Multiculturalism and Religio-Ethnic Plurality: The Malaysian experience (multiculturalism)*. *Culture and Religion*, 8(2), 139 - 153.

Aziz, A. and A. B. Shamsul (2004). "The Religious, The Plural, The Secular and The Modern: a Brief Critical Survey on Islam in Malaysia." *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3): 341-356.

Furnival, J. S. (1948). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherland India*. Cambridge University Press.

Ismail, W. A. W. (2001). *Building Effective Ethical-moral Co-operation in a Pluralist Universe*. In J. A. Camilleri (Ed.), *Religion and Culture in Asia Pacific: Violence or Healing?* (7-16). Melbourne: Vista Publications.

Master, K. A., Jin, P., & Cooper, M. (2000). *Malay Culture and Personality: A Big Five Perspective*. *American Behavioral Scientist*, 44, 95-111.

Mohamed, S. K. B. S. (1971, 12th - 14th August). *Religious Toleration in Sabah*. Paper presented at the Seminar on Malaysia in Perspective, Victoria, Australia.

Mohd Noor M., Abdullah M. A. I. L & Omar R. (2005), *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*. Unit Penerbitan ISM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Rabushka, A. (1973). *Race and Politics in Urban Malaya*. California: Stanford University, Hoover Institution Press.

Robinson, J., Witenberg, R., & Sanson, A. (2001). *The Socialization of Tolerance*. In M. Augoustinos & K.J. Reynolds (Eds.), *Understanding prejudice, racism and social conflict* (73-88). London: Sage.

Shamsul, A. B. (2005). "Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe." *Asia Europe Journal*, 3(2): 159-178.

Sullivan, J.L., & Transue, J.E. (1999). *The Psychological Underpinnings of Democracy: A Selective Review of Research on Political Tolerance, Interpersonal Trust and Social Capital*. *Annual Review of Psychology*, 50, 625-650.

Talib, A. T. (2010) *Sosio-religious Tolerance: Malaysia as a Case Study*. PhD Thesis. Lampeter: University of Wales Lampeter.

Talib, A. T., & Gill, S. S. (2012). *Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience*. *Global Journal of Human Social Science*, 12(8), 49-54.

Tan C. B. (1982). *Ethnic Relations in Malaysia* dalam David Y.H Yu (ed.), *Ethnicity and Interpersonal Interaction – A Cross Cultural Study*. Singapore: Maruzen Asia.

Verkuyten, M., & Slooter, L. (2007). *Tolerance of Muslim Beliefs and Practices: Age Related Differences and Context Effects*. *International Journal of Behavioral Development*, 31 (5), 467 – 477.

Vogt, W.P. (1997). *Tolerance and Education: Learning to Live With Diversity and Difference*. London: Sage.

Wainryb, C., Shaw, L.A., & Maianu, C. (1998). *Tolerance and Intolerance: Children's and Adolescents' Judgments of Dissenting Beliefs, Speech, Persons and Conduct*. *Child Development*, 69, 1541-1555.

Wainryb, C., Shaw, L.A., Laupa, M., & Smith, K.R. (2001). Children's, Adolescents' and Young adults' Thinking About Different Types of Disagreements. *Developmental Psychology*, 37, 373–386.

Laporan Akhir Kajian Dimensi Pendorong Perpaduan Masyarakat Malaysia, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, 2011.
Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0110&pub=utusan_malaysia&sec=Jenayah&pg=je_04.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0109&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0129&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_04.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0904&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_06.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0903&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_19.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0531&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0118&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0117&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_28.htm

LAPORAN PENYELIDIKAN **ISU DAN CABARAN HUBUNGAN ANTARA PENGANUT** **AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh:
Prof. Dr. Zaid Ahmad
Universiti Putra Malaysia (UPM)

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada berbilang agama, bangsa, bahasa dan budaya dengan keunikannya sendiri. Kemajmukan ini sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara yang multi-agama dengan keunikan tersendiri. Namun begitu, kemajmukan ini turut digariskan sebagai salah satu cabaran utama dalam misi menjayakan pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020.

Situasi semasa yang berkaitan dengan aspek agama dan hubungan antara agama khususnya antara Islam dan bukan Islam dalam kalangan masyarakat Malaysia merupakan fenomena dalam perhubungan antara penganut agama sekarang. Beberapa permasalahan kajian telah dikenal pasti.

Secara amnya kajian ini dijalankan bagi mendalami serta menghurai isu dan cabaran hubungan antara penganut agama yang dikatakan agak semakin rumit dalam kalangan masyarakat. Penilaian akan dibuat menggunakan empat pembolehubah iaitu pengetahuan, persepsi, prejudis dan tahap kesedaran tentang isu agama berasaskan empat objektif utama 1) Mengenalpasti tahap pengetahuan umum responden terhadap asas-asas agama, 2) Mengenalpasti persepsi responden terhadap agama, 3) Mengenalpasti tahap prejudis responden terhadap agama, dan 4) Mengenalpasti tahap kepentingan isu agama responden.

1.2 Kemajmukan dan Kepelbagaian Agama di Malaysia

Menurut Osman Bakar (2006) kemajmukan di Malaysia berkemungkinan menjadi punca kekuatan dan kemajuan, malah keagungan, atau pun ia mungkin menjadi punca konflik dan kelemahan, malahan kehancuran kepada perpaduan kaum dan agama yang sedia terbina.

Jika dilihat kepada situasi semasa hubungan antara agama di Malaysia, pelbagai sentimen dan tindak tanduk oleh penganut agama menampakkan imej buruk dan tidak mustahil membawa kepada malapetaka. Namun begitu, perkara ini masih pada peringkat andaian dan belum dapat dibuktikan secara jelas.

Jika diteliti dari perspektif sejarah, pembentukan masyarakat multi-agama di Malaysia bermula sekitar kurun ke -14 melihat kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka kemudian diikuti kurun ke-19 penjajahan Inggeris ke Tanah Melayu. Kemasukan lebih ramai imigran Cina dan India ke Tanah Melayu bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor perlombongan dan perladangan telah mengubah lanskap

demografi yang akhirnya membawa kepada pemberian kerakyatan kepada imigran tersebut menjelang kemerdekaan. Impak daripada itu, wujud perkongsian nilai dalam pelbagai aspek amalan seperti nilai kekeluargaan, muzik, tarian, pakaian dan makanan walaupun sistem dan kepercayaan mereka berbeza.


Soal kebebasan beragama juga tidak seharusnya diperbalahkan kerana masyarakat majmuk di Malaysia tidak pernah mengalami sebarang bentuk penindasan berasaskan perkauman mahupun keagamaan. Sementara itu, kekacauan yang dicituskan oleh pihak-pihak tertentu dalam bentuk mempersoalkan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Perlembagaan menggambarkan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang tidak jujur terhadap negara.

Dengan itu, persefahaman dan keinginan untuk saling menghormati antara kaum wajar dipupuk secara lebih proaktif supaya sikap toleransi dalam hubungan beragama yang ikhlas dapat diwujudkan demi perpaduan³ dan integrasi nasional⁴ yang berjaya. Agama adalah asas budaya dan peradaban dan ia bertepatan dengan peranan agama dalam setiap sektor kehidupan di Malaysia (Badrul Azmeir, Mujibu Abdul Muis dan Zaliha Hj. Hussin, 2010).

Dalam konteks di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Negara ini memartabatkan Islam sebagai Agama Persekutuan – Fasal 1 Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan – “Islam adalah agama bagi Persekutuan” atau dalam teks asalnya “Islam is the religion of the Federation”. Walaupun Perlembagaan Persekutuan telah mengisytiharkan agama Islam sebagai agama rasmi negara namun agama-agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh dibenarkan untuk diamalkan oleh para penganutnya.

Di Malaysia agama sentiasa dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengenalan sesuatu kaum. Kaum majoriti di Malaysia adalah Melayu yang beragama Islam, diikuti kaum Cina yang beragama Buddha, Kristian, Konfucius dan Taoisme serta kaum India yang beragama Hindu dan lain-lain. Taburan populasi penduduk berasaskan agama (Banci 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia) pada Rajah 1 berikut menunjukkan populasi penganut Islam adalah seramai 61.3%, manakala bukan Islam sebanyak 38.7% yang mana Kristian (9.2%), Buddha (19.8%), Hindu (6.3%), Konfucius dan lain-lain (3.4%).

Rajah 1.1: Taburan Peratus Penduduk Mengikut Agama di Malaysia, 2010



Seharusnya kelebihan dan keunikan Malaysia sebagai negara multi-agama dimanfaatkan ke arah kelangsungan pembangunan negara yang mantap dan kehidupan rakyatnya yang aman harmoni dengan amalan toleransi beragama bukan yang sebaliknya. Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Zainul Rijal Abu Bakar (2010) menjelaskan bahawa kelebihan (keluhuran Perlembagaan dan kepelbagaian) ini akan dipelihara sebagai bekalan untuk menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

Untuk tujuan itu, para cendekiawan Islam dan bukan Islam perlu bersatu mengemukakan perspektif baru, menghidupkan dialog dalam menangani pelbagai masalah hubungan antara agama dalam kalangan masyarakat Malaysia yang beraneka agama, budaya, peradaban dan sistem nilai ini secara berhemah dan berhikmah bagi memastikan semua pihak dapat hidup dalam aman dan damai.

1.3 Isu-isu Hubungan Antara Agama

Mengambil iktibar daripada sejarah negara, rusuhan kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969 merupakan peristiwa terburuk dalam sejarah hubungan antara kaum di Malaysia. Peristiwa ini berlaku ekoran keputusan pilihanraya umum yang di adakan

pada tahun berkenaan di mana pihak yang menang mengadakan perarakan meraikan kemenangan mereka dalam pilihan raya (Comber, 2001).

Akibatnya berlaku kekacauan dan rusuhan sehingga menyebabkan ramai yang terkorban, cedera dan mengalami kerugian ekoran rumah dibakar, harta benda dimusnahkan dan kenderaan dirosakkan. Walau pun peristiwa ini pada asasnya bertitik tolak daripada garis etnik dan perkauman, tetapi seperti yang lazim difahami, faktor keagamaan juga memainkan peranan apabila agama digunakan sebagai elemen penyatuan dan pembinaan setiakawan dalam menghadapi tentangan musuh.

Akhirnya musuh kaum berubah menjadi musuh agama. Realitinya, peristiwa tragis sebegitu boleh berulang jika tiada persefahaman, toleransi dan keinginan untuk saling hormat-menghormati antara kaum dan agama dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Selain itu insiden pergaduhan beramai-ramai yang berlaku pada awal Mac 2001 di kawasan Petaling Jaya Selatan atau lebih dikenali dengan peristiwa Kampung Medan juga melibatkan pergolakan antara kaum sehingga menjadi perhatian banyak pihak khususnya jabatan kerajaan seperti JPNIN, polis, para pemimpin politik, termasuk pihak berkuasa tempatan dan para pengkaji di IPT.

Kampung Medan merupakan satu kawasan penempatan yang mana sebahagian besarnya setingan dan mempunyai komposisi etnik pelbagai dan berbeza latar belakang kelas dan taraf sosio-ekonomi. Berasaskan laporan, majoriti penduduk Kampung Medan yang dikatakan kurang berpendidikan tinggi dan sebahagian besarnya berpendapatan rendah dengan statistik gejala sosial yang agak tinggi menjadi punca perbalahan antara satu sama lain meskipun atas alasan yang remeh (Harian Metro, 7 Oktober 2011).

Peristiwa tragik ini dilaporkan telah mengorbankan nyawa dan menyebabkan angka kecederaan yang agak besar. Kejadian yang tercetus di kawasan PJS4, PJS5, PJS6 dan PJS7 ini melibatkan dua kumpulan etnik utama iaitu Melayu dan India (Kamaruddin, 2002) dan dipercayai turut melibatkan orang luar yang datang atau dibawa dari luar Kampung Medan.

Pergaduhan dikenalpasti bermula di Kampung Lindungan ekoran persediaan majlis perkahwinan di sebuah rumah orang Melayu dan persediaan majlis pengkebumian di sebuah rumah orang India yang berjiran. Seperti peristiwa 13 Mei 1969, ketegangan yang asalnya berpunca daripada garis etnik dan perkauman antara Melayu dan India tetapi akhirnya sentimen keagamaan juga di bawa masuk yang kemudian memperlihatkan seolah-olah pergaduhan itu antara Islam dan Hindu.

Seterusnya, isu hubungan antara agama digemparkan lagi dengan perjuangan Hindu Rights Action Force (HINDRAF) pada tahun 2007 yang menggunakan sentimen agama dan perkauman ekoran dakwaan berlaku diskriminasi terhadap kaum India di Malaysia. HINDRAF juga dikatakan memainkan peranan menentang pihak berkuasa tempatan berkaitan arahan merobohkan kuil Hindu yang dibina secara haram dan terlibat dalam menyebarkan hasutan berbaur perkauman dalam bahasa Tamil

Selain itu, Shamrahyu A. Aziz (2011) telah mengulas mengenai isu azan dan arak yang berlaku di Kuala Lumpur dan Selangor sebagai satu tindakan berbahaya yang menjolok sensitiviti umat Islam seluruh negara. Menurut beliau, laungan azan tidak patut dipersoalkan kerana azan adalah identiti agama Islam dan juga identiti Malaysia sebagai sebuah negara yang mengisytiharkan agama Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan.

Sementara itu, pengharaman arak terhadap semua masyarakat Islam bukanlah perkara asing kerana semua sedia maklum bahawa ia merupakan satu doktrin larangan yang telah termaktub dalam Islam. Oleh yang demikian, tindakan seorang pemimpin politik bukan Islam yang menyatakan umat Islam mungkin hilang pekerjaan kerana mematuhi undang-undang Islam boleh dianggap satu penghinaan. Sewajarnya, tindakan itu tidak berlaku jika keinginan saling menghormati antara agama menebal dalam diri setiap individu.

Seterusnya berkaitan isu kepala khinzir yang dibaling ke dalam masjid di Petaling Jaya dan Jalan Klang Lama juga boleh dilihat dalam konteks yang sama. Ia berlaku dikatakan sebagai tanda protes oleh pihak tertentu terhadap kejadian membakar gereja oleh orang Islam yang tidak bersetuju terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai penggunaan kalimah Allah sebagai terjemahan kepada "God". Ini diikuti pula isu perarakan kepala lembu oleh orang Melayu di Shah Alam yang membantah pemindahan kuil Hindu berdekatan dengan kawasan perumahan mereka telah mengeruhkan lagi hubungan antara agama (Utusan Malaysia, 3 September 2009).

Hal ini tidak berhenti di situ. Beberapa kenyataan keras segelintir pihak termasuk yang dianggap menghina seperti tanggapan undang-undang Islam terlampau bodoh dan kuno serta laporan beberapa akhbar yang menerbitkan gambar sensitif kepada umat Islam seperti masakan babi dalam "Ramadhan Delights" (Zulkifli Hasan, 2012).

Selain isu penghinaan agama tersebut, kes Lina Joy (Azlina Jailani) yang memohon untuk menukar status agama (Islam kepada Kristian) kerana ingin berkahwin dengan kekasihnya yang beragama Roman Katolik (Utusan Malaysia, 31 Mei 2007) dan kes tuntutan mayat dan pengurusan jenazah bekas pendaki Gunung Everest yang asalnya beragama Hindu tetapi telah memeluk agama Islam tanpa pengetahuan keluarga juga merupakan antara kes yang telah menimbulkan kontroversi sehingga mencetuskan keadaan yang agak tegang dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam.

Semua insiden di atas telah memberi gambaran bahawa situasi hubungan antara kaum dan agama dalam konteks di Malaysia masih belum berada dalam keadaan yang benar-benar stabil. Ketegangan mudah berlaku apabila sahaja ada pihak yang melakukan provokasi dan menyentuh sensitiviti keagamaan dan perkauman. Kepesatan arus pemodenan dan globalisasi yang dikecapi negara tidak wajar dijadikan ancaman kepada nilai toleransi dan perpaduan antara kaum dan agama kerana ia mampu memberi peluang untuk sejarah 13 Mei 1969 tercetus sekali lagi.

Sehubungan itu, segala kekeliruan, salah faham dan prejudis dalam hubungan antara agama harus dileraikan segera bagi menyerlahkan sifat agama yang menganjurkan kedamaian, toleransi dan kerjasama adalah bertepatan. Maklumat yang tepat mengenai sensitiviti agama harus perlu disebar dengan berkesan demi menjaga hubungan baik dan kerukunan hidup bermasyarakat yang berterusan.

2.1 Tinjauan literatur

Islam adalah agama yang dominan di Malaysia dan telah mewarnai kehidupan masyarakat Melayu selepas pertapaan agama Hindu di Tanah Melayu (Ahmad Bashir Aziz, 2004). Oleh yang demikian, masyarakat Malaysia dan agama Islam telah dilihat sebagai sinonim dan kebanyakan persoalan mengenai adat istiadat, politik dan pemerintahan masyarakat Melayu telah dipengaruhi oleh Islam. Jika diperhalusi, nilai yang terkandung dalam Islam adalah bersifat universal dan dapat diterima oleh semua peringkat manusia dan mampu beroperasi dalam konteks kepelbagaian bangsa dan agama di Malaysia (Auni Abdullah, 1991).

Menurut Shad Saleem Faruqi (2008), kedudukan Islam dalam Perlembagaan membuktikan bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara sekular. Lebih tepat jika dikatakan Perlembagaan Persekutuan adalah berbentuk hybrid yang menolak sistem sekular dan mempunyai beberapa ciri kelslaman. Gagasan 1Malaysia dengan tagline “Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan” adalah bertepatan dengan semangat dan tuntutan Islam untuk mencipta dan melakar kegemilangan.

Namun, momokkan pihak-pihak tertentu dengan propaganda seperti Islamofobia, ganas, ekstrim, jumud dan sebagainya sedikit sebanyak telah mempengaruhi dan mengganggu gugat hubungan baik antara kaum dan agama di Malaysia. Kenyataan ini menggambarkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh umat Islam kini bukan sahaja hadir dalam bentuk serangan fizikal semata-mata malah turut melibatkan serangan pemikiran (Mohd Roslan Mohd Nor, 2011).

Islamofobia merujuk kepada situasi di mana persepsi negatif atau kebimbangan atau kebencian kepada Islam itu dizahirkan dalam bentuk ekspresi intelektual seperti penulisan karya ilmiah atau perbuatan yang merangkumi keganasan, protes dan gerakan Islamofobia itu sendiri (Zulkifli Hassan, 2012).

Dalam konteks di Malaysia, Zulkifli Hassan (2012) mendapati manifestasi Islamofobia dikesan berlaku dalam pelbagai bentuk. Misalnya, terdapat pemimpin parti politik yang memberi kenyataan secara terang-terangan tidak bersetuju dengan pelaksanaan hukum hudud, selain kenyataan beberapa pemimpin politik bukan Muslim yang berbaur menghina undang-undang Islam.

Didapati juga kes-kes melibatkan penghinaan terhadap Islam menerusi ruang siber seperti Facebook dan Twitter yang semakin menjadi-jadi dan juga manifestasi Islamofobia yang dizahirkan dalam bentuk lain seperti menafikan hak berpakaian muslim dalam pertandingan renang di sebuah kompleks sukan di Selangor.

Seterusnya ialah berkaitan pluralisme agama yang dikenalpasti sudah mencapai suatu tahap “ancaman” (Yusri Mohamad, 2010). Hal ini berikutan penekanan pluralisme lebih kepada “kesamaan” dan “kesetaraan” dalam segala hal termasuk beragama.

Kajian Yusri Mohamad (2010) mendapati gejala pluralisme agama dalam konteks di Malaysia boleh dilihat menerusi isu murtad dan cinta rentas agama, penubuhan Interfaith Commission / Suruhanjaya Antara Agama (IFC), perkongsian perayaan dan acara keagamaan, penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam, ucapan salam kepada orang bukan Islam, isu pengharaman yoga kepada orang Islam dan

penggunaan ayat-ayat Al-Quran dan hadis oleh bukan Islam dalam ucapan-ucapan politik.

Kesimpulannya, isu dan cabaran hubungan antara agama di Malaysia telah lama berlaku malah dilihat semakin membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Sehubungan itu, satu kajian awal bagi mengesan dan mengenalpasti pandangan masyarakat mengenai isu keagamaan serta tahap prejudis antara agama perlu dilaksanakan segera.

Populasi kaum-kaum Malaysia bukan sahaja terpisah dari sudut geografi, malah dari sudut fizikal dan budaya. Kajian Rahimin Affandi Abd. Rahim (2011) menunjukkan bahawa tahap perpaduan antara kaum dan agama di Malaysia masih berada dalam keadaan yang rapuh walaupun negara telah lebih 50 tahun mencapai kemerdekaan. Justeru itu, kajian beliau telah mencadangkan pendekatan dialog agama dilaksanakan sebagai satu alternatif penyelesaian yang berkesan ke arah mewujudkan persefahaman dan meminimumkan konflik antara agama seterusnya membina hubungan agama yang positif ke arah melahirkan perpaduan.

Selain itu, kajian Khadijah dan Mohd Herzali (2008) mendapati pengabaian dalam budaya dialog dan interaksi agama dalam masyarakat telah menimbulkan kekeliruan dan salah faham sehingga mendorong kepada persengketaan dan permusuhan.

Justeru itu, stigma yang meletakkan isu agama tidak boleh dibincangkan secara terbuka harus ditinggalkan dalam usaha mewujudkan hubungan beragama yang baik menerusi pendekatan menghargai persamaan dan perbezaan yang wujud dalam setiap agama. Kepentingan interaksi antara kaum dan agama turut ditegaskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi menerusi konsep Islam Hadhari yang diperkenalkannya dulu sebagai medan untuk rakyat menjalinkan hubungan baik antara satu sama lain (Mohd Farhan Darwis, 2012).

Lantaran kepelbagaian agama, budaya dan kaum juga landskap sosio-politik negara telah diwarnai beberapa sejarah hitam yang melibatkan hubungan antara kaum dan agama. Antaranya insiden yang besar dalam sejarah yang membabitkan isu antara kaum dan agama adalah rusuhan kaum pada tahun 1969, Kampung Medan pada tahun 2001, isu HINDRAF pada tahun 2007, kes Lina Joy pada tahun 2008 sehinggalah insiden kecil seperti perarakan kepala lembu di Selangor dan isu kepala khinzir dalam masjid di Johor.

Isu penghinaan agama ini masih belum berakhir malah dilihat semakin menjadi-jadi. Antaranya kejadian sebuah gereja di Petaling Jaya yang menjadi sasaran bom petrol dan yang terbaru mengenai isu azan di Kuala Lumpur. Justeru itu, kajian ini diusulkan bagi menilai sejauh manakah isu hubungan antara agama di Malaysia dipersoalkan dan apakah cabaran yang perlu diatasi dalam menangani permasalahan ini.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Skop kajian

Secara umum, kajian ini dijalankan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dengan tumpuan kepada kawasan bandar dan pinggir bandar. Persampelan ini dibuat dengan

mengambil kira demografi kawasan tersebut yang mempamerkan kepelbagaian agama selain isu hubungan antara agama yang lebih menonjol dipengaruhi senario politik yang lebih agresif.

Empat agama utama di Semenanjung Malaysia iaitu Islam, Hindu, Buddha dan Kristian diutamakan dengan mengukur persepsi, pengetahuan, prejudis dan kesedaran semasa terhadap perkara-perkara sensitif dalam isu hubungan antara agama

3.2 Rekabentuk kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan dua kaedah utama iaitu survey (tinjauan) dan pemerhatian (observation). Bagi kaedah survey, set soal selidik (instrumen) berkaitan isu-isu hubungan antara agama akan dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan literatur terdahulu dan menerusi beberapa siri bengkel dan konsultasi dengan pemegang taruh (stake holders) dan rujukan pakar.

Instrumen ini digunakan untuk mendapatkan respon masyarakat (responden yang dipilih menggunakan kaedah lazim persampelan) mengenai aspek kajian. Bagi kaedah pemerhatian, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah tersebut mengikut keperluan dan kesesuaian persekitaran ketika kajian dijalankan nanti. Secara ringkasnya, metodologi kajian adalah berdasarkan kepada perkara berikut:

3.3 Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, sampel dipilih terdiri daripada individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun iaitu dalam kategori belia. Kajian ini berjaya mendapatkan 500 responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

3.4 Kaedah dan saiz persampelan

Teknik persampelan

Bagi mendapatkan sampel, teknik persampelan rawak mudah berstrata digunakan di mana berasaskan kepada Kensus Kependudukan Malaysia (2010) dibahagi mengikut setiap agama yang dominan dan negeri iaitu 50% bagi Islam, 20% bagi Buddha, 20% bagi Hindu dan 10% bagi lain-lain.

Saiz sampel

Bagi penentuan saiz sampel, kajian ini menggunakan kaedah pemilihan saiz sample daripada Cohen et. al (2001) dimana 500 orang dipilih mengikut saiz sampel yang telah dinyatakan

3.5 Instrumen dan pengumpulan data kajian

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang telah di rangka berdasarkan kepada objektif kajian dan pembolehubah yang ingin diukur, antaranya :

Bahagian A Maklumat demografi responden yang merangkumi meliputi agama, negeri, kaum, jantina, umur, latar belakang sekolah rendah dan menengah, tahap pendidikan tertinggi, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, status perkahwinan dan kawasan penempatan responden.

Bahagian B Beberapa soalan yang berkaitan dengan pengetahuan mengenai agama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu iaitu empat agama majoriti di Semenanjung Malaysia. Soalan ini adalah soalan asas mengenai pengetahuan mengenai perayaan, makanan, amalan dan sebagainya.

Bahagian C Soalan di bahagian ini merangkumi soalan mengenai persepsi individu mengenai agama. Soalan juga berbentuk asas mengenai persepsi asas agama-agama utama di Semenanjung Malaysia. Skala pengukuran untuk instrumen ini adalah 1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju.

Bahagian D Soalan di bahagian ini juga merangkumi soalan yang bersifat prejudis kepada agama. Terdapat soalan negatif dan positif dinyatakan untuk responden menjawab dimana setiap soalan menguji tahap prejudis individu terhadap aktiviti yang dilakukan oleh setiap agama. Skala pengukuran untuk instrumen ini adalah 1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju.

Bahagian E Merangkumi sebelas isu agama semasa yang diketengahkan untuk melihat sejauh manakah sesuatu isu itu penting bagi responden. Hasilnya kajian akan melihat kepada lima darjah kepentingan iaitu 1 = Sangat tidak penting dan 5 = Sangat penting bagi mereka. Antara sebelas isu yang diketengahkan adalah :

1. Isu penghinaan terhadap agama
2. Isu hak penjagaan anak
3. Isu tuntutan mayat
4. Isu Malaysia negara islam/sekular
5. Isu tapak rumah ibadat
6. Isu hudud
7. Isu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah
8. Isu kalimah Allah
9. Isu Bible Versi Bahasa Melayu
10. Isu pertukaran agama
11. Isu penyebaran agama lain

3.6 Analisis kajian

Analisis deksriptif digunakan dengan melihat kepada frekuensi (n) dan juga peratus (%) bagi setiap pembolehubah dan juga melihat kepada nilai skor dan min bagi empat pembolehubah yang utama dalam kajian. Antara analisis yang digunakan dalam kajian berdaasrkan kepada objektif adalah seperti dibawah:

Jadual 3.1: Huraian analisis deskriptif mengikut objektif

Objektif	Analisis deskriptif
Objektif 1 Mengenalpasti tahap pengetahuan responden terhadap agama	Jumlah skor bagi tahap pengetahuan merujuk kepada skor tinggi bermaksud tinggi tahap pengetahuan responden dan sebaliknya
Objektif 2 Mengenalpasti persepsi responden terhadap agama	Jumlah skor bagi persepsi merujuk kepada skor tinggi bermaksud tinggi persepsi responden terhadap agama dan sebaliknya
Objektif 3 Mengenalpasti tahap prejudis responden terhadap agama	Jumlah skor bagi tahap prejudis merujuk kepada skor tinggi bermaksud tinggi prejudis responden terhadap agama dan sebaliknya
Objektif 4 Mengenalpasti tahap kepentingan isu agama semasa responden	Jumlah skor bagi tahap kepentingan isu agama semasa merujuk kepada skor tinggi bermaksud tinggi tahap kepentingan isu agama semasa dan sebaliknya

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bab ini hasil kajian akan dibincangkan secara lanjut. Ini melibatkan 500 orang responden atau n=500 dari seluruh Semenanjung Malaysia. Semua data yang dibentangkan dalam bab ini merupakan hasil bagi Kerja Lapangan Kajian Isu dan Cabaran Agama di Malaysia 2013.

4.1 Profil Demografi Responden

Ciri-ciri demografi responden yang dibincangkan adalah meliputi agama, negeri, kaum, jantina, umur, latar belakang sekolah rendah dan menengah, tahap pendidikan tertinggi, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, status perkahwinan dan kawasan penempatan responden.

Jadual 4.1.1: Agama responden

Agama	n	(%)
Islam	273	54.6
Buddha	82	16.4

Kristian	44	8.8
Hindu	73	14.6
Tao	11	2.2
Sikh	17	3.4

Berdasarkan kepada Jadual 4.1.1 di atas, terdapat enam kategori penganut agama yang dilaporkan berdasarkan kepada hasil dapatan kajian. Agama yang dilaporkan adalah Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Tao dan Sikh yang merupakan majoriti agama di Semenanjung Malaysia.

Hasil kajian mendapati majoriti responden adalah menganut beragama Islam dengan 273 orang (54.6%) daripada jumlah responden diikuti dengan Buddha 82 orang (16.4%) dan selebihnya Kristian, Hindu, Tao dan Sikh yang masing-masing kurang daripada 15% jumlah responden.

Dapatan ini adalah berdasarkan kepada kaedah persampelan mudah berstrata yang digunakan dimana jumlah responden daripada setiap agama dikawal jumlahnya.

Jadual 4.1.2: Negeri kediaman responden

Negeri	n	(%)
Johor	31	6.2
Kedah	50	10
Kelantan	30	6
Melaka	42	8.4
Negeri Sembilan	40	8
Pahang	33	6.6
Perak	38	7.6
Perlis	49	9.8
Pulau Pinang	43	8.6
Selangor	38	7.6
Terengganu	35	7
Wilayah Persekutuan	40	8
Putrajaya	31	6.2

Fokus lokasi kajian melibatkan kesemua negeri di Semenanjung Malaysia. Ini meliputi bahagian zon utara, pantai barat dan timur setra selatan. Berdasarkan jadual 4.1.2 di atas, jumlah responden bagi setiap negeri adalah hampir sama jumlahnya. Ini adalah berdasarkan kepada ratio yang ditentukan dalam kajian ini. Zon utara meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Zon pantai barat meliputi Selangor, Kuala Lumpur, Perak dan Putrajaya. Zon pantai timur meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang dan Zon selatan meliputi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Jadual 4.1.3 : Kaum atau etnik responden

Kaum	n	(%)
Melayu	267	53.4
Cina	104	20.8
India	104	20.8
Lain-lain	25	5

Berdasarkan kepada statistik (Sensus, 2010) di Semenanjung Malaysia mengenai majoriti kaum menunjukkan kaum Melayu, Cina dan India adalah kebanyakannya di Semenanjung Malaysia. Bagi kajian ini, 267 orang atau 53.4% daripada jumlah responden adalah daripada kaum Melayu. Bagi Cina dan India, masing-masing mencatatkan 104 orang atau 20.8% daripada jumlah responden. Ini mewakili lebih 90% daripada majoriti tiga kaum utama di Semenanjung Malaysia. Namun, cuma 25 orang atau 5% terdiri daripada kaum-kaum yang lainnya seperti etnik di Sabah dan Sarawak yang menetap di Semenanjung, Sikh dan sebagainya.

Jadual 4.1.4: Jantina responden

Jantina	n	(%)
Lelaki	246	49.8
Perempuan	249	49.2
Missing	5	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Jantina responden bagi kajian ini masing-masing mencatatkan jumlah yang hampir sama iaitu 49.8% atau 246 orang bagi lelaki dan selebihnya iaitu 249 orang (49.2%) adalah perempuan. Jumlah keseluruhan jantina yang dilaporkan adalah 495 orang.

Jadual 4.1.5: Umur responden

Umur	n	(%)
≤ 20 tahun	82	16.4
21 – 30 tahun	219	43.8
31 – 40 tahun	49	9.8
≥ 41 tahun	61	12.2
Missing	89	
Purata	28.65	
SD	11.15	
Min	13	
Maks	81	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Secara purata, umur responden adalah 28 tahun. Namun, sejumlah 411 orang responden sahaja memberikan maklumat tentang umur mereka. Hasil kajian mendapati, majoriti responden adalah berumur dalam lingkungan 21 sehingga 30 tahun iaitu sebanyak 219 orang (43.8%) daripada jumlah diikuti dengan 82 (16.4%) daripada jumlah responden berada dalam lingkungan umur bawah 20 tahun. Namun, bagi responden yang berumur 41 dan keatas, 61 orang (12.2%) daripada jumlah responden dilaporkan.

Jadual 4.1.6: Latar belakang sekolah rendah dan menengah

Pemboleh ubah	n	(%)
Latar belakang sekolah rendah (n = 498)		
Sek. Kebangsaan	345	69
Sek. Jenis Kebangsaan	117	23.4
Sek. Agama	24	4.8
Sek. Swasta	8	1.6
Sek. Antarabangsa	1	0.2
Lain-lain	3	0.6
Missing	2	
Latar belakang sekolah menengah (n = 499)		
Sek. Men. Kebangsaan	407	81.4
Sek. Jenis Kebangsaan	13	2.6
Sek. Agama	55	11
Sek. Swasta	3	0.6
Sek. Antarabangsa	1	0.2
Lain-lain	20	4
Missing	1	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Hasil kajian mendapati kebanyakan responden masing-masing berlatarbelakangkan Sekolah Kerajaan iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Berdasarkan kepada jadual di bawah, lebih 60% mereka pernah bersekolah atau sedang bersekolah di jenis Sekolah Kerajaan iaitu 345 orang (69%) bagi sekolah rendah dan 407 orang bagi sekolah menengah. Ini menunjukkan majoriti responden mendapat pendidikan di sekolah biasa.

Namun, untuk Sekolah Jenis Kebangsaan, bagi sekolah rendah, 117 orang atau 23.4% berlatarbelakangkan jenis sekolah tersebut manakala cuma 13 orang bagi sekolah menengah. Bagi jenis sekolah lain, responden dari Sekolah Agama bagi sekolah rendah adalah sebanyak 24 orang manakala sekolah menengah adalah 55 orang. Bagi Sekolah Swasta dan kebangsaan masing-masing bagi sekolah rendah dan menengah adalah kurang daripada 10 orang.

Jadual 4.1.7: Tahap pendidikan tertinggi responden

Tahap pendidikan tertinggi	n	(%)
Tidak sekolah	3	0.6
UPSR	11	2.2
PMR/SRP/LCE/SRA	23	4.6
SPM/MCE/SC/"O" LEVEL/ SMA/SPMV	109	21.8
UEC (United Examintaion Certificate)	1	0.2
STPM/STP/HSC/"A" LEVEL/I.B/STAM/MATRIK	61	12.2
Sijil	11	2.2
Diploma	72	14.4
Ijazah	179	35.8
Sarjana	20	4
PhD	4	0.8
Missing	6	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Pendidikan responden telah dikategorikan kepada beberapa peringkat mengikut jenis tahap pendidikan iaitu tiada pendidikan formal atau tidak bersekolah, UPSR, PMR/SRP/LCE/SRA, SPM/MCE/SC/"O" LEVEL/SMA/SPMV, UEC (United Examintaion Certificate), STPM/STP/HSC/"A" LEVEL/I.B/STAM/MATRIK, Sijil, Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD.

Berdasarkan kepada Jadual 4.1.7, 35.8% iaitu 179 orang daripada n=494 adalah berpendidikan Ijazah, diikuti dengan SPM/MCE/SC/"O" LEVEL/SMA/SPMV sejumlah 109 orang (21.8%), Diploma sejumlah 72 orang (14.4%), STPM/STP/HSC/"A" LEVEL/I.B/STAM/MATRIK sejumlah 61 orang (12.2%), PMR/SRP/LCE/SRA sejumlah 23 orang (4.6%), Sarjana sejumlah 20 (4%), UPSR dan Sijil masing-masing berjumlah 11 orang (2.2%), PhD sejumlah 4 (0.8%), tidak bersekolah 3 orang dan UEC sejumlah 1 orang. Ini menunjukkan responden kebanyakan terdiri daripada masyarakat terpelajar. Pendidikan, pekerjaan dan pendapatan majoriti responden adalah pelajar atau masih belajar. Oleh itu, jumlah bagi ketiga-tiga pemboleh ubah ini adalah selari.

Jadual 4.1.8: Sektor pekerjaan responden

Sektor pekerjaan	n	(%)
Kerajaan Awam	140	28
Swasta	92	18.4
Berniaga	32	6.4
Tidak bekerja	42	8.4
Pelajar	178	35.6

Lain-lain	11	2.2
Missing	5	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Bagi sektor pekerjaan, kebanyakan atau majoriti responden adalah dalam kalangan pelajar iaitu 178 orang atau 35.6% daripada jumlah responden yang belum bekerja. Namun, responden yang berkerja dalam sektor kerajaan mencatatkan 28% atau 140 orang diikuti dengan 92 orang atau 18.4% bagi sektor swasta. Walaubagaimanapun, 42 orang atau 8.4% melaporkan mereka tidak mempunyai pekerjaan. Jumlah ini agak besar. Selain itu, 32 orang memiliki perniagaan sendiri dan cuma 11 orang tergolong dalam lain-lain pekerjaan seperti membantu ibu bapa dalam perniagaan dan sebagainya.

Jadual 4.1.9: Pendapatan bulanan responden

Pendapatan bulanan	n	(%)
RM 0 – 500	194	38.8
RM 501 – 1000	46	9.2
RM 1001 – 2000	74	14.8
RM 2001 – 4000	111	22.2
RM 4001 – 7000	37	7.4
Atas RM 7000	10	2
Missing	28	

Pendapatan bagi responden merekodkan 38.8% atau 194 orang daripada jumlah responden berpendapatan kurang RM 500. Jumlah ini dipengaruhi oleh jumlah responden yang bekerjasama terdiri daripada pelajar. Selain itu, 111 orang (22.2%) daripada jumlah responden mempunyai pendidikan RM 2001 hingga RM 4000, 74 orang (14.8%) daripada jumlah responden berpendapata RM 1001 hingga RM 2000, 46 orang (9.2%) berpendapatan RM 501 hingga RM 1000, 37 orang (7.4%) berpendapatan RM 4001 hingga RM 7000 dan akhirnya cuma 10 orang berpendapatan atas RM 7000. Namun, kebanyakan mereka juga tidak mahu melaporkan pendapatan mereka kerana ianya bersifat peribadi.

Jadual 4.1.10: Status perkahwinan responden

Pemboleh ubah	n	(%)
Status perkahwinan		
Bujang	300	60
Berkahwin	184	36.8
Duda/Janda	5	1
Missing	11	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Berdasarkan kepada jadual 10, lebih 50% daripada jumlah responden masih bujang iaitu 60% atau 300 orang. Selain itu, 184 orang (36.8%) daripada jumlah responden telah berkahwin dan cuma 5 orang (1%) daripada jumlah responden adalah berstatus duda atau janda.

4.2 Konteks Keagamaan Dan Kawasan Kediaman

Konteks keagamaan dan kawasan penempatan meliputi beberapa aspek yang dibincangkan iaitu merangkumi rumah ibadat majoriti di satu kawasan, penganut majorti, penganut agama lain di satu kawasan, rakan dan jiran daripada agama lain akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi. Berdasarkan kepada jadual 4.2.1 di bawah, kebanyakan rumah ibadat yang dilaporkan responden berada disekitar kediaman mereka kebanyakan adalah Surau atau Masjid iaitu 396 (79.2%) daripada jumlah responden.

Ini menunjukkan sesuatu kawasan tersebut memiliki Surau atau Masjid disebabkan majoriti penduduk adalah beragama Islam. Walaubagaimanapun, Kuil Buddha/Wat dilaporkan kedua tertinggi iaitu 104 orang (20.8%) responden melaporkan terdapat rumah ibadat tersebut di kawasan mereka. Ini diikuti dengan Kuil Hindu iaitu 120 orang melaporkan, Gereja 85 orang, Tokong Tao 52 orang dan Gurdwara 32 orang.

Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati majoriti penganut agama dalam sesuatu kawasan adalah penganut Islam iaitu 351 orang melaoprkan agama majoriti di kawasan mereka adalah penganut Islam. Ini diikuti dengan penganut agama Buddha 82 orang, Hindu 42 orang dan lain-lain merangkumi Kristian 13 orang, Sikh 5 orang dan Tao 2 orang. Ini menunjukkan bahawa di setiap kawasan, kebanyakan penganut majoriti di Semenanjung Malaysia iaitu Islam, Buddha dan Hindu terdiri daripada responden kaum Melayu, Cina dan India.

Hasil kajian mendapati kebanyakan responden melaporkan penganut agama Buddha merupakan penganut agama lain yang sering menetap dalam satu kawasan penempatan. Ini menunjukkan bahawa di satu kawasan penempatan penganut agama Buddha akan berada sama di tempat tersebut. Bagi rakan dan jiran daripada agama lain, kesemua responden melaporkan mereka mempunyai rakan daripada agama lain iaitu lebih 50% daripada jumlah responden. Kebanyakan mereka melaporkan mereka mempunyai kawan dan jiran daripada penganut Buddha.

Jadual 4.2.1: Konteks keagamaan dan kawasan kediaman

Pemboleh ubah	n (%)	Pemboleh ubah	n (%)	Pemboleh ubah	n (%)
Rumah ibadat		Penganut agama lain dalam satu kawasan		Mempunyai jiran agama lain	
Surau/Masjid	396	Islam	205	Ya	272 (54.4)
Kuil buddha/Wat	104	Buddha	285	Islam	141
Gereja	85	Kristian	209	Buddha	168

Kuil Hindu	120	Hindu	258	Kristian	107
Tokong Tao	52	Tao	68	Hindu	115
Gurdwara	32	Sikh	57	Tao	38
		Bahai	10	Sikh	18
		Kepercayaan Tradisional	17	Bahai	3
				Kepercayaan Tradisional	8
				Tidak	218 (43.6)

Penganut agama majoriti	n (%)	Mempunyai rakan agama lain	n (%)
Islam	351 (70.2)	Ya	424 (84.8)
Buddha	82 (16.4)	Islam	217
Kristian	13 (2.6)	Buddha	290
Hindu	43 (8.6)	Kristian	284
Tao	2 (0.4)	Hindu	312
Sikh	5 (1)	Tao	84
Lain-lain	1 (0.2)	Sikh	105
		Bahai	31
		Kepercayaan Tradisional	41
		Tidak	71 (14.3)


4.3 Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Agama

Tahappengetahuan responden terhadap agama meliputi beberapa elemen pengetahuan mereka berdasarkan empat pengetahuan agama iaitu Islam, Hindu, Buddha dan Kristian. Empat agama ini adalah berdasarkan kepada majoriti penganut agama di Malaysia. Tahap pengetahuan mereka dinilai berdasarkan pengetahuan agama sendiri dan agama lain.

Jadual 4.3.1: Tahap pengetahuan umum tentang asas agama

Tahap pengetahuan terhadap agama	n	(%)
Rendah	6	1.2
Sederhana	30	6
Tinggi	464	92.8
Purata	13.19	
SD	1.95	
Min	1	
Maks	16	

Rajah 4.3.1: Tahap Pengetahuan Terhadap Agama



Daripada hasil kajian didapati tahap pengetahuan bagi penduduk di Semenanjung Malaysia menunjukkan 92.8% daripada responden mempunyai skor yang tertinggi untuk pengetahuan asas agama bagi empat agama utama (Islam, Hindu, Buddha dan Kristian). Purata skor bagi tahap pengetahuan terhadap agama adalah 13.19. Ini menunjukkan pengetahuan majoriti responden kepada agama sendiri dan agama lain adalah ditahap yang agak tinggi. Walaubagaimanapun, terdapat juga sejumlah kecil responden yang memiliki tahap pengetahuan yang rendah.

Jadual 4.3.2: Tahap pengetahuan mengenai agama (berasaskan agama)

Kumpulan Agama	Tahap pengetahuan			Keseluruhan n (%)
	Rendah n (%)	Sederhana n (%)	Tinggi n (%)	
Islam	5 (1.8)	16 (5.9)	252 (92.3)	273 (100)
Bukan islam	1 (0.4)	14 (6.2)	212 (93.4)	227 (100)

Buddha	1 (1.2)	5 (6.1)	76 (92.7)	82 (100)
Kristian	0 (0)	3 (6.1)	41 (93.2)	44 (100)
Hindu	0 (0)	6 (8.2)	67 (91.8)	73 (100)
Tao	0 (0)	0 (0)	11 (100)	11 (100)
Sikh	0 (0)	0 (0)	17 (100)	17 (100)

Etnik

Melayu	5 (1.9)	17 (6.4)	245 (91.8)	267 (100)
Cina	0 (0)	5 (4.8)	99(95.2)	104 (100)
India	0 (0)	7 (6.7)	97 (92)	104(100)
Lain-lain	1(4)	1(4)	23 (92.8)	25 (100)

Berdasarkan kepada kumpulan agama pula, Islam dan bukan Islam masing-masing mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang tinggi iaitu lebih daripada 90% di mana bagi agama islam 92.3% dan 93.4% bukan beragama islam (kesemua agama) daripada mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati kebanyakan masyarakat mempunyai pengetahuan dan ilmu asas terhadap agama sendiri dan agama yang lain yang memungkinkan mereka memahami prinsip dan upacara yang wajib bagi agama lainnya selaras dengan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Bagi kumpulan etnik pula, Melayu, Cina dan Indian serta agama lain (cth. Bumiputera Sabah dan Sarawak) masing-masing mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi iaitu lebih 90%. Ini menunjukkan kesemua kaum di Semenanjung Malaysia juga mempunyai tahap pengetahuan mengenai agama lain sama seperti pengetahuan agama sendiri.

4.4 Persepsi Terhadap Agama


Persepsi responden terhadap agama meliputi nilai-nilai persepsi mereka mengenai beberapa aspek persepsi terhadap agama sendiri dan agama lain

Jadual 4.4.1: Persepsi responden terhadap agama

Persepsi terhadap agama	n	(%)
Negatif	9	1.8
Positif	480	96.0
Missing	11	
Purata	44.15	
SD	6.59	
Min	24	
Maks	60	

Nota: Missing = Tidak dinyatakan oleh responden

Rajah 4.4.1: Persepsi Terhadap Agama



Hasil dapatan untuk persepsi responden terhadap agama ini dinilai dengan beberapa ciri soalan yang berkaitan dengan persepsi responden terhadap agama sendiri dan agama lain (sila rujuk lampiran untuk contoh soalan muka surat = 47). Hasil kajian ini mendapati, persepsi bagi penduduk di Semenanjung Malaysia terhadap agama lain dan diri sendiri adalah positif iaitu lebih 90% mempunyai persepsi yang positif berbanding selebihnya adalah persepsi negatif

Jadual 4.4.2: Persepsi terhadap agama (berasaskan agama)

Persepsi			
	Negatif	Positif	Keseluruhan
Kumpulan	n (%)	n (%)	n (%)
Agama			
Islam	9 (3.4)	257 (96.6)	266 (100)
Bukan islam	0 (0)	227 (100)	227 (100)
Buddha	0 (0)	80 (100)	80 (100)
Kristian	0 (0)	43 (100)	43 (100)
Hindu	0 (0)	72 (100)	72 (100)
Tao	0 (0)	11 (100)	11 (100)
Sikh	0 (0)	17 (100)	17 (100)
Etnik			
Melayu	9 (3.4)	252 (96.6)	267 (100)
Cina	0 (0)	102 (100)	104 (100)
India	0 (0)	102 (100)	104(100)
Lain-lain	0 (0)	24 (100)	25 (100)

Berbanding dengan kumpulan agama, majoriti Islam dan bukan Islam mempunyai persepsi yang positif iaitu hampir mencecah 100 di mana 96.6% responden beragama Islam mempunyai persepsi yang positif berbanding cuma 3.4% sahaja mempunyai persepsi yang negatif. Ini menunjukkan, masyarakat di Semenanjung

Malaysia mempunyai persepsi yang baik terhadap agama lain. Setiap item yang disoal mempunyai nilai positif yang baik.

Begitu juga dengan kumpulan etnik iaitu Melayu, Cina, India dan Lain-Lain, keseluruhannya semua kaum menunjukkan tahap persepsi yang positif iaitu lebih 95% daripada mereka menunjukkan skor yang positif. Ini juga menunjukkan kumpulan agama dan kaum mempunyai persepsi yang positif mengenai agama lain.


4.5 Tahap prejudis terhadap agama

Tahap prejudis responden meliputi tahap rendah, sederhana dan tinggi. Prejudis ini merujuk kepada elemen diskrimansi terhadap beberapa perkara yang ditanyakan kepada responden. (sila rujuk lampiran untuk contoh soalan muka surat = 48)

Jadual 4.5.1: Tahap prejudis responden terhadap agama

Tahap prejudis terhadap agama	n	(%)
Rendah	367	73.4
Sederhana	121	24.2
Tinggi	12	2.4
Purata	18.9	
SD	7.06	
Min	9	
Maks	50	

Rajah 4.5.1: Tahap Prejudis Terhadap Agama



Berdasarkan kepada Jadual 4.5.1 di atas, hasil kajian mendapati kebanyakan sikap prejudis masyarakat Semenanjung Malaysia ke atas agama adalah di tahap rendah. 73.4% daripada responden berada pada tahap prejudis yang rendah berbanding 24.2% pada tahap sederhana dan selebihnya prejudis yang tinggi.

Jadual 4.5.2: Tahap Prejudis terhadap agama (berdasarkan agama)

Kumpulan	Prejudis			
	Rendah n (%)	Sederhana n (%)	Tinggi n (%)	Keseluruhan n (%)
Agama				
Islam	166 (60.8)	95 (34.8)	12 (4.4)	273 (100)
Bukan Islam	190 (83.7)	37 (16.3)	0 (0)	227 (100)
Buddha	77 (93.9)	5 (6.1)	0 (0)	82 (100)
Kristian	41 (93.2)	3 (6.8)	0 (0)	44 (100)
Hindu	59 (80.8)	14 (19.2)	0 (0)	73 (100)
Tao	11 (100)	1 (9.1)	0 (0)	11 (100)
Sikh	13 (76.5)	4 (23.5)	0 (0)	17 (100)
Etnik				
Melayu	60 (22.5)	188 (70.4)	12 (7.1)	267 (100)
Cina	58 (55.8)	46 (44.2)	0 (0)	104 (100)
India	56 (53.8)	48 (46.2)	0 (0)	104 (100)
Lain-lain	17 (68)	8 (32)	0 (0)	25 (100)

Bagi kumpulan agama, majoriti Islam (60.8%) dan bukan Islam (93.2%) berada dalam tahap prejudis yang rendah. Dalam kalangan bukan Islam, kesemua penganut iaitu Buddha, Kristian, Hindu, Tao dan Sikh, masing-masing berada dalam tahap prejudis yang rendah iaitu lebih 75%. Berdasarkan kepada hasil ini, ini menunjukkan masih lagi masyarakat di Semenanjung Malaysia yang mempunyai nilai prejudis yang rendah walaupun sesetengah daripadanya tetap mempunyai prejudis.

Bagi kumpulan etnik pula, Melayu menunjukkan tahap prejudis yang sederhana berbanding Cina, India dan kaum lain yang menunjukkan prejudis yang rendah. Ini adalah kerana 70.4% orang Melayu mempunyai prejudis yang lebih tinggi berbanding 44.2% bagi Cina, 46.2% bagi India dan 32% bagi kaum lain-lain. Namun, jumlah ini masih dalam tahap yang membimbangkan dan besar.

4.6 Tahap Kepentingan Isu Agama

Jadual 4.6.1: Tahap kepentingan isu agama

Isu-isu agama	Agama					
	Islam n=273	Buddha n=82	Kristian n=44	Hindu n=73	Tao n=11	Sikh n=17
1. Isu penghinaan terhadap agama	2	1	2	2	1	3
2. Isu hak penjagaan anak	6	3	3	1	2	1
3. Isu tuntutan mayat	8	6	4	4	3	3

4. Isu Malaysia negara Islam atau Sekular	3	7	6	11	3	3
5. Isu tapak rumah ibadat	4	2	1	5	10	3
6. Isu hudud	5	4	9	8	5	1
7. Isu bidang kuasa Mahkamah	9	4	4	3	6	3
Sivil dan Mahkamah Syariah						
8. Isu kalimah Allah	1	11	11	8	8	3
9. Isu Bible Versi Bahasa Melayu	11	10	7	7	10	10
10. Isu pertukaran agama	7	8	8	10	6	11
11. Isu penyebaran agama lain	10	9	10	6	9	9

Kesedaran semasa tentang kepentingan isu agama merangkumi 11 isu yang diketengahkan dalam borang soal selidik. Isu-isu ini (mengikut majoriti keutamaan) menunjukkan kebanyakan agama meletakkan kesemua isu ini ke arah yang sangat penting.

Dapatan kajian menunjukkan isu-isu yang diberi kepentingan adalah isu penghinaan terhadap agama dimana majoriti agama menganggap isu ini adalah sangat penting berbanding isu penyebaran agama lain. Kebanyakan responden memberi maklum balas bahawa kesedaran mengenai isu agama adalah sangat penting iaitu 86.6%. Ini menunjukkan isu seperti yang disenaraikan dilihat sebagai perkara penting yang patut diketengahkan bagi semua kumpulan agama.

Berdasarkan kepada Jadual 4.6.1 di atas, bagi penganut agama Islam, Isu Kalimah Allah merupakan isu terpenting bagi mereka diikuti dengan isu penghinaan terhadap agama dan Isu Malaysia negara Islam atau Sekular. Bagi penganut Buddha dan Tao, isu penghinaan terhadap agama adalah penting bagi mereka diikuti dengan isu tapak rumah ibadat bagi penganut Buddha dan isu hak penjagaan anak bagi penganut agama Tao.


Bagi Penganut agama Kristian, isu tapak rumah ibadat merupakan isu penting bagi mereka diikuti dengan isu penghinaan terhadap agama manakala bagi penganut Sikh, isu hak penjagaan anak dan hudud masing-masing sangat penting bagi mereka.

Jadual 4.6.2: Darjah kepentingan isu agama

Pemboleh ubah	n	(%)
Darjah kepentingan isu semasa		
1 (sangat tidak penting)	1	0.2
2	15	3.0
3	80	16
4	154	30.8

5 (sangat penting)	238	47.6
Missing	12	
Purata	42.7	
S.d	9.56	
Min	11	
Maks	55	

Rajah 4.6.1: Tahap Kepentingan Isu Agama Semasa



Berdasarkan kepada tahap keseluruhan kepentingan isu semasa agama, majoriti responden menganggap kesemua sebelas isu agama semasa adalah sangat penting (darjah 4 dan 5) iaitu lebih 77% daripada jumlah responden. Namun, Cuma kurang 4% menganggap kesemua isu tersebut kurang penting.

4.7 Rumusan hasil kajian

Jadual 4.7: Rumusan hasil kajian

Objektif	Pembolehubah	Keputusan statistik & Huraian
Mengenalpasti tahap pengetahuan responden terhadap agama	Tahap pengetahuan asas responden	Tujuan pertama kajian ini adalah mengenalpasti tahap pengetahuan asas responden tentang agama. Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap agama adalah tinggi dengan 92.8%. Semua penganut agama mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (melebihi 90%) terhadap agama sendiri dan agama lain

Mengenalpasti persepsi responden terhadap agama	Persepsi mengenai agama	Tujuan kedua kajian ini adalah mengenalpasti persepsi responden terhadap agama. Hampir keseluruhan responden mempunyai persepsi yang amat positif (96%) terhadap semua agama. Persepsi penganut agama Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan Tao adalah amat positif iaitu 100% terhadap kesemua agama manakala 96% penganut agama Islam mempunyai persepsi yang positif terhadap agama yang lain.
Mengenalpasti tahap prejudis responden terhadap agama	Tahap prejudis terhadap agama	Tujuan ketiga kajian ini adalah mengenalpasti tahap prejudis responden terhadap agama. Secara keseluruhan 73.4% mempunyai tahap prejudis yang rendah. Sementara, 24.2% berada pada tahap prejudis yang sederhana.
Mengenalpasti tahap kepentingan isu agama di Malaysia	Tahap kepentingan isu agama	Tujuan keempat kajian ini untuk mengenalpasti pandangan responden terhadap tahap kepentingan isu agama di Malaysia. Sebelas isu telah dikenalpasti dan diutarakan kepada responden. Kajian mendapati bahawa hampir kesemua isu tersebut penting kepada responden. Walau bagaimanapun, darjah kepentingan isu-isu tersebut berbeza antara penganut agama.

RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Rumusan

- Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap agama adalah tinggi dengan 92.8%. Semua penganut agama mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (melebihi 90%) terhadap agama sendiri dan agama lain.
- Hampir keseluruhan responden mempunyai persepsi yang amat positif (96%) terhadap semua agama. Persepsi penganut agama Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan Tao adalah amat positif iaitu 100% terhadap kesemua agama manakala 96% penganut agama Islam mempunyai persepsi yang positif terhadap agama yang lain.
- Secara keseluruhan 73.4% mempunyai tahap prejudis yang rendah. Sementara, 24.2% berada pada tahap prejudis yang sederhana.
- Sebelas isu telah dikenalpasti dan diutarakan kepada responden yang telah diutarakan. Kajian mendapati bahawa hampir kesemua isu tersebut penting kepada responden. Walau bagaimanapun, darjah kepentingan isu-isu tersebut berbeza antara penganut agama.

5.2 Implikasi

Kajian ini mengesahkan bahawa isu agama masih merupakan isu sensitif Malaysia. Isu-isu ini amat mudah dimanipulasi oleh pelbagai pihak untuk kepentingan tertentu. Ini menyebabkan suhu hubungan antara agama di Malaysia sentiasa berdepan dengan pasang surutnya. Data yang diperolehi juga memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap sensitiviti isu-isu agama dalam masyarakat. Ini dapat menolak tanggapan yang berasaskan persepsi tentang kepentingan sesuatu isu agama yang berbangkit dalam masyarakat.

Kajian ini juga melihatkan bahawa masih terdapat jurang dalam hubungan antara agama yang ketara. Ini dapat dilihat dari sikap prejudis yang wujud dalam kalangan penganut agama. Jurang ini perlu dirapatkan. Selagi mana terdapat jurang pemisah dalam bentuk prejudis, khususnya dalam hubungan antara penganut, proses penyatuan dan integrasi pasti sukar dicapai.

Isu-isu ini di lihat juga sering di sensasikan oleh pihak penyebar maklumat termasuk media, pemimpin politik dan NGO sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat. Peranan media, pemimpin dan NGO serta pihak kerajaan sendiri perlu dalam membentuk nilai dalam keagamaan dari segi penyediaan maklumat, penyampaian dan perpaduan serta mendokong aspirasi negara.

5.3 Cadangan

1. Antara cadangan yang patut diutarakan adalah semua pihak termasuk kerajaan, komuniti, badan-badan organisasi dan individu itu sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk hubungan murni dalam masyarakat terutamanya apabila ianya melibatkan isu dan nilai agama. Walaubagaimanapun, bagi memupuk nilai tersebut, program-program keagamaan perlu diberi keutamaan dan tidak terlalu sensitif sehingga boleh menimbulkan sensitiviti orang atau agama lain.
2. Penyebaran maklumat yang tepat dan sahih oleh pihak media perlu diutamakan.
3. Memperbanyakkan dialog antara pemimpin dan juga badan keagamaan dalam memperbincangkan lagi isu semasa agama
4. Kajian akan datang perlu kepada melihat dengan lebih mendalam isu prejudis sebagai isu penting dalam masyarakat sekarang seperti yang diperlihatkan dalam dapatan kajian

RUJUKAN

Ahamad bin Rahim, Azwani bin Ismail, Abdul Razaq bin Ahmad, Zahara binti Azizi, Sharifah Nur Puteh. (2011). *Kurikulum Sejarah ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia*. *Jurnal Pendidikan dan Latihan*, 3(1):1-17.

Ahmad Bashir Aziz. (2004). *Nilai dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-agama di Malaysia*. *Kertas kerja dibentangkan di Seminar Nilai Dalam Komuniti (SIVIC) anjuran Jabatan Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia pada 4 hingga 5 September 2004*.

Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Ukm Bangi: Selangor.

Anon. (2010). *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia 2010*. http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215&lang=bm. Diakses pada 10 Jan 2013.

Anon. (2011). *Arkib 7/10/2011. Kampung Medan Perlu Pemantauan Setiap Hari*. *Harian Metro* bertarikh 7 Oktober 2011. Diakses pada 2 Feb 2013

Anuar Ahmad dan Nur Atiqah T. Abdullah. (2008). *Demografi Pendidikan di Malaysia. Kertas Kerja Kolokium Identiti, Etnisiti dan Pendidikan*. Anjuran bersama Kumpulan Penyelidik Hubungan Etnik dan Pendidikan, Fakulti Pendidikan dan Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.

Auni Abdullah. (1991). *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Badrul Azmeir Mohamed @ Bakar, Mujibu Abdul Muis dan Zaliha Hj. Hussin. (2010). *Sejauh Mana Peranan Agama Dalam Politik Malaysia*. *Kertas kerja di Seminar on National Resilience, Political Managements and Policies in Malaysia*.

BERNAMA. (2009). *Kementerian Pandang Serius Isu Jejas Keharmonian*. *Arkib Utusan Malaysia* bertarikh 3 September 2009. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0903&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_19.htm. Diakses pada 16 Disember 2012.

Comber. L. (2001). *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, 2nd ed. Singapore: Graham Brash.

Kamariah Ahmad dan Nor Zainah Nordin. (2007). *Rayuan Lina Joy Ditolak-Mahkamah Persekutuan Putuskan Perkataan Islam Kekal Dalam MyKad*. *Arkib Utusan Malaysia* bertarikh 31 Mei 2007. Diakses di http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=053&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_hadapan&pg=mh_01.htm pada 8 Januari 2013.

Kamaruddin M. Said. (2002). *Anomie, Etnisiti, Jarak Sosial, dan Jenayah Benci: Analisis Sosiologikal Peristiwa Pergaduhan Beramai-Ramai di Petaling Jaya Selatan*. In *Keluarga, gender dan cabaran sosial di Malaysia*, ed. Lukman Z. Mohamad. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). *Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.

Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). *Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam*. *Jurnal Kajian Malaysia*, 29 (1) 1-28. Penerbit Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan. 2006-2010*. Kuala Lumpur. Unit Perancangan Ekonomi.

Mohd Amar Ibrahim, Hazri Jamil & Najeemah Mohd Yusof. (2013). *Prejudis dan Jurnal Perpaduan* | 197

Stereotaip dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Proceeding of the Global Summit on Education 2013*. Kuala Lumpur.

Mohd Farhan Darwis. 21 Feb (2012). "Pak Lah: Garis panduan interaksi agama sangat perlu". Diakses di <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pak-lah-garis-panduan-interaksi-agama-sangat-perlu> pada 11 Oktober 2012.

Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamaddun*. 6, 107-121.

Osman Bakar. (2006). *Dialog Antara Agama di Malaysia: Satu Pertimbangan*. Kertas ini dibentangkan dalam syarahan umum di Majlis Syarahan & Diskusi anjuran IKD-KAF anjuran Institut Kajian Dasar di Petaling Jaya pada 15hb Disember 2006.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal. (2011). *Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek di Malaysia*. *Kajian Malaysia*, 29 (2), 91-110.

S. Pate, Gleen. (1980). *Research on Prejudice Reduction*. Diakses 26 Mei 2013. *Jurnal artikel Educational Leadership*, 34 (4), 288-291. Association for Supervision and Curriculum Development. Chicago.

Shad Saleem Faruqi. (2008). *Document of Destiny The Constitution of the Federation of Malaysia*. Kuala Lumpur: Star Publication.

Shamrahayu A. Aziz. Berita Harian ed. (18 Januari 2011). "Isu Azan, Arak Merugikan Hubungan Antara Agama". http://w1.bharian.com.my/bharian/articles/Isuazan_arakmerugikanhubunganantaraagama/Article. Diakses pada 8 Januari 2013.

Utusan Harian. (3 September 2009). "Kepala Lembu Protesterhadap Kerajaan Negeri" http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0903&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm. Diakses pada 8 Januari 2013.

Yusri Mohamad. (2010). *Ancaman Pluralisme Agama di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Kertas kerja dibentangkan semasa Wacana Membanteras Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah pada 17 Disember 2010.

Zainul Rijal Abu Bakar. (2010). "Kedudukan Islam" http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20120913/ba_01/Kedudukan-Islam. Diakses pada 10 Mac 2013.

Zawanah Muhammad, Hj. Munir Hj. Md. Salleh dan Abdul Muhaimin Mahmood. (2008). *Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pentadbiran Hal Ehwal Islami di Malaysia: Cabaran Semasa dan Perancangan Masa Hadapan. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur pada 6 hingga 7 Ogos 2008.

Zulkifli Hasan. (2012). *Memahami Isu Islamofobia: Antara Persepsi dan Realiti*. Bengkel Kefahaman Islamofobia oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) di Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 22 Mac 2012.

Harian Metro. (7 Oktober 2010). *Kampung Medan Perlu Pemantauan Setiap Hari*. http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/KampungMedanperlupemantauansetiaphari/Article/index_html. Diakses pada 16 Disember 2012.

Kosmo. (5 Mac 2012). *Pergaduhan Kampung Medan: 7 Gagal Rayu*. http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0305&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_21.htm. Diakses pada 5 Mac 2013.

Sapora Sipon. (23 September 2008). *Membuang Rasa Prejudis*. Diakses 26 Julai 2013. <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/handle/123456789/1575/23%20September%202008%20-%20RENCANA%20%2811%29.pdf?sequence=1>

